# Laporan Tahunan 2019

## PERBADANAN PUTRAJAYA



# ISI KANDUNGAN


## PERUTUSAN

Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan 001
Perutusan Presiden Perbadanan Putrajaya 002

## MAKLUMAT KORPORAT

Visi 005
Misi 005
Nilai-Nilai Bersama 005
Dasar Kualiti 005
Carta Organisasi Perbadanan Putrajaya 006
Anggota Perbadanan Putrajaya 007
Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya 008
Pengurusan Tertinggi Perbadanan Putrajaya 009
Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya 010
Alamat Pejabat Yang Berdaftar 010

## LATAR BELAKANG PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)

Penubuhan Perbadanan Putrajaya 013
Fungsi Perbadanan Putrajaya 013
Aktiviti Utama Mengikut Jabatan: 013
- Pejabat Setiausaha Perbadanan/ Jabatan Undang-Undang 013
- Jabatan Audit Dalam dan Kualiti Asurans 014
- Jabatan Perkhidmatan Korporat 014
- Jabatan Perkhidmatan Bandar 015
- Jabatan Perancangan Bandar 015
- Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan 016
- Jabatan Landskap Dan Taman 016
- Jabatan Kewangan 017

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN 019

## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN 025

## PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR

Perancangan dan Bangunan 029
Projek Perumahan Penjawat Awam (PPAM) Putrajaya 032
Rancangan Struktur Putrajaya 2025 033
Rancangan Tempatan 034
Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya 035
Program Bandar Selamat 039
Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya 040
Pengurusan Alam Sekitar Putrajaya 042
Pengurusan Tasik dan Wetland 044
Inisiatif Reka Bentuk Sejagat dan Pengauditan Akses 049
Projek Khas 051

## PENGURUSAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR

Pengurusan Projek Pembangunan 057
Pengurusan Projek Pembangunan Infrastruktur 060
Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan dan Bangunan Kemudahan Awam 068

## PERKHIDMATAN PERBANDARAN

Smart City 073
Sewaan & Pelesenan Perniagaan 078
Merinyu Pelesenan 082
Kutipan Hasil & Sewaan 084
Pengurusan Keselamatan dan Kebersihan Makanan 086
Kawalan Vektor dan Penyakit Berjangkit 088
Kawalan Kacau Ganggu dan Persekitaran 089
Program Bersepadu Kitar Semula Putrajaya 089

## PELANCONGAN, PENGANJURAN ACARA DAN PROGRAM KESENIAN

Pelancongan Putrajaya 095
Inisiatif Baharu Pelancongan Putrajaya 095
Penganjuran Acara di Putrajaya 096
Persembahan Kesenian dan Kebudayaan Precinctnotes 099

## PENGURUSAN LANDSKAP DAN TAMAN

Program Membina Hijau 103
Program Pertanian Bandar Putrajaya (*Putrajaya Urban Farming*) 105
Pengurusan Konservasi Fauna 108
Kajian Inventori dan Pengurusan Hidupan Liar 110
Data Pengunjung dan Kutipan Hasil 111
Program dan Aktiviti Taman-Taman Awam 112
Penyelenggaraan dan Kawalan Landskap 116

## PENGURUSAN PELANGGAN

Pengurusan Aduan Awam 127
Pengurusan Kaunter Perkhidmatan 128
Pengurusan Media 128
Pengurusan Media Sosial 130
Pengurusan Lawatan Rasmi 131
Pengurusan Permohonan Penggambaran di Putrajaya 131

## PEMBANGUNAN KOMUNITI

Program Pembangunan Komuniti 133
Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) 138
Sukan Komuniti 141




## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

Pencapaian Berdasarkan Program Utama PPj 145
Pencapaian Piagam Pelanggan 146
Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 147
Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) 148
Pengurusan Sumber Manusia 149
Pelaksanaan Program Integriti 153
Pengurusan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) 153
Pengurusan Audit dan Kualiti Asurans 155
Pengurusan Risiko 156
Pengurusan Keselamatan Aset 157
Program Pegawai Muda 159

## PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

Khidmat Perundangan 163
Kontrak 163
Gubalan 163
Pendakwaan 163
Pengendalian Rayuan Kompaun 163
Litigasi Sivil 163
Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya 163

## PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET

Penilaian Untuk Maksud Cukai Taksiran 171
Penilaian Untuk Maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK) 171
Pengurusan Mendapatkan Kembali Tunggakan Cukai Taksiran 172
Pengurusan dan Perakaunan Aset 172
Aset Alih Milik Perbadanan Putrajaya 172
Pesuruhjaya Bangunan (COB) 173

## PRESTASI ANAK SYARIKAT

Putrajaya Leisures & Services Group Sdn Bhd 179
Fasiliti dan Logistik Acara 180
Data Pengunjung 182

## PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT

Sijil Ketua Audit Negara 185
Penyata Kedudukan Kewangan 191
Penyata Pendapatan Komprehensif 192
Penyata Perubahan Ekuiti 193
Penyata Aliran Tunai 195
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan 196




# PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN







Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Putrajaya (PPj) yang secara keseluruhannya telah menghasilkan pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2019. Dengan izin-Nya, segala kejayaan yang diperolehi adalah hasil usaha gigih seluruh warga PPj serta kerjasama dan sokongan daripada semua pihak.

Dengan status Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, pencapaian PPj sudah tentunya bukan sahaja diberi perhatian oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), malah setiap pemegang taruh khususnya Kerajaan Pusat serta segenap lapisan rakyat, bahkan juga di mata dunia. Justeru PPj perlu terus menjadi contoh bukan sahaja kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di dalam negara, malah kepada *city councils* di luar negara dengan menjadikan pengurusan perbandaran bandar raya - bandar raya utama dunia sebagai penanda aras.

Pencapaian dan kejayaan yang membanggakan perlulah dikekalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa. Penerapan Nilai-Nilai Bersama PPj termasuk semangat kerja berpasukan, berintegriti serta prihatin dan mengutamakan pelanggan yang sememangnya sedia wujud dalam kalangan warga PPj harus diteruskan dan dipertingkatkan dalam segala aspek tugasan ke arah mencapai kecemerlangan dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Insya-Allah, dengan penggemblengan usaha dan kerjasama padu yang berterusan daripada semua pihak, saya percaya PPj akan dapat memantapkan lagi pencapaian visinya – Ke Arah Putrajaya Mampan 2020, sekali gus menjayakan Visi KWP – Peneraju Ke Arah Menjadikan Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera Menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.

**DATUK HAJAH ROSIDA BINTI JAAFAR**
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan

# PERUTUSAN PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA




Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Malaysia Negaraku
dan Salam Wilayahku Ceria.

Tahun 2019 merupakan tahun yang penuh mencabar bagi Perbadanan Putrajaya (PPj), apatah lagi ia merupakan tahun-tahun terakhir dalam memantapkan pencapaian Visi PPj - Ke arah Putrajaya Mampan 2020. Alhamdulillah, berkat usaha gigih seluruh warga kerja PPj dengan berpegang teguh kepada misi iaitu 'Menerajui Perancangan Pembangunan Dan Perkhidmatan Perbandaran Untuk Kesejahteraan Putrajaya Melalui Tadbir Urus Cekap Dan Berkesan', PPj bukan sahaja berjaya mengharungi pelbagai cabaran malah telah melakar susunan pencapaian yang amat membanggakan.

Pada kesempatan ini saya ingin merumuskan beberapa pencapaian, khususnya yang menjadi kejayaan hasil kerja keras seluruh warga kerja PPj serta kerjasama padu dengan pelbagai Jabatan/ Kementerian serta rakan-rakan strategik.

Pertamanya ialah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi *Ministerial Key Result Area* (MKRA); PPj telah mencapai 100% sasaran KPI bagi program yang diletakkan di bawah MKRA iaitu Peningkatan Keselamatan Awam di Wilayah Persekutuan (3 KPI), Pembangunan Persekitaran Kondusif Untuk Pembangunan Bandar Mampan (1 KPI) dan Bandar Raya Rendah Karbon (1 KPI). Bagi KPI utama PPj pula, hampir keseluruhan daripada 15 KPI yang disenaraikan telah mencapai skor 100%, malah ada di antaranya yang melebihi skor KPI yang disasarkan.

Aspek piagam pelanggan juga mencatatkan pencapaian 100% bagi kesemua 46 piagam pelanggan PPj yang digariskan di bawah beberapa aktiviti utama, antaranya pengurusan aduan, permohonan penyewaan, permohonan perancangan dan pembangunan, kerja-kerja penyenggaraan, permohonan lesen serta pembayaran.

Dengan menerapkan kata-kata semangat 'Putrajaya Luar Biasa', tiga Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang mewakili PPj iaitu OSCEXPERT, X-10 dan K-MAX telah mengharumkan lagi nama PPj dengan mengungguli pelbagai kejayaan, antaranya kemenangan Anugerah (5 Bintang) oleh ketiga-tiga kumpulan tersebut dalam Pertandingan Team Excellence Peringkat Kebangsaan dengan OSCXPERT dinobatkan sebagai Johan Kategori Sektor Awam Negeri.

Sinonim dengan imej Bandar Hijau, Putrajaya terus mengukuhkan keunggulannya dengan menerima beberapa lagi pengiktirafan termasuk dua (2) anugerah bersempena Hari Landskap Negara 2019 apabila PPj memenangi kategori Inisiatif Negara Taman Terindah, manakala *Putrajaya Urban Farming* pula meraih tempat pertama bagi kategori Inisiatif Landskap Komuniti Terindah.

Malaysian Institute of Planners (MIP) MyPlace Awards 2019 juga menganugerahkan dua (2) pengiktirafan kepada PPj iaitu Anugerah Platinum bagi kategori Bandaraya & Bandar menerusi Taman Saujana Hijau dan Anugerah Perak bagi kategori Pertanian Bandar menerusi *Putrajaya Urban Farming*. Manakala dalam Low Carbon Cities 2030 Challenge, Putrajaya turut menerima dua (2) Diamond Recognition iaitu untuk Kompleks PPj dan Kawasan Presint 1.

Dalam aspek pelancongan, Putrajaya melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MoTAC) telah dicalonkan dalam ASEAN Tourism Standard Awards dan telah dianugerahkan ASEAN Clean Tourist City Standard bagi tahun 2018–2020. Saya yakin kriteria serta indikator-indikator yang ditetapkan akan dipertahankan bagi tahun 2020–2022. Sementara itu, Taman Botani Putrajaya juga telah memperoleh pengiktirafan Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) bagi kategori taman daripada MoTAC yang menjadi suntikan semangat kepada PPj dalam usaha mengukuhkan lagi Putrajaya sebagai destinasi pelancongan terunggul negara.

Ke arah menjadikan Putrajaya sebuah Bandar Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2025, suatu yang boleh dibanggakan apabila PPj telah berjaya memulakan sebanyak 30 daripada 93 inisiatif atau bersamaan 32% inisiatif yang digariskan di dalam Putrajaya *Smart City Blueprint* walaupun hanya baru setahun jagung dilancarkan iaitu pada tahun 2018. Daripada tujuh (7) domain utama, domain *Smart Government & Services* mendahului dari segi pencapaian pelaksanaannya iaitu 73% manakala pencapaian bagi domain selainnya ialah *Smart Infrastructure & Utilities* (38%), *Smart Home & Environment* (33%), *Smart Safety & Security* (30%), *Smart Transportation & Mobility* (24%), *Smart Economy* (22%) dan *Smart Community* (15%).



Saya percaya, semua pengiktirafan dan pencapaian PPj sepanjang 2019, yang sebahagiannya sahaja dinyatakan di sini, merupakan antara petunjuk bahawa visi Ke Arah Putrajaya Mampan 2020 telahpun tercapai hasil daripada usaha yang berterusan sejak peringkat awal pembangunan Putrajaya. Namun, usaha perlu dilipatgandakan bagi mengukuh dan memantapkan lagi segala pencapaiannya.

Melangkah ke tahun 2020, PPj perlu bersedia untuk menempuh pelbagai lagi cabaran, apatah lagi dunia dikejutkan dengan wabak COVID-19 yang menular pantas ke seluruh negara China bermula November 2019, dan tidak mustahil akan mewujudkan krisis global yang memberi kesan khususnya dalam aspek sosial, ekonomi dan kesihatan.

Tahun 2020 juga bakal mencoret sejarah bagi Putrajaya yang akan menyambut ulang tahun Jubli Perak (25 tahun) Putrajaya sejak penubuhannya pada 29 Ogos 1995. Oleh itu, marilah kita meneruskan usaha ke arah memberikan perkhidmatan yang cemerlang serta melakar lebih banyak pengiktirafan bukan sahaja pada peringkat tempatan tetapi juga antarabangsa sebagai hadiah bermakna sempena Sambutan Jubli Perak Putrajaya.

Pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, seluruh warga PPj, komuniti Putrajaya serta semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan segala strategi dan program PPj sepanjang tahun 2019.

'PUTRAJAYA LUAR BIASA'

**DATUK DR. AMINUDDIN BIN HASSIM**
Presiden Perbadanan Putrajaya



# MAKLUMAT KORPORAT

# VISI

Ke arah Putrajaya Mampan 2020



# MISI

Menerajui Perancangan Pembangunan dan Perkhidmatan Perbandaran Untuk Kesejahteraan Putrajaya Melalui Tadbir Urus Cekap dan Berkesan

## Nilai-Nilai Bersama

- Kami mengutamakan pelanggan dan komited untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti
- Kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilaksanakan
- Kami bekerja dalam satu pasukan bagi menjana kebolehan dan keupayaan bersama
- Kami mendukung dan mengamalkan integriti pada setiap masa
- Kami prihatin kepada komuniti dan alam sekitar

## Dasar Kualiti

- Membina Organisasi Yang Berprestasi Tinggi, Cekap, Mesra Pelanggan Dan Mengamalkan Tahap Tadbir Urus Dan Integriti Yang Sangat Baik

# CARTA ORGANISASI PERBADANAN PUTRAJAYA



# ANGGOTA PERBADANAN PUTRAJAYA

Anggota Perbadanan Putrajaya terdiri daripada:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Presiden Perbadanan Putrajaya yang bertindak sebagai Pengerusi | **3** orang wakil Kerajaan Persekutuan | **2** orang wakil Kerajaan Negeri Selangor | **2** orang wakil swasta |



Pengerusi

**YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim**



Wakil Negeri Selangor

**YAD Tengku Seri Wangsa DiRaja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahruddin Shah Alhaj**



Wakil Negeri Selangor

**YDH Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi**



Wakil Kerajaan Persekutuan

**YBrs. Tuan Haji Syed Nasir bin Syed Ahmad**

(1.9.2018 – 1.3.2019)
(Kementerian Kewangan)



Wakil Kerajaan Persekutuan

**YBrs. Encik Zuraidi bin Husain**

(15.8.2019 – 16.3.2020)
(Kementerian Kewangan)



Wakil Kerajaan Persekutuan

**YBhg. Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussen**

(Kementerian Hal Ehwal Ekonomi)



Wakil Kerajaan Persekutuan

**YBrs. Encik Zulkefli bin Mohd Nani**

(Kementerian Wilayah Persekutuan)



Wakil Swasta

**YBhg. Dato' Dr. Samsu Adabi bin Haji Mamat**



Wakil Swasta

**YBrs. Encik Zaharuddin bin Saidon**

Komposisi tersebut adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 5(1) Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [***Akta 536***]. Senarai Anggota Perbadanan Putrajaya sepanjang tahun 2019 adalah sebagaimana yang berikut:

| Bil. | Agensi | Anggota | Tempoh Lantikan |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengerusi Perbadanan | YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim | 1.8.2018 – 30.9.2020 |
| 2. | Wakil Negeri Selangor | YAD Tengku Seri Wangsa DiRaja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahruddin Shah Alhaj | 12.6.2019 – 11.6.2022 |
| 3. | Wakil Negeri Selangor | YDH Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi | 12.6.2019 – 11.6.2022 |
| 4. | Wakil Kerajaan Persekutuan | YBrs. Tuan Haji Syed Nasir bin Syed Ahmad<br>YBrs. Encik Zuraidi bin Husain (Kementerian Kewangan Malaysia) | 1.9.2018 – 1.3.2019<br>15.8.2019 – 16.3.2020 |
| 5. | Wakil Kerajaan Persekutuan | YBrs. Encik Zulkefli bin Mohd Nani<br>(Kementerian Wilayah Persekutuan) | 4.2.2020 – 29.2.2020 |
| 6. | Wakil Kerajaan Persekutuan | Y.Bhg. Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussen<br>(Kementerian Hal Ehwal Ekonomi) | 31.7.2019 – 30.7.2022 |
| 7. | Wakil Swasta | YBhg. Dato' Dr. Samsu Adabi bin Haji Mamat | 1.10.2018 – 22.6.2020 |
| 8. | Wakil Swasta | YBrs. Encik Zaharuddin bin Saidon | 1.3.2019 – 22.6.2020 |

# MESYUARAT ANGGOTA PERBADANAN PUTRAJAYA

Perbadanan telah mengendalikan 6 kali Mesyuarat Anggota Perbadanan dan 2 kali Resolusi seperti yang berikut:

**Bilangan Mesyuarat Anggota**

| Bil. Mesyuarat | Tarikh |
|---|---|
| 1 Tahun 2019 | 14 Mac 2019 |
| 2 Tahun 2019 | 7 Mei 2019 |
| 3 Tahun 2019 | 25 Jun 2019 |
| 4 Tahun 2019 | 20 Ogos 2019 |
| 5 Tahun 2019 | 22 Oktober 2019 |
| 6 Tahun 2019 | 17 Disember 2019 |

**Bilangan Resolusi**

| Bil. Resolusi | Tarikh |
|---|---|
| 1 Tahun 2019 | 29 April 2019 |
| 2 Tahun 2019 | 30 Mei 2019 |

# PENGURUSAN TERTINGGI PERBADANAN PUTRAJAYA

| Bil | Gambar | Nama | Jawatan Dan Gred / Status Jawatan | Tarikh Penempatan Terkini | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 |  | **YBhg. Datuk. Dr. Aminuddin bin Hassim** | Presiden Perbadanan Putrajaya<br>Gred Turus III (Terbuka) | 01.10.2018 | Pinjaman masuk:<br>01.10.2018 - 30.09.2020 |
| 2 |  | **YBhg.Dato' Rogaizat Bin Abdullah** | Naib Presiden,<br>Akauntan Gred Utama C<br>Jabatan Audit dan Kualiti Asurans | 21.05.2018 | |
| 3 |  | **YBhg. Datuk TPr. Azizi Bin Ahmad Termizi** | Naib Presiden,<br>Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred Utama C,<br>Jabatan Perkhidmatan Bandar | 15.04.2016 | Dipinjamkan ke KWP.<br>09.05.2011 - 08.05.2016.<br><br>Tamat pinjaman di KWP pada 09.05.2016. |
| 4 |  | **YBhg. Datuk LAr. Baharuddin Bin Aziz** | Naib Presiden,<br>Arkitek Landskap Gred Utama C<br>Jabatan Landskap dan Taman | 09.02.2015 | |
| 5 |  | **YBhg. Dato' Fadlun Bin Mak Ujud** | Naib Presiden,<br>Pegawai Perancang Bandar & Desa Gred Utama C,<br>Jabatan Perancangan Bandar | 17.03.2014 | |
| 6 |  | **YBhg. Dato' Iskandar Ali Bin Dewa** | Naib Presiden,<br>Setiausaha Perbadanan Putrajaya Gred Utama C,<br>Jabatan Undang-Undang | 01.11.2018 | Pinjaman masuk / Arahan Pertukaran ke PPj : 01.11.2018 |

| Bil | Gambar | Nama | Jawatan Dan Gred / Status Jawatan | Tarikh Penempatan Terkini | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| 7 |  | **Tn. Hj. Ir. Ab Rahim Bin Md Junoh** | Naib Presiden /Jurutera, Gred J54, (Memangku Gred Utama C) Pejabat Naib Presiden, Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan. | 24.06.2019 | Pinjaman keluar ke Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Bhd.: 01.01.2013 - 31.01.2018. Tamat pinjaman keluar : 01.02.2018 Memangku Gred Utama C : 24.06.2019 |
| 8 |  | **En. Kamaruddin bin Dolmat** | Naib Presiden, Pegawai Tadbir Gred N54, Pejabat Naib Presiden, Jabatan Perkhidmatan Korporat | 21.05.2018 | |
| 9 |  | **Tn. Hj. Nik Shukri bin Nik Soh** | Naib Presiden/ Akauntan Gred WA54, Pejabat Naib Presiden, Jabatan Kewangan | 06.08.2006 | |

# JAWATANKUASA AUDIT PERBADANAN PUTRAJAYA

Senarai keahlian Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya (JAPPj) untuk tahun 2019 adalah seperti berikut:




**ALAMAT PEJABAT YANG BERDAFTAR**

Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, No. 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya






# LATAR BELAKANG PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)

# LATAR BELAKANG PERBADANAN PUTRAJAYA

## PENUBUHAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 1996. Tujuan penubuhan Perbadanan Putrajaya adalah untuk mengurus dan mentadbir Wilayah Persekutuan Putrajaya.

## FUNGSI PERBADANAN PUTRAJAYA

Fungsi Perbadanan Putrajaya sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 4 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536] merangkumi perkara-perkara seperti yang berikut:

**A**



Melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya

**B**



Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya

**C**



Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersil, pembangunan infrastruktur serta pembangunan tempat tinggal di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya

**D**



Mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya

## AKTIVITI UTAMA MENGIKUT JABATAN:

### PEJABAT SETIAUSAHA PERBADANAN/JABATAN UNDANG-UNDANG

- Memberi khidmat kesetiausahaan kepada Anggota Perbadanan Putrajaya termasuk menyediakan dan menyemak kertas-kertas mesyuarat yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya.
- Memberi nasihat undang-undang berkenaan perkara yang dirujuk oleh Perbadanan Putrajaya dan perkara yang berkaitan anak-anak syarikat milik Perbadanan Putrajaya.
- Membuat penyelidikan undang-undang.
- Mengkaji, menyemak dan mendraf dokumen undang-undang bagi memastikan kepentingan Perbadanan Putrajaya dilindungi (seperti dokumen perjanjian, memorandum persefahaman, Tender, *Request for Proposal* (RFP) dan sebut harga).
- Menggubal rang undang-undang prinsipal dan undang-undang subsidiari.
- Meminda dan mengubah suai undang-undang sedia ada.
- Menyediakan kes dan menjalankan pendakwaan di mahkamah.
- Mengendalikan rayuan kompaun; dan
- Menyelaras pengendalian kes guaman sivil di mahkamah dan timbang tara.

**JABATAN AUDIT DAN KUALITI ASURANS**

- Menyediakan Rancangan Audit Tahunan (RAT) untuk kelulusan Presiden dan Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya.
- Mengkaji tahap pematuhan kepada dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang sedang berkuatkuasa.
- Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi.
- Memastikan aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.
- Menilai penjimatan, kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber-sumber Perbadanan Putrajaya.
- Mengkaji sama ada aktiviti Perbadanan Putrajaya diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.
- Mengenal pasti masalah dan mengesyorkan langkah-langkah mengatasinya.
- Memberi nasihat/pandangan terhadap semua aspek pengurusan dan pembangunan termasuk ICT.
- Menentukan keberkesanan data pengurusan Perbadanan Putrajaya.
- Melaporkan hasil pengauditan kepada Presiden dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan.
- Membentangkan Laporan Audit Dalam di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya.
- Mengurus pengauditan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001).
- Merancang dan menyelaras pengurusan risiko.
- Membangunkan dasar pengurusan kesinambungan perkhidmatan (BCM).

**JABATAN PERKHIDMATAN KORPORAT**

- Menyediakan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya dan memantau pencapaian pelan berkenaan.
- Mengurus pencapaian KPI Presiden dan KPI Kementerian Wilayah Persekutuan.
- Mengurus pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang PBT.
- Mengurus dan melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015.
- Menyelaras program inovasi Perbadanan Putrajaya.
- Merancang dan menyediakan dasar serta prosedur perjawatan dan pengurusan sumber manusia Perbadanan Putrajaya.
- Merancang dan melaksanakan kemajuan kerjaya dan pembangunan sumber manusia Perbadanan Putrajaya.
- Merancang dan melaksanakan pengambilan, penempatan, pertukaran pegawai, kenaikan pangkat dan penamatan pegawai Perbadanan Putrajaya.
- Menguruskan maklumat perkhidmatan, emolumen, saraan, faedah, ganjaran serta kebajikan pegawai Perbadanan Putrajaya.
- Pembangunan Pelan Strategik ICT Perbadanan Putrajaya dan memantau pencapaian pelaksanaan Pelan Pembangunan Inisiatif ICT.
- Mereka bentuk, membangun dan menyelenggara sistem-sistem atau aplikasi mengikut fungsi-fungsi utama Perbadanan Putrajaya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Pengurusan Keselamatan ICT iaitu perkhidmatan *Backup/ Data Recovery Center (DRC)* di Presint 14, *Firewall, Intruder Detection System, Anti-virus,* ISO 27001:2013 (ISMS) serta Dasar Keselamatan ICT.
- Menguruskan Perhubungan Awam dan Media.
- Menguruskan dan menganjurkan majlis dan acara rasmi.
- Menguruskan lawatan dan aktiviti penggambaran.
- Menguruskan promosi pelancongan dan publisiti berkaitan dengan Putrajaya.
- Menguruskan aduan dan khidmat pelanggan.
- Menguruskan kombo Perbadanan Putrajaya dan pelbagai program-program kesenian dan kebudayaan.
- Mengurus hal-ehwal pengurusan Kompleks Perbadanan Putrajaya, Kompleks Pejabat Kedutaan Presint 15 dan Pangsapuri Perbadanan Putrajaya Presint 11 merangkumi aspek kebersihan, keceriaan, keselamatan dan penyelenggaraan.
- Merancang, mengurus dan mengawal selia pelbagai aktiviti yang meliputi pentadbiran am, aset, prasarana, perkhidmatan keselamatan dan kenderaan pejabat.
- Mengurus hal-ehwal kenderaan dan pengangkutan merangkumi aspek perolehan, tempahan, penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan pejabat, pembaharuan cukai jalan serta pengeluaran waran penerbangan.
- Merancang, mengurus, mereka bentuk, memudah cara dan memantau serta menilai inisiatif dan teknologi *smart city* yang diaplikasikan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya berdasarkan *Blueprint Smart* Putrajaya.
- Merancang serta menguruskan hal-hal berkaitan integriti pegawai Perbadanan Putrajaya.

**JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR**

- Menjalankan fungsi-fungsi penguatkuasaan dalam menguatkuasakan undang-undang, peraturan, garis panduan dan undang-undang kecil semasa serta membenteras kelakuan kurang sopan, kegiatan perjudian, laku musnah dan penyalahgunaan kemudahan awam.
- Melaksanakan aktiviti advokasi keselamatan jalan raya kepada komuniti Putrajaya selaras dengan matlamat Sifar Kemalangan Maut Jalan Raya.
- Menggalakkan aktiviti perniagaan dan komersial di Putrajaya.
- Memproses permohonan lesen-lesen Penjaja, Premis Perniagaan, Papan Tanda Perniagaan, Iklan Sementara dan Kafe Luaran di dalam Putrajaya.
- Mengurus permohonan serta pelantikan pengusaha/ operator premis perniagaan dan memantau operasi dari segi kebersihan dan penyenggaraan.
- Merancang, melaksana, mentadbir dan menilai dasar, peraturan dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat serta perkhidmatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan mengurus dasar, garis panduan dan proses yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran operasi perkhidmatan kemudahan masyarakat seperti Kompleks Kejiranan, Pusat Pembelajaran Kejiranan, Tanah Perkuburan serta kemudahan dan peralatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan melaksanakan dasar, peraturan serta aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan sukan dan rekreasi serta perkhidmatan kemudahan yang berkaitan dengannya.
- Memantau kerja-kerja pembersihan (pungutan sampah berjadual, pemotongan rumput, sapuan jalan dan pembersihan perparitan).
- Melaksanakan program dan aktiviti kitar semula.
- Mengawal kebersihan dan menjalankan penggredan premis makanan; dan
- Menjalankan kawalan vektor nyamuk serta kawalan kacau ganggu anjing dan kucing liar.

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR**

- Memproses permohonan pelan-pelan pemajuan:
  - » Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan
  - » Kelulusan Kebenaran Merancang Susun Atur
  - » Kelulusan Mendirikan Bangunan
  - » Kelulusan Pelan Kerja Tanah
  - » Kelulusan Pelan Jalan dan Perparitan
- Menguruskan permohonan melalui Pusat Setempat (OSC).
- Kawalan Perancangan Reka Bentuk Bandar dan memproses permohonan permit bangunan.
- Perlaksanaan Pembangunan Pusat Tahfiz Putrajaya dan Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya.
- Pengurusan Operasi Tadika Islam MAIWP Sulaimaniyyah Presint 18, Putrajaya.
- Menyelaras pelaksanaan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di kawasan Putrajaya.
  - » Perancangan pembangunan sehingga penyerahan pemilikan kosong mengikut jadual
  - » Pemantauan dan penguatkuasaan projek
  - » Pengurusan tawaran unit, rayuan dan aduan pembeli
  - » Menyelaraskan tuntutan dana mudah cara pemaju
- Menyelaras perlaksanaan program-program Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya.
- Menyediakan Rancangan Struktur Putrajaya 2025 (RSP 2025), Rancangan Tempatan Putrajaya dan lain-lain Penyelidikan Perancangan.
- Menyelaras pelaksanaan Inisiatif Karbon Rendah Bandar Hijau Putrajaya bagi mencapai PGC 2025.
- Perancangan dan pengawasan alam sekitar melalui melalui Pelaksanaan Sistem Kawalan Punca Pencemaran Alam Sekitar (SKPPAS) dan Promosi Kesedaran Alam Sekitar.
- Perancangan, pengawasan dan promosi kesedaran alam sekitar, tasik dan wetland.
- Mengenakan syarat dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan menjalankan Penguatkuasaan Alam Sekitar.
- Perlaksanaan Sistem Pemantauan dan Pengurusan Tasik dan Wetland Putrajaya *(Putrajaya Lake & Wetland Management And Monitoring System) PLWMOS*.
- Mengurus Tasik dan Wetland Putrajaya dari aspek perancangan dan pembangunan meliputi kawasan persiaran, pengurusan kawalan tadahan, kawasan persisiran, pembangunan kemudahan awam serta infrastruktur yang berkitan dengan aktiviti tasik.
- Mengawasi operasi penyelenggaraan dan aktiviti di tasik dan wetland termasuk pengawasan kualiti air dan biologi, tumbuhan wetland, burung dan ikan.
- Perlaksanaan inisiatif-inisiatif Bangunan Hijau *(Green Building)* di Putrajaya.
- Perlaksanaan Inisiatif Reka Bentuk Sejagat.
- Menjalankan kerja-kerja Inspektorat Bangunan (Penguatkuasaan dan Pemantauan).

**JABATAN KEJURUTERAAN DAN PENYELENGGARAAN**

- Mengurus, menyelaras serta melaksanakan kerja operasi dan penyelenggaraan serta penambahbaikan pada jalan (termasuk infrastruktur di dalam rezab jalan), jambatan, terowong, cerun, sistem pengairan dan saliran, sesalur kabel ICT, lampu jalan, lampu isyarat, tempat letak kereta, taman permainan kanak-kanak, pesisiran tasik, '*common utility trench*', terowong monorel/LRT, sistem lalu lintas dan trafik serta lain-lain komponen infrastruktur milik Perbadanan Putrajaya.
- Menguruskan perlaksanaan projek-projek pembangunan jalan dan infrastruktur merangkumi perlantikan perunding, reka bentuk, perolehan, pembinaan, pengurusan projek, penyeliaan sehingga ke peringkat penyerahan projek selaras dengan peruntukan yang diluluskan serta mematuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.
- Mengurus, mentadbir dan menyelia bagi kontrak kerja-kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan bangunan milik Perbadanan Putrajaya, kuarters pangsapuri kerajaan, kompleks kejiranan, medan selera, perpustakaan, pasar, depoh penyelengaraan, krematorium, Pusara Negara, Dataran Pahlawan, taman awam, kemudahan awam dan gelanggang permainan.
- Menguruskan pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan dan kemudahan awam merangkumi bidang seni bina, kejuruteraan awam dan struktur serta kejuruteraan mekanikal dan elektrikal yang melibatkan kerja-kerja pelantikan perunding, penyediaan reka bentuk, pengurusan perolehan, pembinaan, pengurusan projek dan penyeliaan sehingga ke peringkat penyerahan projek selaras dengan peruntukan yang diluluskan, memenuhi kehendak pelanggan serta mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.



**JABATAN LANDSKAP DAN TAMAN**

- Perancangan dan pembangunan taman-taman awam dan rekreasi di Putrajaya.
- Pengurusan dan penyelengaraan landskap di kediaman rasmi Kompleks Seri Perdana, Sri Satria, kediaman rasmi Presiden, Kompleks JPM, Puspanitapuri, sepuluh buah taman-taman awam, sepuluh Presint Kejiranan dan Presint Diplomatik, 4.2 km Persiaran Perdana *(Boulevard)*, 38 km Sisiran Putrajaya *(Promenad)*, 68 km Jalan Protokol, lebih 600,000 pokok-pokok ameniti serta kawasan-kawasan landskap, sukan dan rekreasi lain serta lain-lain kawasan landskap, sukan dan rekreasi.
- Pengoperasian program dan aktiviti taman-taman awam berbentuk pendidikan dan interpretif serta sewaan tapak dan perkhidmatan taman dan kawasan landskap dan Kawasan Landskap.
- Pengurusan botani selaku *Mother of All Gardens* berobjektifkan konservasi, koleksi herbarium, pendidikan dan rekreasi yang menjadi sumber rujukan taman-taman lain
- Perancangan dan kawalan landskap – Kelulusan Landskap (eSKL), Kelulusan Pemasangan Pagar, Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC), Kelulusan Pengalihan dan Penebangan Pokok serta Kelulusan Penggunaan Kawasan Lapang.
- Penganjuran FLORIA Di Raja Putrajaya.
- Perkihdmatan hortikultur dan hiasan florikultur; dan
- Pengurusan konservasi fauna.

**JABATAN KEWANGAN**

- Mengawal dan menguruskan belanjawan tahunan Perbadanan Putrajaya.
- Menyelaras bajet Rancangan Jangka Panjang Lima Tahun Perbadanan Putrajaya (Rancangan Malaysia).
- Menguruskan pelaburan jangka pendek (simpanan tetap) di institusi kewangan dan perbankan yang diluluskan.
- Menyedia, mengemas kini dan menguatkuasakan Peraturan Kewangan, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dari semasa ke semasa.
- Menyediakan Penyata Kewangan tahunan dan penyata kewangan disatukan Perbadanan Putrajaya.
- Menguruskan pembayaran emolumen kepada pegawai Perbadanan Putrajaya dan pembayaran kepada pembekal/ kontraktor Perbadanan Putrajaya.
- Melaksanakan pemantauan dan naziran pengurusan kesemua saluran kutipan hasil.
- Membuat penilaian bagi maksud cukai taksiran/kadaran.
- Membuat penilaian bagi maksud tuntutan sumbangan membantu kadar (SMK).
- Mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama berpandukan Akta Pengurusan Strata 2013.
- Menguruskan pendaftaran aset melalui perolehan belian terus, inden kerja, interim kerja, interim pembayaran dan *petty cash* dan aset-aset yang diperolehi oleh anak syarikat Perbadanan Putrajaya.
- Mengurus dan menyelaras proses pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset milikan Perbadanan Putrajaya.
- Menentukan caj atau caruman kepada kumpulan wang penjelas yang kena dibayar oleh pembeli atau pemunya atau pemilik petak jika mereka tidak berpuas hati dengan jumlah caj yang dikenakan oleh pemaju atau JMB atau MC
- Mengurus, menyelaras dan melaksanakan kaedah perolehan dengan teratur dan lancar mengikut prodesur/tatacara perolehan yang telah ditetapkan di Perbadanan Putrajaya.
- Memastikan pentadbiran tender, kontrak dan perolehan Perbadanan Putrajaya berjalan dengan lancar dan teratur mengikut syarat-syarat kontrak dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya serta tugas kawalan kos bagi memastikan pentadbiran kontrak adalah sepadan dengan nilai yang diperoleh.
- Memantau prestasi anak syarikat dan pematuhan atas keperluan berkanun.
- Memantau prestasi pelaburan dan usaha sama yang telah dilaksanakan.
- Merekod dan memperakaunkan aktiviti-aktiviti hasil Perbadanan Putrajaya melalui penjanaan bil; dan
- Menganalisis dan melaporkan prestasi penghutang kepada pihak pengurusan Perbadanan Putrajaya.



# ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

# ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Penilaian semula nilai tanah Hartanah, Loji & Peralatan dan Hartanah Pelaburan telah meningkatkan jumlah aset Perbadanan Putrajaya (PPj) kepada RM8,876,083,402 pada tahun berakhir 31 Disember 2019. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM4,695,485,799 atau 111.5% bagi jumlah aset pada tahun 2019 berbanding RM4,180,597,603 yang direkodkan pada tahun 2018. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 373 lot tanah yang terdiri daripada 165 lot tanah pegangan bebas ***(freehold),*** 13 lot tanah pajakan (***leasehold)*** dan 195 lot tanah pelaburan telah dilaksanakan penilaian semula dengan nilaian sejumlah RM4,637,026,055. Jumlah Aset PPj sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti di Rajah 1.




*Rajah 1: Jumlah Aset Perbadanan Putrajaya*

PPj telah mencatatkan lebihan pendapatan bersih pada tahun 2019 berjumlah RM514,837,657 iaitu peningkatan sebanyak RM493,264,109 berbanding lebihan pendapatan RM21,573,548 pada tahun 2018. Peningkatan ketara pada jumlah pendapatan sebanyak RM483,259,717 pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 menyumbang kepada peningkatan pada lebihan pendapatan pada tahun 2019. Sejumlah RM1,047,363,299 telah dicatatkan sebagai jumlah pendapatan dalam tahun 2019 berbanding RM564,103,582 pada tahun 2018.

Rizab terkumpul PPj pada 31 Disember 2019 menunjukkan peningkatan kepada RM809,688,225 pada tahun 2019 berbanding sejumlah RM296,162,306 bagi tempoh yang sama pada tahun 2018. Perbandingan lebihan/kurangan pendapatan dan rizab terkumpul PPj bagi tempoh lima tahun sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti di Rajah 2 dan Rajah 3.




*Rajah 2: Pendapatan dan Perbelanjaan PPj 2015-2019*




*Rajah 3: Rizab Terkumpul PPj*

## PENDAPATAN

Pendapatan yang diperakaunkan oleh Perbadanan Putrajaya bagi Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2019 berjumlah RM1,047,363,299 berbanding RM564,103,582 pada tahun 2018, meningkat RM483,259,717 (85.7%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM220,936,140 (21%) merupakan Geran daripada Kerajaan Persekutuan, RM204,721,338 (20%) hasil cukai dan RM621,705,821 (59%) lain-lain pendapatan operasi PPj.




*Pecahan Pendapatan PPj Tahun 2019*




*Perbandingan Pendapatan PPj*

Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan merujuk kepada peruntukan yang diterima daripada Kementerian Wilayah Persekutuan bagi Geran Penyelenggaraan Bandaraya, Pengurusan PICC, Penyelenggaraan Kuarters dan Penyelenggaraan Bas Putrajaya. Peruntukan yang diterima pada tahun 2019 adalah sebanyak RM220,936,140 berbanding RM182,724,763 yang diterima pada tahun 2018.

Pendapatan yang diperolehi melalui hasil cukai adalah Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar yang diterima daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi bangunan-bangunan dan kuarters yang dimiliki oleh Kerajaan.

Sebagai sebuah badan berkanun yang menjalankan fungsi sebagai PBT, pecahan pendapatan daripada operasi PPj pada tahun 2019 adalah seperti berikut:




*Pendapatan Daripada Operasi PPj Tahun 2019*

## PERBELANJAAN

Sementara itu, perbelanjaan Perbadanan Putrajaya (Kumpulan Wang Mengurus) bagi tahun 2019 menunjukkan sedikit pengurangan berbanding yang dicatatkan pada tahun 2018. Pengurangan dalam perbelanjaan adalah sebanyak RM10,004,392 atau 1.84% pada tahun 2019. Pecahan perbelanjaan PPj pada tahun 2019 adalah seperti berikut:




*Perbelanjaan PPj Tahun 2019*

Perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya masih merupakan komponen perbelanjaan terbesar Perbadanan. Komponen perbelanjaan ini menyumbang sebanyak RM317,568,135 atau 59.6% kepada keseluruhan perbelanjaan Perbadanan. Perbelanjaan penyelenggaraan Putrajaya merujuk kepada perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan penyelenggaraan keseluruhan Putrajaya termasuk penyelenggaraan landskap, taman-taman kemudahan awam, pembersihan sisa pepejal, tasik putrajaya, pengurusan dan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan penyelenggaraan kuarters Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH).

Saban tahun, PPj telah menggunakan keseluruhan Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya yang diterima disamping turut ditampung daripada dana dalaman Perbadanan sendiri. Perbelanjaan ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa bagi memastikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dapat diurus secara cekap dan berkesan agar memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat. Perbandingan perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya, PICC dan Kuarters Putrajaya dan Terimaan Geran Penyelenggaraan bagi tempoh lima tahun (2015-2019) adalah seperti jadual berikut:

| Tahun | Jumlah Geran Diterima (RM) | Jumlah Perbelanjaan Penyelenggaraan (RM) | Jumlah Penggunaan Sumber Dana Dalaman (RM) |
|---|---|---|---|
| 2015 | 167,850,000 | 322,761,457 | 154,911,457 |
| 2016 | 222,883,648 | 341,759,258 | 118,875,610 |
| 2017 | 217,052,054 | 334,823,070 | 117,771,016 |
| 2018 | 182,724,763 | 345,610,705 | 162,885,942 |
| 2019 | 220,936,140 | 317,568,135 | 96,631,995 |
| **JUMLAH** | **1,011,446,605** | **1,662,522,625** | **651,076,020** |

Perbelanjaan pengurusan dan pengoperasian PPj pula ditanggung sepenuhnya oleh PPj melalui sumber pendapatan dalaman. Perbelanjaan pengurusan dan pengoperasian PPj merangkumi perbelanjaan emolumen, tuntutan perjalanan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan dan pembaikan kecil, cukai dan insurans, perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti, penganjuran acara dan bekalan pejabat.

## PERUNTUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

PPj juga turut menerima peruntukan bagi Kumpulan Wang Pembangunan bagi projek-projek pembangunan di Putrajaya mengikut ***Rolling Plan*** Rancangan Malaysia Ke-11. Peruntukan Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2019 di bawah ***Rolling Plan 4*** Rancangan Malaysia Ke-11 adalah sebanyak RM27,750,000. Walaubagaimanapun, sehingga 31 Disember 2019, jumlah peruntukan yang diterima oleh Perbadanan Putrajaya adalah sebanyak RM16,875,000. Senarai peruntukan yang diterima bagi Projek Pembangunan Tahun 2019 adalah seperti berikut:

| Nama Projek | Kategori Projek | Peruntukan Yang Diluluskan Tahun 2019 (RM) | Peruntukan Yang Diterima Tahun 2019 (RM) |
|---|---|---|---|
| Padang Serbaguna Presint 5, Putrajaya | Sambungan | 0 | 1,250,000 |
| Pembinaan Tempat Letak Kereta Gunasama,Presint 2 | Sambungan | 6,500,000 | 3,250,000 |
| Menaiktaraf Infrastruktur Bangunan PICC | Sambungan | 3,500,000 | 3,500,000 |
| Tempat Letak Kereta Bertingkat Di Kawasan Apartment Fasa 5 & 6, Presint 9 | Sambungan | 3,500,000 | 1,750,000 |
| Tempat Letak Kereta Bertingkat Di Kawasan Apartment Fasa 4B, Presint 8 | Sambungan | 2,250,000 | 1,125,000 |
| Pembinaan Ramp/Fly Over Sepanjang 300m dari Jalan P15H ke Persiaran Timur | Sambungan | 8,000,000 | 4,000,000 |
| Menaiktaraf Kemudahan Taman Bagi Kemudahan Pelawat di Taman Wetland | Baru | 1,000,000 | 500,000 |
| Penambahbaikan Infrastruktur ***Cycling & Walking Trails*** Bagi Pembangunan Negaraku, ***Scenic & 9 Cycling Trails*** di Putrajaya | Baru | 1,000,000 | 500,000 |
| Meningkatkan Keselamatan Bandar Putrajaya Dengan Penambahan Kamera Litar Tertutup (CCTV) & "***Panic Button***" | Baru | 1,000,000 | 500,000 |
| Pembangunan Sistem Pusat Kawalan Bersepadu (***Integrated Operation Centre IOC)*** | Baru | 1,000,000 | 500,000 |
| **JUMLAH** | | **27,750,000** | **16,875,000** |

## HARTANAH, LOJI & PERALATAN

Hartanah, Loji & Peralatan milikan Perbadanan adalah merangkumi tanah, bangunan, infrastruktur, taman-taman, tasik & wetland, loji dan jentera, peralatan, perabot dan kelengkapan, kenderaan, buku dan komputer. Perbadanan turut mempermodalkan aset kuda yang dikategorikan di dalam kelas aset hidupan. Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, nilai Hartanah, Loji & Peralatan milikan PPj adalah sebanyak RM7,407,001,345. Amaun ini adalah setelah mengambilkira susut nilai terkumpul yang berjumlah sebanyak RM866,386,033.

Pada 31 Disember 2019 terdapat peningkatan pada nilai Tanah dan Tanah pajakan di dalam Hartanah, Loji dan Peralatan kepada RM4,942,311,000 bagi Tanah Pegangan Bebas (***Freehold***) dan RM123,190,000 bagi Tanah Pajakan (***Leasehold)*** berbanding tahun 2018. Ini adalah susulan pelaksanaan penilaian semula nilai 165 lot tanah pegangan bebas ***(freehold)*** 13 lot tanah pajakan (***leasehold)*** PPj pada tahun 2019.

Selain itu, bermula tahun kewangan 2019 juga, 52 lot tanah pencawang elektrik dari Hartanah, Loji dan Peralatan yang bernilai RM126,874,000 telah diklasifikasikan semula kepada Hartanah Pelaburan. Manakala sejumlah RM166,111 (Nilai Bersih) Perisian (Software) yang sebelum ini direkodkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan telah dikelaskan semula kepada Aset Tak Ketara.

Pecahan Hartanah, Loji dan Peralatan PPJ sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:




*Hartanah, Loji dan Peralatan PPj 2019*





## HARTANAH PELABURAN

Di dalam tahun kewangan 2019, tanah yang dipegang untuk tujuan sewaan atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, yang diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan juga telah dilaksanakan penilaian semula. Sejumlah RM380,793,319 bagi 195 lot tanah pelaburan termasuk tanah pencawang elektrik yang dipindahkan dari Hartanah, Loji dan Peralatan telah dinilai semula pada tahun 2019. Sehingga 31 Disember 2019, nilai hartanah pelaburan yang direkodkan oleh PPj adalah sejumlah RM857,101,264 yang turut termasuk jumlah susutnilai terkumpul sejumlah RM128,976,029. Pecahan Hartanah Pelaburan PPj sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:




*Hartanah Pelaburan PPj*

## TANGGUNGAN DAN LIABILITI SEMASA

Sehingga 31 Disember 2019, jumlah tanggungan PPj di dalam liabiliti semasa adalah seperti berikut:-

| Butiran | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Pemiutang - KWM | 213,326,983 |
| Pemiutang - KWP | 18,061,410 |
| Wang Tahanan Projek | 15,930,860 |
| Deposit & Cagaran | 18,126,205 |
| Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain | 2,455,276 |
| **JUMLAH** | **267,900,734** |

## PENGURUSAN PEROLEHAN TENDER, SEBUT HARGA, PEROLEHAN ASET DAN PESANAN TEMPATAN

Perbadanan Putrajaya telah menguruskan sebanyak 38 Tender, 36 Sebut Harga dan 3,323 Perolehan Terus Melalui Pesanan Tempatan sepanjang tahun 2019.



# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

| Bil. | Anugerah/Pengiktirafan |
|---|---|
| 1. | Inisiatif Landskap Komuniti Terindah Sempena Hari Landskap Negara 2019 Tempat Pertama – Komuniti Pertanian Bandar Putrajaya (Putrajaya Urban Farming-PUF) |
| 2. | Inisiatif Negara Taman Terindah Sempena Hari Landskap Negara 2019 Tempat Kedua – Perbadanan Putrajaya |
| 3. | ILAM MLAA Honour Award 2018 Government Agencies Category – Green Initiatives Awards bagi Projek Jejak Taman Putrajaya (JTP) |
| 4. | ILAM MLAA Merit Award 2018 Government Agencies Category – Green Initiatives Awards bagi Projek Malaysia - China Friendship Garden |
| 5. | Anugerah Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) Paling Aktif di Putrajaya |
| 6. | Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2019 |
| 7. | Sijil Penghargaan Jabatan Perkhidmatan Awam – Pelaksanaan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Tahun 2019 Dengan Jayanya |
| 8. | 3 Anugerah Emas, Konvensyen Regional Team Excellence (RTEx) Wilayah Utara 2019.<br>- OSCXPERT (Jabatan Perancangan Bandar & Jabatan Perkhidmatan Korporat)<br>- K-Max (Jabatan Perkhidmatan Bandar)<br>- X-10 (Jabatan Perkhidmatan Korporat) |
| 9. | Anugerah Emas Pertandingan Ekspo Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk (IIDEX) 2019<br>- K-Max |
| 10. | Low Carbon Cities 2030 Challenge: Diamond Recognition bagi Kompleks Perbadanan Putrajaya |

*Gambar: Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC2030c)*




| Bil. | Anugerah/Pengiktirafan |
|---|---|
| 11. | Low Carbon Cities 2030 Challenge: Diamond Recognition bagi Precinct 1 |
| 12. | Juara Keseluruhan, Pertandingan Kawad Kecekapan Pasukan Keselamatan Kebakaran Agensi Swasta & Kerajaan Peringkat Putrajaya |
| 13. | Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) |
| 14. | Konvensyen Regional Team Excellence (RTEx) Peringkat Kebangsaan sempena Persidangan dan Ekspo Tahunan Produktiviti dan Inovasi (APIC) 2019<br>• Johan Sektor Awam Negeri (OSCXPERT)<br>• 3 Anugerah Emas (5 Bintang) (OSCXPERT, K-Max & X-10)<br>• 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri (OSCXPERT, K-Max & X-10) |

| Bil. | Anugerah/Pengiktirafan |
|---|---|
| 15. | Anugerah Kejiranan Hijau 2019: Kategori Perumahan Bertingkat Kawasan Kejiranan Pangsapuri 14-7 Presint 14, Putrajaya |
| 16. | MIP MyPlace Awards 2019 – City And Town Park Category: Platinum – Taman Saujana Hijau Putra |
| 17. | MIP MyPlace Awards 2019 – Urban Farming Category: Silver – Putrajaya Urban Farming |
| 18. | MIP MyPlace Awards 2019 - Outdoor Public Park (On The Move) Category: Platinum Award (tempat pertama) - Alamanda Steps |

*Anugerah Kejiranan Hijau Tahun 2019*




*Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2019*




*Anugerah Program Local Agenda 21*







*Johan Sektor Awam Negeri, Regional Team Excellence Convention (RTEx) Peringkat Kebangsaan Sempena Persidangan dan Ekspo Tahunan Produktiviti dan Inovasi (APIC) 2019*



*Johan Sektor Awam Negeri, Regional Team Excellence Convention (RTEx) Peringkat Kebangsaan Sempena Persidangan dan Ekspo Tahunan Produktiviti dan Inovasi (APIC) 2019*







*Regional Team Excellence Convention (RTEx) Peringkat Kebangsaan Sempena Persidangan dan Ekspo Tahunan Produktiviti dan Inovasi (APIC) 2019*




Anugerah Emas (5 Bintang)




20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri




Anugerah Emas Pertandingan Ekspo Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk (IIDEX) 2019



# PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR

# PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR

## PERANCANGAN DAN BANGUNAN

Seluas 28.82 hektar (286,397.98 mp²) kawasan tapak pembangunan telah diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya untuk tujuan pelbagai aktiviti pembangunan mengikut zon guna tanah yang telah dirancang. Perincian kelulusan adalah seperti jadual berikut:

| NO. | KATEGORI PEMBANGUNAN | KELUASAN (HEKTAR) | KELUASAN RUANG LANTAI | |
|---|---|---|---|---|
| | | | MP | KP |
| 1. | Perumahan | 13.77 | 137,745.36 | 1,482,678.72 |
| 2. | Pembangunan Bercampur (Perumahan & Perdagangan) | 7.47 | 74,664.87 | 803,685.97 |
| 3. | Perdagangan | 6.19 | 60,012.11 | 645,964.98 |
| 4. | Kemudahan Awam | 0.21 | 2,149.59 | 23,137.99 |
| 5. | Utiliti dan Infrastruktur | 1.18 | 11,826.05 | 127,294.54 |
| JUMLAH | | 28.82 | 286,397.98 | 3,082,762.20 |

*Jadual: Kawasan tapak pembangunan telah diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya untuk tujuan pelbagai aktiviti pembangunan mengikut zon guna tanah.*

Sebanyak 6,479 unit pembangunan juga telah diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya. Perinciannya adalah sepertimana dalam jadual berikut:

| NO. | KATEGORI PEMBANGUNAN | BILANGAN (UNIT) |
|---|---|---|
| 1. | Perumahan | 2,653 |
| 2. | Pembangunan Bercampur (Perumahan & Perdagangan) | 3,744 |
| 3. | Perdagangan | 76 |
| 4. | Kemudahan Awam | 3 |
| 5. | Utiliti dan Infrastruktur | 3 |
| JUMLAH | | 6,479 |

*Jadual: Bilangan unit kategori pembangunan yang telah diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya*

Antara pembangunan-pembangunan utama yang diproses adalah sepertimana berikut:

i. Pembangunan bercampur yang mengandungi ruang komersial, pangsapuri dan pejabat di Presint 7



ii. Pembangunan Kompleks MyFarm Outlet di Presint 4.



iii. Pembangunan Perniagaan di Presint 11



### Pemantauan dan Penguatkuasaan Bangunan

Perbadanan Putrajaya telah mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 secara tegas dan berhemah di dalam usaha mengekalkan keseragaman bangunan-bangunan terutamanya bangunan kediaman. Ringkasan aktiviti yang melibatkan pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Pemantauan Bersepadu (6)
ii. Lawatan Pemeriksaan Tapak (88)
iii. Kompaun (13)
iv. Notis Arahan Akta 133, Seksyen 72 & Pelbagai (44)
v. Notis Pematuhan (10)
vi. Notis Kesalahan Akta 133, Seksyen 70, Fasal 13 (50)
vii. Notis Fi Berganda Akta 133, Seksyen 70, Fasal 14 (40)
viii. Notis Kesalahan UUK Seksyen 28, Fasal 2 (2)
ix. Notis Kesalahan Akta 133, Seksyen 70, Fasal 27 (5)
x. Tindakan Perobohan (1)

### Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)

Perbadanan Putrajaya telah menerima sejumlah 41 Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang dikeluarkan oleh Orang Utama yang Mengemukakan (PSP). Daripada jumlah tersebut, 36 CCC adalah untuk bangunan baharu dan bakinya (5 CCC) adalah untuk kerja-kerja ubah suai yang mana pelannya telah diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya.

Antara CCC yang telah diterima adalah untuk pembangunan Kompleks F dan Shaftsbury di Presint 1.



*Gambar: Shaftsbury*



*Gambar: Kompleks F*

### Building Information Modelling (BIM)

Perbadanan Putrajaya meneruskan kerjasama strategik dengan pihak Construction Industry Development Board (CIDB) dalam merealisasikan projek perintis semakan automatik pelan secara 3D melalui *Building Information Modelling* (BIM) *e-submission* selaras dengan hasrat yang digariskan dalam *Construction Industry Transformation Programme* (CITP) *2016-2020*. BIM *e-submission* ini akan dapat membantu mempercepatkan proses semakan pelan bagi mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seterusnya menyumbang kepada kedudukan Malaysia yang lebih baik sebagai sebuah negara yang mempermudahkan urusan menjalankan perniagaan.





*Gambar: Latihan yang Dilaksanakan di Pusat Building Information Modelling (BIM)*

## Pusat Setempat (OSC)

Jumlah permohonan yang diterima melalui Kaunter OSC adalah sebanyak 1,186 permohonan. Permohonan ini diterima, diproses dan dipantau menerusi Sistem OSC 3.0.

| BIL | JENIS PERMOHONAN | BILANGAN PERMOHONAN | % |
|---|---|---|---|
| 1 | Serentak | 16 | 1.34 |
| 2 | Kebenaran Merancang | 65 | 5.48 |
| 3 | Perubahan Material | 11 | 0.93 |
| 4 | Pendirian Bangunan Sementara | 6 | 0.51 |
| 5 | Mendirikan Bangunan | 139 | 11.72 |
| 6 | Kelulusan Landskap | 13 | 1.10 |
| 7 | Kelulusan Pelan Kerja Tanah | 16 | 1.35 |
| 8 | Kelulusan Pelan Kerja Tanah & Jalan dan Perparitan | 23 | 1.94 |
| 9 | Kelulusan Pelan Jalan Dan Perparitan | 25 | 2.11 |
| 10 | Kelulusan Pelan Lampu Jalan & Lampu Isyarat | 15 | 1.26 |
| 11 | Kelulusan Permit Sementara | 60 | 5.06 |
| 12 | Kelulusan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubah Suai | 259 | 21.84 |
| 13 | Kelulusan Permit-Permit Kerja | 524 | 44.18 |
| 14 | Kelulusan Penamaan Bangunan/Alamat Premis | 14 | 1.18 |
| | **JUMLAH** | **1,186** | **100.00** |

*Jadual: Bilangan Permohonan yang Diterima Melalui Kaunter OSC*




*Gambar: Sistem OSC 3.0*

### Kutipan Hasil

Sebanyak RM1,287,751.62 kutipan hasil caj bagi Sumbangan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) dan sebanyak RM3,276,019.00 hasil kutipan caj bagi permit sementara yang telah diterima oleh Perbadanan Putrajaya.




*Carta: Fi Permit Sementara*




*Carta: Kutipan ISF*

## PROJEK PERUMAHAN PENJAWAT AWAM (PPAM) PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya merupakan agensi pelaksana yang diamanahkan untuk merancang, membangun dan menguruskan PPAM sejak ianya dilancarkan pada 18 April 2013. Selaras dengan keputusan kerajaan dalam Mesyuarat Hala Tuju PPAM pada 11 Jun 2018, sebanyak sembilan (9) daripada 20 projek ditangguhkan menjadikan jumlah keseluruhan unit PPAM yang dibangunkan di Putrajaya adalah sebanyak 9,480 unit berbanding jumlah asal sebanyak 20,702 unit. Status kesuluruhan pembangunan PPAM Putrajaya adalah sepertimana berikut:

| PPAM | BIL. UNIT | STATUS PEMBINAAN (FEBRUARI 2020) | SERAHAN KUNCI |
|---|---|---|---|
| Palma, P11 | 263 | Telah Siap | 27 Mac 2017 |
| Larai, P6 | 1,680 | Telah Siap | 27 Mac 2017 |
| Selasih, P17 | 1,000 | Telah Siap | 19 Jun 2017 |
| Pudina, P17 | 1,504 | Telah Siap | 2 Jun 2018 |
| Jintan, P16 | 517 | Telah Siap | 29 Jun 2019 |
| Melinjau, P11 | 650 | Telah Siap | 4 Ogos 2019 |
| Seruling, P5 | 1,062 | Telah Siap | 7 November 2019 |
| Ketumbar, P17 | 800 | 99.70% | Q2, 2020 |
| Kasturi, P17 | 404 | 46.33% | Q1, 2021 |
| Saderi, P16 | 1,100 | 98.00% | Q2, 2020 |
| Dalur, P18 | 500 | 13.13% | Q3, 2022 |
| **JUMLAH** | **9,480** | | |

*Jadual: Status Pembangunan PPAM Putrajaya*

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak tiga (3) projek PPAM berjaya disiapkan pada tahun 2019 iaitu PPAM Jintan (517 unit), PPAM Melinjau (650 unit) dan PPAM Seruling (1,062 unit). Majlis penyerahan kunci kepada pembeli telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada 29 Jun 2019 untuk PPAM Jintan, 4 Ogos

2019 untuk PPAM Melinjau dan 7 November 2019 untuk PPAM Seruling. Hal ini menjadikan keseluruhan unit rumah PPAM yang telah siap dan diserahkan kepada pembeli berjumlah 6,676 unit.



*PPAM Jintan, Presint 16*



*PPAM Melinjau, Presint 11*



*PPAM Seruling, Presint 5*

## RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA 2025

Perancangan dan pembangunan Putrajaya telah masuk tahun yang ke-24 sejak perancangan pembangunan awal bermula pada tahun 1995. Kawalan perancangan yang teratur dan responsif serta menepati kehendak warga Putrajaya, pasaran semasa, penguatkuasaan perancangan dan kawalan bangunan yang efektif telah menyokong aspirasi pembangunan Putrajaya yang digariskan dalam Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2020 dan Rancangan Struktur Putrajaya 2025 dengan visi Putrajaya Mampan 2025 - Bandar Dalam Taman Ke Arah Bandar Hijau".

Lanjutan daripada *Focus Group Discussion* (FGD) bagi Semakan Pencapaian Polisi dan Dasar Rancangan Struktur Putrajaya 2025 yang telah dijalankan pada tahun 2018, dua (2) lagi siri bengkel telah diadakan pada tahun 2019.

| TAJUK BENGKEL | TARIKH | LOKASI |
|---|---|---|
| Kajian Pencapaian Semasa Bagi Polisi 1, 2 & 3, Rancangan Struktur Putrajaya 2025 | 28-30 Mac 2019 | Hotel The Pines, Melaka |
| Kajian Pencapaian Semasa Bagi Polisi 4, 5 dan 8, Rancangan Struktur Putrajaya 2025 | 25 Julai 2019 | Marina Putrajaya |

*Jadual: Bengkel Kajian Pencapaian Polisi dan Dasar Rancangan Struktur Putrajaya 2025*





*Gambar: Sesi Perbincangan Kumpulan Sasaran bagi Semakan Pencapaian Polisi dan Dasar Rancangan Struktur Putrajaya 2025*

Hasil Bengkel FGD yang telah diadakan mendapati 61% daripada program atau inisiatif Rancangan Struktur 2025 telah dilaksanakan manakala 39% lagi sedang dalam tindakan. Penemuan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Perbadanan Putrajaya Bil. 40/2019 pada 25 November 2019.




*Carta: Status Keseluruhan Perlaksanaan Dan Pencapaian Polisi Dan Dasar Rancangan Struktur Putrajaya 2025: Polisi 1 Hingga 8*

Kajian Semula Rancangan Struktur pada masa depan akan mengambil kira dasar-dasar terkini di dalam Rancangan Fizikal Negara ke-3, Dasar Perbandaran Negara ke-2, *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan *New Urban Agenda* (NUA). Rancangan Fizikal Negara ke-3 dan Dasar Perbandaran Negara ke-2 telah meletakkan Putrajaya dan Kuala Lumpur di dalam hierarki Bandar Global.

## RANCANGAN TEMPATAN

Bagi menyokong pencapaian setiap polisi utama di dalam Rancangan Struktur Putrajaya, Rancangan Tempatan digubal bagi memperincikan cadangan serta tindakan pada peringkat tempatan. Putrajaya mempunyai lapan (8) Rancangan Tempatan yang meliputi keseluruhan kawasan Putrajaya yang telah diwartakan.

Perbadanan Putrajaya telah menjalankan Kajian Penyediaan Rancangan Tempatan Presint 1 dan 13 Putrajaya (Pengubahan) 2025 yang telah diwartakan pada tahun 16 Mac 2000. Rancangan Tempatan Presint 1 dan 13 ini disemak semula kerana keperluan seperti berikut:

i. Terdapat keperluan pematuhan Polisi, Inisiatif dan Program Rancangan Struktur Putrajaya 2025 yang telah diwartakan pada 7 Mac 2014.
ii. Terdapat penyelarasan semula guna tanah yang responsif dan penyelarasan persempadanan bagi kawasan Presint 1 dan 13, Putrajaya.

Publisiti Draf Rancangan Tempatan 1 dan 13, Putrajaya (Pengubahan) 2025 telah diadakan pada 1 hingga 30 Julai 2019 di Lobi Aras 1, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya.



*Gambar: Publisiti Draf Rancangan Tempatan 1 dan 13 Putrajaya (Pengubahan) 2025*

## BANDAR HIJAU KARBON RENDAH PUTRAJAYA

Sepanjang tahun 2019, pelbagai inisiatif hijau telah dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya bersama rakan strategik, antaranya:

### Inventori Tahap Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) Putrajaya 2019

Inventori pelepasan gas rumah hijau (GHG) Putrajaya bagi tahun 2019 menunjukkan bahawa jumlah pelepasan karbon ialah 1,520kt$CO_2$eq iaitu penurunan sebanyak 4.7 peratus berbanding dengan tahap pelepasan karbon pada tahun 2018 iaitu (1,592kt$CO_2$eq).




*Tahap Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) di Putrajaya 2007,2012-2019*

### Program Pelaporan Penggunaan Tenaga dan Pelepasan Karbon (BECO$_2$R)

Inisiatif ini bertujuan menggurangkan lagi pelepasan karbon sektor bangunan khasnya bangunan sedia ada yang telah beroperasi di Putrajaya. Ia merupakan satu mekanisma pemantauan prestasi bangunan yang bermula dari bawah dan melibatkan semua pihak berkepentingan sektor bangunan (building stakeholders) paxda peringkat operasi seperti pemilik/pengurus/penyewa/pengguna bangunan.

Sehingga tahun 2019, sejumlah 77 bangunan yang berstatus aktif dalam program BECO$_2$R ditunjukkan dalam di jadual berikut:

| JENIS BANGUNAN | JUMLAH BANGUNAN |
|---|---|
| Bangunan Pejabat Kerajaan | 66 |
| Bangunan Kompleks Komersial | 3 |
| Bangunan Hotel | 2 |
| Bangunan Kemudahan Awam | 3 |
| Bangunan Kediaman (pangsapuri) | 1 |
| Bangunan Sekolah/Universiti | 1 |
| Bangunan Lain-lain | 1 |
| JUMLAH | 77 |

*Jadual: Status Penyertaan Bangunan dalam Program BECO$_2$R*

Perbadanan terus menawarkan insentif berbentuk kapasiti pembangunan secara percuma kepada peserta BECO$_2$R seperti:

i. **Klinik Pengurusan Tenaga Bangunan**

Sebanyak empat (4) sesi klinik telah dijalankan untuk bangunan Zenith Hotel Putrajaya, Dorsett Putrajaya, Heriot-Watt University Malaysia dan ORANGEBEAM Development Sdn. Bhd.



*Gambar: Perkhidmatan semakan audit dan khidmat nasihat pengurusan tenaga bangunan disediakan untuk membantu pemilik/pengurus bangunan berkaitan tindakan pengurangan pelepasan karbon sektor bangunan pada peringkat operasi*

**ii. Latihan *Hands-on* Sistem Pelaporan Data dalamTalian**

Latihan ini telah diadakan pada 26 November 2019, melibatkan 20 orang peserta daripada wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya dan pengurus bangunan baru jabatan kerajaan.





*Gambar: Peserta BECO$_2$R diperkenalkan dengan sistem pelaporan versi desktop dan mobile app. Peserta juga diberi tunjuk ajar berkaitan cara untuk menganalisis penggunaan tenaga bangunan melalui fungsi utama di dalam aplikasi telefon mudah alih BCIS.*

## Penghasilan Buku Pendidikan Folio Hijau GreenROSE@Putrajaya

Perbadanan Putrajaya bersama-sama rakan strategik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menghasilkan sebuah buku pendidikan berkenaan perubahan iklim untuk murid sekolah rendah iaitu Folio Hijau GreenROSE@ Putrajaya. Selaras dengan penerbitan buku ini, empat (4) sahabat bumi bandar hijau telah diperkenalkan berdasarkan fauna yang terdapat di Putrajaya iaitu memerang licin (*Otto*), burung pucong serandau (*Sera*), pepatung (*Nini*) dan katak pokok (*Leo*).




*Gambar: Topik utama terbitan ini adalah pengurusan air, kempen kitar semula, kempen penjimatan tenaga, kempen selamatkan udara dan kempen selamatkan tanah*

## Majlis Penyerahan Basikal Elektrik

Penyerahan lima (5) buah basikal elektrik ini merupakan sumbangan daripada program *Green Technology Application for Development of Low Carbon Cities* (GTALCC). Bertujuan untuk menggalakkan kakitangan menggunakan basikal elektrik untuk urusan rasmi seperti mesyuarat, rondaan penguatkuasaan dan penyelngaraan, seterusnya mengurangkan penggunaan kenderaan berenjin dan sebagai mod pengangkutan alternatif untuk perjalanan jarak dekat.



*Gambar: Penyerahan lima (5) unit basikal elektrik*



## Kempen Kesedaran Sekolah dan Komuniti

### i. Program Bulan Tanpa Plastik

Program Bulan Tanpa Plastik telah dianjurkan dengan kerjasama pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(1) pada 4 Mac 2019 hingga 9 April 2019. Pelbagai aktiviti dianjurkan sepanjang bulan tanpa plastik iaitu pameran Putrajaya Bandar Hijau 2025, latihan penghasilan *ecobricks*, pameran dan kuiz 3R, pertandingan mengumpul bahan kitar semula antara kelas dan pertandingan Kreativiti 3R: *Ecobricks*.



*Gambar: Program Bulan Tanpa Plastik*






### ii. Karnival Kitar Semula

Karnival Kitar Semula telah dilaksanakan dengan kerjasama badan pengurusan Dwiputra Residences, Presint 15 pada 27 Julai 2019. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang Karnival Kitar Semula ialah pameran Bandar Hijau Putrajaya dan pelbagai aktiviti sampingan seperti kuiz dan latihan penghasilan *ecobricks* bersama penduduk Dwiputra Residences, Presint 15.



*Gambar: Karnival Kitar Semula*

## Inisiatif Bangunan Hijau

Perbadanan Putrajaya telah meluluskan 41 pelan yang menerapkan penggunaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH). Air yang dikumpul bagi kegunaan menyiram tanaman dan landskap serta mencurah tandas. Selain itu, terdapat 15 pembangunan kediaman yang mematuhi syarat pemasangan PV Panel.

*Jadual: Senarai Bangunan Pensijilan Bangunan Hijau*

| BIL | BANGUNAN | STATUS PENSIJILAN |
|---|---|---|
| **Bangunan yang Telah Siap:** | | |
| 1. | Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Presint 1 | GBI rating SILVER (NREB), 2011 |
| 2. | Suasana PJH, Presint 2 | GBI provisional rating SILVER (NRNC), 2014 |
| 3. | Ibu Pejabat SPRM, Presint 7 | GBI provisional rating CERTIFIED (NRNC), 2014 |
| 4. | Danau Suria Presint 16 | GBI provisional rating CERTIFIED (RNC), 2014 |
| 5. | Menara MRCB, Presint 2 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2015 |
| 6. | Bangunan pejabat di Plot Z10, Presint 1 | GBI final rating CERTIFIED (NRNC), 2015 |
| 7. | Hotel 3 bintang di Plot Z10 (The Everly Putrajaya) | GBI final rating CERTIFIED (NRNC), 2015 |
| 8. | Bangunan Suruhanjaya Tenaga | GBI PLATINUM (NRNC), 2016 (Renewal Verification) |
| 9. | Bangunan Perdana Putra | GBI PLATINUM (NREB), 2017 (Renewal Verification) |
| 10. | Kompleks Islam Putrajaya Blok A & B | GBI provisional rating CERTIFIED (NRNC), 2017 |
| 11. | Kompleks Islam Putrajaya Blok C | GBI provisional rating CERTIFIED (NRNC), 2017 |
| 12. | Kompleks Islam Putrajaya Blok D | GBI provisional rating CERTIFIED (NRNC), 2017 |
| 13. | Heriot-Watt University Malaysia Putrajaya | GBI final rating CERTIFIED (NRNC), 2017 |
| 14. | Menara PJH | GBI rating GOLD (NRNC), 2018 (Renewal Verification) |
| 15. | Bangunan Kerajaan Blok F1 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 16. | Bangunan Kerajaan Blok F2 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 17. | Bangunan Kerajaan Blok F3 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 18. | Bangunan Kerajaan Blok F4 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 19. | Bangunan Kerajaan Blok F5 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 20. | Bangunan Kerajaan Blok F6 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 21. | Bangunan Kerajaan Blok F7 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 22. | Bangunan Kerajaan Blok F8 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 23. | Bangunan Kerajaan Blok F9 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 24. | Bangunan Kerajaan Blok F10 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 25. | Bangunan Kerajaan Blok F11 | GBI provisional rating GOLD (NRNC), 2013 |
| 26. | Shaftsbury Putrajaya | GBI provisional rating CERTIFIED (RNC), 2017 |
| 27. | Kompleks Bangunan Kerajaan Istana Kehakiman (POJ) | MyCrest provisional rating CERTIFIED |
| 28. | Bangunan Pejabat Kerajaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) | MyCrest provisional rating CERTIFIED |
| 29. | Kompleks Bangunan Kerajaan Kementerian Luar Negeri (Bok WP1) | MyCrest provisional rating CERTIFIED |
| 30. | Kompleks Bangunan Kerajaan Kementerian Luar Negeri (Bok WP2) | MyCrest provisional rating CERTIFIED |
| 31. | Bangunan Pejabat Kerajaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) | MyCrest provisional rating CERTIFIED |
| 32. | Bangunan Pejabat Kerajaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) | MyCrest provisional rating CERTIFIED |

## PROGRAM BANDAR SELAMAT

Perbadanan Putrajaya meneruskan pelaksanaan pelbagai aktiviti di bawah Program Bandar Selamat berteraskan kepada empat (4) pasukan *Task Force*

*Rajah: Task Force*




Sebanyak 13 program telah dilaksanakan dengan kerjasama 29 agensi terlibat di bawah Jawatankuasa *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya:

i. Program Gotong-Royong Perangi AEDES Presint 11 dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Putrajaya pada 9 Mac 2019;

ii. Bengkel Pembinaan Kapasiti Sekolah-sekolah Putrajaya *#standtogether* dengan kerjasama JPPWP pada 19 Mac 2019;

iii. Program Kembara Santai Belia AADK WP dengan kerjasama AADK Putrajaya pada 31 Mac 2019;

iv. Bengkel Pencegahan Jenayah Seksual Kanak-kanak dan Latihan Pertahanan Diri dengan kerjasama Persatuan Pengusaha Tadika Putrajaya pada 6 April 2019;

v. Kursus Pengukuhan Penyakit Bawaan Vektor Denggi 2019 dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Putrajaya pada 24 April 2019;

vi. Seminar Latih Amal bagi Menangani Ancaman Keselamatan Negara dengan kerjasama MKN pada 6 Ogos 2019;

vii. Taklimat Eksekutif: Ancaman Keselamatan Negara dengan kerjasama MKN pada 2 Ogos 2019;

viii. Program Latihan *Fire Drill* oleh BOMBA di hadapan Kompleks Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama pihak BOMBA, IPD Putrajaya, Hospital Putrajaya, Smart City Putrajaya, Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya dan Bahagian Pentadbiran Perbadanan Putrajaya pada 27 November 2019;

ix. GORO peringkat Putrajaya di PPAM Pudina pada 16 November 2019;

x. Bengkel Latihan AED dan pertolongan cemas dengan kerjasama Bandar Selamat, MPPP, Hospital Putrajaya dengan 50 peserta di Morib pada Disember 2019;

xi. Projek Fizikal Bandar Selamat Putrajaya 2019: Pemasangan pagar parameter keselamatan di Presint 9B, Putrajaya;

xii. Projek Fizikal Bandar Selamat Putrajaya 2019: Pemasangan *speed hump* dan lintasan pejalan kaki di Presint 9B, Putrajaya;

xiii. Projek Fizikal Bandar Selamat Putrajaya 2019: Pemasangan papan tanda peringatan di sekitar Putrajaya Tanda Peringatan – sekitar Putrajaya;




*Gambar: Demo Bantuan Kecemasan dan Pertolongan Cemas*

Program Bandar Selamat yang dijalankan oleh pasukan *Task Force* telah menunjukkan peningkatan kadar jenayah sebanyak 16.59% (35 kes) di Putrajaya daripada 211 kes (2018) kepada 246 kes (2019). Antara kes jenayah yang tertinggi pada tahun 2019 ialah kes curi motosikal, pecah rumah dan curi dan curi motokar.

Perbandingan kes denggi antara tahun 2018 dan 2019 juga telah meningkat dari 453 kes (2018) kepada 1,068 kes pada tahun 2019, di mana terdapat peningkatan sebanyak 135.8% (+615 kes) dengan 2 kes kematian pada tahun 2019.

Selain itu, kadar kemalangan telah meningkat sebanyak 1.5% (pertambahan 28 kes) daripada 1,816 kes (2018) kepada 1,844 kes (2019). Terdapat tujuh (7) kes kemalangan maut berlaku pada tahun 2019 berbanding dengan sembilan (9) kes pada tahun 2018. Sehubungan itu, program-program berkaitan keselamatan jalan raya akan dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat.

## MURNInets (MALAYSIAN URBAN RURAL NATIONAL INDICATORS NETWORK FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT)

MURNInets merupakan Program Pelaksanaan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar & Luar Bandar Malaysia. Tujuan utama pelaksanaan MURNInets adalah untuk menentukan tahap kemampanan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.

Terdapat enam (6) dimensi yang merangkumi 39 penunjuk yang diguna pakai untuk pengukuran tahap kemampanan bandar dan Putrajaya telah mencatatkan skor paling tinggi iaitu 98% sejak penyertaannya pada tahun 2010.




*Carta: Tahap Kemampanan Putrajaya dari tahun 2010 hingga 2019*

| BIL. | DIMENSI | INDEKS DIMENSI | TAHAP KEMAMPANAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Ekonomi Berdaya Saing | 1.00 | MAMPAN |
| 2. | Kualiti Persekitaran Mampan | 1.00 | |
| 3. | Komuniti Sejahtera | 0.97 | |
| 4. | Guna Tanah & Sumber Asli Optimum | 1.00 | |
| 5. | Infrastruktur & Pengangkutan Efisien | 1.00 | |
| 6. | Tadbir Urus Efektif | 0.89 | |
| SKOR KESELURUHAN | | 98 | |

*Jadual: Indeks Berdasarkan Dimensi di Bawah MURNInets.*

## LOCAL AGENDA 21 (LA21) PUTRAJAYA

*Local* Agenda 21 (LA21) Putrajaya merupakan program-program yang melibatkan persepakatan antara Perbadanan Putrajaya, *stakeholders* dan pihak swasta yang bertujuan untuk mencapai pembangunan mampan. Terdapat 101 program telah dilaksanakan dengan kerjasama 25 rakan kongsi yang melibatkan 23,448 penyertaan.




*Rajah: Penglibatan rakan kongsi di dalam pelaksanaan program LA21 Putrajaya*

Sebanyak 7 daripada 17 Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals 2030*) telah diterapkan menerusi program-program LA21 Putrajaya iaitu *good health & well-being, quality education, sustainable cities & communities, climate action, life below water, life on land* dan *partnerships for the goals*.

Program-program LA21 Putrajaya yang dijalankan merangkumi *Place Making & Vibrant* Putrajaya, Agenda Mampan Sejahtera, Agenda Pembangunan Kapasiti, Agenda Landskap (*Greenovation*), Agenda Pembangunan Program Tasik dan Wetland, dan Agenda 3R dan Kitar Semula.

Program LA21 Putrajaya semakin mendapat perhatian dan menerima kunjungan Pemerintah Negara. Sempena sepuluh tahun usia penubuhan LA21 Putrajaya, penganjuran Kongres




*Rajah: Sustainable Development Goals 2030*

Perancangan Bandar peringkat kebangsaan dengan tema '*Smart Partnerships in the Digital* Era' telah dilaksanakan pada 5 November 2019. DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah merasmikan Kongres Perancangan Bandar dan Laman *Sustainable Development Goal* (SDG) pada 5 November 2019.



*Gambar: DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merasmikan Kongres Perancangan Bandar dan Laman Sustainable Development Goal (SDG)*

Program Pertanian Bandar Putrajaya (Putrajaya Urban Farming) dan Projek Penternakan Kelulut di Pinggiran Taman Rimba Desa, Presint 9, Putrajaya telah menerima kunjungan YAB Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2019. Produk LA21 Putrajaya iaitu madu kelulut komuniti telah dijadikan cenderahati korporat negara oleh Timbalan Perdana Menteri untuk diberikan kepada ketua-ketua negara seperti Sultan Brunei, King of Qatar dan lain lain.



*Gambar: YAB Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia melawat Program Pertanian Bandar Putrajaya (Putrajaya Urban Farming) dan Projek Penternakan Kelulut di Pinggiran Taman Rimba Desa, Presint 9, Putrajaya*

## PENGURUSAN ALAM SEKITAR PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya telah memfokuskan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Pengawalan Aktiviti Tasik (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2004 dan Undang Undang Kecil (UUK) Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016.

### Audit dan Operasi Penguatkuasaan Alam Sekitar

Pelaksanaan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Pengawalan Aktiviti Tasik (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2004 adalah bertujuan bagi mengawal kesalahan mengalirkan apa-apa bahan cemar yang akhirnya mengalir masuk ke dalam Tasik dan Wetland Putrajaya yang mana dilakukan secara langsung tanpa kawalan. Manakala, Undang Undang Kecil (UUK) Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016 berkaitan pematuhan syarat bagi pemasangan dan penyelenggaraan alat perangkap minyak & gris (OGGT) bagi memastikan tidak berlaku pencemaran air buangan ke dalam sistem perparitan awam dan memasuki tasik serta Wetland Putrajaya.




*Rajah: Sejumlah audit dan operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan dengan pengeluaran 32 notis tawaran kompaun*

Sebanyak 15 premis perniagaan telah dikeluarkan notis tawaran kompaun kerana melakukan kesalahan di bawah UUK Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016 dan sebanyak 17 notis tawaran kompaun yang telah dikeluarkan kepada pihak pencemar di bawah UUK Pengawalan Aktiviti Tasik (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2004.

Antara kesalahan di bawah UUK Pengawalan Aktiviti Tasik (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2004; UUK 8 adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| (1) (a) | Merendam/membasuh/ mencelup | belulang/kain-kain/bahan-bahan lain | menyebabkan air di tasik busuk/ berbahaya |
| (b) | Menyebabkan/membenarkan | air menyentuh apa-apa jirim/bahan/benda busuk/berbahaya | mengalir/disalurkan ke tasik |
| (c) | Membawa | bahan busuk/berbahaya | dalam bot |
| (d) | Membuang | bangkai | ke tasik |
| (e) | Membuang/menyebabkan/ membenarkan/mengalir/di salurkan | air kencing / najis | ke tasik |
| (f) | Membakar | bahan/bahan buangan/sampah/bahan lain | di dalam bot di tasik |
| (g) | Membenarkan binatang meragut | rumput/meranduk/membasuh/ memandikan | binatang di tasik |



*Gambar: Keadaan air sisa disalurkan secara terus ke sistem pam di aras basement dan dipam terus ke sistem perparitan awam*



*Gambar: Keadaan air sisa yang dipam dari aras basement memasuki sistem perparitan awam dan akhirnya mengalir ke Tasik Putrajaya*



*Gambar: Penyewa gerai yang dikesan membuang sisa makanan ke dalam sistem perparitan ketika penganjuran acara. ke dalam sistem perparitan ketika penganjuran acara. Kompaun dikeluarkan kepada penyewa susulan kesalahan membuang sisa makanan ke dalam sistem perparitan yang akhirnya mengalir ke Tasik Putrajaya*

Antara kesalahan dibawah UUK Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016, UUK 15 adalah seperti berikut:

| Pemegang lesen gagal: | | |
|---|---|---|
| (1) menyediakan dan memasang | alat perangkap minyak | mengikut spesifikasi ditetapkan |
| (2) menyalurkan air buangan | ke sistem pembentungan, tangki septik | atau sistem rawatan pembentungan yang lain |
| (3) melupuskan sisa pepejal dan minyak | yang terperangkap | mengikut cara ditentukan oleh Perbadanan |
| (4) menyelenggara | alat perangkap minyak | mengikut cara ditentukan oleh Perbadanan |



*Gambar: Pemegang lesen gagal menyelenggara alat perangkap minyak mengikut syarat lesen yang dikeluarkan oleh Perbadanan Putrajaya*

## PENGURUSAN TASIK DAN WETLAND

Pengurusan tasik dan *wetland* secara bersepadu menekankan tentang keseimbangan pelaksanaan kerja merangkumi aspek kejuruteraan, ekologi dan sains. Adalah penting bagi memperkasakan Tasik Putrajaya sebagai tapak sukan dan rekreasi air yang unggul pada peringkat antarabangsa selain menambah baik habitat pelbagai flora dan fauna.

Sehingga kini, Tasik dan Wetland Putrajaya terus megah mengekalkan pengiktirafan antarabangsa sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi oleh *United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)* melalui *International Hydrological Program* (IHP) sejak tahun 2010.

### Penyelenggaraan Struktur, Kemudahan dan Pemantauan Hidrologi

Bagi memaksimumkan fungsi wetland sebagai agen pembersih semula jadi kepada Tasik Putrajaya, kerja-kerja pembuangan kelodak dilaksanakan di sel Upper North 8 (UN8) dengan 80,000m³ kelodak telah dikeluarkan. Air tasik yang bersih juga digunakan dari semasa ke semasa bagi tujuan penyiraman pokok-pokok landskap dan taman sekitar Putrajaya juga bagi tujuan pembersihan jalan akibat kerja-kerja pembinaan. Sebanyak empat (4) permohonan telah diterima dan telah diberi kelulusan bagi tujuan tersebut dengan jumlah pengambilan air sebanyak 153.2 juta liter.

Bagi aspek pemantauan hidrologi pula, terdapat lima (5) stesen hujan dan dua (2) stesen cuaca yang memberikan data-data penting seperti kuantiti hujan, kelembapan udara, tekanan udara atmosfera, radiasi solar, kadar penyejatan, kelajuan angin dan juga arah angin. Selain itu, bagi pemantauan aras tasik pada aras 21m sebagaimana reka bentuk, terdapat 46 stesen mengukur aras air secara auomatik dan manual di sekitar Putrajaya. Bagi memaksimumkan manfaat rekod bacaan ini, perancangan telah dibuat agar dapat dipaparkan kepada pihak awam dalam masa sebenar pada masa akan datang.

Selain itu, Empangan Putrajaya yang dikategorikan sebagai *Large Dam* di bawah *International Commission on Large Dams* (ICOLD) telah mengguna pakai sebagai asas kepada pemantauan integriti struktur empangan. Data-data menunjukan kesemua parameter pemantauan berada di bawah paras maksimum reka bentuk yang dibenarkan. Hal ini secara langsung mengesahkan bahawa struktur empangan adalah stabil dan selamat.

| No | Component | Purpose to measure | No. of Station | Freq. | Equipment | Design limit |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Inclinometer | **horizontal movement** of embankment or foundation below surface | 3 | Every 3mth | Inclinometer | AB/CD direction Displacement <84mm |
| 2 | Magnetic probe extensometer | **vertical settlement** of dam crest | 3 | Every 3mth | Extensometer | Dam crest vertical settlement <100 mm |
| 3 | Surface settlement markers | **settlement** of dam embankment, toe and surroundings | 21 | Every 3mth | Total Station | Dam crest long term consolidation<50mm |
| 4 | Vibrating wire piezometer | **pore water pressure** in clay core | 24 | Every 1mth | VWP Data Logger | - |
| 5 | Standpipe piezometer | **piezometric levels** at berm at dam downstream | 5 | Every 1mth | Dipmeter | - |
| 6 | Seepage chamber | dam **seepage** water | 3 | 8 times/ mth | Steel Ruler | Flow @1 SC=0.5 L/s Flow @3 SC=1.5 L/s |
| 7 | Rainfall and Spillway Level | **rainfall** & **flow discharge** from dam | 6 | Daily | Telemetry station | - |
| 8 | Visual Inspection | Report on site condition: erosion, cracks & etc | Overall dam | 2 times/ mth | Checklist | - |

*Jadual: Komponen Pemantauan Intergriti Empangan*

## Penyelenggaraan Tumbuhan Wetland

Wetland merupakan aset penting yang menyumbang kepada penambahbaikan indeks kepelbagaian biologi dan kelestarian ekosistem perbandaran Putrajaya. Bagi memastikan dijaga dengan sempurna, kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan termasuklah pembuangan rumpai spesies *Hydrilla Verticillata.* Tumbuhan ini merupakan spesies asing yang invasif. Pembiakannya yang sangat cepat boleh menyebabkan kawasan perairan kering dalam masa yang singkat. Kerja pembersihan rumpai ini dilaksanakan setiap hari secara manual dan mekanikal menggunakan jentera. Sebanyak rumpai *Hydrilla Verticillata* telah dibuang sepanjang tahun ini. Selain itu, program penanaman semula tumbuhan wetland telah dilaksanakan di sel wetland Upper North 6A (UN6A) dan Upper Bisa 2 (UB2). Sejumlah 48,602 tumbuhan wetland telah ditanam di kawasan sel yang telah dilakukan kerja-kerja penuaian.



*Gambar: Pekerja mengangkat Hydrilla Verticillata dari dalam air di Pusat Rekreasi Air, Taman Wetland*



*Gambar: Rumpai ini dibiarkan kering terlebih dahulu bertujuan mengurangkan jisim air sebelum dibawa oleh lori sampah dan dilupuskan*

Program penyelenggaraan tahun ini turut memfokuskan kepada penambahbaikan habitat di pulau sel wetland Upper Bisa (UB). Terdapat tiga (3) pulau di Upper Bisa yang dikenali sebagai Pulau Tembusu, Ara dan Simpoh Air. Pengenalan pulau ini berdasarkan kepada spesies pokok yang ditanam di setiap pulau berkenaan.

Pulau di UB menjadi kawasan terpenting bagi haiwan avifauna (burung) berlindung dan membiak. Faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan habitat burung ialah aspek ketersediaan makanan serta perlindungan daripada pemangsa. Untuk rekod, bagi tempoh kajian bermula tahun 2002 hingga Disember 2018, sebanyak lebih 30 spesies burung direkodkan di sini dengan lapan (8) spesies utama adalah daripada kumpulan pucung (*Heron*), bangau (*Egret*) dan upeh (*Stork*).



*Gambar: Kerja pemangkasan dahan yang lemah dan yang melampai ke dalam air menggunakan gergaji rantai. Sisa pangkasan dikumpul dan dibawa keluar menggunakan bot*

Dari aspek bilangan pula, lebih 600 ekor burung telah direkodkan mendami kawasan ini dan menjadikannya sebagai tempat bersarang dan membiak. Selain daripada burung, haiwan pemangsa yang turut direkodkan mendiami kawasan ini ialah ular, biawak dan burung gagak. Kawasan ini terus dipantau dan diselenggara dari masa ke semasa mengikut jadual. Namun bermula Januari 2019, didapati terdapat penurunan ketara spesies dan bilangan burung di sini khususnya pada waktu siang. Penelitian juga mendapati bahawa burung-burung heron telah migrasi ke pulau di Central Wetland. Kemerosotan terus berlaku dan kemuncaknya adalah pada September 2019. Tiada langsung *burung spesis Painted Stork* direkodkan. Jumlah keseluruhan burung spesies *Purple Heron*, *Grey Heron*, *Black Crowned Night Heron* dan *Little Egret* adalah kurang daripada 10 ekor. Beberapa orang pakar zoologi dan hortikultur telah dipanggil untuk berbincang bagi membendung perkara ini daripada terus menjadi semakin serius. Penelitian bersama pakar di lokasi mendapati bahawa terdapat sarang-sarang haiwan pemangsa seperti ular dan biawak. Tanah di pulau berkenaan juga keras dan menjadikan pokok semakin layu dan sebahagiannya telah mati. Keadaan tanah yang tepu dengan akar pokok berselirat dalam kawasan yang terhad juga menjadikan pokok terbantut dan rumput/tumbuhan tutup bumi tidak hidup. Di kawasan berair pula, sumber makanan iaitu ikan, udang-udang kecil dan lain-lain bentos adalah amat terhad.



*Gambar: Dahan kelihatan tidak sihat, kekurangan daun dan ada dahan yang telah mati di Pulau Ara*



*Gambar: Kerja-kerja dilaksanakan dengan pemantauan oleh Dr Azhar Kasim*

Justeru penyelesaian konkrit perlu diambil bagi menambah baik keadaan sedia ada dengan melaksanakan penambahbaikan aspek kawalan pemangsa dengan memusnahkan lubang-lubang rumah ular, membersihkan kawasan bawah pokok bagi mengelakkan biawak, memangkas pokok, tanah dengan meletakkan kompos serta baja organik dan penanaman semula tumbuhan tutup bumi. Kesemua kerja-kerja ini dilaksanakan dengan tujuan utama untuk menambah baik habitat burung di Pulau Upper Bisa Presint 16.

## Kepelbagaian Biologi (Biodiversiti)

Pemantauan fauna sepanjang tahun ini telah merekodkan penemuan 16 spesis vertebrata amfibia, 22 spesies reptilia dan 17 spesies mamalia. Pemantauan avifauna (burung) pula merekodkan sejumlah 199 spesis burung termasuk 42 spesies burung hijrah seperti Perling Belakang Ungu (*Purple-backed Starling*) dan burung Botak Asia (*Asian Openbill*). Dua (2) spesis burung baru telah direkodkan iaitu merbah kunyit (Stripe-throated Bulbul) pada Mac 2019 dan undan belakang merah jambu (*Pink-backed Pelican*) pada November 2019. 676 morfospesies serangga juga telah direkodkan di sini.. Data-data kepelbagaian biologi menunjukkan perkembangan sistem akuatik yang baik dengan penemuan beberapa kumpulan serangga *Order Ephemeroptera* (*Mayfly*), *Tricoptera* (serangga kadis) dan *Odonata* (pepatung) yang merupakan indikator kelestarian ekosistem yang sihat.



*Gambar: Spesies burung baru, merbah kunyit (Pycnonotus Finlaysoni) di Tasik dan Wetland Putrajaya*



*Gambar: Spesies mamalia, Smooth-coated Otter (Lutrogale Perspicillata) terancam di Tasik dan Wetland Putrajaya*

Pada tahun ini, kerjasama baik antara Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Perikanan Malaysia diteruskan dari aspek pengurusan ikan dan udang. Persampelan ikan yang dilaksanakan pada 14 hingga 17 Oktober 2019 telah merekodkan 19 spesies ikan termasuk Udang Galah (*Macrobrachium Rosenbergii*). Untuk rekod, buat julung kalinya benih Udang Galah sebanyak 8.000 dilepaskan pada 5 dan 12 November 2018 oleh Jabatan Perikanan.



*Gambar: Ikan temoleh antara yikan yang diperoleh daripada aktiviti pensampelan ikan di Tasik Putrajaya Tasik Putrajaya Oktober 2019*

Hampir 85% daripada bilangan udang galah yang ditangkap (14 ekor) mempunyai saiz melebihi 50 Gram. Hasil tangkapan ini membuktikan kadar tumbesaran dan kemandirian (*survival*) udang galah di Tasik Putrajaya adalah tinggi.



*Gambar: Udang galah yanh diperoleh daripada aktiviti pensampelan ikan di Tasik Putrajaya Oktober 2019*

## Pemantauan Kualiti Air

Pemantauan kualiti air dilaksanakan bertujuan untuk menilai tahap kesihatan air tasik serta nilai estetika tasik. Pensampelan kualiti air tasik dilaksanakan secara dwi-bulanan, bulanan, dwi-tahunan dan tahunan bagi parameter-parameter tertentu di 17 lokasi sejak tahun 2001. Secara purata, Indeks Kualiti Air (IKA) Tasik Putrajaya mencatatkan bacaan kelas II iaitu 91.3. Daripada 204 sampel yang dianalis sepanjang tahun, sebanyak 32 sampel (15.69%) khususnya di perairan tasik Presint 19 (berhampiran empangan) telah merekodkan bacaan IKA kelas I. Manakala selebihnya 172 sampel (84.31%) mencatatkan bacaan kelas II.




*Carta: Bacaan Indeks Kualiti Air bulanan`*

Hasil penelitian terhadap data-data kualiti air mendapati yang direkodkan 33 daripada 88 buah inlet yang dipantau secara berkala telah mencatatkan bacaan kualiti yang tidak konsisten. Data yang direkodkan sering kali berada di luar julat minima had kualiti yang perlu dicapai untuk kegunaan rekreasi yang selamat khususnya bagi parameter biologi *E.coli* dan *Faecal Coliform* iaitu bakteria najis. Bakteria ini menyebabkan kehadiran penyakit bawaan air dan akan mengganggu aktiviti sukan air. Jika tidak dikawal, ia akan menjejaskan imej Putrajaya sebagai lokasi aktiviti sukan air terunggul negara. Tindakan mengekang pencemaran telah dirancang dan dilaksanakan untuk rawatan dan kawalan pada peringkat terakhir pertahanan sebelum aliran memasuki tasik dengan menambah baik struktur inlet melalui pembangunan mini wetland.

## Pengurusan Keselamatan Aktiviti di Tasik

Pengurusan keselamatan aktiviti sukan air Tasik Putrajaya dilaksanakan dengan kerjasama dan bantuan teknikal daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya serta Pasukan Gerakan Marin Putrajaya, Polis Diraja Malaysia (PDRM). Aspek pengurusan adalah termasuk penyelamatan peserta aktiviti dan orang awam di persisiran tasik serta kawalan penguatkuasaan mengikut Prosedur Kualiti PK-PPj(UU)-01 Perbadanan Putrajaya. Pasukan ini mempunyai kekuatan 20 orang anggota dan menggunakan aset-aset gabungan bersama pasukan seperti tujuh (7) buah bot termasuk dua (2) buah jetski.

Penganjuran aktiviti sukan air pada tahun ini juga telah berlangsung dengan lancar tanpa sebarang insiden tidak diingini yang melibatkan kehilangan nyawa mahupun kecederaan serius. Jumlah pengguna tasik keseluruhannya adalah sebanyak 114,500 orang.



*Gambar: Pasukan Keselamatan Tasik sentiasa bekerjasama dalam menjayakan sesuatu acara yang dianjurkan di Tasik Putrajaya.*

| AKTIVITI TASIK | JUMLAH PENGGUNA |
|---|---|
| Marina Putrajaya (Rekreasi) | 6,300 orang |
| Kelab Tasik Putrajaya (Rekreasi) | 4,200 orang |
| Sukan Air/ Acara Air | 8,000 orang |
| Cruise Tasik Putrajaya (Persiaran di tasik) | 96,000 orang |

*Jadual: Jumlah pengguna Tasik Putrajaya merangkumi setiap akses masuk ke tasik yang telah ditetapkan*

## Penyertaan Pihak Awam dalam Pengurusan Tasik dan Wetland Putrajaya

Tasik dan Wetland Putrajaya telah menerima kunjungan pelawat teknikal seramai 309 orang dari 16 kumpulan delegasi universiti dan agensi dalam dan luar negara termasuk Korea, Hong Kong dan Arab Saudi. Kehadiran delegasi ini ke Tasik dan Wetland adalah sebagai penanda aras tapak rujukan pengurusan badan air buatan.



*Gambar: Kerja-kerja penyelenggaraan tasik iaitu membuang Hydrilla oleh pelajar Kolej Universiti Agro Sains*

Selain itu, sebagai *living lab*, Wetland Putrajaya dijadikan lokasi *living lab* bagi aktiviti pembelajaran luar kelas dan aktiviti penyelidikan. Pada tahun ini, pelbagai program 3EP (*Ecosystem and Environment Educational Programme*) yang dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar Putrajaya telah memberi manfaat kepada 3,311 orang awam, pelajar sekolah rendah dan menengah, juga pelajar dan pensyarah institusi pengajian tinggi serta agensi kerajaan, swasta dan NGO. Selain pameran, dan aktiviti pendidikan, program berbentuk taklimat ringkas tentang pengurusan bersepadu tasik dan *wetland*, pemerhatian di tapak termasuk program berkaitan pengurusan seperti aktiviti pembuangan rumpai spesies *Hydrilla* di sel Upper West 6 (UW6) oleh pelajar Kolej Universiti Agro Sains dan pensampelan air serta pencerapan data kualiti air bersama pelajar Kolej Mara Banting turut dilaksanakan. Pertandingan Memancing Putrajaya masih diteruskan dengan penyertaan 1,880 joran dan juara pada kali ini berjaya menaikkan ikan temoleh seberat 7.16 kg. Manakala Program *Young Water Scientist* dan *Young Ecologist* buat julung kali pada tahun ini berbentuk program kesedaran dan pendidikan berunsurkan sains.

Modul pembelajaran luar bilik darjah ini dibuat khusus untuk kanak-kanak berumur 7 hingga 15 tahun dengan matlamat utama untuk memupuk minat kanak-kanak terhadap kerjaya seorang saintis dan ahli ekologi serta memupuk rasa kepunyaan terhadap ekosistem Tasik dan Wetland Putrajaya. Program ini juga akan diteruskan pada tahun yang akan datang.



*Gambar: Aktiviti yang dilaksanakan sepanjang Program Young Water Scientist dan Young Ecologist*

## INISIATIF REKA BENTUK SEJAGAT DAN PENGAUDITAN AKSES

Putrajaya merupakan satu-satunya bandar yang boleh didatangi (*accessible city*) oleh semua termasuk golongan orang kelainan upaya (OKU), kanak-kanak dan warga tua secara keseluruhannya.

Dalam memastikan usaha tersebut diteruskan, sejumlah 41 permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan telah disemak dan diluluskan dengan mematuhi kehendak reka bentuk sejagat. Selain itu, 17 pengauditan akses bangunan juga telah dilaksanakan sebelum Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh perunding bagi memastikan pembinaan di tapak mematuhi kehendak pelan akses yang diluluskan dan benar-benar menepati kehendak golongan sasar. Senarai pembangunan baharu telah diaudit akses dalam tahun 2019 adalah seperti berikut:

| BIL | PEMBANGUNAN | PRESINT |
|---|---|---|
| 1. | Taska 2 Tingkat Di Atas Lot PT4278 | 11 |
| 2. | Jejantas Parcel F | 1 |
| 3. | Kompleks F | 1 |
| 4. | Perumahan Penjawat Awam Malaysia Jintan | 16 |
| 5. | Perumahan Penjawat Awam Malaysia Seruling | 5 |
| 6. | Shafstbury | 1 |
| 7. | Nasyrul Quran | 14 |
| 8. | Hotel Bajet | 15 |
| 9. | Perumahan Penjawat Awam Malaysia Melinjau | 11 |
| 10. | PUSPAHANAS | 1 |
| 11. | Dewan MAKSAK | 14 |
| 12. | 49 Unit Rumh Teres 12R2a | 12 |
| 13. | Kedai Pejabat di PT11670 | 15 |
| 14. | Tadika di PT 7337 | 8 |
| 15. | Taska 2 Tingkat Di Atas Lot Pt991 | 14 |
| 16. | Sekolah Rendah Agama | 11 |
| 17. | Stesen Minyak CALTEX | 8 |

*Jadual: Senarai projek pembinaan baharu yang telah diaudit akses bangunan*






*Gambar: Reka bentuk sejagat yang dilaksanakan di premis*

## PEMASARAN DAN PENJUALAN LOT-LOT KEDUTAAN PUTRAJAYA DIPLOMATIC ENCLAVE

Terdapat dua (2) kawasan yang telah dirancang sebagai Kawasan Diplomatik Putrajaya iaitu Kawasan Diplomatik Presint 15 dan Kawasan Diplomatik Presint 4 (4GDE). Kawasan Diplomatik Presint 15 berkeluasan 82.7 hektar. Prestasi jualan lot-lot kedutaan di Presint 15 adalah menggalakkan ianya mula dipasarkan pada tahun 2000. Daripada jumlah keseluruhan 61 lot kedutaan yang ditawarkan untuk jualan, sebanyak 50 lot telah dijual kepada 26 buah negara dan terdapat baki 10 lot yang masih dibuka untuk jualan. Kawasan Diplomatik Presint 4 mempunyai keluasan kira-kira 7.0 hektar. Terdapat satu lot diplomatik yang telah dijual kepada Kedutaan Indonesia.




*Gambar: Kawasan Diplomatik Putrajaya*



*Gambar: Lot-lot Diplomatik di Presint 15*

Sehingga kini, terdapat tiga (3) lot kedutaan di Presint 15 yang telah dibangunkan iaitu Kedutaan Iraq, Kedutaan Brunei dan Kedutaan Qatar



*Gambar: Bangunan Kedutaan Iraq*



*Gambar: Bangunan Kedutaan Brunei*

## PERKONGSIAN KEPAKARAN



*Gambar: Pembentangan pengurusan ekohidrologi Tasik dan Wetland Putrajaya oleh Cik Normaliza Noordin di Seminar Pengurusan Ekohidrologi Tasik dan Wetland Putrajaya pada 3-4 Julai 2019 yang melibatkan 200 orang peserta.*




*Gambar: Pembentangan pengurusan ekohidrologi Tasik dan Wetland Putrajaya oleh Encik Wan Sabaruddin Wan Ahmad dan Encik Mohd Zamri Daud, Singapura pada 24-26 September 2019 melibatkan 300 orang peserta.*




*Gambar: Pembentangan topik pengurusan tasik dan wetland binaan manusia dalam ekosistem bandar: pengalaman Putrajaya oleh Cik Normaliza Noordin dan Cik Nurliyana Abdul Rahman, Bangkok, Thailand pada 29-31 Oktober 2019 melibatkan 300 orang peserta.*

## PROJEK KHAS

### Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Unesco-IHP Malaysia Peringkat Kebangsaan

Kem Pemimpin Muda Prihatin Air UNESCO-IHP Malaysia Peringkat Kebangsaan adalah anjuran Perbadanan Putrajaya bersama rakan-rakan *The International Hydrological Programme* (IHP) yang terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan kerajaan, badan berkanun serta institusi pengajian tinggi. Program yang menyasarkan penyertaan pelajar sekolah menengah ini memberi penekanan terhadap pembelajaran di luar bilik darjah mencakupi aspek pengurusan sumber air secara holistik, pembangunan kapasiti dan kepimpinan. Pada masa yang sama, peserta di kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi juga diberikan latihan menggunakan modul *Training of Trainers* sebagai persediaan mewarisi tampuk pemimpin sedia ada. Perincian peserta/modul adalah seperti berikut:

i. 67 orang pelajar berbilang kaum dan agama dari 15 buah sekolah menengah terpilih seluruh negara;

ii. 36 orang penuntut insitusi pengajian tinggi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS);

iii. 12 orang guru pembimbing;

iv. 16 orang pakar/penceramah pelbagai bidang; dan

v. 14 modul teknikal dari pelbagai agensi kerajaan dan universiti.



*Gambar: Majlis penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya pada 4 April 2019*

### Pengekalan Pengiktirafan Tasik dan Wetland Putrajaya sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO Sejak Tahun 2010

Pada tahun 2010, sebanyak 32 tapak badan air telah mendapat pengiktirafan di bawah UNESCO-International Hydrological Program dalam kategori sains yang terbahagi kepada empat (4) kumpulan iaitu projek rujukan global (3 tapak iaitu 2 di Poland dan 1 di Portugal), projek yang beroperasi(7 tapak iaitu di Malaysia, Jerman, Itali, Argentina, China (2 tapak) dan Kenya), seterusnya projek yang sedang berkembang dan projek baru.

Penilaian semula dibuat pada tahun 2015-2016 berdasarkan laporan pengurusan serta kad laporan tapak demonstrasi menyaksikan hanya 23 tapak dari 18 buah negara yang masih mendokong prinsip-prinsip ekohidrologi berjaya mengekalkan pengiktirafan. Kedudukan disemak semula dan penarafan diselaraskan berdasarkan kedudukan geografi dan morfologi tapak iaitu lembangan, kawasan *wetland*, sungai/tasik dan perairan pantai/muara.. Justeru Tasik dan Wetland Putrajaya pada masa ini diberikan pengikirafan sebagai tapak demonstrasi ekohidrologi UNESCO di bawah kategori *wetland*.



*Gambar: Seminar telah dirasmikan oleh YB Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji, Timbalan Menteri Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli*



*Gambar: Tinjauan tapak demonstrasi ekohidrologi, Wetland Putrajaya*

Pada 1-4 Julai 2019, tiga (3) program berkembar ekohidrologi UNESCO iaitu Mesyuarat Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO, Forum Ekohidrologi Antarabangsa UNESCO dan Seminar Pengurusan Ekohidrologi Tasik Dan Wetland Putrajaya dengan penyertaan keseluruhannya berjumlah 200 orang dari 34 buah agensi kerajaan, badan berkanun dan universiti. Seramai 20 orang delegasi UNESCO dari Asia Pacific, Afrika dan Amerika Latin termasuklah Profesor Dr. Maciej Zalewski dari European Regional Centre for Ecohydrology (ERCE), Lodz Poland yang lebih dikenali sebagai 'Bapa Ekohidrologi' hadir sama.

## Tasik Putrajaya Menjadi *Checkpoint* Penamat Program *Journey of Water* Peringkat Kebangsaan

'Journey of Water (JoW) 2019' telah berlangsung pada 4 hingga 6 Oktober 2019 anjuran World Wide Fund for Nature - Malaysia (WWF). Perbadanan Putrajaya yang diberi mandat dalam penganjuran kali ini bertindak sebagai tuan rumah majlis penutup serta melaksanakan modul terakhir menjejaki air Tasik dan Wetland. JoW merupakan program yang dirancangkan bagi mencapai objektif memupuk kesedaran mengenai kepentingan sungai dan keperluan pengurusan lestari lembangan sungai untuk menjamin pengekalan sumber air. Ianya diadakan bersempena sambutan Hari Air Sedunia yang disambut pada 22 September 2019. JoW merupakan jenama program antarabangsa yang bertapak di Afrika Selatan pada 2013 yang seterusnya dilaksanakan di Zambia dan Brazil. Penganjuran JoW di Malaysia buat pertama kalinya pada 2018 turut mencatatkan sejarah sebagai negara penganjur pertama di Asia.



*Gambar: Rakaman memori sepanjang program Journey of Water*

JoW 2019 (edisi kedua) memfokuskan kepada Lembangan Sungai Langat. Penyertaan berjumlah 28 orang yang dikenali sebagai '*Water* Hero' dari pelbagai agensi dan latar belakang akademik adalah termasuk Cik Nurliyana Abdul Rahaman dan Encik Mohd Syukory Mohd Amin mewakili Perbadanan Putrajaya. '*Water* Hero' telah menjejaki punca air Lembangan Langat merangkumi Sungai Langat, Sungai Semenyih, Sungai Labu serta Tasik Putrajaya. Pengembaraan di Putrajaya bermula di Wetland Putrajaya, Presint 13 yang menerima aliran air dari Sungai Chuau. Pengembaraan diteruskan dengan menaiki bot dari jeti Taman Botani ke Empangan Putrajaya yang terletak di Presint 5. '*Water* Hero' menikmati pelayaran di Tasik Putrajaya yang diibaratkan sebagai 'permata mahkota' *(jewel of the crown)*. Tasik seluas 400 hektar ini sememangnya dirancangkan supaya menjadi puncak kegemilangan Putrajaya, tempat penduduk dan pelancong berhimpun dan bersama-sama menikmati pemandangan yang indah serta melakukan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi. Tasik Putrajaya juga menjadi pemangkin kepada mutu penghidupan yang lebih baik di Putrajaya. Simboliknya, '*Water* Hero' dapat menikmati pelayaran di Tasik Putrajaya yang bersih hasil daripada pengurusan sumber air yang efisien dengan kaedah semula jadi iaitu menggunakan tumbuhan *wetland*. Selain itu, kita perlu mendalami perkhidmatan ekosistem yang diberikan oleh Tasik dan Wetland Putrajaya. Nescaya, semakin kita kenal perkhidmatan ekosistem Tasik dan Wetland Putrajaya, semakin teruja dan nekad untuk kita menghargainya.

## Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa (IGEM)

Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa (IGEM) kesepuluh merupakan anjuran Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Perbadanan Putrajaya bersama rakan strategik Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. telah menyertai Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa (IGEM) kesepuluh untuk mempromosikan inisiatif-inisiatif hijau yang telah dilaksanakan di Putrajaya.

*'How Green Is Our City'* memaparkan fakta ringkas pencapaian inisiatif hijau Putrajaya melibatkan tujuh (7 ) skop utama iaitu:

i. Perancangan Bandar dan Bangunan
ii. Mengintegrasikan Alam Semula Jadi dalam Alam Bina
iii. Pengangkutan dan Mobiliti
iv. Penggunaan Tenaga
v. Penggunaan Air
vi. Pengurusan Sisa Pepejal
vii. Pentadbiran dan Pengurusan Bandar




*Rajah: 'How Green Is Our City'*



*Gambar: Penerangan mengenai inisiatif hijau yang telah dilaksanakan di Putrajaya*




*Gambar: Lawatan Presiden Perbadanan Putrajaya beserta pegawai-pegawai Perbadanan Putrajaya di tapak pameran Perbadanan Putrajaya bagi memberi sokongan atas penerimaan anugerah pengiktirafan Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC2030c)*

## Pengurusan Operasi Tadika Islam MAIWP Presint 18, Putrajaya

Perbadanan Putrajaya telah menguruskan operasi Tadika Islam MAIWP Presint 18 Putrajaya sejak tahun 2017 menerusi Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan Perbadanan Putrajaya pada tahun 2016. Statistik bilangan kelas, pelajar dan guru bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah sepertimana dalam jadual berikut.

| TAHUN | KELAS | MURID | GURU |
|---|---|---|---|
| 2017 | 11 | 280 | 33 |
| 2018 | 11 | 284 | 30 |
| 2019 | 11 | 296 | 29 |

*Jadual: Statistik bilangan kelas, pelajar dan guru bagi tahun 2017 hingga 2019*

Pada tahun 2019, sebanyak empat (4) anugerah dan pencapaian telah diterima oleh Tadika Islam MAIWP Presint 18 seperti butiran di berikut:



i. Karnival Sukan Tadika Islam MAIWP Putrajaya
   a) Johan Rumah Kuning
   b) Johan Rumah Hijau



ii. Pertandingan Mewarna Kempen Keselamatan Kebakaran Kelab 3k Putrajaya
   a) 6 tahun - tempat kedua
   b) 5 tahun - tempat pertama

Pada tahun 2019, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Tadika Islam MAIWP Presint 18, Putrajaya. Antaranya seperti yang ditunjukkan dalam gambar-gambar berikut.



*Gambar: Lawatan sambil belajar ke Tadika PPIS Singapura.*



*Gambar: Lawatan sambil belajar ke Kidzania, Kuala Lumpur*




*Gambar: Program tanggungjawab sosial sempena Hari Wilayah Persekutuan*



*Gambar: Kempen Kesedaran Kesihatan Pendengaran Dan Pertuturan*



*Gambar: Program Hari Keluarga*



*Gambar: Sambutan Hari Malaysia*





# PENGURUSAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR

# PENGURUSAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR

## PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN

### Fasa Penyediaan Reka bentuk

Pembinaan infrastruktur sokongan pelancongan bagi laluan pejalan kaki dan laluan basikal di Putrajaya.



*Gambar: Bangku di pesisiran tasik dan teduhan hujan di Dataran Putrajaya*

### Fasa Pembinaan

i. Kerja-kerja penggantian karpet di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Presint 5



*Gambar: Kerja memasang gulungan karpet dan jubin karpet*

ii. Kerja-kerja ubah suai ruang pejabat untuk Pejabat Naib Presiden Kewangan, Bahagian Penilaian dan Pengurusan Aset, dan Pejabat Pesuruhjaya Bangunan di Aras 3 dan 4, Bangunan Annexe Persidangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3



*Gambar: Kerja-kerja memasang siling dan dry wall*

iii. Pembinaan 12 unit gerai penjaja di Presint 11





*Gambar: Kerja-kerja memasang pintu, tingkap, mengecat dan kerja luaran*

**Projek-projek Yang Telah Siap**

i. Kerja-kerja baik pulih dan menaik taraf Sistem Pencegah Kebakaran dan Sistem Kad Akses di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Presint 5 – siap pada Disember 2019





*Gambar: Bilik Kawalan Api dan Sistem Kad Akses*

ii. Penaiktarafan lampu LED Fasa 4, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3 – siap pada Ogos 2019



iii. Cadangan pembangunan empat (4) unit kiosk di Medan Selera, Presint 11 – siap pada Jun 2019





*Gambar: Laluan utama dan lobi dewan persidangan*



*Gambar: Kerja-kerja pembinaan kaunter dan pemasangan sengkuap*

iv. Kerja-kerja ubah suai ruang pejabat di Aras 7, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3




*Gambar: Pemasangan dinding sekatan (workstation) dan membina bilik*

v. Kerja-kerja pembaikan lapisan kalis air (*waterproofing*) di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC), Presint 5 – siap pada September 2019

vi. Kerja-kerja penggantian bumbung utama di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC), Presint 5 – siap pada Ogos 2019






*Gambar: Kerja-kerja pembaikan lapisan kalis air*

*Gambar: Kerja memasang kemasan bumbung baru*

# PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Pembangunan Infrastruktur Lot-lot Banglo di Presint 11 dan Presint 15

Pembangunan ini dilaksanakan bagi menyediakan infrastruktur khas untuk lot-lot banglo yang terdapat di Presint 11 dan Presint 15. Melibatkan dua (2) tapak di Presint 15 dan satu (1) tapak di Presint 11. Antara skop kerja yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Kerja-kerja tanah (*cut & fill*);
ii. Kerja-kerja pembinaan jalan dan perparitan termasuk pembinaan laluan pejalan kaki;
iii. Kerja-kerja penyediaan utiliti merangkumi bekalan air, elektrik, dan sistem pembentungan;
iv. Kerja-kerja pemasangan lampu jalan.



*Gambar: Presint 11*



*Gambar: Presint 15*

Kerja-kerja ini telah dimulakan pada 12 Jun 2019 dan dijangka siap pada 11 Jun 2020.

## Projek Pembangunan Bandar Selamat

Perbadanan Putrajaya telah menerima peruntukan pembangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk melaksanakan projek pembangunan bandar selamat. Elemen pembangunan bandar selamat yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

i. Pemasangan pagar keselamatan (*anti-climb*) di kawasan perumahan Jalan P9B, Presint 9



*Gambar: Sebelum pemasangan pagar keselamatan*



*Gambar: Selepas pemasangan pagar keselamatan*

ii. Kerja-kerja pemasangan papan tanda peringatan jenayah (polis) di kawasan Putrajaya







*Gambar: Pemasangan papan tanda peringatan jenayah*

iii. Kerja-kerja membina lintasan pejalan kaki di Jalan P9B berhampiran Surau Al-Iman, Presint 9





*Gambar: Pembinaan lintasan pejalan kaki*

## Penyelenggaraan Jalan Raya dan Perabot Jalan

Seluas 7,600 meter persegi permukaan jalan telah dibaiki merangkumi kerja-kerja memotong, mengorek, membersih dan menurap semula jalan. Manakala sebanyak 23,835 meter panjang kerja mengecat garisan tanda permukaan jalan telah dilaksanakan. Kerja-kerja penyelenggaraan ini turut meliputi perabot jalan seperti laluan pejalan kaki, papan tanda, *kerb*, *guardrail*, longkang, *sump*, bangku, *bollard*, *flexible post* dan bebendul jalan.





*Gambar: Kerja-kerja pembaikan permukaan jalan mengecat garisan tanda jalan*





*Gambar: Kerja-kerja pembaikan laluan pejalan kaki*

### Penyelenggaraan Lampu Awam

Sebanyak 27,421 unit lampu jalan, lampu taman, lampu persisiran tasik dan lampu fasad jambatan telah diselenggara melalui kontrak penyelenggaraan yang meliputi penyelenggaraan, pencegahan dan pembaikan. Selain itu, Perbadanan Putrajaya telah mula mensyaratkan kepada pihak pemaju untuk menyediakan lampu jalan dan lampu taman jenis *Light Emitting Diode* (LED) bagi projek baru yang akan dibangunkan. Sehingga kini, Putrajaya telah mempunyai sebanyak 936 unit lampu yang telah ditukar kepada jenis LED dan bilangan ini dijangka akan terus bertambah dari tahun ke tahun.



*Gambar: Kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan*



*Gambar: Kerja-kerja penyelenggaraan lampu taman dan pejalan kaki*




*Gambar: Kerja-kerja penyelenggaraan lampu jambatan di Jambatan Seri Gemilang*



*Gambar: Kerja-kerja penyelenggaraan lampu persisiran tasik Putrajaya*

| BIL. | LOKASI | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Jalan Masuk Kompleks Kerajaan E, Presint 1 | 5 |
| 2. | Jalan Alamanda, Presint 1 | 33 |
| 3. | Jalan Masuk Loji Air Dingin (GDC), Presint 1 | 6 |
| 4. | Jalan P3K, Presint 3 | 4 |
| 5. | Jalan KVDT, Presint 11 | 25 |
| 6. | Presint 12 | 133 |
| 7. | Presint 16 | 53 |
| 8 | Presint 20 | 107 |
| 9. | Jambatan dan Dataran Putra, Presint 1 | 264 |
| 10. | Lingkaran Putrajaya, Presint 7 | 52 |
| 11. | Lebuh Wawasan, Presint 8 | 68 |
| 12. | Lebuh Wadi Ehsan, Presint 19 | 74 |
| 13. | Jambatan Seri Ehsan, Presint 4 | 112 |
| **JUMLAH** | | **936** |

*Jadual: Lokasi dan jumlah lampu LED yang telah dipasang*

## Penyelenggaraan Jambatan

Bagi kemudahan infrastruktur seperti jambatan dan persimpangan bertingkat, sebanyak 48 struktur pelbagai jenis telah diselenggarakan seperti jadual di bawah:

| BIL | JENIS JAMBATAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Jambatan Mercu Tanda (Seri Bakti, Seri Bestari, Seri Setia, Seri Gemilang, Seri Saujana, Seri Wawasan, Seri Perdana, Jambatan Putra, Seri Ehsan) | 9 |
| 2 | Persimpangan Bertingkat | 14 |
| 3 | Terowong (Kenderaan, Motosikal dan Pejalan Kaki) | 23 |
| 4 | *Bebo Arch* | 2 |

*Jadual: Jenis dan bilangan jambatan di Putrajaya*





*Gambar: Kerja-kerja pembersihan bebo arch*





*Gambar: Kerja-kerja pembersihan di persimpangan jalan masuk Perdana Putra*





*Gambar: Kerja-kerja pembersihan di Jambatan Seri Perdana*





*Gambar: Kerja-kerja menampal jalan berlubang di Jambatan Seri Perdana*





*Gambar: Kerja-kerja menampal jalan berlubang di persimpangan Presint 15*

### Penyelenggaraan Papan Tanda ID

| PEMBAIKAN | JUMLAH |
|---|---|
| Kerja-kerja Pembaikan Papan Tanda ID Sekitar Putrajaya | 215 Unit |

*Jadual: Bilangan pembaikan papan tanda ID*



*Gambar: Kerja pembaikan papan tanda ID*

### Penyelenggaraan Persisiran Tasik

Penyelenggaraan persisiran tasik adalah untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengguna. Jadual di bawah menunjukkan jenis dan jumlah penyelenggaraan yang telah dijalankan:

| BIL | PENYELENGGARAAN SISIRAN TASIK | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Mengecat Pegola | 1,179 m² |
| 2 | Pembaikan *Pebble Wash* | 385 m² |
| 3 | Pembaikan *Compress Tile* | 359 m² |
| 4 | Pembaikan *Grating* | 12 Unit |
| 5 | Pembaikan Kerusi Taman | 74 unit |
| 6 | Pembaikan *Granite* | 7 m² |
| 7 | Pembaikan *Concrete Imprint* | 40 m² |
| 8 | Pembaikan Bunga Tiang Pagar | 133 unit |
| 9 | Pembinaan Longkang | 236 m |
| 10 | Pembaikan *Concrete Slab* | 60 m² |
| 11 | Pembaikan Bumbung Pegola | 198 m² |
| 12 | Mengecat Wakaf | 6 unit |
| 13 | Mengecat Pagar Besi | 731 m² |
| 14 | Mengecat Tiang Konkrit | 222 unit |
| 15 | Pembaikan *Intrerlocking* | 280 m² |
| 16 | Palang Keselamatan | 15 unit |

*Jadual: Jenis dan bilangan infrastruktur di pesisiran tasik Putrajaya*





*Gambar: Kerja-kerja pembaikan board walk*

## Penyelenggaraan Sistem Perparitan Utama, GPT dan Kolam Tadahan

Sistem perparitan utama perangkap bahan pencemar kasar (gross pollutant trap, GPT) dan kolam tadahan di Putrajaya perlu diperiksa dan diselenggara secara berkala bagi memastikan sentiasa berada dalam keadaan baik, tidak tersumbat dan bersih. GPT terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu konvensional dan bukan konvensional.

Sehingga kini, Perbadanan Putrajaya telah mengambil alih saliran tertutup sepanjang 90 km, saliran terbuka sepanjang 1.912 km, dan 1,912m *open drain*, 365 unit GPT dan 10 buah kolam tadahan untuk diselenggara.



*Gambar: Pembersihan kolam tadahan di Presint 5*



*Gambar: Aktiviti penyelenggaraan GPT jenis bukan konvensional*



*Gambar: Aktiviti penyelenggaraan GPT jenis konvensional*

## Penyelenggaraan Taman Permainan Kanak-Kanak (TPK) dan *Outdoor Fitness Station* (OFS) di Kawasan Awam

Sebanyak 90 unit taman permainan kanak-kanak (TPK) termasuk *Outdoor Fitness Station* (OFS) telah diselenggara melalui kontrak penyelenggaraan. Skop kerja yang terlibat adalah kerja-kerja pembersihan rutin dan penggantian peralatan permainan yang rosak.

Perbadanan Putrajaya juga sedang dalam usaha untuk menaiktaraf semua TPK di Putrajaya supaya selari dengan kehendak MS966:2017 dan MS2665:2017.




*Gambar: Persediaan kerja menyelenggara peralatan TPK*





*Gambar: Kerja-kerja menaik taraf lantai TPK*

## Operasi dan Penyelenggaraan Terowong Utiliti Guna Sama

*Common Utility Trench* (CUT) merupakan sebuah terowong sepanjang 10.8km yang menempatkan kabel Tenaga Nasional Berhad (TNB), kabel Telekom Malaysia Berhad (TM), paip Gas Malaysia Berhad, paip Gas District Cooling (GDC) dan paip Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) termasuk kabel-kabel gentian optik dan juga rangkaian paip air untuk tujuan pengairan landskap. Terdapat juga komponen-komponen di luar terowong seperti bilik kawalan yang dikenali sebagai Local Action Centre (LAC), laluan kakitangan (*personnal access*) serta bilik ambilan udara dan kipas ekzos.

Kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan CUT dijalankan oleh kontraktor penyelenggaraan yang melibatkan skop kerja pembersihan, kawalan keselamatan, operasi bilik kawalan 24 jam, penyelenggaraan peralatan elektrikal dan mekanikal, penyelenggaraan sistem pengurusan terowong dan sebagainya.

Pengeluaran permit kerja di dalam terowong juga turut dilaksanakan selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 154) dan Tataamalan Industri Bekerja Selamat di Ruang Terkurung, 2010. Bagi tujuan itu, beberapa orang pekhidmat Perbadanan Putrajaya telah dihantar berkursus di Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bagi melayakkan diri untuk mengeluarkan permit bekerja di ruang terkurung.

Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Hospital Putrajaya dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) telah mengadakan latihan kebakaran dan pengurusan bencana untuk memberi latihan dan pendedahan kepada Pasukan Tindakan Kecemasan selaras dengan Pelan Tindakan Kecemasan bagi CUT.



*Gambar: Lawatan tapak memeriksa keadaan terowong kabel TNB*



*Gambar: Penyelenggaraan pam di dalam CUT*





*Gambar: Aktiviti latihan kebakaran di dalam CUT*




*Gambar: Aktiviti latihan pengurusan bencana di CUT*



*Gambar: Lawatan tapak berkaitan isu kebocoran air di CUT*



*Gambar: Pengujian bunyi bagi mengenalpasti punca kebocoran di CUT*



*Gambar: Latihan Authorised Gas Tester Entry Supervisor (AGTES) di NIOSH*





### Penyelenggaraan Sesalur IT dan Kabel Gentian Optik

Kemudahan Sistem IT di Putrajaya meliputi rangkaian Putranet, CCTV, *Variable Messaging Signages* (VMS) dan IP Phone yang dihubungkan secara bersepadu melalui jaringan kabel gentian optik yang dipasang di dalam sesalur IT. Jaringan struktur sesalur IT ini perlu diperiksa secara berjadual bagi memastikan kabel gentian optik yang dipasang di dalamnya tidak tersumbat, putus atau pecah dan boleh menyebabkan gangguan kemudahan-kemudahan IT yang terlibat. Penyelenggaraan sesalur IT dilaksanakan melalui kontrak penyelenggaraan untuk tempoh dua (2) tahun yang merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan pembaikan.



*Gambar: Kerja pembaikan kabel gentian optik yang putus*

### Penyelenggaraan Sistem Lampu Isyarat dan Operasi Putrajaya Command Centre (PCC)

Sebanyak 1,152 unit lampu isyarat di 184 persimpangan lampu isyarat di seluruh Putrajaya telah diselenggara termasuk empat (4) lampu isyarat di persimpangan yang menggunakan *countdown timer*. Selain itu, sebanyak 23 persimpangan telah dipasang lampu isyarat untuk lorong basikal di Presint 2, 3, 4, 5, 8, 14 dan 18 bagi kemudahan lintasan pengguna berbasikal.

Operasi trafik yang dilaksanakan di PCC bertujuan untuk memantau keadaan trafik semasa waktu puncak/waktu acara kekuatan lima (5) petugas secara berpusat dengan menggunakan sistem *InTelligent and Adaptive Control Area* (ITACA).



*Gambar: Operasi di PCC*






*Gambar: Kerja-kerja penyelenggaraan lampu isyarat*

## PENYELENGGARAAN KUARTERS KERAJAAN DAN BANGUNAN KEMUDAHAN AWAM




*Carta: Bilangan kontrak penyelenggaraan*




*Rajah: Pecahan Nilai Kontrak Penyelenggaraan.*

Carta di atas menunjukkan pecahan bilangan kontrak penyelenggaraan. Sejumlah 20 kontrak bagi kuarters pangsapuri kerajaan milik Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri dan 15 lagi kontrak bagi bangunan kemudahan awam seperti Kompleks Kejiranan, Dewan Serbaguna, Pasar Awam dan Medan Selera.

Jumlah kontrak bagi kuarters pangsapuri kerajaan milik Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), JPM, adalah sebanyak RM187,694,837.50. Jumlah kontrak penyelenggaraan bagi bangunan kemudahan awam adalah sebanyak RM120,138,605.00. Jumlah keseluruhan kontrak adalah sebanyak RM307,833,442.50.

## Pengurusan Permohonan Pembaikan Kerosakan di Kuarters Kerajaan.

Sepanjang tahun 2019, Perbadanan Putrajaya merekodkan penerimaan 54,312 permohoan dan aduan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan kerosakan di Pangsapuri Kuarters Kerajaan di Putrajaya. Permohonan dan aduan yang direkodkan merangkumi kerja-kerja pembaikan sivil, mekanikal, elektrikal, landskap, taman permainan kanak-kanak dan kawasan sekitar.

Sejumlah 50,914 (94%) permohonan telah berjaya atau selesai dilaksanakan. Baki 3,398 (6%) permohonan aduan pembaikan yang kebanyakannya di terima pada hujung tahun 2019 dirancang untuk dilaksanakan pada awal tahun 2020.

Selain itu, terdapat beberapa permohonan/aduan dikenal pasti mengambil masa yang lama untuk kerja-kerja pembaikan seperti penggantian pintu yang rosak, kebocoran siling tandas dan penggantian jubin lantai yang memerlukan tempoh masa tempahan bahan dan temujanji dengan penghuni kediaman bagi menetapkan masa pembaikan.




*Rajah: Rekod aduan penyelenggaraan kuarters tahun 2019*

## Inovasi Penyelenggaraan

Antara inovasi dan pendekatan yang dikenal pasti bagi menambah baik sistem pengurusan kontrak perkhidmatan penyelenggaraan adalah melalui penggunaan Sistem Pengurusan Operasi, Aset dan Penyelenggaraan Fasiliti (*Facilities Operation Asset Maintenance Management System*, FOAMMS), *portable motor control panel* dan *portable lighting*.

Objektif inovasi ini adalah bertujuan untuk mengoptimumkan proses kerja dan meningkatkan kualiti serta produktiviti kerja khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan penyelenggaraaan.




*Rajah: Inovasi bagi menambah baik sistem pengurusan kontrak perkhidmatan penyelenggaraan*





*Gambar: Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan kemudahan awam*




*Gambar: Kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan di kuarters kerajaan*




*Gambar: Kerja-kerja pembaikan penyaman udara di kuarters kerajaan dan bangunan kemudahan awam*





*Gambar: Kerja-kerja pembaikan lif di kuarters kerajaan dan bangunan kemudahan awam*




*Gambar: Kerja-kerja pembaikan lot-lot kedai di Medan Selera yang telah disiapkan*




*Gambar: Kerja-kerja pembaikan taman permainan kanak-kanak yang telah disiapkan*




*Gambar: Kerja-kerja membaik pulih kolam renang yang telah siap*



# PERKHIDMATAN PERBANDARAN

# PERKHIDMATAN PERBANDARAN

## SMART CITY

Konsep Smart City menggunakan teknologi untuk membantu kerajaan dan masyarakat dari segi infrastruktur dan perkhidmatan seperti penggunaan data dan komunikasi bagi mengatasi cabaran perbandaran yang dihadapi termasuk cabaran keselamatan, pengangkutan, alam persekitaran, pendidikan, sosial dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu pada tahun 2018 Perbadanan Putrajaya telah menghasilkan Rangka Tindakan Bandar Pintar Putrajaya yang mempunyai 93 inisiatif bagi menjadikan Putrajaya sebuah Smart City menjelang tahun 2025. Di dalamrangka tindakan yang dilancarkan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad pada 3 Oktober 2019, tujuh (7) domain telah digariskan iaitu ***Smart Transportation & Mobility, Smart Home & Environment, Smart Government Services, Smart Infrastructure & Utilities, Smart Safety & Security, Smart Economy dan Smart Community***.



*Gambar: Pelancaran Rangka Tindakan Bandar Pintar Putrajaya oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan*

Sehingga kini, sebanyak 30 daripada 93 inisiatif telah dimulakan dengan kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak yang terdiri daripada jabatan-jabatan dalaman Perbadanan Putrajaya, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan juga komuniti Putrajaya. Peratusan pencapaian inisiatif Smart Putrajaya bagi setiap domain sehingga akhir tahun 2019 adalah seperti carta berikut:




*Carta: Peratusan pencapaian inisiatif Smart Putrajaya sehingga akhir 2019*

Perbadanan Purajaya telah melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan Smart Putrajaya. Aktiviti-aktiviti tersebut dibahagikan mengikut tujuh (7) domain Smart Putrajaya sepanjang 2019 seperti berikut:

### Smart Transporation & Mobility

Bagi aplikasi *micro-mobility* seperti *e-scooter*, *shared bicycle* dan seumpamanya, Perbadanan Putrajaya telah merangka deraf *Micro-Mobility Guideline* bagi memberi garis panduan kepada operator *micro-mobility* yang ingin beroperasi di Putrajaya. Selain itu, Perbadanan Putrajaya telah bekerjasama dengan beberapa operator untuk melaksanakan *micro-mobility* di kawasan Putrajaya mengikut panduan yang ditetapkan.

Ke arah pelaksanaan *Autonomous Vehicle* (AV), Perbadanan Putrajaya telah berjaya melaksanakan koordinasi pengujian dan pelaksanaan AV menggunakan teknologi 5G semasa Majlis Pelancaran *5G Test Bed & Showcase* di Putrajaya pada April 2019. Seterusnya Perbadanan Putrajaya telah memulakan kerjasama dengan syarikat tempatan bagi penggunaan AV di Putrajaya.




*Gambar: Pengujian dan pelaksanaan AV menggunakan teknologi 5G*

Perbadanan Putrajaya turut menjalinkan kerjasama strategik dengan *Touch n' Go eWallet* bagi program JomTeksi di Putrajaya. Program ini menjurus kepada *cashless & connected Taxi Ride*.

Perbadanan Putrajaya juga mengalu-alukan implementasi dan penggunaan *Electric Vehicle* (EV) di Putrajaya. Bagi merealisasikan penggunaan EV dengan lebih meluas, perbincangan dengan beberapa pihak telah dilakukan.

## Smart Home & Environment

Perbadanan Putrajaya telah menjalinkan pelbagai kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta dalam domain ini. Antaranya termasuk kerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi pemasangan meter elektrik *Smart Meter* TNB. Selain itu, TNB turut terlibat dalam perkongsian teknologi *Smart Street Light* dengan komuniti dalam dan luar Putrajaya. Kerjasama antara Perbadanan Putrajaya dengan TNB ini diteruskan dengan perancangan pemasangan fotovoltan solar (*solar* PV) di premis-premis Perbadanan Putrajaya bagi menjaga alam sekitar dan menjimatkan penggunaan tenaga.




*Gambar: Pengujian dan pelaksanaan AV menggunakan teknologi 5G*

Pelaksanaan meter air pintar juga telah dirancang di Putrajaya. Perbadanan Putrajaya telah memulakan perbincangan dengan Pengurusan Air Selangor (SYABAS) bagi pemasangan *smart meter* ini.

Tasik Putrajaya merupakan elemen penting di Putrajaya. Oleh itu, Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan pemantauan hidrologi dan pencemaran tasik yang disambungkan secara terus dengan Putrajaya Command Centre (PCC) yang berpusat di Perbadanan Putrajaya.

Ketika masalah jerebu melanda negara, Perbadanan Putrajaya telah mengambil inisiatif mengintergrasikan *Air Quality Index* Jabatan Alam Sekitar di dalam Putrajaya *Mobile App* sebagai langkah makluman awam kepada orang ramai mengenai kualiti udara di kawasan Putrajaya.

## Smart Government Services

Putrajaya Command Centre (PCC) merupakan pusat operasi bersepadu yang dibangunkan oleh Perbadanan Putrajaya untuk kegunaan bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Putrajaya, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Hospital Putrajaya serta Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memastikan pengurusan trafik, bencana, kebersihan dan keselamatan penduduk, pengunjung dan orang awam di Putrajaya sentiasa terpelihara.

PCC berfungsi memantau kawasan-kawasan strategik di Putrajaya dengan menggunakan CCTV beresolusi tinggi yang dilengkapi dengan teknologi *Intelligent Video Analytics* (IVA). IVA mempunyai keupayaan untuk mengesan pencerobohan di kawasan-kawasan larangan, mengesan tingkah laku yang mencurigakan, mengesan objek-objek yang ditinggalkan dengan sengaja, mengesan kecurian aset, mengira jumlah kenderaan mengikut jenis, mengesan perhimpunan orang ramai, mengesan kenderaan yang dipandu melawan arah dan mengekori pergerakan objek yang ingin dipantau. Bagi lokasi-lokasi CCTV yang dilengkapi dengan sistem siar raya, petugas di PCC boleh menyampaikan arahan dan amaran kepada pelaku tanpa memerlukan petugas ke kawasan tersebut sekiranya berlaku sebarang salah laku. Sistem CCTV juga dapat membantu pasukan trafik Perbadanan Putrajaya dan pihak berkuasa menguruskan trafik serta memantau kes yang melibatkan kemalangan jalan raya di Putrajaya.

PCC bertindak memberi respon kepada orang awam yang menggunakan *Panic Button* (butang cemas fizikal dan aplikasi mudah alih) apabila berlaku kecemasan dan mengambil tindakan mengikut *Standard Operating Procedure* yang telah ditetapkan.

PCC turut dilengkapi bilik koordinasi yang lengkap bagi membolehkan pihak berkuasa melaksanakan koordinasi serta merancang pelan keselamatan sekiranya terjadi bencana seperti banjir, tanah runtuh atau kebakaran besar. PCC telah dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan pada 3 Oktober 2019.

PUTRAJAYA
COMMAND CENTRE

*Gambar: Logo Putrajaya Command Centre*

Bagi terus meningkatkan keupayaan PCC, perlaksanaan *proof of concept* sistem *Integrated Operation Centre* (IOC) telah dimulakan oleh Perbadanan Putrajaya. IOC berfungsi sebagai *One-Stop Dashboard System* yang mengumpulkan maklumat-maklumat seperti data dari CCTV, *Panic Button*, media sosial dan Sistem Kawalan Punca Pencemaran Alam Sekitar di Tasik Putrajaya. Analisa melalui IOC juga dapat membantu operasi PCC.




*Gambar: Putrajaya Mobile App*

Putrajaya *Mobile App* merupakan satu produk penting Perbadanan Putrajaya dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian dan penggunaan *app* secara menyeluruh di Putrajaya. Antara fungsi utama di dalam Putrajaya *Mobile App* adalah memaparkan hebahan acara-acara dan tempat-tempat menarik yang berlangsung di Putrajaya, *mobile Panic Button* yang berhubung terus dengan PCC dan juga pembelian tiket secara *online*. Pada tahun 2019, penambahbaikan *app* ini telah dilakukan dengan kerjasama rakan strategik selaras dengan keperluan semasa.

Selain penambahbaikan Putrajaya *Mobile App*, beberapa lokasi di Putrajaya telah ditambah dengan *Centralized Electronic Bulletin Board* (CEBB) seperti di Taman Botani Putrajaya, Taman Wetland Putrajaya dan Kompleks Perbadanan Putrajaya. Melalui CEBB, segala makluman awam terutama makluman kecemasan dapat disalurkan dengan segera kepada orang ramai secara berpusat dari PCC. Ini bagi memastikan hanya berita dari sumber yang sahih dan berautoriti diterima.

Sistem Pemantauan OSC 3.0 merupakan sistem yang dibangunakan oleh Perbadanan Putrajaya bagi menerima, memproses dan memantau kelulusan perancangan, pembangunan, permit kerja dan landskap secara *online*. Sistem ini telah siap sepenuhnya pada akhir 2017. Sejak itu, pelbagai anugerah dan pengiktirafan telah diterima oleh sistem ini. Antaranya ialah Anugerah Presiden di Malaysia Institute of Planners (MIP) *Planning Excellence Award 2018*, Anugerah Emas 5 Bintang di Konvensyen Regional Team Excellence (RTEx) 2019, Anugerah Emas 5 Bintang di Annual Productivity and Innovation Conference Exposition (APIC) 2019 dan Pemenang Kategori Sektor Awam (Negeri) di APIC 2019. Selain itu, sistem ini telah diiktiraf oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai satu-satunya sistem yang mematuhi prosedur OSC 3.0 bagi pemantauan kelulusan dan pembinaan bangunan sehingga ke peringkat CCC. Oleh yang demikian, sistem ini telah menjadi asas kepada pembangunan Sistem OSC *3 Plus* yang dibangunkan untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia. Perbadanan Putrajaya telah mempromosikan Sistem Pemantauan OSC 3.0 di acara pameran, persidangan dan pembentangan seperti di Malaysia Urban Forum (MUF) 2019, Digital Putrajaya Exhibition & Conference (DiPEC) 2019, National Planning Congress (NPC) 2019 dan KL Summit 2019. Promosi ini bertujuan untuk berkongsi *success story* sistem dengan pihak-pihak lain terutama PBT di Malaysia.

## Smart Infrastructure & Utilities

Perbadanan Putrajaya telah mengganggotai Jawatankuasa Task Force 5G Malaysia bagi kategori *Infrastructure Working Group* dan *Regulatory Working Group*. Perbadanan Putrajaya juga telah mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi bagi mempertingkatkan jaringan telekomunikasi di sekitar Putrajaya.

Bagi memperkukuhkan peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengawal keselamatan Putrajaya, Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan koordinasi di antara syarikat Telekom Malaysia Berhad (TM) dan PDRM Bukit Aman bagi meningkatkan jaringan komunikasi PDRM di Putrajaya.

Kerjasama Perbadanan Putrajaya bersama-sama TM diteruskan dengan pelaksanaan Wi-Fi percuma di Putrajaya terutama di premis-premis milik Perbadanan Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya turut bekerjasama dengan TM dan pemaju-pemaju bangunan di Putrajaya untuk meningkatkan pemasangan jaringan fiber optik. Pemaju bangunan komersial, pejabat dan perumahan turut bekerjasama dengan Perbadanan Putrajaya bagi menyediakan infrastruktur Smart City seperti *Smart* CCTV, *Panic Button* dan *Centralized Electronic Bulletin Board* (CEBB) di kawasan mereka serta disambungkan dengan Putrajaya Command Centre (PCC) bagi tujuan keselamatan dan hebahan awam.

## Smart Safety & Security

Bagi pelaksanaan Smart City di dalam domain ini, Perbadanan Putrajaya banyak bekerjasama dengan agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di Putrajaya. Antara kerjasama yang dilakukan ialah:

i. Koordinasi operasi Putrajaya Command Centre (PCC) bersama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya, Bomba, Hospital Putrajaya, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI);

ii. Operasi pemantauan dan keselamatan menggunakan *drone* di Putrajaya bersama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan IPD Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya telah menerima peruntukan untuk membuat penambahan 200 unit CCTV dan 50 *Panic Button* menjelang tahun 2021. Sehingga penghujung tahun 2019, sebanyak 262 CCTV dan 39 *Panic Button* telah dipasang di seluruh Putrajaya. Selain itu, PPj juga telah menetapkan keperluan Smart City pada peringkat Kelulusan Kebenaran Merancang sebagai usaha untuk memastikan infrastruktur yang diperlukan dapat disediakan ketika masih diperingkat awal pembangunan.Ini bagi membantu meningkatkan pemantauan keselamatan penduduk, pelawat, orang ramai dan harta benda.

## Smart Economy

Perbadanan Putrajaya sentiasa menggalakkan penggunaan *cashless* sebagai salah satu pilihan pembayaran di Putrajaya. Perbadanan Putrajaya sendiri telah melaksanakan penggunaan *cashless* di beberapa acara anjurannya seperti:

i. Festival Ramadan Putrajaya 2019 menggalakkan para peniaga menyertakan opsyen pembayaran secara *eWallet* selain tunai;

ii. FLORIA Diraja Putrajaya 2019 melakukan penjualan tiket menggunakan Putrajaya *Mobile App*.




*Gambar: Pilihan pembayaran menggunakan eWallet di Festival Ramadan Putrajaya 2019*

Selain itu, Perbadanan Putrajaya turut bekerjasama dengan pihak swasta dalam menggalakkan pembayaran tanpa tunai di Putrajaya seperti berikut:

i. Pembayaran tanpa tunai menggunakan eWallet bagi pengguna teksi bersama *TnG Digital* di dalam program JomTeksi;

ii. Projek percubaan *school cashless* di dua (2) buah sekolah rendah di Putrajaya.

Projek percubaan *school cashless* adalah untuk murid-murid, guru-guru, ibu bapa dan operator kantin mengaplikasikan penggunaan *wearables* dan *mobile app*. Cara ini menjadikan:

i. Transaksi pembayaran murid-murid di kantin sekolah secara *cashless* dan lebih cepat;

ii. Membolehkan ibu bapa memberi duit belanja kepada anak-anak menggunakan *mobile app* yang dihubungkan dengan *online banking* di samping ibu bapa tidak perlu lagi mengalami masalah mencari duit kecil;

iii. Membantu ibu bapa memantau perbelanjaan anak seperti makanan dan minuman yang mereka belanjakan di kantin;

iv. Membolehkan sekolah mendapatkan maklumat makanan dan minuman yang dibeli oleh murid-murid. Data yang ada dapat membantu sekiranya terdapat kes seperti keracunan makanan di sekolah;

v. Memudahkan para guru mendaftar kehadiran murid-murid di dalam kelas dan menjadikan maklumat kehadiran murid lebih cepat diperolehi;

vi. Lokasi murid-murid lebih mudah dikesan dengan penggunaan *wearables*.

Koordinasi pelaksanaan projek percubaan ini telah dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan syarikat swasta. Pelaksanaan projek percubaan ini akan dibuat pada tahun 2020.

Salah satu inisiatif di dalam domain *Smart Economy* adalah *Smart Tourism*. Bagi inisiatif *Smart Tourism*, promosi dan pengalaman berkaitan produk dan tempat pelancongan dimasukkan elemen teknologi terkini seperti penggunaan *Virtual Reality* (VR) dan *Augmented Reality* (AR). Pelaksanaan *Smart Tourism* oleh Perbadanan Putrajaya dalam acara dan produk pelancongan di Putrajaya adalah seperti berikut:

i. Penggunaan AR semasa acara Putrajaya International Islamic Arts & Cultural Festival 2019;

ii. Perancangan penambahan elemen AR dan VR dan lain-lain elemen teknologi bagi kerja menaik taraf *Nature Interpretive Centre* (NIC) di Taman Wetland Putrajaya;

iii. Penggunaan VR *Cardboard* untuk mempromosikan Taman Botani Putrajaya.



*Gambar: Penggunaan AR sebagai salah satu tarikan semasa PIIACUF 2019*

## Smart Community

Perbadanan Putrajaya telah memuktamadkan reka bentuk lot Putrajaya Open Inovation (POINT) di Kompleks Perbadanan Putrajaya. Kewujudan POINT adalah penting bagi pelaksanaan program-program berkaitan *Smart Community* seperti program inovasi dan teknologi bagi murid-murid sekolah, pelajar-pelajar universiti dan komuniti Putrajaya. Apabila pembangunan POINT selesai, Perbadanan Putrajaya akan melaksanakan kolaborasi bersama pihak awam dan swasta yang berminat melakukan program-program CSR berbentuk inovasi di POINT. Malahan ketika ini, program-program POINT boleh dilaksanakan di premis-premis milik Perbadanan Putrajaya seperti di Kompleks Kejiranan dan Dewan Persidangan.



*Gambar: YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan diterangkan mengenai reka bentuk POINT*

Selain daripada pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan domain *Smart* Putrajaya, Perbadanan Putrajaya turut terlibat di dalam pelbagai penganjuran pameran dan acara seperti:

i. Malaysia Urban Forum (MUF) 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 18 hingga 19 Februari 2019 yang dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia;

ii. Koordinasi bersama Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (MCMC) bagi Majlis Pelancaran *5G Testbed & Showcase* di Putrajaya pada 18 April 2019 yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia;

iii. Digital Putrajaya Exhibition & Conference (DiPEC) 2019 di Putrajaya pada 3 hingga 5 Oktober 2019 yang dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan;

iv. National Planning Congress (NPC) 2019 di Putrajaya pada 5 November 2019 yang dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;

v. Pameran semasa Sidang Kemuncak Kuala Lumpur (KL Summit 2019) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 18 hingga 21 Disember 2019 yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia;

vi. Koordinasi penganjuran Festival *Living in Future Times – Literacy in Financial Technology* anjuran Kementerian Kewangan Malaysia pada 28 hingga 29 Disember 2019.

Pameran mengenai *Smart* Putrajaya ini sebagai *awareness* kepada semua serta berkongsi perancangan dan pembangunan mengenai *Smart* Putrajaya. Pada masa yang sama, ia juga merupakan *platform networking* di antara Perbadanan Putrajaya dengan pihak lain yang berminat melaksanakan inisiatif *Smart* Putrajaya.




*Gambar: Majlis Pelancaran 5G Testbed & Showcase pada 18 April 2019*




*Gambar: Majlis Perasmian DiPEC 2019, Putrajaya Command Centre (PCC) dan Putrajaya Smart City Blueprint oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan pada 3 Oktober 2019*

Bagi mencapai hasrat menjadikan Putrajaya sebagai *living lab* dan *showcase area* di dalam menyelesaikan isu-isu perbandaran dan kehidupan menggunakan teknologi, Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan penglibatan semua termasuk orang awam dan pihak swasta untuk bekerjasama dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan Smart Putrajaya. Blueprint Smart Putrajaya boleh dimuat turun di portal Perbadanan Putrajaya.

# SEWAAN DAN PELESENAN PERNIAGAAN

## Program Pembangunan Perniagaan

**i. Pembangunan Ruang Niaga Komersial di Persiaran Perdana (Presint 2 dan Presint 3)**

Inisiatif pembinaan ruang komersial di Persiaran Perdana atau lebih dikenali sebagai Kios Merah terhasil susulan daripada hasil kajian mengenai keperluan kios tambahan. Idea tercetus daripada YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad yang ingin melihat suasana meriah di kawasan tersebut, khususnya pada waktu malam. Empat (4) unit kios berukuran 4m x 4m telah berjaya dibangunkan dan dijangka siap pada Mac 2020.





*Gambar: Pembentangan mengenai perkembangan kerja-kerja di tapak projek kepada YAB Tun Dr Mahathir*

**ii. Program Putrajaya Live Lab**

Program kerjasama dengan Invest KL ini bertujuan menarik pelabur ke Putrajaya dengan menggunakan model yang telah berjaya dilaksanakan di Kuala Lumpur. Bagi memulakan program, taklimat program telah diberikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) kepada semua *stakeholder* kementerian dan agensi di Putrajaya. Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Putrajaya Live Lab dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Putrajaya Live Lab akan ditubuhkan untuk membentuk dasar dan hala tuju permbangunan komersial yang berdaya maju di Putrajaya.





*Gambar: Bengkel Putrajaya Live Lab bersama kementerian dan agensi di Putrajaya*

**iii. Kembara Mencari Usahawan Edisi Selatan, Tengah dan Timur**

Siri Program Mencari Usahawan diteruskan bagi Edisi Selatan, Tengah dan Timur bertujuan mengenal pasti prospek-prospek peniaga untuk dijemput berniaga di Putrajaya. Antara peniaga yang berjaya dibawa ke Putrajaya termasuk Food Valet, BBQ Kemensah dan 13 peniaga lain yang berminat serta diserahkan kepada Pulse Group untuk diberi penilaian bagi tujuan pengoperasian Taman Warisan Pertanian.





*Gambar: Kembara Mencari Usahawan Edisi Selatan, Tengah dan Timur*

### iv. Karnival Food Truck (KFT) 2019

Penganjuran Karnival Food Truck (KFT) 2019 telah diadakan pada 25 hingga 28 Julai 2019 bersempena Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya (PIIACUF) 2019. KFT bertujuan memperkenalkan peniaga-peniaga *Food Truck* Putrajaya kepada komuniti Putrajaya serta pengunjung KFT dan PIIACUF tentang kewujudan dan kejayaan Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera di kalangan penduduk Putrajaya melalui Pembangunan Usahawan Baru Food Truck. Bagi menarik kehadiran lebih ramai pengunjung ke KFT, acara sampingan KFT telah diadakan seperti FT Food Challenge, Jualan FT *Happy Hour*, Teater Muzikal Islam oleh Tadika Islam MAIWP, Bengkel dan Pertandingan *Terrarium* serta pertandingan memasak. Dianggarkan pendapatan peniaga-peniaga *Food Truck* mencapai RM100,000 bagi sepanjang tempoh empat (4) hari acara berlangsung.





*Gambar: Karnival Food Truck Putrajaya sempena 2019*

### v. Festival Ramadhan Putrajaya (FRP) 2019

Tahun 2019 merupakan tahun pertama Festival Ramadhan Putrajaya (FRP) dianjurkan dengan menggunakan konsep tawaran iklan (*Request For Proposal*) kepada penganjur yang berkebolehan dan melepasi penilaian kewangan. Ia bertujuan memberi keuntungan kepada Perbadanan Putrajaya dalam bentuk nilai wang dan kepelbagaian program serta variasi jualan FRP. Terdapat tiga (3) komponen FRP iaitu Jualan Anjung Syawal, Laman Iftar dan jualan di Kiblat Walk. TGE Resources Sdn. Bhd. telah dipilih sebagai penganjur FRP dan membayar sejumlah RM150,000 kepada Perbadanan Putrajaya untuk sewaan tapak.

Kejayaan FRP termasuk mencapai anggaran pengunjung berjumlah 1,000,000 orang selama tempoh 35 hari penganjuran. Jumlah kos penganjuran FRP menurun kepada 60% berbanding tahun 2018 dan jumlah liputan promosi FRP dengan nilai *advertising value equivalent* (AVE) RM883,000 meningkat kepada 109% berbanding tahun 2018 mendapat liputan antarabangsa daripada Indonesia dengan sokongan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MoTAC). FRP juga dirujuk sebagai penganjuran acara Festival Ramadan paling tersusun oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan.



*Gambar: Festival Ramadan Putrajaya 2019*



*Gambar: Bazar Ramadhan Putrajaya*

### vi. Bazar Ramadan Putrajaya

Bazar Ramadan Putrajaya telah berubah lokasi dari kawasan parkir kenderaan bersebelahan Istana Kehakiman ke lokasi baharu bersebelahan Masjid Tuanku Mizan. Perubahan lokasi ini bertujuan memudahkan umat Islam menunaikan solat selepas berbuka puasa selain boleh berbuka puasa secara santai di Laman Perbadanan Putrajaya. Bazar Ramadan Putrajaya telah menempatkan seramai 300 peniaga yang menjual lebih 1000 menu daripada enam (6) kategori makanan iaitu kuih-muih, lauk-pauk, bakar-bakar, air minuman, air tebu/air kelapa dan lain-lain. Bazar Ramadan Putrajaya ini berjaya menarik pembeli bukan sahaja daripada kalangan penduduk dan pekerja di Putrajaya, malah pengunjung dan pelancong di sekitar Putrajaya.

**vii. Perasmian Outlet Karyaneka di Putrajaya (1 Oktober 2019)**

Perbadanan Putrajaya telah berbesar hati menyewakan kios bagi cawangan Karyaneka yang ke-12 di Dataran Putra, Presint 1. Cawangan ini merupakan pusat jualan kraf tempatan yang pertama di Putrajaya dan sebagai satu saluran memasarkan produk-produk kraf yang dihasilkan oleh usahawan tempatan daripada seluruh negara terutamanya komuniti Putrajaya. Kerjasama antara Kraftangan Malaysia dengan Perbadanan Putrajaya di bawah Program Pembangunan Ekonomi Bumiputera (PEB) telah diadakan untuk membentuk satu komuniti kraf di Putrajaya untuk menghasilkan produk-produk kraf ikonik Putrajaya, seterusnya dapat menjana pendapatan warga Putrajaya.






*Gambar: Perasmian cawangan Karyaneka di Putrajaya dengan kerjasama Kraftangan Malaysia dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya.*

## Sewaan Lot Niaga

Sebanyak 235 daripada 267 lot niaga milik Perbadanan Putrajaya telah berjaya disewakan. Maklumat penyewaan lot niaga tersebut adalah seperti jadual berikut:

| BIL | PREMIS | JUMLAH KESELURUHAN LOT | JUMLAH PREMIS YANG DISEWAKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Selera Putra, Presint 1 | 13 | 12 |
| 2 | Souq Aras Atas, Presint 1 | 25 | 14 |
| 3 | Souq Aras Bawah, Presint 1 | 14 | 14 |
| 4 | Selera Laman Perdana, Presint 1 | 10 | 10 |
| 5 | Taman Botani, Presint 1 | 2 | 2 |
| 6 | Bangunan Monumen Alaf Baru, Presint 2 | 2 | 2 |
| 7 | Kios Persiaran Perdana Sepanjang Presint 2, 3 Dan 4 | 12 | 12 |
| 8 | Pusat Kawalan Empangan, Presint 5 | 1 | 1 |
| 9 | Kompleks Sukan Luncur (*Skate Park*), Taman Cabaran, Presint 5 | 2 | 2 |
| 10 | Kompleks Sukan Mendaki (*Climbing Centre*), Taman Cabaran, Presint 5 | 2 | 2 |
| 11 | Medan Selera Presint 8 | 15 | 15 |
| 12 | Pasar Awam Presint 8 | 46 | 46 |
| 13 | Medan Selera Presint 9 **(Diuruskan oleh Pengusaha Utama)** | 19 | 0 |
| 14 | D'Harmoni @ Presint 9 | 10 | 10 |
| 15 | Kompleks Kejiranan Presint 9 | 3 | 3 |
| 16 | Medan Selera Presint 11 | 12 | 12 |
| 17 | Kafeteria Taman Wetland, Presint 13 | 1 | 0 |
| 18 | Kompleks Kejiranan Presint 11 | 17 | 17 |
| 19 | Kios D'Belian@P14, Presint 14 | 8 | 8 |
| 20 | Medan Selera Presint 16 | 6 | 6 |
| 21 | Pasar Awam Presint 16 | 34 | 34 |
| 22 | Kompleks Kejiranan Presint 16 | 10 | 10 |
| 23 | Kafeteria Kompleks Futsal, Presint 18 | 1 | 1 |
| 24 | Dataran Gemilang | 1 | 1 |
| 25 | Dataran Putra | 1 | 1 |
| **JUMLAH KESELURUHAN LOT** | | **267** | **235** |

*Jadual: Maklumat penyewaan lot niaga*

Carta di bawah menunjukkan peningkatan jumlah lot niaga bagi tahun 2019 berjumlah 267 lot berbanding 228 lot pada tahun 2018 dan 210 lot pada tahun 2017. Jumlah ini meningkat disebabkan terdapat lot niaga yang diuruskan oleh pengusaha utama diambil alih semula dan diuruskan sepenuhnya oleh Perbadanan Putrajaya.




*Carta: Bilangan sewaan premis Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2017 hingga 2019*

## Pelesenan Iklan, Premis Perniagaan dan Penjaja

Terdapat peningkatan sebanyak 66.25% atau 246 bilangan lesen iklan yang dikeluarkan pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan permohonan iklan sementara daripada agensi kerajaan di Putrajaya serta diberi pertimbangan fi iklan. Perincian pengeluaran lesen iklan adalah seperti yang ditunjukkan dalam carta berikut:




*Carta: Bilangan pengeluaran lesen iklan bagi tahun 2017 hingga 2019*

Sebanyak 8,817 lesen premis perniagaan dan penjaja telah dikeluarkan sepanjang tahun 2019. Bilangan lesen premis dan penjaja yang dikeluarkan menunjukkan kenaikan sebanyak 55.46% berbanding tahun sebelumnya. Kenaikan ini dapat dilihat pada pertambahan permohonan pembaharuan lesen, permohonan lesen penjaja statik dan permohonan lesen penjaja sementara. Perincian perbandingan bilangan pengeluaran lesen dari tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti dalam jadual berikut:

| Bil. | Jenis Lesen | Tahun | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2018 | 2019 |
| 1. | Lesen Premis Perniagaan | 341 | 367 | 211 |
| 2. | Pembaharuan Lesen Premis | 753 | 823 | 871 |
| 3. | Lesen Penjaja Statik | 12 | 26 | 49 |
| 4. | Pembaharuan Lesen Penjaja Statik | 31 | 40 | 37 |
| 5. | Penjaja Sementara | 1,496 | 2,671 | 7,649 |
| | **Jumlah** | **2,633** | **3,927** | **8,817** |

*Jadual: Perbandingan bilangan pengeluaran lesen dari tahun 2017 hingga 2019*

## Pelaksanaan e-Lesen

Sistem e-Lesen mula digunakan bagi memudahkan orang ramai memohon lesen tanpa perlu hadir ke kaunter. Perasmian e-Lesen telah dilaksanakan oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pada 18 Januari 2019.




*Gambar: Perasmian Sistem e-Lesen*

## Garis Panduan Zon Penempatan Penjaja Sementara

Satu garis panduan telah berjaya dihasilkan untuk peniaga kecil, penjaja sementara dan gerai jualan Puspanita di Putrajaya bagi memberi panduan pengurusan dalam usaha menambah baik perkhidmatan Perbadanan Putrajaya kepada masyarakat serta memberi bimbingan menjalankan aktiviti penjajaan secara teratur, kemas dan berlesen. Sejurus persetujuan YBhg. Datuk Ketua Setiausaha Negara diterima, beberapa siri taklimat telah diadakan bagi menjelaskan kepentingan garis panduan kepada komuniti peniaga serta memelihara imej Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara.





*Gambar: Siri Taklimat Garis Panduan Penjaja Sementara kepada wakil kementerian dan jabatan di Putrajaya*

## MERINYU PELESENAN

Merinyu pelesenan telah mengeluarkan sebanyak 506 kompaun kepada peniaga dengan pelbagai kesalahan. Hasil keseluruhan jumlah kompaun adalah sebanyak RM126,100 dan daripada jumlah tersebut, 38.3% kompaun telah dibayar. Permohonan pembaharuan lesen peniaga yang gagal menjelaskan kompaun akan disekat serta tindakan mahkamah akan diambil setelah notis peringatan diberikan. Hasil penguatkuasaan pelesenan rutin adalah seperti jadual berikut:

| Bil | Undang-Undang Kecil | Bil. Kompaun | Jumlah Belum Dibayar (RM) | Jumlah Telah Dibayar (RM) | Jumlah kompaun (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | UUK Iklan (WPP) 2002 | 129 | 22,400.00 | 13,700.00 | 36,100.00 |
| 2. | UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPP) 2016 | 133 | 18,500.00 | 14,730.00 | 33,230.00 |
| 3. | UUK Pelesenan Penjaja (WPP) 2016 | 64 | 11,150.00 | 3,200.00 | 14,350.00 |
| 4. | UUK Petempatan Makanan (WPP) 2016 | 132 | 21,700.00 | 13,190.00 | 34,890.00 |
| 5. | UUK Pelesenan Pasar (WPP) 2016 | 17 | 2,700.00 | 1,600.00 | 4,300.00 |
| 6. | Seksyen 107(5) Akta kerajaan Tempatan 1976 | 31 | 1,380.00 | 1,850.00 | 3,230.00 |
| **Jumlah** | | **506** | **77,830.00** | **48,270.00** | **126,100.00** |

*Jadual: Hasil penguatkuasaan pelesenan rutin*

Selain itu, penguatkuasaan merinyu pelesenan telah turut serta dalam enam (6) kali operasi bersepadu dengan bahagian lain termasuk operasi bersama Presiden Perbadanan Putrajaya. Undang-undang kecil yang dikuatkuasakan melalui Operasi Harian Pelesenan Komersial (OHPK) ini adalah seperti Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016, Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016, Undang-Undang Kecil Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016.

Merinyu pelesenan juga bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan produk biodegradasi dilaksanakan secara menyeluruh di Putrajaya selaras dengan hasrat kerajaan dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Secara keseluruhannya, ramai peniaga patuh dengan penggunaan produk biodegradasi mengikut ketetapan Eco 001:2016 dan Eco 009:2016. Sepanjang penguatkuasaan penggunaan produk biodegradasi, sebanyak 151 kompaun telah dikeluarkan daripada keseluruhan 922 buah premis yang diperiksa. Ini memberi gambaran bahawa sebanyak 84% premis dan penjaja telah menggunakan produk biodegradasi dan menyambut baik usaha murni kerajaan.

| JUMLAH PREMIS DIPERIKSA | PREMIS PATUH BIO | PREMIS TIDAK PATUH BIO (DIKOMPAUN) |
|---|---|---|
| 922 premis | 771 premis (84% premis patuh bio melebihi sasaran KPI KWP sebanyak 75% ) | 151 premis |

*Jadual: Pemantauan dan penguatkuasaan biodegradasi*









*Gambar: Merinyu pelesenan sedang menjalankan pemeriksaan premis perniagaan dan penggunaan produk biodegrasi.*

## Produk Inovasi Penguji Ketulenan Beg Biodegradasi

Perbadanan Putrajaya telah memperkenalkan produk Bio-K bagi memudahkan tugas penguatkuasaan produk biodegradasi di Putrajaya. Bio-K adalah produk pertama di pasaran yang berupaya membezakan dan mempercepatkan mengenal pasti beg plastik kovensional dan beg biodegradasi tulen semasa Operasi Harian Pelesenan Komersial (OHPK). Produk ini juga telah berjaya memenangi Anugerah Emas di Konvensyen Regional Team Excellence Peringkat Wilayah (RTEx) 2019, Persidangan dan Ekspo Tahunan Produktiviti dan Inovasi (APIC) 2019 dan Ekspo Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk (IIDEX) 2019 serta disenarai dalam 20 produk terbaik Kategori Sektor Awam Negeri pada tahun 2019.




## Penguatkuasaan Halal di Putrajaya

Perbadanan Putrajaya melaksanakan penguatkuasaan halal di Putrajaya yang melibatkan 243 premis perniagaan. Sebanyak enam (6) sesi bimbingan dan dua (2) sesi penguatkuasaan halal dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sebanyak 56 premis telah mendapat persijilan HALAL (termasuk francais) manakala 109 premis masih dalam proses permohonan. Perbadanan Putrajaya juga dijemput berkongsi pengalaman melaksanakan penguatkuasaan halal di Putrajaya dalam Forum Halal anjuran JAKIM.




*Gambar: Pengkongsian pengalaman Perbadanan Putrajaya di Forum Halal anjuran JAKIM*




*Gambar: Sesi penguatkuasaan halal oleh Perbadanan Putrajaya dan JAKIM bersama peniaga Medan Selera, Presint 8*

## KUTIPAN HASIL DAN SEWAAN

### Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan

| Bil | Perkara | 2017 (RM) | 2018 (RM) | 2019 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kutipan sewa dari premis tetap | 3,406,328.11 | 3,615,840.00 | 3,593,754.38 |
| 2 | Kutipan hasil dari lesen perniagaan | 746,818.50 | 793,536.17 | 889,184.66 |
| 3 | Kutipan hasil dari lesen iklan | 535,748.00 | 418,710.00 | 913,682.75 |
| 4 | a. Kutipan sewa Bazar Ramadan | 264,054.32 | 258,929.63 | 256,550.00 |
| | b. Kutipan sewa tapak semasa acara | 578,211.87 | 305,028.90 | 230,000.00 |
| **Jumlah keseluruhan** | | **5,531,160.80** | **5,392,044.70** | **5,883,171.79** |

*Jadual: Kutipan hasil sewaan dan pelesenan tahun 2017 hingga 2019*

Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhannya kutipan hasil pada tahun 2019 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 8.35% berbanding dari tahun sebelumnya.

Kutipan hasil sewaan bagi premis-premis milik Perbadanan Putrajaya menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 0.61% berbanding dengan kutipan tahun sebelumnya. Kutipan hasil lesen perniagaan pula menunjukkan peningkatan sebanyak 10.76% berbanding dengan kutipan tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan lot-lot penjaja baharu, aktiviti penjajaan sementara dan penguatkuasaan terhadap lesen perniagaan. Manakala kutipan hasil lesen iklan juga menunjukkan peningkatan sebanyak 54.17% berbanding tahun sebelumnya kerana tiada lagi permohonan yang diberikan pengecualian bayaran fi lesen. Keseluruhan kutipan hasil sewaan bagi Bazar Ramadan dan tapak acara lain berjumlah RM486,550.00 yang menunjukkan penurunan sebanyak 15.91% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM563,958.53 berikutan pengurangan sewaan gerai-gerai promosi di tapak Bazar Ramadan.

### Bahagian Pentadbiran

**i. Sewaan Dewan Persidangan dan Auditorium Cempaka Sari**

Kutipan hasil sewaan bagi tiga (3) buah dewan persidangan (Dewan Seri Siantan, Dewan Seri Melati dan Dewan Seri Seroja) dan Auditorium Cempaka Sari berjumlah RM1,649,856.50 menunjukkan peningkatan sebanyak 11% berbanding dengan kutipan tahun 2018.




*Carta: Hasil sewaan dewan*



*Gambar: Majlis Perasmian National Planning Congress 2019 telah disempurnakan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan Seri Siantan*




*Gambar: Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim menyempurnakan pelancaran Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya 2018 - 2022 di Dewan Seri Siantan. Turut hadir Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor*



*Gambar: Putrajaya Wind Orchestra Competition 2019 di Auditorium Cempaka Sari dan telah disempurnakan oleh isteri Perdana Menteri, YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali*

### ii. Sewaan Premis dan Kompleks

Bilangan lot pejabat/komersial yang disewakan adalah seperti berikut:

a) 27 unit di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3;
b) 10 unit di Kompleks Pejabat Kedutaan dan Pusat Pelawat di Presint 15;
c) 4 unit di Pangsapuri Perbadanan Putrajaya, Presint 11.

Kutipan hasil sewaan lot pejabat/komersial adalah sebanyak RM2,231,613.50 yang menunjukkan penurunan sebanyak 26.6% berbanding dengan kutipan tahun 2018.




*Carta: Hasil sewaan premis*

### iii. Sewaan Pangsapuri Perbadanan Putrajaya

Kutipan hasil sewaan pangsapuri kepada pegawai/pekhidmat Perbadanan Putrajaya adalah sebanyak RM216,238.79 kutipan daripada penyewa luar adalah sebanyak RM1,541,624.50. Kutipan hasil sewaan Rumah Tamu pula adalah sebanyak RM20,890.00.

| KETERANGAN HASIL | 2017 (RM) | 2018 (RM) | 2019 (RM) |
|---|---|---|---|
| Pangsapuri PPj (pegawai/ pekhidmat) | 210,182.18 | 230,151.69 | 216,238.79 |
| Pangsapuri PPj (penyewa luar) | 1,636,927.68 | 1,582,687.60 | 1,541,624.50 |
| Rumah Tamu PPj | 24,903.00 | 25,749.60 | 20,890.00 |
| **Jumlah** | **1,872,012.86** | **1,838,588.89** | **1,778,753.29** |

*Jadual: Keterangan hasil sewaan Pangsapuri Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2017 hingga 2019*



*Gambar: Pangsapuri milik Perbadanan Putrajaya menawarkan tempat tinggal mesra penghuni*

### Bahagian Perkhidmatan Komuniti

Jumlah keseluruhan kutipan hasil melalui kemudahan fasiliti di Kompleks Kejiranan, Pusat Pembelajaran Kejiranan, Kompleks Sukan serta perkhidmatan perkuburan dan krematorium adalah sebanyak RM2,083,232.20. Secara umumnya, terdapat peningkatan sebanyak 25.13% berbanding dengan kutipan tahun 2018.

| Bil. | Perkara | 2017 (RM) | 2018 (RM) | 2019 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kutipan sewa Kompleks Kejiranan<br>i. Kompleks Kejiranan P8<br>ii. Kompleks Kejiranan P9<br>iii. Kompleks Kejiranan P11<br>iv. Kompleks Kejiranan P16 | 1,344,279.02 | 1,128,075,50 | 1,508,700.90 |
| 2. | Kutipan hasil Pusat Pembelajaran Kejiranan<br>i. Pusat Pembelajaran P8<br>ii. Pusat Pembelajaran P9<br>iii. Pusat Pembelajaran P11<br>iv. Pusat Pembelajaran P16 | 53,139.80 | 53,162.30 | 69,669.80 |
| 3. | Kutipan hasil Kompleks Sukan<br>i. Taman Pancarona P18<br>ii. Taman Cabaran Putrajaya P5<br>iii. Kompleks Futsal P18<br>iv. Padang Bola Sepak Sintetik P8 | 331,841.00 | 369,845.80 | 398,265.50 |
| 4. | Kutipan hasil Perkhidmatan Perkuburan dan Krematorium<br>i. Perkhidmatan Perkuburan P20<br>ii. Perkhidmatan Kereta Jenazah<br>iii. Perkhidmatan krematorium | 108,195.00 | 113,663.00 | 106,596.00 |
| **Jumlah keseluruhan** | | **1,837,454.82** | **1,664,746.60** | **2,083,232.20** |

*Jadual: Hasil kutipan kemudahan fasiliti serta perkhidmatan perkuburan dan krematorium bagi tahun 2017 hingga 2019*

## PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN MAKANAN

Aktiviti pengurusan keselamatan dan kebersihan makanan meliputi pemeriksaan dan kawalan keadaan sanitasi di semua premis makanan serta penjaja bagi acara-acara yang diadakan di Putrajaya. Aktiviti ini juga bertujuan untuk memastikan kebersihan makanan yang dijual dan kebersihan premis di kawasan Putrajaya mematuhi akta dan peraturan seperti berikut:

i. Akta Makanan 1983 (Akta 281) & Peraturan-peraturan;
ii. Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016;
iii. Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016;
iv. Undang-undang Kecil Pelesenan Pasar (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016;
v. Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016;
vi. Undang-undang Kecil lain yang berkaitan.

### Pencapaian

Pemeriksaan premis makanan yang dilakukan tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti dalam jadual berikut:

| Kategori Premis | 2017 | 2018 | 2019 |
|---|---|---|---|
| Restoran / Kedai Makan | 191 | 233 | 192 |
| Kafeteria | 65 | 58 | 53 |
| Gerai Makan | 151 | 139 | 125 |
| Kedai Kek & Pastry | 14 | 15 | 14 |
| Hotel | 7 | 5 | 9 |
| Dapur Komersial | Aktiviti dijalankan bermula pada tahun 2019 | | 6 |
| Kantin Sekolah | 42 | 36 | 31 |
| Kiosk Makanan | 109 | 84 | 71 |
| Penjaja Pasar Tani / Bazar Ramadhan / Acara | 532 | 607 | 674 |
| Food Truck | Aktiviti dijalankan bermula pada tahun 2018 | 140 | 124 |
| **Jumlah** | **1111** | **1317** | **1299** |

*Jadual: Pemeriksaan premis makanan sepanjang tahun 2017 hingga 2019*

Perbadanan Putrajaya turut menjalankan penggredan premis makanan sebagai panduan kepada para pelanggan tentang tahap kebersihan premis makanan di Putrajaya. Penggredan premis makanan hanya dijalankan terhadap premis seperti restoran/ kedai makan, kafeteria, gerai makan, kedai kek dan pastri, hotel, kantin sekolah, kios makanan dan dapur komersial.

Sebanyak empat (4) premis telah diarahkan tutup dibawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 semasa Operasi Bersepadu Premis Makanan dijalankan.

| Gred | 2017 | 2018 | 2019 |
|---|---|---|---|
| A | 200 | 207 | 199 |
| B | 120 | 169 | 178 |
| C (PREMIS DIARAH TUTUP) | 12 | 11 | 4 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 332 | 387 | 381 |

*Jadual: Ringkasan penggredan premis makanan*

## Program Meningkatkan Kualiti Penyediaan dan Penjualan Makanan di Premis Makanan

**i. Turun Padang (TUPA) Bersama Datuk Dr. Presiden dan Media**

Usaha yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya untuk meningkatkan kebersihan dan keselamatan premis makanan di Putrajaya adalah dengan mengadakan Lawatan Turun Padang (TUPA) bersama Datuk Dr. Presiden Perbadanan Putrajaya dan beberapa jabatan serta bahagian dalaman Perbadanan Putrajaya. Tujuan TUPA diadakan adalah untuk memastikan premis-premis makanan di Putrajaya sentiasa berada pada tahap kebersihan yang memuaskan serta tidak melanggar syarat-syarat lain seperti penambahan struktur/ ubah suai pada premis, halangan-halangan di kaki lima, pembuangan sisa-sisa makanan ke dalam sistem pelimpahan/ perparitan serta tindakan ke atas pengusaha premis makanan yang tidak memiliki/memperbaharui lesen premis perniagaan atau melanggar syarat-syarat yang diberikan.





*Gambar: Aktiviti TUPA bersama Presiden Perbadanan Putrajaya dan pihak media pada 19 Mac 2019*

**ii. Majlis Anugerah Premis Makanan Bersih Peringkat Putrajaya 2019**

Majlis ini telah berlangsung pada 21 Februari 2020 bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kesedaran di kalangan pengendali makanan tentang kepentingan amalan kebersihan dalam penyediaan makanan khususnya premis makan di Putrajaya. Selain itu, majlis ini memberikan pengiktirafan kepada pengusaha premis makanan sebagai penghargaan di atas usaha mereka menambah baik aspek kebersihan dan keselamatan makanan bagi mengurangkan risiko keracunan makanan, seterusnya mempromosikan premis makanan tersebut. Anugerah Premis Makanan Bersih Peringkat Putrajaya terbahagi kepada lima (5) kategori iaitu kategori restoran, kategori kafeteria kerajaan, kategori kantin sekolah, kategori kios makanan dan kategori *food truck*.



*Gambar: Sekitar Majlis Anugerah Premis Makanan Bersih Peringkat Putrajaya 2019*

# KAWALAN VEKTOR DAN PENYAKIT BERJANGKIT

## Kawalan Demam Denggi dan Vektor

Tahun 2019 telah menyaksikan peningkatan kejadian kes Demam Denggi (DD) di Putrajaya. Sebanyak 1,068 kes dilaporkan berbanding dengan 453 kes pada tahun 2018 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 135.8%.




*Carta: Kejadian kes dan wabak demam denggi di Putrajaya yang dilaporkan bagi tahun 2015 hingga 2019*

Justeru, bagi mengawal penularan demam denggi di Putrajaya, beberapa aktiviti kawalan telah dijalankan oleh Perbadanan Putrajaya pada tahun 2019 seperti berikut:

| Program Kawalan Demam Denggi | Jumlah aktiviti 2019 |
|---|---|
| Semburan Pengabutan Nyamuk Dewasa (proaktif) | 231 |
| Pemeriksaan Pembiakan & Pemusnahan Aedes (PPA) | 237 |
| Pemusnahan Jentik-Jentik (Larvaciding) | Berdasarkan lokaliti kes dan wabak semasa |

*Jadual: Program kawalan demam denggi*



*Gambar: Semburan pengabutan nyamuk dewasa*



*Gambar: Pemeriksaan Pembiakan & Pemusnahan Aedes (PPA)*



*Gambar: Kerja-kerja pemusnahan jentik-jentik (larvaciding)*

Perbadanan Putrajaya bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Task Force Denggi Putrajaya untuk memastikan segala perancangan bagi kawalan denggi di Putrajaya dapat dijalankan secara efektif dan berkesan dengan penyelarasan bersama agensi-agensi yang terlibat.

Bagi mendidik generasi muda mengenai bahaya demam denggi, Perbadanan Putrajaya buat julung kalinya telah menganjurkan Pertandingan "Communication for Behavioural Impact" (COMBI) Sekolah Terbaik Peringkat Putrajaya. Sebanyak 11 penyertaan diterima daripada sekolah-sekolah di Putrajaya dan penilaian pemenang dibuat berdasarkan pelaksanaan aktiviti seperti Cari Dan Musnah Aedes, gotong-royong pembersihan kawasan sekolah dan penghasilan inovasi baharu kawalan Aedes. Majlis Penganugerahan COMBI Sekolah Terbaik Peringkat Putrajaya telah diadakan pada 21 November 2019 dengan pelbagai pengisian menarik daripada rakan stretegik dan pelajar sekolah di Putrajaya.



*Gambar: Majlis Anugerah COMBI Sekolah Terbaik Peringkat Putrajaya*




*Gambar: Pertandingan COMBI Sekolah Terbaik Peringkat Putrajaya*



*Gambar: Ceramah Kesedaran Denggi kepada pelajar sekolah*

## KAWALAN KACAU GANGGU DAN PERSEKITARAN

Kerja-kerja kawalan kacau ganggu seperti anjing liar, kucing terbiar serta burung gagak dijalankan secara berkala dan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Kawalan ini juga bertujuan menghalang penyebaran penyakit berjangkit yang mungkin dibawa oleh haiwan-haiwan tersebut.

| Program Kawalan | 2017 | 2018 | 2019 |
|---|---|---|---|
| 1. Operasi Kawalan Kucing dan Anjing Liar | | | |
| Bilangan Operasi | 238 | 240 | 210 |
| Bilangan Tangkapan (ekor) | | | |
| • Anjing | 40 | 52 | 85 |
| • Kucing | 641 | 853 | 794 |
| 2. Operasi Kawalan Burung Gagak | | | |
| Bilangan Operasi | 7 | 10 | 23 |
| Bilangan Tangkapan (ekor) | 191 | 474 | 238 |

*Jadual: Program kawalan kacau ganggu*

**Kawalan Anjing dan Kucing Terbiar**

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kehadiran anjing dan kucing terbiar yang berkeliaran di Putrajaya seperti sumber makanan yang mudah didapati dan kadar kelahiran anjing dan kucing yang meningkat dengan cepat.

Di samping usaha-usaha yang dijalankan untuk mengatasi masalah ini, kaedah-kaedah berikut turut diberi penekanan:

i. Mengadakan pemantauan kehadiran anjing dan kucing terbiar secara kerap serta mengambil tindakan segera selepas menerima aduan awam;

ii. Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan sekiranya berlaku kacau ganggu yang disebabkan oleh anjing dan kucing yang dipelihara tanpa kebenaran;

iii. Meningkatkan tahap kebersihan persekitaran dengan pemantauan berterusan. Persekitaran yang tidak bersih dan sampah bertaburan akan mengundang kehadiran anjing dan kucing liar.



*Gambar: Operasi kawalan anjing dan kucing liar*

## PROGRAM BERSEPADU KITAR SEMULA PUTRAJAYA

### Program Kitar Semula (3R)

Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan 25 program/kempen kesedaran berkenaan kitar semula yang melibatkan sekolah-sekolah, pejabat, agensi kerajaan dan komuniti. Program/kempen kesedaran ini merangkumi sesi taklimat dan pameran berkaitan kitar semula.

### Program Komuniti

Program kitar semula dalam komuniti di Putrajaya dibahagikan kepada empat (4) aktiviti utama iaitu:

**i. Pusat Kitar Semula Tetap (PKST)**

Pusat Kitar Semula Tetap (PKST) adalah pusat pembelian bahan kitar semula yang dibuka mengikut jadual yang ditetapkan. Setiap bahan kitar semula yang dihantar akan ditukar dengan insentif tunai berserta resit. Terdapat lima (5) PKST telah dibuka di Putrajaya. Maklumat terperinci PKST tersebut adalah seperti berikut:

| LOKASI | JADUAL OPERASI | |
|---|---|---|
| | HARI | WAKTU OPERASI |
| PKST Komuniti Presint 9 | Setiap hari | 8.30 pg – 5.30 ptg (tutup 1.00 t/hari – 2.00 ptg) |
| PKST Presint 8 | Setiap Sabtu & Ahad | |
| PKST Presint 11 | Setiap Sabtu | |
| PKST Presint 16 | Setiap Sabtu | |
| PKST Presint 18 | Setiap Ahad | |

*Jadual: Waktu operasii Pusat Kitar Semula*



*Gambar: Aktiviti kitar semula di PKST Presint 9 dan Presint 8*

**ii. Pusat Kitar Semula Bergerak (PKSB)**

Pusat Kitar Semula Bergerak (PKSB) merupakan pusat kitar semula yang dibuka mengikut waktu dan lokasi tertentu. Jadual operasi PKSB adalah seperti berikut:

| LOKASI | JADUAL OPERASI | |
|---|---|---|
| | HARI | WAKTU OPERASI |
| Presint 11 | Setiap Ahad | 1.00 t/hari -3.00 ptg |
| Presint 14 | Setiap Ahad | 8.30 pagi – 5.30 ptg |
| Presint 16 | Setiap Ahad | 9.00 pg -12.00 t/hari |

*Jadual: Waktu operasi Pusat Kitar Semula Bergerak*





*Gambar: Aktiviti kitar semula di PKSB Presint 11 dan Presint 16*

**iii. Program Apartment**

Program Apartment merupakan kutipan bahan kitar semula daripada sangkar kitar semula yang ditempatkan di setiap blok kediaman. Semua bahan kitar semula yang dikutip akan ditukarkan dengan insentif tunai berserta resit. Bayaran akan dibuat kepada wakil persatuan penduduk.

Selain itu, bagi menyemarakkan kesedaran kitar semula di kalangan penduduk, Perbadanan Putrajaya telah mengadakan aktiviti pameran kitar semula termasuk pameran produk biodegradasi di kawasan kediaman.



*Gambar: Program Kitar Semula di blok kediaman*

**iv. Butik Kitar Semula**

Butik Kitar Semula terletak bersebelahan dengan Pusat Kitar Semula Komuniti Presint 9 dan Pusat Kitar Semula Presint 18 yang merupakan salah satu inisiatif Perbadanan Putrajaya untuk memberi kemudahan kepada penduduk Putrajaya menghantar pakaian terpakai. Pakaian-pakaian yang masih elok akan dijual semula di butik ini manakala pakaian yang telah rosak akan dikumpulkan dan dihantar ke tempat pelupusan pakaian.

**v. Program Wastewise**

Program Wastewise merupakan program kitar semula yang dijalankan di jabatan/agensi kerajaan, pejabat swasta, hotel dan pusat komersial. Kutipan akan dijalankan di lokasi-lokasi berikut mengikut permintaan. Perbadanan Putrajaya juga membekalkan kotak kitar semula (berdasarkan permintaan) sebagai inisiatif untuk mempertingkatkan amalan kitar semula di Putrajaya. Setiap bahan kitar semula yang dikutip akan dibayar dengan insentif tunai berserta resit.



*Gambar: Program Wastewise*

**vi. Program Kits (Sekolah)**

Program Kits ialah program yang dibentuk bagi menjalankan program kitar semula secara berkesan di sekolah. Program ini dijalankan di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kutipan bahan kitar semula dibuat berdasarkan permintaan daripada pihak sekolah. Selain kutipan bahan kitar semula, Perbadanan Putrajaya juga melaksanakan program kesedaran kitar semula seperti pameran dan ceramah kepada pelajar sekolah.




*Gambar: Program Kits*

**vii. Kempen Pengasingan Sisa Organik Festival Ramadan Putrajaya 2019 dan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai di Bazar Ramadan Putrajaya 2019**

Sepanjang bulan Ramadan, Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) telah menjalankan Kempen Pengasingan Sisa Organik di tapak Festival Ramadan Putrajaya dan Kempen Pengumpulan Minyak Masak Terpakai di Bazar Ramadan Putrajaya.

Bagi Kempen Pengasingan Sisa Organik, dua (2) tong sampah telah ditempatkan di setiap lokasi kutipan bagi mengasingkan sisa organik dan sisa bercampur di tapak festival. Tong untuk sisa organik dilabelkan sebagai pemakluman kepada pengunjung. Label turut dilekatkan pada meja-meja makan di Laman Iftar. Sebanyak 1,844 kilogram sisa organik telah berjaya dikumpul sepanjang kempen ini.

Bagi Kempen Pengumpulan Minyak Masak Terpakai, satu (1) tong dram disediakan kepada peniaga Bazar Ramadan bagi mengumpul minyak masak terpakai dan akan dihantar ke kilang untuk pemprosesan biodiesel oleh pihak AFSB. Sebanyak 1,148 kilogram minyak masak terpakai berjaya dikumpulkan daripada peniaga Bazar Ramadan. Peningkatan lebih dua (2) kali ganda berbanding pada tahun 2018 apabila hanya 501 kilogram minyak masak terpakai berjaya dikumpulkan.




*Gambar: Kempen Pengasingan Sisa Organik di Festival Ramadan dan penyerahan tong minyak masak terpakai kepada peniaga Bazar Ramadan*

## Majlis Anugerah Kitar Semula Putrajaya 2019

Majlis ini berlangsung pada 21 November 2019 bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada individu dan kumpulan yang telah memberi sumbangan besar terhadap aktiviti kitar semula di Putrajaya. Anugerah Kitar Semula Putrajaya terbahagi kepada lima (5) kategori iaitu Kategori Sekolah Kebangsaan (SK), Kategori Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Kategori Apartment, Kategori Jabatan/Agensi Kerajaan dan Anugerah Khas.






*Gambar: Pemenang Anugerah Kitar Semula Putrajaya 2019*

## PENCAPAIAN PROGRAM KITAR SEMULA PUTRAJAYA

Jumlah bahan kitar semula yang dikumpul adalah sebanyak 3101.901 tan. Jumlah ini meningkat 9% berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 2,837.733 tan. Sebanyak 76% daripada bahan yang dikumpul adalah kertas diikuti bahan-bahan lain seperti plastik, besi/ aluminium, minyak masak terpakai dan sisa organik.

Berdasarkan jenis program yang telah dilaksanakan, program *Wastewise* mencatatkan kutipan tertinggi iaitu 45% daripada berat keseluruhan bahan kitar semula dan diikuti dengan program Pusat Kitar Semula Tetap. Secara purata, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada setiap bulan adalah sebanyak 258.49 tan.




*Carta: Perbandingan kutipan bahan kitar semula bagi tahun 2017 hingga 2019*




*Carta: Perbandingan kutipan bahan kitar semula mengikut jenis bahan*




*Carta: Perbandingan berat bahan kitar semula mengikut program*

| Tahun | Jumlah Sisa Pepejal Domestik (kg) | Sisa Domestik (tan/ hari) |
|---|---|---|
| 2017 | 28,903,840 | 79.2 |
| 2018 | 30,191,620 | 82.7 |
| 2019 | 30,539,680 | 83.7 |

*Jadual: Janaan sisa pepejal Putrajaya bagi tahun 2017 hingga 2019*

| Tahun | Jumlah Sisa Pepejal Domestik (kg) | Penduduk | Sisa Domestik (kg/kapita/hari) |
|---|---|---|---|
| 2017 | 28,903,840 | 86,900 | 0.91 |
| 2018 | 30,191,620 | 90,400 | 0.92 |
| 2019 | 30,539,680 | 103,800 | 0.80 |

*Jadual: Kadar sisa pepejal per kapita Putrajaya bagi tahun 2017 hingga 2019*

| Tahun | Jumlah Sisa Pepejal Domestik (kg) | Jumlah Kutipan Bahan Kitar Semula (kg) | Kadar Kitar Semula (%) |
|---|---|---|---|
| 2017 | 28,903,840 | 2,503,000 | 8 |
| 2018 | 30,191,620 | 2,837,733 | 8 |
| 2019 | 30,539,680 | 3,101,901 | 10 |

*Jadual: Kadar kitar semula Putrajaya bagi tahun 2017 hingga 2019*

## KAJIAN PUTRAJAYA WASTE MINIMIZATION AND MANAGEMENT ACTION PLAN

Kajian ini telah dijalankan bermula pada Ogos 2019 sehingga Mac 2020. Kajian ini dilaksanakan dengan kerjasama pintar Green Technology Application for the Development of Low Carbon Cities (GTALCC). Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan janaan sisa pepejal di Putrajaya dan meningkatkan kadar kitar semula di Putrajaya. Hasil kajian ini akan dijadikan sebagai hala tuju pengurusan sisa pepejal di Putrajaya bagi tahun 2021 hingga 2025.











*Gambar: Pelaksanaan Kajian Putrajaya Waste Minimization and Management Action Plan*



# PELANCONGAN, PENGANJURAN ACARA DAN PROGRAM KESENIAN

# PELANCONGAN, PENGANJURAN ACARA DAN PROGRAM KESENIAN

## PELANCONGAN PUTRAJAYA

Putrajaya mencatatkan kehadiran pelawat dan Pelancong seramai 8,743,368 orang pada tahun 2019 berbanding dengan 7,167,411 orang pada tahun 2018. Terdapat kenaikan statistik kedatangan pelancong dan pengunjung acara ke Putrajaya sebanyak 22% pada tahun 2019 seperti di Jadual 1 berikut:

| TAHUN | KATEGORI | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | Pelancong | Pelawat | Pengunjung Acara | |
| 2018 | 538,852 | 3,316,489 | 3,312,070 | 7,167,411 |
| 2019 | 485,418 | 2,593,330 | 5,664,620 | 8,743,368 |

*Jadual 1: Statistik jumlah kedatangan pelancong, pelawat dan pengunjung acara ke Putrajaya.*

## INISIATIF BAHARU PELANCONGAN PUTRAJAYA

Bagi menjadikan Putrajaya kawasan tarikan pengunjung sepanjang tahun, Perbadanan Putrajaya telah membangunkan beberapa pakej dan produk baru pelancongan seperti berikut;

**1. 360 *Virtual Reality Tour***

Perbadanan Putrajaya telah menghasilkan satu inovasi yang berkonsepkan 360 *virtual reality tour* di mana pengguna dapat melihat keindahan seni bina dan panorama menarik di 6 lokasi terpilih. *Virtual tour* ini boleh diakses di laman web Perbadanan Putrajaya.




*Gambar: Virtual Reality 360 di Masjid Putra*

**2. Putrajaya Urban Birding Hotspot**

**a) Putrajaya *Bird Race* 2019**

Putrajaya *Bird Race* 2019 diadakan buat pertama kali di Taman Wetland bagi mencetuskan rasa kecintaan terhadap burung serta mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar. Peserta yang terdiri daripada aktivitis burung, pelajar universiti dan komuniti setempat dapat mengenali spesies burung-burung tempatan dan burung-burung di Putrajaya.




*Gambar: Pertandingan Bird Race 2019 pada 13 – 15 November 2019 di Taman Wetland, Putrajaya*

**b) *Bird Centre* di Taman Wetland, Putrajaya**

Bird Centre merupakan salah satu komponen di Pusat Penghayatan Alam yang bertempat di Taman Wetland, Putrajaya di mana ia berfungsi sebagai pusat pameran, rujukan dan kajian mengenai burung-burung di Putrajaya. Selain daripada pengunjung juga boleh menyertai aktiviti yang diadakan di situ.




*Gambar: Bird Centre pertama di Taman Wetland, Putrajaya*

**c) *Coffee Table Book – Bird Haven* Unggas Putrajaya**

*Coffee Table Book 'Bird Haven* Unggas Putrajaya' merupakan inisiatif Perbadanan Putrajaya untuk mempromosikan Eko Pelancongan dan Putrajaya Urban Birding Hotspot. Buku ini memaparkan lebih daripada 150 spesies burung dan dilengkapi dengan *QR code* bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan informasi mengenai burung.




*Gambar: Coffee Table Book – Bird Haven*

**3. Promosi *Inflight Media Advertisement Space* Air Asia**

Kempen *Explore Federal Territories*, Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan telah mempromosikan pelancongan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan di Skrin Digital, Flagpole di Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2). Iklan ini juga turut dipaparkan di ruang penyimpanan bagasi, Portal Rokki serta Majalah Travel 360 di 15 buah pesawat penerbangan domestik serta 10 penerbangan ke Indonesia dan Thailand.




*Majlis pelancaran Inflight Media Advertisement Space Air Asia*

**4. Program Promosi Destinasi Bersama Pihak Media Pelancongan dan Agensi Kerajaan**

Perbadanan Putrajaya telah bekerjasama dengan rakan media dan agensi kerajaan dalam memperkenal dan mempromosi pelancongan melalui *Familiarization Trip* dan bengkel pembangunan pakej seperti jadual di bawah:

| Bil | Program | Agensi / Media |
|---|---|---|
| 1 | *FAM Trip* Majlis Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan pada 12 September 2019 | 7 Agensi kerajaan<br>13 Agensi pelancongan |
| 2 | Putrajaya *On the Run! – FAM Trip* Bersama GAYA TRAVEL pada 13 – 15 November 2019 | 6 Media<br>3 *Blogger*<br>4 *Social Media Influencer* |
| 3 | Bengkel Pembangunan Pakej Putrajaya 2019 pada 17 Disember 2019 | 6 Agensi Kerajaan<br>10 Agensi Pelancongan<br>9 *Product Owner* |

*Jadual Pelaksanaan FAM Trip dan Bengkel Pembangunan Pakej.*



*FAM Trip Majlis Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan pada 12 September 2019*



*Putrajaya On the Run! – FAM Trip Bersama GAYA TRAVEL pada 13 – 15 November 2019*

## PENGANJURAN ACARA DI PUTRAJAYA

Tahun 2019 merupakan tahun yang banyak memberi impak positif terhadap penganjuran acara di Putrajaya dan tahun ini juga telah mencatatkan peningkatan penganjuran acara di Putrajaya. Graf berikut menunjukkan Putrajaya telah merekodkan penganjuran acara yang tertinggi pada tahun 2019, berbanding dengan penganjuran acara tahun 2017 dan 2018 dengan jumlah 250 acara keseluruhannya.






Sebanyak 5.7 juta orang pengunjung acara telah direkodkan di sepanjang tahun 2019 dan Oktober telah mencatatkan bilangan pengunjung acara tertinggi dengan jumlah kehadiran seramai 2.1 juta orang. Jumlah pengunjung acara yang hadir pada tahun ini juga adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan bilangan pengunjung tahun 2017 dan 2018 (rujuk jadual berikut)

| Tahun | Jumlah Pengunjung Acara |
|---|---|
| 2017 | 2,649,905 orang |
| 2018 | 3,312,070 orang |
| 2019 | 5,664,620 orang |

Kategori penganjuran acara boleh dilihat dari tiga pecahan utama seperti dalam jadual berikut:

| Peringkat Penganjuran Acara 2019 | Jumlah Acara |
|---|---|
| Peringkat Antarabangsa | 14 acara |
| Peringkat Kebangsaan | 21acara |
| Peringkat Putrajaya | 215 acara |
| **Jumlah Keseluruhan** | **250 acara** |

Jawatankuasa Kelulusan Acara Perbadanan Putrajaya (JKA-PPj) telah bersidang sebanyak 20 kali bagi memproses dan menimbang semua permohonan acara di Putrajaya bagi tahun 2019. Lebih dari 300 permohonan acara telah diterima dan diproses sepanjang tahun ini.

Secara keseluruhan, hampir 50% dari keseluruhan acara yang dianjurkan di Putrajaya adalah dari kategori acara larian dan berbasikal. Peningkatan ini selari dengan hasrat Perbadanan Putrajaya ke arah mempromosi gaya hidup sihat dan mengurangkan pengeluaran karbon dari asap kenderaan.



Berikut merupakan acara-acara utama yang telah dianjurkan di Putrajaya di sepanjang tahun 2019:

| Bil. | Acara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Pertandingan Memancing Putrajaya | 9 Februari 2019 |
| 2. | Putrajaya Wind Orchestra Competition | 22-23 Februari 2019 |
| 3. | Powerman Asia Duathlon Championship Malaysia | 2-3 Mac 2019 |
| 4. | 10th Putrajaya Hot Air Balloon Fiesta | 28-31 Mac 2019 |
| 5. | Le-Tour De Langkawi | 8 April 2020 |
| 6. | Touch World Cup Malaysia | 29 April – 4 Mei 2019 |
| 7. | Festival Ramadan Putrajaya | 1 Mei – 4 Jun 2019 |
| 8. | Milo Malaysia Breakfast Day | 29-30 Jun 2019 |
| 9. | Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF) | 25-28 Julai 2019 |
| 10. | IWWF Waterski World Championship | 12-18 Ogos 2019 |
| 11. | Sambutan Hari Kebangsaan | 31 Ogos 2019 |
| 12. | FLORIA Diraja Putrajaya XI | 30 Ogos – 8 September 2019 |
| 13. | Putrajaya Bridge Night Ride | 21 September 2019 |
| 14. | Karnival Rahmah | 26-29 September 2019 |
| 15. | Karnival Usahawan Desa | 16-21 Oktober 2019 |
| 16. | Putrajaya Bird Race | 15-17 November 2019 |
| 17. | Putrajaya Night Marathon | 23 November 2019 |
| 18. | Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden PPj | 20-21 Disember 2019 |
| 19. | Light and Motion Putrajaya (LAMPU) | 28-31 Disember 2019 |

## Pengisian Acara Utama Anjuran Perbadanan Putrajaya

### i. Putrajaya Wind Orchestra Competition (22-23 Februari 2019)

Penganjuran Pertandingan Wind Orchestra yang julung kalinya dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya telah menghimpunkan 5 pasukan dari sekolah menengah seluruh Malaysia. Penganjuran edisi pertama ini menyaksikan Sekolah Sultan Alam Shah (SAS) telah dinobat sebagai juara dan hadiah disampaikan oleh YABhg. Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, isteri kepada YAB Perdana Menteri.




### ii. 10th Putrajaya Hot Air Balloon Fiesta (28-31 Mac 2019)

Penganjuran pada tahun ini telah memasuki edisi penganjuran kali ke-10 dengan penglibatan lebih 20 belon udara panas yang dikendalikan oleh juruterbang antarabangsa dari 14 buah negara. Antara negara yang mengambil bahagian adalah dari Sepanyol, Slovakia, Brazil, Australia, Jepun, Belgium, Amerika Syarikat, United Kingdom, Korea Selatan dan Taiwan.

### iii. Festival Ramadan Putrajaya (1 Mei – 4 Jun 2019)

Festival Ramadan Putrajaya (FRP2019) kali ke-7 ini telah dimeriahkan dengan pelbagai pengisian berbentuk kerohanian serta menjadi alternatif kepada pengunjung untuk mendapatkan barangan bagi persiapan Hari Raya Aidilfitri. Penganjuran FRP 2019 telah dibahagikan kepada 3 komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal dan Laman Iftar. Komponen terbesar dan yang paling mendapat sambutan ramai ialah Bazar Ramadan yang telah menyediakan lebih dari 300 gerai jualan pelbagai juadah berbuka puasa.

### iv. Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival-PIIACUF (25-28 Julai 2019)

Penganjuran PIIACUF 2019 dengan tema "Keindahan Seni Muzik dan Vokal Islam" telah menarik lebih dari 300,000 orang pengunjung sepanjang empat hari penganjurannya. Sebanyak 135 aktiviti telah disediakan kepada pengunjung merangkumi pameran interaktif AR, konsert, ekspo buku Islam, festival kanak-kanak dan banyak lagi. PIIACUF 2019 menonjolkan kelainan dalam pameran interaktif berbentuk *Augmented Reality* (AR) dengan kesan khas seperti *muslim scholars*, gamelan, instrumental muzikal, kaligrafi 99 nama-nama Allah serta flora dan fauna. Majlis Perasmian PIIACUF pada kali ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 25 Julai 2019.

### v. FLORIA Diraja Putrajaya XI (30 Ogos – 8 September 2019)



Bertemakan "Orkid & Bonsai", FLORIA Diraja Putrajaya XI telah disempurnakan perasmiannya oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permasuri Agong pada 30 Ogos 2019 bertempat Taman Botani Putrajaya, Presint 1. Pada majlis ini, Seri Paduka Baginda berdua turut berkenan merasmikan koleksi orkid hibrid baharu yang dinamakan *Vanda Queen Azizah Iskandar* sempena nama Raja Permasuri Agong serta meluangkan masa untuk melawat sekitar tapak penganjuran. FLORIA kali ini telah berjaya menarik lebih 500,000 pengunjung sepanjang sembilan hari penganjurannya.



### vi. Light and Motion Putrajaya-LAMPU (28-31 Disember 2019)

Penganjuran edisi ke-7 LAMPU 2019 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3 telah menampilkan konsep dan tema "Kepelbagaian Etnik dan Budaya Malaysia". Selain persembahan projeksi pemetaan cahaya mega pada fasad bangunan Istana Kehakiman, LAMPU 2019 turut menampilkan beberapa tarikan baharu antaranya "Planiterium 360", Laman Kampung Melayu, *China Town Street, Little India Street* dan pelbagai aktiviti lain untuk semua peringkat umur. Pada majlis ini juga, Perdana Menteri ke-8 telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Logo Rasmi Sambutan Jubli Perak Putrajaya serta Ambang Tahun Baharu 2020.

## PERSEMBAHAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN PRECINCTNOTES

Sepanjang tahun 2019 , Precint Notes telah menjayakan 26 persembahan anjuran PPj dan agensi luar. PrecinctNotes juga turut terlibat menjayakan persembahan bertaraf antarabangsa seperti berikut:

i. Konsert PIIACUF 2019 yang telah diadakan pada 27 Julai 2019 bersempena PIIACUF 2019 bertemakan keindahan seni musik dan vokal dalam dunia Islam. Antara artis yang terlibat ialah Datuk Ramli Sarip, Ijam Medicine, Zul Handy Black, Mel Wings dan juga kumpulan nasyid terkenal tanahair seperti Raihan, NowSeeHeart dan InTeam.








ii. 3 orang ahli muzik PPj dipilih untuk menyertai persembahan pembukaan International Tourism Borse (ITB) Berlin, Jerman pada 7 Mac 2019 melibatkan 3,000 jemputan dari seluruh dunia. International Tourism Borse (ITB) Berlin ini merupakan pameran perdagangan pelancongan yang terbesar di dunia.



iii. PrecinctNotes juga terlibat dalam mengaturkan persembahan kebudayaan daripada Sejong City, Korea, Morocco, Turki, Bangladesh, Indonesia, Thailand serta kumpulan kebudayaan dalam negeri seperti Melaka, Johor, Terengganu dan Kelantan.

### Penganjuran acara/Program

Bagi merancakkan percambahan aktiviti seni budaya, Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan beberapa program dan acara kebudayaan antaranya :

i. Program perintis Putrajaya Wind Orchestra Competition (PWOC) 2019. Peringkat kebangsaan pada tahun 2019 melibatkan lima (5) buah sekolah menengah. YABhg Tun Dr. Siti Hasmah merupakan tetamu kehormat yang hadir pada malam tersebut. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan akan dijadikan acara tahunan serta diperkembangkan ke peringkat antarbangsa pada tahun – tahun akan datang.






ii. Program Singgahseni – program yang diadakan sebulan sekali ini dilaksanakan sejajar hasrat kerajaan dalam usaha menambah keceriaan Putrajaya dengan program seni budaya. Pada 20 April 2019 buat pertama kali Singgahseni mendapat penyertaan dari luar negara iaitu Institut Seni Indonesia yang datang berkunjung ke Malaysia, seterusnya mengadakan persembahan pada malam tersebut.






iii. Kelas Seni Budaya (Gamelan, Angklung, Gitar dan Putrajaya Drum Circle) merupakan kelas asas yang memberi peluang kepada komuniti Putrajaya dan juga kakitangan PPj yang berminat untuk mempelajari pengetahuan dan teknik bermain alatan muzik dan seterusnya dapat membuat persembahan secara berkumpulan. Usaha ini dilakukan bagi menyemarak aktiviti seni dan memperkukuhkan warisan budaya di kalangan komuniti Putrajaya.

a. Gamelan - sesi latihan seminggu sekali telah dilaksanakan bermula pada 21 Ogos 2019



b. Angklung – sesi latihan seminggu sekali telah dilaksanakan bermula pada 22 Ogos 2019.



c. Gitar – sebanyak 22 sesi latihan telah diadakan bermula 7 September 2019 dan diadakan dua lokasi. Pusat Kejiranan Presint 16 dan di studio latihan PPj.

d. Putrajaya Drum Circle (PDC) – sebanyak 6 program telah dijalankan sepanjang tahun 2019.







# PENGURUSAN LANDSKAP DAN TAMAN

# PENGURUSAN LANDSKAP DAN TAMAN PUTRAJAYA

Putrajaya sebuah bandaraya terancang yang dibangunkan meliputi keluasan 4,931 hektar. Sebahagian besar kawasan Putrajaya telah dibangunkan dengan begitu pesat dan turut melibatkan aspek keceriaan landskap yang unik dan menarik. Sebagai sebuah bandaraya dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang bercirikan Bandaraya Taman, maka ia telah dibangunkan secara komprehensif dan dirancang dengan begitu teliti sepertimana Pelan Induk Putrajaya 1996 dengan mengambil kira setiap kriteria, ciri-ciri seni bina dan reka bentuk yang menarik, dan melibatkan kerja-kerja pembangunan landskap.



*Pemandangan dari udara di Laman Perdana dan Dataran Putra Presint 1, Putrajaya.*

Jabatan Landskap dan Taman telah dipertanggungjawabkan untuk tugas pengurusan dan penyelenggaraan landskap di sekitar Putrajaya. Pengurusan dan penyelenggaraan landskap secara berjadual dan terancang melibatkan kerjasama dan sokongan semua warga kerja termasuk para kontraktor yang telah dilantik. Hampir 40 peratus kawasan hijau telah dibangunkan dengan terbinanya 12 taman-taman metropolitan, 38 kilometer Sisiran Putrajaya (Promenade), jalinan jalan-jalan protokol, jaringan landskap di kawasan kejiranan, kompleks pejabat kerajaan, institusi awam, masjid dan sebagainya. Ia mengambil kira reka bentuk landskap berdasarkan konsep seni bina tersendiri, tema sesebuah taman dan kawasan rekreasi, karakter bangunan dan persekitaran landskap yang unik, menarik dan mampan.

## PROGRAM MEMBINA HIJAU PUTRAJAYA

Program Membina Hijau Putrajaya diteruskan dengan pelaksanaan aktiviti *Galactic Greenovators*' yang bersifat interaktif dan bermatlamat global. Program ini dijayakan bersama rakan perkongsian pintar LA21 Putrajaya iaitu Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, sekolah-sekolah di Putrajaya, Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA), Canon (M) Sdn. Bhd. serta beberapa lagi agensi dan NGO.

Program ini bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab generasi muda dalam menangani isu alam sekitar ke arah pembangunan mampan, selaras dengan misi menjadikan Putrajaya Bandar Hijau menjelang tahun 2025.

Program telah ditambah baik berasaskan modul *Greening Sustainable Future Curriculum (GSF)* iaitu modul ***Climate Basics, Green Fingers, Green Living*** dan ***Greenovation*** serta saling kaitannya dengan 17 *Sustainable Development Goals (SDG)* yang telah diputuskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations). Pelaksanaan modul-modul tersebut telah menghasilkan inisiatif hijau yang kreatif, inovatif dan mempunyai nilai komersial serta mampu menjadi pemangkin kepada anak-anak dalam memelihara dan memulihara alam sekitar global.

Kumpulan sasar program ini adalah para pelajar sekolah berumur 9 hingga 16 tahun di Putrajaya. Program telah disertai oleh sebanyak 21 kumpulan pelajar aliran perdana sekolah rendah dan menengah serta pelajar aliran Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah menengah di Putrajaya. Program ini berakhir pada 19 November 2019 dalam satu majlis penganugerahan bersempena ulang tahun ke-10 Program Membina Hijau Putrajaya.






*Gambar: Aktiviti Galactic Greenovators' Putrajaya Chapter 2019 Kickoff Event: Climate Basics & YES Activity pada 16 Mac 2019 di VIC Taman Botani Putrajaya*





*Gambar: Aktiviti Galactic Greenovators' Putrajaya Chapter 2019: Greenovators' Green Living & Canon Photography Workshop pada 13 April 2019 di Tapak Perkhemahan Taman Wetland Putrajaya*






*Gambar: Aktiviti Galactic Greenovators' Putrajaya Chapter 2019: Greenovation & Product Marketing Workshop pada 27 April 2019 di Me.Reka Makerspace, Kuala Lumpur*




*Gambar: Aktiviti Galactic Greenovators' Putrajaya Chapter 2019: Greenovators' Green Finger & Cannon Videography Workshop pada 20 April 2019 di Laman Etnobotani, Taman Botani Putrajaya*






*Gambar: Aktiviti Galactic Greenovators' Putrajaya Chapter 2019: Galactic Greenovators 2019 Forum & Workshop pada 20 Julai 2019 di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya*




*Gambar: Galactic Greenovators' Putrajaya Chapter 2019: Galactic Exhibition & Award Winning Ceremony di pada 19 November 2019 di Dewan Seri Seroja, Presint 14 bersempena 10 tahun Program Membina Hijau Putrajaya*

## PROGRAM PERTANIAN BANDAR PUTRAJAYA (PUTRAJAYA URBAN FARMING)

Program Pertanian Bandar Putrajaya *(Putrajaya Urban Farming (PUF))* digerakkan di bawah Jawatankuasa Kerja Pembangunan Landskap *(Greenovation)*, LA21 Putrajaya. Program ini adalah merupakan penambahbaikan kepada Program Kebun Komuniti Putrajaya yang telah mula diusahakan oleh penduduk Putrajaya sejak tahun 2006.

Program ini juga merupakan satu inisiatif perkongsian pintar antara Perbadanan Putrajaya, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya Berhad (KKPPB) bagi melestarikan inisiatif landskap di kalangan komuniti Putrajaya.

Pihak MARDI menyediakan khidmat nasihat dan latihan teknikal kepada peserta PUF melalui pendekatan **penyertaan *(participation)*, keterlibatan/perjanjian/ikatan *(engagement)* dan pemerkasaan *(empowerment)*** bagi mengurus dan mengendalikan aktiviti pertanian bandar. Manakala pihak KKPPB dipertanggungjawabkan untuk menguruskan operasi empat (4) buah rumah lindungan hujan bagi memastikan penyertaan dan komitmen yang berterusan peserta PUF.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan termasuk kursus, latihan secara praktikal, bengkel, lawatan teknikal, penyertaan FLORIA Diraja 2019 dan Sambutan Hari Landskap Negara 2019. Kesemua aktiviti yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran peserta dan kelestarian program.







*Gambar: Kursus PUF Bil. 1/2019 – Taklimat Asas Berkebun pada 1 Mac 2019*



*Gambar: Antara aktiviti Pertanian Bandar Putrajaya di KK1, Presint 9 dan KK4 Presint 14*



*Gambar: Kursus PUF Bil. 2/2019 – Penyediaan Baja AB Dan Pengurusan Serangga Perosak serta Penyakit Tanaman di KK2, Presint 8 pada 24 Oktober 2019*



*Gambar: Kursus Hands-On Bil. 1/2019 - Teknik Semaian di Presint 9 pada 13 Januari 2019*



*Gambar: Kursus PUF Bil. 3/2019 – Kursus Pemprosesan Sos Betik Cili di MARDI Johor Bahru pada 29 Oktober 2019*



*Gambar: Taklimat My GAP oleh Jabatan Pertanian Putrajaya di KK1 pada 17 Mei 2019*



*Gambar: Pameran Pertanian Bandar Putrajaya oleh Komuniti Pertanian Bandar Putrajaya bersempena Sambutan Hari Landskap Negara 2019 dan telah dianugerahkan tempat pertama bagi Komuniti Pertanian Bandar Putrajaya anjuran Jabatan Landskap Negara yang berlangsung di Taman Botani Putrajaya*






*Gambar: Penyertaan Komuniti Pertanian Bandar Putrajaya dalam FLORIA Diraja Putrajaya 2019*

**Pelawat-pelawat ke KK1, KK2, KK3 dan KK4**





*Gambar: Lawatan dari anak-anak PDK Permata Hati, Presint 14 dan Tadika Cilik Mumtaz Eco Hill Semenyih pada 12 Februari 2019 dan 12 September 2019*



*Gambar: Lawatan dari Majlis Perbandaran Alor Setar pada 28 Mac 2019*



*Gambar: Lawatan dari Guru Pembimbing Kem Pemimpin Muda Prihatin Air UNESCO-IHP Malaysia ke KK1 pada 3 April 2019*



*Gambar: Lawatan dari pelajar sarjana dan pensyarah Kursus Pemakanan Klinikal, Universti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 30 April 2019*



*Gambar: Lawatan dari Timbalan Kementerian Wilayah Persekutuan ke KK1 pada 6 April 2019*




*Gambar: Lawatan dari PLANMalaysia ke KK4 pada 2 Oktober 2019*



*Gambar: Lawatan dari KRT Tunjung Kelantan ke KK1 pada 14 April 2019*



*Gambar: Lawatan dari TPM YB Datuk Dr. Wan Azizah pada 23 April 2019)*

### Lawatan Teknikal Putrajaya *Urban Farming* (PUF)

Lawatan teknikal Program Pertanian Bandar Putrajaya LA21 sekitar Johor adalah sebagai:

i. Galakan kepada komuniti bagi penyertaan mereka dalam Putrajaya *Urban Farming* (PUF);

ii. Perkongsian ilmu serta maklumat dan pendedahan berkaitan pemprosesan makanan, penternakan kelulut, pengkomposan dan lain-lain;

iii. Meninjau potensi dalam bidang pertanian di Putrajaya pada masa akan datang.




*Gambar: Lawatan ke MARDI Johor Bahru*





*Gambar: Lawatan ke Kelulut Nizam Power*



*Gambar: Lawatan ke Majlis Bandaraya Iskandar Puteri*



*Gambar: Lawatan ke Majlis Bandaraya Johor Bahru*




*Gambar: Lawatan ke Sutera FOLO Organic Farm, Johor Bahru*





## PENGURUSAN KONSERVASI FAUNA PUTRAJAYA

### Laporan Operasi Pengurusan Hidupan Liar Putrajaya Tahunan 2019

Unit Hidupan Liar, Jabatan Landskap dan Taman memainkan peranan penting dalam program pemantauan dan pengurusan hidupan liar di Putrajaya. Unit ini menyediakan perkhidmatan menangani aduan kacau ganggu spesies hidupan liar yang menimbulkan rasa kebimbangan atas keselamatan orang ramai dengan matlamat memastikan semua kejadian kacau ganggu diurus dengan cepat dan teratur. Unit Hidupan Liar berfungsi untuk mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti pemuliharaan hidupan liar mengikut peraturan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) serta bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), BOMBA dan Angkatan Pertahanan Awam (APM). Antara skop tugas Unit Hidupan Liar ialah tangkap pindah Kera, operasi kawalan kacau ganggu babi hutan, operasi pemindahan koloni lebah dan pemusnahan sarang tebuan serta pengurusan aduan awam (SISPAA) yang berkaitan dengan hidupan liar seperti kacau ganggu kera terhadap penduduk seluruh Putrajaya.

Berikut merupakan statistik operasi tangkapan hidupan liar di seluruh kawasan Putrajaya bagi Tahun 2019:




| JENIS OPERASI | | BILANGAN |
|---|---|---|
| TANGKAP / PINDAH KERA | JUMLAH OPERASI | 48 |
| | JUMLAH TANGKAPAN | 88 |
| PEMBURUAN BABI HUTAN | JUMLAH OPERASI | 28 |
| | JUMLAH TANGKAPAN | 105 |
| PEMUSNAHAN KOLONI TEBUAN / PEMINDAHAN KOLONI LEBAH | JUMLAH OPERASI | 83 |
| | JUMLAH PEMUSNAHAN / PEMINDAHAN KOLONI | 83 |
| OPERASI LAIN-LAIN (ULAR, MUSANG,DLL) | JUMLAH OPERASI | 5 |
| | JUMLAH TANGKAPAN | 5 |
| **JUMLAH OPERASI** | | **164** |
| **JUMLAH JUMLAH HIDUPAN LIAR YANG DITANGKAP/PINDAH/LUPUS** | | **281** |

Berikut merupakan statistik perbandingan aduan awam dalam talian oleh penduduk dan pengunjung Putrajaya antara tahun 2018 hingga tahun 2019 mengenai insiden kacau ganggu hidupan liar yang menimbulkan konflik manusia-hidupan liar di Putrajaya:




| TAHUN | BIL. ADUAN | SUMBER ADUAN |
|---|---|---|
| 2018 | 139 | • SISPAA<br>• BILIK GERAKAN PPJ<br>• PEGAWAI PPJ<br>• PENDUDUK<br>• KONTRAKTOR |
| 2019 | 161 | |

Berdasarkan statistik keseluruhan, terdapat peningkatan aduan dalam talian sebanyak 16.8 % yang melibatkan kacau ganggu hidupan liar pada tahun 2019 berbanding dengan aduan tahun 2018. Hal ini disebabkan pengecilan habitat semulajadi hidupan liar, sumber makanan yang terhad di kawasan habitat dan kemudahan akses jalan dan pergerakan hidupan liar ke kawasan kediaman penduduk dan kawasan awam. Unit Hidupan Liar Perbadanan Putrajaya sentiasa memantau kawasan yang mencatatkan kekerapan kes yang tinggi serta menambah baik keperluan aset perangkap hidupan liar sedia ada bagi menangani kes berkaitan kacau ganggu hidupan liar di Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan cekap dan berkesan.

## GAMBAR-GAMBAR OPERASI UNIT HIDUPAN LIAR 2019



*OPERASI TANGKAP PINDAH KERA DI PUTRAJAYA*



*OPERASI KAWALAN KACAU GANGGU BABI HUTAN DI PUTRAJAYA*





*OPERASI PEMINDAHAN LEBAH DAN TEBUAN DI PUTRAJAYA*

## KAJIAN INVENTORI DAN PENGURUSAN HIDUPAN LIAR PUTRAJAYA

Unit Hidupan Liar juga berperanan mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti pemuliharaan hidupan liar mengikut peraturan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat dalam pemuliharaan hidupan liar di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pada tahun 2019, lanjutan Program Kajian Inventori dan Pengurusan Hidupan Liar Putrajaya yang bermula pada tahun sebelumnya telah diadakan dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia bagi mengemas kini profil hidupan liar untuk perancangan dan pengurusan hidupan liar di Putrajaya demi kesejahteraan dan konservasi biodiversiti bandar Putrajaya dan penduduk setempat. Sebanyak 23 spesies mamalia, 99 spesies burung, 8 spesies reptilia dan 7 spesies katak telah direkod dalam kajian ini. Rekod 12 spesies mamalia, 39 spesies burung dan 2 spesies reptilia merupakan rekod baru untuk Putrajaya. Penemuan ini menjadikan senarai semak terkini spesies hidupan liar di kawasan Putrajaya telah meningkat kepada 37 spesies mamalia; 142 spesies untuk burung; 14 spesies katak dan 19 spesies untuk reptilia berbanding dengan data yang diperolehi pada tahun 2018 .




| KUMPULAN HAIWAN | BILANGAN SPESIES | | |
|---|---|---|---|
| | TAHUN 2018 | TAHUN 2019 | + |
| MAMALIA | 18 | 37 | 19 |
| AVIFAUNA | 64 | 142 | 78 |
| AMFIBIA | 11 | 14 | 3 |
| REPTILIA | 11 | 19 | 8 |

*Rajah: Kemaskini Profil Hidupan Liar Di Putrajaya Bagi Tahun 2019*

*Gambar Cerapan perangkap kamera.*

Atas dari kiri: kucing batu (Prionailurus bengalensis), tupai muncung tanah (Tupaia glis), landak raya (Hystrix brachyura), babi hutan (Sus scrofa);

Bawah dari kiri: musang pandan (Viverra hermaphraditus), kera (Macaca fascicularis), anjing liar (Canis familiaris), ayam hutan (Gallus gallus)



*Gambarajah burung terrestrial di Putrajaya.*

merbah kapur (Pycnonotus goiavier), sambar sibiria (Muscicapa sibirica), kelicap mayang kelapa (Anthreptes malacensis), tiong jawa (Acridotheres javanicus)

punai gading (Treron vernans), punai lengguak (Treron curvirostra), takor kukup (Psilopogon lineatus), tukang savanna (Caprimulgus affinis)



*Gambar spesies burung air di Putrajaya.*

kedidi pasir (Actitis hypoleucos), rapang duit (Vanellus indicus), ruak-ruak (Amaurornis phoenicurus)

bangau kecil (Egretta garzetta), pucung serandau (Ardea purpurea), botak padi (Mycteria leucocephala)



*Gambar spesies katak yang dicerap di bahagian selatan Putrajaya.*

Atas dari kiri: kodok biasa (Duttaphrynus melanotictus), katak padi (Fejervarya limnocharis), katak pisang (Polypedates leucomystax);

Bawah dari kiri: katak bentong (Kaluola pulchra), katak padi butler (Microhyla butleri), katak padi ornate (Microhyla fissipes), katak padi taiwan (Microhyla heymonsi)



*Gambar spesies ular yang dicerap di bahagian selatan Putrajaya.*

Dari kiri: ular cicak (Lycodon capucinus), ular siput bertompok (Pareas margaritophorus), ular sawah padi (Hypsoscpus plumbea)



## DATA PENGUNJUNG DAN KUTIPAN HASIL

Taman-taman awam Putrajaya terus menjadi tumpuan pelancong. Seramai 1,189,690 orang telah mengunjungi dan beriadah di enam (6) buah taman awam. Buat julung kalinya juga, Taman Botani Putrajaya telah dipilih sebagai tapak acara FLORIA Diraja Putrajaya 2019.

| TAMAN | BOTANI | SAUJANA HIJAU | WETLAND | PUTRA PERDANA | RIMBA ALAM | WAWASAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BILANGAN PENGUNJUNG** | 605,204 | 262,675 | 208,740 | 54,352 | 35,668 | 23,051 |

Jadual: Jumlah pengunjung di setiap taman awam

Kutipan hasil taman-taman awam ini berjumlah RM607,812.00 yang diperolehi daripada perkhidmatan sewaan basikal, sewaan tram/ buggy, sewaan tapak, lawatan berpandu, tiket masuk ke Astaka Morocco, aktiviti eksplorasi taman, modul pendidikan taman dan program anjuran taman.

| TAMAN | BOTANI | WETLAND | SAUJANA HIJAU | PUTRA PERDANA | RIMBA ALAM | WAWASAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **HASIL** (RM) | 298,042.00 | 269,030.00 | 15,970.00 | 19,700.00 | 4,370.00 | 700.00 |

Jadual: Jumlah kutipan hasil di setiap taman awam




*Carta: Peratusan jumlah pengunjung di setiap taman awam*




*Carta: Peratusan jumlah kutipan hasil di setiap taman awam*

## PROGRAM DAN AKTIVITI TAMAN-TAMAN AWAM

### Survivor Camp Agoonooree 2019 (Edisi Khas)

Penganjuran Survivor Camp Agoonooree 2019 (Edisi Khas) ini merupakan satu pendekatan kolaborasi bersama rakan strategik iaitu Unit Pendidikan Khas dan Swasta, Pejabat Pendidikan Daerah Sepang (PPDS) dan Persatuan Pengakap Malaysia Daerah Sepang (PPMDS).

Program yang berlangsung dari 20 hingga 22 Mac 2019 ini merupakan program pendidikan berasaskan alam semula jadi yang turut mengoptimumkan penggunaan fasiliti tapak perkhemahan yang dibangunkan di Taman Wetland Putrajaya. Pada penganjuran program edisi khas kali ini, terdapat penambahbaikan modul serta elemen aktiviti baru yang bersesuaian agar ianya selari dengan tahap kemampuan murid berkeperluan khas dalam mempelajari ilmu asas kehidupan serta jati diri. Seramai 120 orang pelajar sekolah rendah dan menengah sekitar Lembah Klang telah menyertai program perkhemahan ini.



*Gambar: Aktiviti-aktiviti Survivor Camp Agoonooree 2019 (Edisi Khas)*

## Fauna Bulan Ini (FBI)

Program Fauna Bulan Ini (FBI) adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan berkaitan pelbagai hidupan sama ada di darat, air atau udara yang merupakan sebahagian daripada biodiversiti alam.

Program Fauna Bulan Ini (FBI) telah diadakan sebagai pengisian sempena penganjuran Putrajaya Parks Day seperti berikut:

| Tarikh | Tajuk | Penceramah |
|---|---|---|
| 10 Februari 2019 | Kesan Pembangunan Putrajaya terhadap Avifauna | Encik Sulaiman Salikin (NESt) |
| | Kajian Biodiversiti Bandar di Putrajaya | Prof. Dr. Norhayati Ahmad (UKM) |

Jadual: Program Fauna Bulan Ini (FBI)




*Gambar: Prof. Dr. Norhayati Ahmad berkongsi mengenai Biodiversiti Bandar*




*Gambar: Encik Sulaiman Salikan berkongsi mengenai kesan pembangunan Putrajaya terhadap avifauna*

## Putrajaya *Parks Day*

Putrajaya *Parks Day* merupakan program yang diilhamkan dari World Parks Day yang disambut di kebanyakan negara maju. Penganjuran program yang melibatkan komuniti Putrajaya dan sekitar Lembah Klang ini juga adalah bagi memenuhi *Blueprint* Masyarakat Sejahtera Putrajaya 2018/2022 yang antaranya menggariskan pelaksanaan program merakyatkan taman-taman di bawah teras pembaikan infrastruktur berterusan.

Antara matlamat penganjuran Putrajaya *Parks Day* adalah untuk menggalakkan orang ramai khasnya komuniti di Putrajaya menggunakan kemudahan taman-taman awam bagi tujuan riadah dan menjalankan aktiviti rekreasi. Program ini berlangsung pada 10 Februari 2019 bertempat di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya dan telah disertai seramai 3,500 orang pengunjung.




*Gambar: Acara perasmian disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah*



*Gambar: Acara tarik upih sukan tradisional*



*Gambar: Pertandingan Memanah Tradisional Putrajaya*




*Gambar: Persembahan oleh Pasukan Gendang Simfoni*



*Gambar: Putrajaya Animal Lovers Fiesta (PALoF)*




*Gambar: Acara larian 3/5/10km - SHERUN*

### Program *Kids, Art and Cultural* Festival

KASIH Malaysia telah bekerjasama menjayakan program *Kids, Art and Cultural* Festival yang telah diadakan di Taman Botani Putrajaya pada 26 Januari 2019. Pelbagai aktiviti diadakan seperti pameran buah-buahan nadir, pertandingan mewarna, pertunjukan kebudayaan serta permainan tradisional Jejak Taman Putrajaya. Program ini melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan universiti serta dihadiri pembesar-pembesar negara.

*Gambar: Program Kids, Art And Cultural Festival*



### i. Kursus Pengendalian Cardboard 360 VR *Garden Tour Experience*

Peradanan Putrajaya telah memperkenalkan satu produk baru yang diberi nama 360 VR *Garden Tour Experience* dengan konsep 3EX iaitu *explore* (penerokaan), *excitement* (keseronokan) dan *experience* (pengalaman). Produk ini berkonsepkan *virtual reality* (VR) atau realiti maya yang menggunakan teknologi untuk pengguna berinteraksi dengan lingkungan simulasi komputer berdasarkan objek nyata dan animasi. Secara amnya, VR adalah pemunculan gambar-gambar tiga dimensi yang boleh dilihat melalui komputer dan peralatan tertentu. Bagi merealisasikan penggunaan produk ini, kursus ini telah diadakan pada 26 Februari 2019 dengan kerjasama Syarikat Flytone Corporations. Pengetahuan produk berkaitan penggunaan dan pengendalian teknikal telah diberikan kepada pegawai dan pekhidmat Perbadanan Putrajaya agar pengetahuan dan pengalaman menggunakan produk ini dapat dikongsi bersama pengunjung Taman Botani Putrajaya.



*Gambar: Kursus Pengendalian Cardboard 360 VR Garden Tour Experience*

### ii. Modul Pendidikan Alam Sekitar - *Cycle and Hunt* di Taman Saujana Hijau

Pengenalan Modul Pendidikan Alam Sekitar - *Cycle and Hunt* di Taman Saujana Hijau telah dirangka dan akan dilaksanakan sebagai aktiviti percubaan oleh pegawai dan pekhidmat Perbadanan Putrajaya untuk mendapatkan tahap keberkesanan penambahbaikan modul ini. Aktiviti *Cycle and Hunt* yang telah diadakan pada 9 April 2019 merupakan aktiviti berbentuk *treasure hunt* dengan sedikit kelainan apabila peserta perlu menjawab soalan dan mencari jawapan menggunakan sistem aplikasi Whatsapp (*paperless*) dan produk baru Perbadanan Putrajaya iaitu *cardboard* 360 VR *Garden Tour Experience*.




*Gambar: Program Cycle and Hunt*

### iii. Modul Pendidikan Alam Sekitar- *Introduction of Tree Climbing* di Taman Botani Putrajaya

Pengenalan Modul Pendidikan - *Introduction of Tree Climbing* telah diadakan pada 19 November 2019 di Taman Botani Putrajaya. Program ini dirangka dan disertai oleh pegawai dan pekhidmat Perbadanan Putrajaya bagi memberikan kelainan dan pengalaman yang sangat bermakna dan luar biasa buat peserta berkaitan kaedah *tree climbing* yang betul dan selamat mengikut garis panduan pakar aborist yang diiktiraf. Selain itu, Perbadanan Putrajaya telah memperkenalkan aktiviti pendidikan baru yang seterusnya dijadikan produk dan modul baru bagi Taman Botani Putrajaya. Sebelum aktiviti dijalankan, pokok -pokok di Taman Botani Putrajaya akan dinilai dan diteliti oleh aborist bertauliah yang berpengalaman dengan mengambil kira kesesuaian pokok, keselamatan tapak dan keadaan persekitaran semasa aktiviti berlangsung. Setiap peserta juga akan dibekalkan dengan peralatan memanjat yang terbaik dan berkualiti semasa aktiviti dijalankan bagi memastikan keselematan peserta terjamin dan tiada perkara yang tidak diingini berlaku.




*Gambar: Program Introduction of Tree Climbing*





### Konservasi Tumbuhan dan Pengurusan Herbarium

Aktiviti konservasi tumbuhan melibatkan pengurusan koleksi tumbuhan dan pembangunan serta pengemaskinian pengkalan data koleksi tumbuhan hidup Taman Botani Putrajaya ke dalam MyBIS, dengan kerjasama antara Perbadanan Putrajaya (Taman Botani Putrajaya) dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Selain itu, pencetakan, penggantian dan pemasangan label tumbuhan beserta kod QR telah dijalankan di Taman Botani Putrajaya, Taman Rimba Alam, KATS, UKM dan label -label tumbuhan yang rosak. Kod QR tersebut akan membolehkan pengunjung Taman Botani Putrajaya mendapatkan informasi tumbuhan Taman Botani Putrajaya di laman MyBIS hasil kolaborasi bersama KATS. Sebanyak 600 label tumbuhan telah dicetak. Selain itu, program konservasi juga melibatkan aktiviti khidmat rujukan dan teknikal tumbuhan antaranya menerima kunjungan dari RTM, FRIM, UITM, KATS dan lain-lain. Taman Botani juga bersetuju untuk menyertai Jaringan Kerjasama Taman-taman Botani Malaysia dengan menghadiri mesyuarat Jaringan Kerjasama Taman-taman Botani Malaysia pada bulan April di Taman Botani Pulau Pinang.

Pengumpulan spesimen tumbuhan untuk aktiviti pengurusan herbarium dijalankan merangkumi beberapa kawasan habitat dan hutan tanah rendah yang berbeza di sekitar negeri Selangor, Putrajaya, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan bagi tujuan pemuliharaan spesies tumbuhan secara *ex-situ* di Taman Botani Putrajaya. Program pengurusan herbarium pula melibatkan pengumpulan dan kurasi spesimen tumbuhan yang diawet, direkod dan disimpan secara sistematik untuk tujuan rujukan, bahan pendidikan dan penyelidikan. Jumlah spesimen yang dikumpul sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak 210 spesimen, ia terdiri daripada pelbagai habitat dan sifat tumbuhan seperti epifit dan parasit, tumbuhan jenis palma, herbasus, memanjat, pokok renek, pokok besar dan sebagainya.



*Gambar: Pengurusan koleksi konservasi tumbuhan*




*Gambar: Pencetakan dan penggantian label tumbuhan*



*Gambar: Khidmat rujukan kepada kurator Taman Botani Pulau Pinang, wakil KATS dan wakil FRIM*



*Gambar: Khidmat rujukan buahan nadir untuk DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong*




*Gambar: Khidmat rujukan tumbuhan untuk Renjer Konservasi Alam Malaysia*



*Gambar: Mesyuarat Jaringan Kerjasama Taman-Taman Botani Malaysia*



*Gambar: Kerja lapangan dan kurasi spesimen herbarium*

## PENYELENGGARAAN DAN KAWALAN LANDSKAP

Pengurusan penyelenggaraan dan kawalan landskap adalah meliputi pelbagai kawasan termasuk taman-taman awam, kejiranan, tepian dan median jalan-jalan protokol, sepanjangan sisiran dan persisiran Putrajaya serta Persiaran Perdana dan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang telah dipilih melalui tender penyelenggaraan secara terbuka. Sebahagian besar kawasan yang telah diambil alih daripada pihak pemaju telah diselenggarakan dengan sebaiknya oleh pihak Perbadanan Putrajaya melibatkan kawasan landskap yang begitu luas.

Proses pengambilalihan kawasan bagi tujuan penyelenggaraan landskap telah dilakukan dengan penglibatan penuh serta mendapat kerjasama baik semua pihak termasuk pihak pemaju Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Ia turut melibatkan kawasan-kawasan perumahan, sisiran, jalan-jalan tetulang, kompleks pejabat kerajaan, kawasan jambatan dan termasuk juga kawasan zon penampan, laluan jalan ke Perumahan Penjawat Awam (PPAM) di Presint 6 dan kawasan lain di Presint 1, 12, 14, 15, 16 serta kawasan pesisiran di Presint 17 dan 19.

### Kawalan Landskap

Senarai pencapaian proses permohonan dan kelulusan serta penguatkuasaan landskap sepanjang tahun adalah seperti berikut:

| BIL | PERKARA | BILANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Kelulusan Pelan Landskap (KL) | 12 |
| 2. | Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) | 17 |
| 3. | Permohonan Serah Tapak (ST) / Pengambilalihan | 4 |
| 4. | Permohonan Pengalihan dan Pelupusan Pokok | 15 |
| 5. | Penguatkuasaan Kawasan Landskap | 2 |
| 6. | Pemeriksaan Pokok di Nurseri | 7 |
| 7. | Tindakan Kawalan Pencerobohan Kawasan Hijau | 1 |

*Jadual: Senarai pencapaian proses permohonan dan kelulusan serta penguatkuasaan landskap*

### Pemeliharaan Kehijauan Putrajaya

Putrajaya dibangunkan sebagai Bandaraya dalam taman, setiap pembangunan perlu menyediakan sekurang-kurangnya 30% kawasan hijau. Bermula tahun 2018 mana-mana pembangunan atau kerja-kerja di tapak yang memerlukan penebangan atau pelupusan tanaman/pokok sedia ada yang diselenggara oleh pihak Perbadanan Putrajaya, caj ganti rugi dan penggantian pokok dengan nisbah 1:2 dikenakan sebagai **KEHILANGAN TEDUHAN DAN KEHILANGAN KEHIJAUAN BANDAR PUTRAJAYA**. Langkah ini juga diambil untuk memberi kesedaran kepada pihak pemaju bahawa kehilangan teduhan dan kehijauan akan memberi impak kepada penduduk Putrajaya.

Pada tahun 2019, sebanyak 15 permohonan pengalihan/ pelupusan tanaman/pokok telah diterima melibatkan pelupusan dan pengalihan serta pengantian tanaman/pokok seperti berikut:

| Bil. | Jenis Tanaman | Pelupusan | Pengalihan | Pengantian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pokok | 208 | 133 | 206 |
| 2. | Palma | 8 | 52 | 16 |
| 3. | Topiari/Bongsai | 0 | 0 | 0 |
| 4. | Renek | 48 | 0 | 3696 |

*Jadual: Statistik pengalihan, pelupusan dan penggantian pokok 2019*

Kos ganti rugi sebanyak RM 204,380.00 telah diperolehi dan pengantian pokok-pokok juga telah dilakukan oleh pihak pemaju dan di tanam di kawasan-kawasan hijau yang telah dikenal pasti serta kawasan-kawasan yang memerlukan sulaman pokok-pokok.

## LAPORAN STATUS PERMOHONAN DAN GANTIRUGI







*Carta: Perbandingan jumlah permohonan dari tahun 2015 hingga 2019 dan nilai gantirugi antara tahun 2018 dan 2019*

## LAPORAN STATUS PELUPUSAN POKOK










*Carta: Perbandingan jumlah permohonan dari tahun 2015 hingga 2019 dan nilai gantirugi antara tahun 2018 dan 2019*

## LAPORAN STATUS PENGALIHAN POKOK




*Carta: Perbandingan pengalihan pokok antara tahun 2015 hingga 2019*

## LAPORAN STATUS PENGANTIAN POKOK




*Carta: Perbandingan penggantian pokok antara tahun 2015 hingga 2019*



*Gambar: Pemeriksaan tapak dijalankan secara menyeluruh untuk tujuan pengambilalihan*



*Gambar: Penggantian pokok di Taman Wetland*




*Gambar: Lawatan tapak bagi kerja-kerja pembangunan landskap*




*Gambar: Sokongan dan pematuhan CCC*




*Gambar: Pengambilalihan kawasan*




*Gambar: Pemeriksaan pokok di nurseri*




*Gambar: Tindakan kawalan pencerobohan kawasan hijau*

Kawasan landskap kejiranan juga sentiasa dipantau bagi mengelakkan sebarang aktiviti bercucuk tanam dan pencerobohan kawasan oleh penduduk setempat.

Pengurusan dan penyelenggaraan landskap di taman-taman awam melibatkan Taman Wetland, Taman Botani, Taman Putra Perdana, Taman Pancarona, Taman Rimba Alam, Taman Wawasan, Taman Warisan Pertanian, Taman Saujana Hijau, Taman Selatan, Taman Cabaran dan Taman Duta. Pelbagai aset landskap sentiasa dipantau dan diselenggarakan di setiap taman yang melibatkan kemudahan seperti tanam-tanaman, laluan pejalan kaki, kemudahan permainan kanak-kanak, kemudahan pusat pelawat, tiang lampu, sistem saliran, sistem pendingin, kemudahan bangunan, wakaf dan sebagainya. Segala aspek penyelenggaraan di taman telah dijalankan secara komprehensif termasuk elemen berkaitan sivil dan struktur serta aspek berkaitan mekanikal dan elektrikal.



*Gambar: Sebahagian kawasan landskap yang diintegrasikan dengan elemen air di Tasik Putrajaya.*

Selain itu, kawasan landskap kejiranan yang telah diambil alih sejak tahun 2000 sehingga kini secara berperingkat melibatkan keseluruhan kawasan Presint 5 hingga 11, Presint 14 hingga 18. Kawasan-kawasan ini telah didiami penduduk sama ada melibatkan kawasan rumah kuarters kerajaan mahupun kawasan persendirian. Perbadanan Putrajaya bersama Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri sering bekerjasama membantu menyelesaikan pelbagai isu berkaitan aspek penyelenggaraan landskap yang melibatkan kawasan kejiranan di Putrajaya.

Keseluruhan kawasan jalan-jalan protokol juga telah diselenggarakan dengan sebaiknya melibatkan kawasan tepian kiri dan kanan jalan termasuk kawasan mediannya dengan anggaran panjang 240 km. Antara kawasan landskap jalan-jalan protokol yang diselenggarakan adalah termasuk Persiaran Utara, Persiaran Persekutuan, Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Persiaran Timur, Persiaran Barat, Lebuh Sentosa, Lebuh Perdana Barat, Lebuh Wadi Ehsan dan lain-lain. Kawasan landskap yang melibatkan jambatan juga turut diselenggarakan seperti Jambatan Seri Perdana, Jambatan Seri Wawasan, Jambatan Seri Sentosa, Jambatan Seri Gemilang, Jambatan Seri Bakti, Jambatan Seri Bestari, Jambatan Putra dan Jambatan Seri Ehsan.

Kawasan pengambilalihan landskap di sekitar sisiran tasik Putrajaya juga semakin bertambah dari semasa ke semasa, melebihi 40 km kawasan tepian tasik. Ini dapat dibuktikan dengan adanya kawasan sisiran baru dibuka melibatkan kawasan laluan pejalan kaki di sepanjang tasik di Presint 17. Kemudahan landskap ini dapat memudahkan para pengguna untuk bersiar-siar dan berekreasi sambil menikmati pemandangan tasik yang begitu indah. Kawasan sisiran tasik yang telah diambil alih ini juga lain-lain. pelbagai kemudahan kepada para pengguna, termasuk pokok-pokok teduhan dan tanaman renek berbunga, kemudahan lampu, tempat duduk, tong sampah, wakaf, peralatan permainan kanak-kanak, alatan senam riang dan sebagainya.

Selain itu, sebahagian kawasan pejabat kerajaan yang berada di sekitar Presint 2, hingga 4 juga telah mendapat manafaat yang sebaiknya dengan kemudahan



*Gambar: Kawasan Persiaran Perdana telah dihiasi indah dengan tanaman berpasu bagi mewujudkan persekitaran yang nyaman dan mengurangkan kadar pemanasan di kawasan tersebut*

landskap yang begitu menarik di sepanjang Persiaran Perdana. Kawasan landskap sepanjang 4.2 km di Persiaran Perdana ini termasuk kawasan Dataran Putrajaya dan kawasan padang di hadapan Kompleks Perbadanan Putrajaya yang sentiasa dijadikan tapak acara bagi program-program utama yang diadakan seperti Sambutan Hari Wilayah, Sambutan Hari Kebangsaan, Sarapan Pagi Bersama Milo, Festival LAMPU Putrajaya dan sebagainya.

Sebahagian besar kawasan Putrajaya telah diliputi pembangunan dengan begitu pesat dan turut melibatkan aspek keceriaan landskap yang unik dan menarik. Sebagai sebuah bandaraya dan merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang bercirikan Bandaraya Taman, maka ianya telah dibangunkan secara komprehensif dan dirancang dengan begitu teliti merujuk sepertimana Pelan Induk Putrajaya dengan mengambilkira setiap kriteria, ciri-ciri senibina dan rekabentuk landskap yang menarik mengikut tema sesuatu tempat pembangunan.

Aspek pengurusan dan penyelenggaraan landskap secara berjadual dan terancang juga melibatkan kerjasama dan sokongan semua warga kerja termasuk para kontraktor yang telah dilantik. Hampir 40% kawasan hijau telah dibangunkan dengan terbinanya 12 buah taman awam, dengan kepelbagaian tema dan konsep masing-masing. Ianya mengambilkira kepelbagaian rekabentuk landskap berdasarkan konsep senibina taman yang tersendiri, merangkumi kawasan rekreasi di sekitar Putrajaya dengan berlatar belakangkan struktur senibina bangunan dan persekitaran landskap yang unik dan menarik kepada seluruh warga Putrajaya dan kunjungan para pelancong dari dalam dan luar negara.

## Kerja-Kerja Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap Putrajaya

Kerja-kerja penyelenggaraan landskap di Putrajaya sentiasa dijalankan secara berterusan dan mengikut jadual berkala sepertimana yang dirancang bagi memastikan kawasan landskap di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan sentiasa cantik, bersih dan menarik.



*Gambar: Pengurusan dan penyelenggaraan landskap di Putrajaya sentiasa dipantau oleh YAB Perdana Menteri Malaysia*

Sebahagian besar kawasan landskap telah diselenggarakan dengan berkesan melibatkan keseluruhan kawasan Putrajaya merangkumi pokok-pokok, palma, tanaman renek yang menghijau, tanaman yang berbunga dan pelbagai aspek penyelenggaraan landskap melibatkan landskap lembut dan kejur, termasuk penyelenggaraan kemudahan awam melibatkan aspek mekanikal, elektrikal, sivil dan struktur khusus di taman-taman awam.



*Gambar: Penglibatan dalam Pertandingan Inisiatif Negara Taman Terindah sempena Sambutan Hari Landskap Negara 2019 anjuran Jabatan Landskap Negara dan Perbadanan Putrajaya telah memenangai tempat ke-2 bagi anugerah tersebut.*

Penyelenggaraan landskap juga melibatkan keseluruhan kawasan kejiranan, kawasan sisiran, kawasan jalan-jalan protokol dan sebagainya. Kerja-kerja penyelenggaraan landskap dilaksanakan secara berterusan mengikut jadual berkala. Perbadanan Putrajaya telah berjaya memastikan keadaan landskap awam dan taman-taman awam diselenggara dengan baik agar ianya sentiasa tersedia untuk digunakan oleh penduduk setempat dan komuniti serta para pengunjung/pelancong luar yang berkunjung ke Putrajaya.



*Gambar: Keindahan hiasan landskap di Taman Botani Putrajaya semasa acara FLORIA Diraja Putrajaya 2019*

| BIL. | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Kekerapan penyelenggaraan bagi kawasan-kawasan landskap/ Taman Metropolitan di Putrajaya | 840 kali |
| 2 | Kawasan landskap/ Taman Metropolitan di Putrajaya | 70 kawasan |

*Jadual: Penyelenggaraan kawasan landskap/taman metropolitan*



*Gambar: Sebahagian kawasan landskap berciri air di Pusat Rekreasi Air, Taman Wetland*

| BIL. | KAWASAN LANDSKAP/TAMAN METROPOLITAN DI PUTRAJAYA | |
|---|---|---|
| 1 | Taman Wetland di Presint 12 & 13 | Taman Metropolitan |
| 2 | Taman Wawasan di Presint 2 | |
| 3 | Taman Pancarona di Presint 18 | |
| 4 | Taman Selatan di Presint 20 | |
| 5 | Taman Putra Perdana di Presint 1 | |
| 6 | Taman Saujana Hijau di Presint 11 | |
| 7 | Taman Rimba Alam di Presint 14 & 15 | |
| 8 | Presint Diplomatik & Taman Duta di Presint 15 | |
| 9 | Taman Botani di Presint 1 | |
| 10 | Kawasan Kejiranan Presint 5 | Kawasan Kejiranan |
| 11 | Kawasan Kejiranan Presint 6 | |
| 12 | Kawasan Kejiranan Presint 7 | |
| 13 | Kawasan Kejiranan Presint 8 | |
| 14 | Kawasan Kejiranan Presint 9 | |
| 15 | Kawasan Kejiranan Presint 10 | |
| 16 | Kawasan Kejiranan Presint 11 | |
| 17 | Kawasan Kejiranan Presint 14 | |
| 18 | Kawasan Kejiranan Presint 15 | |
| 19 | Kawasan Kejiranan Presint 16 | |
| 20 | Kawasan Kejiranan Presint 17 | |
| 21 | Kawasan Kejiranan Presint 18 | |
| 22 | Kediaman Rasmi Presiden Perbadanan Putrajaya di Presint 10 | |
| 23 | Presint 7 (Putrajaya Sentral) | |
| 24 | Kompleks Perbadanan Putrajaya Presint 3 | Boulevard, Promenade & Waterfront |
| 25 | Persisiran Tasik Presint 2, 3, 4, 18 & Monumen Alaf Baru | |
| 26 | Sisiran Tasik Presint 1 & 16 | |
| 27 | Sisiran Tasik 7,8 & 10 | |
| 28 | Sisiran Tasik 5 & 6 | |
| 29 | Taman Tasik Seri Empangan | |

| BIL. | KAWASAN LANDSKAP/TAMAN METROPOLITAN DI PUTRAJAYA | |
|---|---|---|
| 30 | Dataran Seri Gemilang Presint 4 | Boulevard, Promenade & Waterfront |
| 31 | Dataran Putrajaya Presint 2 | |
| 32 | Dataran Wawasan Presint 2 | |
| 33 | Persiaran Perdana Presint 2,3 & 4 | |
| 34 | Jalan-jalan Presint 2, 3 & 4 | |
| 35 | Kompleks Seri Perdana, Kediaman Rasmi YAB Perdana Menteri di Presint 10 | Kawasan Protokol |
| 36 | Kompleks Sri Satria, Kediaman Timbalan Perdana Menteri di Presint 16 | |
| 37 | Kompleks PUSPANITAPURI di Presint 10 | |
| 38 | Kompleks Jabatan Perdana Menteri (JPM) Parcel B di Presint 1 | |
| 39 | Persiaran Seri Perdana - 2.52 km | Jalan-jalan Protokol (Zon 1) |
| 40 | Lebuh Perdana Barat - 1.64 km | |
| 41 | Jambatan Seri Perdana – 0.2 km | |
| 42 | Jalan-Jalan di Presint 12 | |
| 43 | Persiaran Persekutuan – 3.4 km | Jalan-jalan Protokol (Zon 2) |
| 44 | Persiaran Utara- 10.82 km | |
| 45 | Lebuh Sentosa. – 6.99 km | |
| 46 | Lebuh Wawasan. – 1.16 km | |
| 47 | Jambatan Seri Wawasan. – 0.22 km | |
| 48 | Jambatan Seri Saujana. – 0.29 km | |
| 49 | Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah - 3.4 km | Jalan-jalan Protokol (Zon 3) |
| 50 | Lebuh Perdana Timur – 0.9 km | |
| 51 | Lebuh Perdana Selatan – 1.4 km | |
| 52 | Jambatan Seri Bakti – 0.17 km | |
| 53 | Jalan Sekolah Alam Shah – 0.55 km | |
| 54 | Jambatan Seri Bestari. – 0.86 km | |
| 55 | Jalan Masuk Seri Satria. – 0.1 km | |
| 56 | Jalan Wisma Putra. – 0.89 km | |
| 57 | Lebuh Bestari. – 1.48 km | |
| 58 | Laman Putra – 278,447 m2 | |
| 59 | Persiaran Timur – 7.0 km | Jalan-jalan Protokol (Zon 4) |
| 60 | Jalan Alamanda – 1.44 km | |
| 61 | Lebuh Wadi Ehsan – 3.3 km | |
| 62 | Jambatan Seri Setia – 0.10 km | |
| 63 | Persiaran Selatan – 4.83 km | |
| 64 | Jalan-Jalan Presint 5 Dan 6 – 34.98 km | |
| 65 | Jambatan Seri Ehsan – 0.28 km | |

*Jadual: Kawasan landskap/Taman Metropolitan di Putrajaya*





*Gambar: Suasana menarik di Taman Saujana Hijau, Presint 11*



*Gambar: Kawasan sisiran tasik Putrajaya yang indah dan mendamaikan*



*Gambar: Hiasan tanaman bunga semusim di persekitaran jalan-jalan protokol di sekitar Putrajaya*



*Gambar: Pokok-pokok teduhan menghijau yang menghiasi kawasan hadapan Kompleks Seri Perdana, Presint 10*



*Gambar: Pemandangan indah dari udara panorama Taman Saujana Hijau, Presint 11*

Kerja-kerja penyelenggaraan landskap adalah seperti berikut:

i. Kerja penyelenggaraan landskap lembut:
   a) Penyiraman
   b) Pembajaan
   c) Penggemburan tanah
   d) Merumpai
   e) Pemangkasan/cantasan pokok renek
   f) Membuang pelepah palma
   g) Pembuangan sisa landskap
   h) Kawalan serangan penyakit dan makhluk perosak
   i) Pengapuran

ii) Kerja-kerja penyelenggaraan landskap kejur
iii) Kerja-kerja penyelenggaraan mekanikal & elektrikal
iv) Pencucian dan pembersihan
v) Kerja-kerja menaik taraf landskap

**Pengurusan Pokok-pokok Ameniti (Arborikultur) di Putrajaya**

Kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok ameniti bertujuan untuk memastikan pokok-pokok matang di Putrajaya berada dalam keadaan selamat dan sihat. Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan pemangkasan rutin berjadual ke atas kira-kira 32,624 batang pokok bagi memastikan kanopi pokok dan struktur pokok sihat dan selamat, sekaligus dapat berfungsi sebagai teduhan dan mengawal suhu sekeliling.

Putrajaya juga tidak terkecuali dari mengalami keadaan angin kencang dan ribut yang telah menyebabkan sebanyak 116 batang pokok telah tumbang dan 598 batang pokok telah serkah. Walau bagaimanapun, kesemua kes ini telah diuruskan dengan baik di lapangan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Atas faktor tersebut, pihak Perbadanan Putrajaya telah membuat penilaian terhadap pokok-pokok yang berisiko dan sebanyak 324 batang telah ditebang. Ia juga dilaksanakan setelah mengambil kira potensi risiko bahaya kepada harta awam dan penduduk setempat di Putrajaya. Selain itu, sebanyak 130 tunggul pokok telah berjaya dibuang dan dibersihkan dari kawasan tapak di sekitar Putrajaya.

**i. Pembuangan sisa pokok yang ditebang dan dipangkas untuk dijadikan kompos**

Hampir 50% hasil sisa pokok yang dipangkas, ditebang serta serkah dijadikan kompos secara dalaman untuk menjimatkan kos pembelian kompos luar. Sebanyak 12 tan kompos telah dihasilkan.

| Bil. | Perkara | Jumlah (Batang) |
|---|---|---|
| 1 | Pemangkasan Pokok | 32,624 |
| 2 | Kes Pokok Tumbang | 116 |
| 3 | Kes Pokok Serkah | 598 |
| 4 | Pokok Ditebang | 324 |
| 5 | Pembuangan Tunggul | 130 |

*Jadual: Data arborikultur bagi tahun 2019*





*Gambar: Kerja-kerja pembersihan pokok tumbang akibat ribut sentiasa dilakukan serta-merta di lapangan bagi memastikan kawasan terlibat berada dalam keadaan sempurna*






*Gambar: Pokok tumbang yang menghalang laluan kenderaan sentiasa diberikan keutamaan dalam kerja-kerja pembersihan di lapangan akibat kejadian ribut*




| Bil. | Zon Pengurusan Pokok Ameniti | |
|---|---|---|
| 1 | Kawasan kejiranan Presint 7 | Zon 1 (Kawasan Kejiranan 1) |
| 2 | Kawasan Kejiranan Presint 8 | |
| 3 | Kawasan Kejiranan Presint 9 | |
| 4 | Kawasan Kejiranan Presint 10 | |
| 5 | Kawasan Kejiranan Presint 11 | |
| 6 | Kawasan Kejiranan Presint 12 | |
| 7 | Kawasan Kejiranan Presint 14 | Zon 2 (Kawasan Kejiranan 2) |
| 8 | Kawasan Kejiranan Presint 15 | |
| 9 | Kawasan Kejiranan Presint 16 | |
| 10 | Kawasan Kejiranan Presint 17 | |
| 11 | Kawasan Kejiranan Presint 18 | |
| 12 | Persisiran Tasik Presint 2, 3, 4, 18 & Monumen Alaf Baru | Zon 3 (Nusa Perdana & Promenade) |
| 13 | Sisiran Tasik Presint 1 & 16 | |
| 14 | Sisiran Tasik 7,8 & 10 | |
| 15 | Sisiran Tasik 5 & 6 | |
| 16 | Taman Tasik Seri Empangan | |
| 17 | Dataran Seri Gemilang Presint 4 | |
| 18 | Dataran Putrajaya Presint 2 | |
| 19 | Dataran Wawasan Presint 2 | |
| 20 | Persiaran Perdana Presint 2,3 & 4 | |
| 21 | Jalan-jalan Presint 2, 3 & 4 | |
| 22 | Persiaran Seri Perdana | Zon 4 (Jalan-Jalan Protokol) |
| 23 | Lebuh Perdana Barat | |
| 24 | Jambatan Seri Perdana | |
| 25 | Jalan Presint 12 | |
| 26 | Persiaran Persekutuan | |
| 27 | Persiaran Utara | |
| 28 | Lebuh Sentosa | |
| 29 | Lebuh Wawasan | |
| 30 | Jambatan Seri Wawasan | |
| 31 | Jambatan Seri Saujana | |
| 32 | Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah | |
| 33 | Lebuh Perdana Timur | |
| 34 | Lebuh Perdana Selatan | |
| 35 | Jambatan Seri Bakti | |
| 36 | Jalan Sekolah Alam Shah | |
| 37 | Jambatan Seri Bestari | |
| 38 | Jalan Masuk Seri Satria | |
| 39 | Jalan Wisma Putra | |
| 40 | Lebuh Bestari | |
| 41 | Laman Putra | |
| 42 | Persiaran Timur | |
| 43 | Jalan Alamanda | |
| 44 | Lebuh Wadi Ehsan | |
| 45 | Jambatan Seri Setia | |
| 46 | Persiaran Selatan | |
| 47 | Jalan-Jalan Presint 5 & 6 | |

Jadual: Zon pengurusan pokok ameniti

**ii. Tindakan Penyelesaian Aduan Berkaitan Pokok Ameniti**

Perbadanan Putrajaya telah menerima sebanyak 305 aduan berkaitan pokok ameniti di Putrajaya merangkumi permohonan pemangkasan, penebangan, kejadian pokok tumbang/serkah melalui sistem SISPAA Perbadanan Putrajaya.

DATA PERATUSAN JUMLAH ADUAN MENGIKUT PRESINT BAGI TAHUN 2019

| ZON | PRESINT | Jan-19 | Feb-19 | Mar-19 | Apr-19 | May-19 | Jun-19 | Jul-19 | Aug-19 | Sep-19 | Oct-19 | Nov-19 | Dec-19 | ADUAN 2019 | JUMLAH 2016 - 2019 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Zon 1 | JALAN PROTOKOL | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 | 19 |
| Zon 2 | Presint 8 | 3 | 2 | 3 | 6 | 4 | 1 | 4 | 7 | 2 | 4 | 3 | 5 | 44 | 132 |
| | Presint 9 | 4 | 1 | 11 | 4 | 6 | 1 | 0 | 7 | 1 | 4 | 9 | 4 | 52 | 184 |
| | Presint 10 | 2 | 1 | 1 | 1 | 3 | 0 | 1 | 1 | 0 | 2 | 0 | 0 | 12 | 46 |
| | Presint 11 | 9 | 8 | 13 | 10 | 4 | 8 | 4 | 9 | 7 | 8 | 13 | 8 | 101 | 305 |
| | Presint 14 | 2 | 1 | 6 | 5 | 1 | 6 | 4 | 6 | 4 | 1 | 1 | 5 | 42 | 142 |
| | Presint 15 | 1 | 1 | 4 | 1 | 0 | 0 | 1 | 4 | 2 | 2 | 4 | 3 | 23 | 84 |
| | Presint 16 | 2 | 0 | 2 | 0 | 1 | 0 | 2 | 1 | 0 | 0 | 6 | 2 | 16 | 43 |
| | Presint 17 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 |
| | Presint 18 | 0 | 0 | 1 | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 3 | 0 | 10 | 54 |
| Zon 3 | NUSA PERDANA | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 17 |
| Jumlah keseluruhan | | 24 | 15 | 41 | 29 | 23 | 16 | 17 | 35 | 17 | 22 | 39 | 27 | 305 | 1029 |




| ZON | PRESINT | ADUAN 2019 | PERATUS |
|---|---|---|---|
| Zon 1 | JALAN PROTOKOL | 3 | 0.98% |
| Zon 2 | Presint 8 | 44 | 14.43% |
| | Presint 9 | 52 | 17.05% |
| | Presint 10 | 12 | 3.93% |
| | Presint 11 | 101 | 33.11% |
| | Presint 14 | 42 | 13.77% |
| | Presint 15 | 23 | 7.54% |
| | Presint 16 | 16 | 5.25% |
| | Presint 17 | 0 | 0.00% |
| | Presint 18 | 10 | 3.28% |
| Zon 3 | NUSA PERDANA | 2 | 0.66% |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 305 | |

*Carta: Data peratusan jumlah aduan mengikut presint bagi tahun 2019*

Langkah pencegahan telah dijalankan dengan sebaiknya, iaitu melibatkan perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja pemangkasan secara rutin berjadual yang bersifat kawalan. Ianya dapat mengurangkan kes pokok tumbang dan serkah. Pemantauan dari semasa ke semasa di lapangan juga dapat membantu menyelesaikan isu berkaitan pokok tumbang.

Perbadanan Putrajaya sering mengambil pendekatan turun ke tapak dan bertemu pengadu bagi menyelesaikan aduan serta mengambil peluang memberikan penerangan tentang kerja-kerja yang sedang dilaksanakan di lapangan.

# PENGURUSAN PELANGGAN

# PENGURUSAN PELANGGAN

## PENGURUSAN ADUAN AWAM

**Bilangan Aduan Awam Bagi Tahun 2019** Sebanyak 824 aduan awam telah diterima bagi tahun 2019 dengan catatan peningkatan sebanyak 71% berbanding dengan 482 aduan yang diterima bagi tahun sebelumnya. Sungguhpun demikian, Perbadanan Putrajaya tetap komited terutamanya dalam memastikan setiap aduan yang diterima dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

**Perbandingan Bilangan Aduan Yang Diterima Sepanjang Tahun 2017 Hingga 2019**




### Bilangan Aduan Mengikut Kategori

Terdapat 15 kategori aduan yang telah ditetapkan dalam SISPAA PPj. Senarai aduan mengikut kategori beserta jumlah aduan yang diterima adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:




### Prestasi Tempoh Penyelesaian Aduan 2019

Majoriti (98%) aduan yang diterima sepanjang tahun 2019 telah diselesaikan dalam tempoh kurang daripada 15 hari. Prestasi cemerlang ini melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (95%), Biro Pengaduan Awam (85%) dan objektif MS ISO 9001:2008 PPj (95%) untuk aduan diselesaikan dalam tempoh kurang dari 15 hari.

| TEMPOH | BIL. ADUAN | % JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 hari | 120 | 98% |
| 2-5 hari | 381 | |
| 6-10 hari | 228 | |
| 11-15 hari | 79 | |
| 16-20 hari | 8 | 2% |
| 21-30 hari | 8 | |
| 31-60 hari | 0 | 0% |
| >60 hari | 0 | |
| **JUMLAH** | | **100%** |

Secara keseluruhannya penerimaan aduan awam melalui SISPAA memperlihatkan kecekapan Perbadanan Putrajaya menguruskan aduan secara sistematik tanpa melalui lapisan birokrasi. Penglibatan penyelia dan penyiasat SISPAA dari semua jabatan turut memainkan peranan dalam menyumbang kepada penyelesaian aduan yang cepat dan efisien.

### Lawatan Penyelia dan Penyiasat SISPAA

Dengan mengambil kira keperluan untuk mempertingkatkan pengetahuan bagi menguruskan aduan awam, satu lawatan ke Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang disertai oleh penyelia dan penyiasat SISPAA telah diadakan pada 18 – 20 Disember 2019. LADA dilihat sebagai satu agensi yang mempunyai persamaan dan matlamat yang hampir sama dengan Perbadanan Putrajaya dalam usaha membangunkan wilayah masing-masing sebagai salah sebuah destinasi pelancongan dalam kelas yang tersendiri. Persamaan ini menjadikan LADA sebagai lokasi yang sesuai untuk tujuan pembelajaran dan peningkatan pengetahuan buat penyelia dan penyiasat SISPAA Perbadanan Putrajaya.

Inisiatif lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada penyelia dan penyiasat SISPAA melalui perkongsian pengalaman berkaitan pelaksanaan pengurusan aduan yang dilaksanakan oleh agensi lain juga sebagai insentif kepada khidmat cemerlang yang telah disumbangkan oleh mereka dalam menyelesaikan aduan-aduan awam.






## PENGURUSAN KAUNTER PERKHIDMATAN

Beberapa inisiatif penambahbaikan melalui Pelan Penambahbaikan Perkhidmatan Pelanggan Perbadanan Putrajaya telah dilaksanakan menggunakan kaedah Latih, Nilai, Ganjaran dan Motivasi seperti berikut:

### a) Latih

Seramai 90 orang penyelia dan petugas khidmat pelanggan telah menyertai sekurang-kurangnya satu daripada 3 siri Kursus Khidmat Pelanggan yang dianjurkan oleh BKK dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). 3 siri kursus tersebut telah dijalankan dengan menggunakan Manual Standard Perkhidmatan Pelanggan sebagai modul utama. Manual tersebut seterusnya dijadikan panduan dan rujukan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

### b) Nilai

Proses penilaian ke atas 17 kaunter perkhidmatan dibuat melalui tiga (3) kaedah iaitu penilaian orang awam, penilaian profesional dan penilaian juri pengurusan.

### c) Ganjaran

Sebagai suntikan semangat dan motivasi kepada penyelia dan petugas-petugas kaunter untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang, Anugerah Perkhidmatan Kaunter Terbaik akan diberikan kepada penerima yang mendapat markah tertinggi bagi kesemua komponen penilaian yang dijalankan.

### d) Motivasi

Siri latihan dan kursus yang berterusan juga dibuat secara berkala dengan melibatkan kesemua penyelia dan petugas secara berperingkat.

### Anugerah Perkhidmatan Kaunter Terbaik

Penilaian bagi Anugerah Perkhidmatan Kaunter Terbaik tahun 2019 telah dilaksanakan melalui 2 kaedah berikut:

### a) Penilaian profesional

– Markah diperolehi melalui dua siri lawatan beli-belah rahsia yang dilaksanakan secara profesional oleh Syarikat Cardas Research & Consulting Sdn Bhd. Lawatan Fasa 1 telah diadakan pada 14 - 21 Mei 2019, disusuli lawatan Fasa 2 yang telah diadakan pada 18 - 20 September 2019. Berdasarkan kedua-dua fasa lawatan, secara keseluruhannya terdapat peningkatan sebanyak 5% terhadap pematuhan kriteria standard perkhidmatan pelanggan yang diterima sewaktu lawatan berbanding dengan 76% pematuhan semasa lawatan Fasa 1;

### b) Penilaian juri pengurusan

– Tiga (3) orang ahli panel telah dilantik bagi membuat lawatan dan penilaian ke atas 14 kaunter. Ahli panel diketuai oleh Naib Presiden Jabatan Korporat dan panel juri terdiri daripada seorang pegawai daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj).

Melalui kedua-dua kaedah penilaian tersebut, **Kaunter Kompleks Kejiranan Presint 11** telah mendapat jumlah markah terkumpul yang paling tinggi, sekali gus dipilih sebagai Pemenang Anugerah Perkhidmatan Kaunter Terbaik Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2019.

## PENGURUSAN MEDIA

### Liputan Media

Sepanjang tahun 2019, Perbadanan Putrajaya telah merekodkan sebanyak 728 liputan menerusi media cetak dan media elektronik dengan nilai iklan setara (AVE) RM13,055,672.29

| Bulan | Kuantiti Liputan | AVE (RM) |
|---|---|---|
| Januari | 58 | 533,703.39 |
| Februari | 85 | 942,376.17 |
| Mac | 106 | 2,054,357.13 |
| April | 65 | 2,269,357.92 |
| Mei | 38 | 1,106,597.41 |
| Jun | 11 | 244,312.82 |
| Julai | 55 | 962,865.23 |
| Ogos | 139 | 1,565,860.06 |
| September | 82 | 1,434,665.04 |
| Oktober | 27 | 771,865.97 |
| November | 17 | 429,873.61 |
| Disember | 45 | 739,837.54 |
| **Total** | **728** | **13,055,672.29** |

*Jadual: Jumlah liputan berita dan nilai iklan setara Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2019*




*Graf: Jumlah liputan berita Perbadanan Putrajaya mengikut bulan*



*Gambar: Liputan media semasa Program Pameran dan Persidangan Putrajaya Digital (DiPEC) 2019*



*Gambar: Sesi sidang media YBhg. Datuk Dr Aminuddin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya semasa penganjuran Hari Terbuka Putrajaya 2019*




*Gambar: Sesi temu bual media bersama Presiden PPj yang Baharu, Datuk Dr Aminuddin Bin Hassim berhubung pengajuran Light and Motion Putrajaya 2019*



*Gambar: Temubual Selamat Pagi Malaysia bersama YAM Tengku Aina binti YAM Tengku Ismail Shah, Pengarah Komunikasi Korporat, Perbadanan Putrajaya dan Encik Sulaiman Salikin, Pengarah Nature Education Society berbicara mengenai penganjuran Bird Race Putrajaya 2019*

## Pemantauan Media

Berdasarkan pemantauan media yang dibuat, sebanyak 61% daripada keseluruhan liputan yang diterima adalah dengan tona atau nada berita yang neutral manakala 38% lagi bersifat positif. Hanya 1% sahaja direkodkan bagi liputan media yang bertona negatif, namun PPj memberi perhatian yang serius khususnya terhadap liputan yang bersifat aduan dan masalah berkaitan perhidmatan perbandaran di Putrajaya.

| Tona Berita | Kuantiti | Peratusan |
|---|---|---|
| Berita Positif | 279 | 38.2 % |
| Berita Negatif | 1 | 0.1 % |
| Berita Nuetral | 451 | 61.7 % |



## PENGURUSAN MEDIA SOSIAL

Sepanjang tahun 2019, PPj telah berjaya mendapatkan 20,924 pengikut di platform media sosial Perbadanan Putrajaya iaitu di Facebook, Instagram dan Twitter menjadikan jumlah pengikut media sosial PPj berjumlah 331,217 orang berbanding 310,293 orang pada tahun 2018.




| | |
|---|---|
| Posts/tweets | 1,884 |
| Reaction | 147,532 |
| Likes | n/a |
| Comments/replies | 50,980 |
| Shares | 40,699 |
| Engagement | 239,211 |
| Engagement/post | 127 |

**2019**

| | |
|---|---|
| Posts/tweets | 785 |
| Reaction | n/a |
| Likes | 101,233 |
| Comments/replies | 3,277 |
| Shares | n/a |
| Engagement | 104,460 |
| Engagement/post | 133 |

**2019**

| | |
|---|---|
| Posts/tweets | 1,036 |
| Reaction | n/a |
| Likes | 4,957 |
| Comments/replies | 291 |
| Shares | 1,721 |
| Engagement | 6,969 |
| Engagement/post | 7 |

**2019**

## PENGURUSAN LAWATAN RASMI

### Penerimaan Lawatan

Sepanjang tahun 2019, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menerima sejumlah 62 kumpulan yang melibatkan 1,363 orang pelawat.

| Jenis Lawatan | Jumlah | Peserta |
|---|---|---|
| Lawatan Berpandu & Umum | 24 | 581 |
| Lawatan Taklimat & Berpandu | 34 | 734 |
| Lawatan Pembesar Negara | 4 | 48 |
| **Jumlah** | **62** | **1,363** |

Jadual: Jenis lawatan, jumlah kumpulan dan jumlah peserta membuat kunjungan ke Perbadanan Putrajaya



*Gambar: Kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi Ghana, Akua Sekyiwa Ahenkora*



*Gambar: Kunjungan hormat Timbalan Datuk Bandar Sejong, Republik Korea, Kang Jin Lee*



*Gambar: Kunjungan hormat Timbalan Datuk Bandar Dongguan, China, Zhang Guanqi*

## PENGURUSAN PERMOHONAN PENGGAMBARAN DI PUTRAJAYA TAHUN 2019

Bermula 1 Julai 2019, semua permohonan untuk aktiviti penggambaran di Putrajaya boleh dibuat melalui sistem atas talian (online) di portal Rasmi Perbadanan Putrajaya. Inisatif ini diambil bagi memudahkan pemohon mengemukakan permohonan penggambaran tanpa perlu hadir ke Kompleks Perbadanan Putrajaya untuk berurusan. Semua maklumat dan perincian permohonan boleh dikemukakan terus secara atas talian.

Kadar caj untuk aktiviti penggambaran bagi tahun 2019 di Putrajaya telah ditetapkan seperti berikut:

| Bil. | Jenis Penggambaran | Siaran | Kadar Caj 1 Hari | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Kawasan Platinum | Lain-Lain Kawasan |
| i. | Iklan<br>Drama / Filem<br>Dokumentari<br>Klip Video / Lagu<br>Lain-Lain | Dalam Negara / Luar Negara | RM5,000 | RM2,000 |
| ii. | Deposit Penggambaran | | RM5,000 | |

Data yang telah direkodkan bagi tahun 2019 mencatatkan sebanyak 15 permohonan penggambaran yang telah diproses bermula dari Januari sehingga Disember 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 permohonan telah diproses secara atas talian iaitu bermula dari bulan Julai apabila sistem permohonan atas talian ini diguna pakai dan dibuka kepada orang ramai secara rasminya.



# PEMBANGUNAN KOMUNITI

# PEMBANGUNAN KOMUNITI

## PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pelbagai program dan aktiviti yang meliputi aspek pembangunan komuniti, perkhidmatan, sukan dan riadah telah dianjurkan bagi menggalakkan keharmonian hidup dan perpaduan di kalangan warga Putrajaya. Program Pembangunan Komuniti terbahagi kepada dua kategori iaitu utama pembangunan komuniti Putrajaya dan acara berskala kecil serta berkala berpandukan Rangka Tindakan Masyarakat Sejahtera Putrajaya.

Antara Program Utama Pembangunan Komuniti Putrajaya Tahun 2019 ialah :

| BIL | PROGRAM UTAMA PEMBANGUNAN KOMUNITI PUTRAJAYA | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Program Santai Komuniti Putrajaya Bersama Presiden Perbadanan Putrajaya | 6 kali setahun |
| 2. | Pertandingan Kibar Bendera Sempena Sambutan Hari Wilayah | 29- 30 Januari 2019 |
| 3 | Kenduri Rakyat Wilayah Putrajaya | 17 Februari 2019 |
| 4. | Karnival Warga Emas 2019 | 21 Februari 2019 |
| 5. | Program Pementoran Keusahawanan<br>Majlis Konvokesyen pada16 Disember 2019 | April-Disember 2019. |
| 6. | Program Pemerkasaan Komuniti Kraf Putrajaya (Kraf Komunitiku Putrajaya) | 13-14 April, 20-21 April dan 3-14 Ogos 2019 |
| 7. | Karnival Putrajaya 2019 | 4-6 Okt 2019 |
| 8 | Program Pengukuhan Semangat Berpasukan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) | 12-14 Julai 2019 |
| 9 | Kunjungan Hormat Ke Perbadanan Labuan | 12 Disember 2019 |

## SOROTAN PROGRAM UTAMA PEMBANGUNAN KOMUNITI PUTRAJAYA TAHUN 2019

### Program Santai Komuniti Putrajaya Bersama Presiden Perbadanan Putrajaya

Program Santai Komuniti Putrajaya telah diadakan sebanyak enam (6) kali di surau-surau sekitar Putrajaya bagi mendapatkan idea, pandangan dan cadangan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Perbadanan Putrajaya.



*Gambar : Program Santai Komuniti Putrajaya bersama Presiden Perbadanan Putrajaya*

### Kenduri Rakyat Wilayah Putrajaya

Kenduri Rakyat Wilayah Putrajaya telah diadakan pada 17 Februari 2019 bertempat di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18. Program ini merupakan acara tahunan yang menjadi medium untuk memperkukuhkan lagi persefahaman dan ukhuwah sesama komuniti.



*Gambar : Aktiviti gotong-royong memasak bubur lambuk oleh Majlis Perwakilan Penduduk*

## Pertandingan Kibar Bendera Sempena Sambutan Hari Wilayah

Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2019 adalah salah satu program bersempena Hari Wilayah Persekutuan 2019. yang menjadi medium untuk memperkukuhkan lagi persefahaman, semangat kerjasama dan ukhuwah sesama komuniti Wilayah Persekutuan Putrajaya khasnya. Ia juga menjadi pemangkin bagi mencetuskan suasana ceria yang berterusan dalam kalangan komuniti Putrajaya.



*Gambar : Tatahias pemenang bagi pertandingan kibar bendera sempena sambutan Hari Wilayah 2019.*

## Karnival Warga Emas

Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKMWPKL) telah menganjurkan program Karnival Warga Emas dengan bertemakan 'Sejahtera Warga Emasku' pada 21 Februari 2019 bertempat di Dewan Persidangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3. Program yang julung kali diadakan ini bertujuan memperkasa warga emas dan sebagai persediaan serta perancangan menghadapi peningkatan bilangan warga emas di negara ini. Rangka Tindakan Masyarakat Sejahtera turut melihat keperluan warga emas menikmati kehidupan yang sihat, aktif dan produktif. Antara pengisianya ialah Senamas (gabungan perkataan senaman + emas), *Explorace* Warga Emas, Jari Jemari Halus ( pertandingan hiasan bunga hantaran), Pertandingan Suara Emas dan Forum- Persediaan Hari Emas -Penuaan sihat.



*Gambar: Explorace Warga Emas*



*Pameran oleh pelbagai agensi*



*Gambar: Jari Jemari Halus - pertandingan gubahan bunga dan kain tuala*



*Sesi Forum Kesedaran Fenomena Penuaan*

## Program Pementoran Keusahawanan

Program Pementoran Keusahawanan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dilaksanakan selaras dengan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dengan matlamat utama untuk membina usahawan bumiputera yang berdaya saing dalam bidang perniagaan yang diceburi.

Seramai 90 usahawan dari Putrajaya dan Kuala Lumpur telah diberi latihan dan kursus, bimbingan daripada mentor yang bertauliah dan berjaya menamatkan program serta diraikan dalam Majlis Konvokesyen pada 16 Disember 2019.



*Sesi Forum Kesedaran Fenomena Penuaan*

## Program Pemerkasaan Komuniti Kraf Putrajaya (Kraf Komunitiku Putrajaya)

Program Kraf Komunitiku Putrajaya dianjurkan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAFTANGAN) bertujuan untuk memperkasakan ekonomi komuniti melalui perusahaan kraf dengan menyasarkan golongan suri rumah, belia/beliawanis, kumpulan B40 dan orang kelainan upaya (OKU). Program latihan ini telah diadakan pada 13-14 April, 20-21 April dan 3-14 Ogos 2019

Pelaksanaan program ini meliputi inisiatif pembangunan produk kraf beridentitikan Putrajaya, makmal pengeluaran, jaminan kualiti dan pasaran produk. KRAFTANGAN turut menyediakan platform kepada peserta bagi memasarkan hasil produk kraf di cawangan Karyaneka Putrajaya. Antara produk kraf yang telah dihasilkan dan dijual adalah beg jinjing, kit kembara, batik dan barang permainan lembut.





*Gambar : Barisan Peserta Kraf Komunitiku Putrajaya*

## Karnival Putrajaya 2019

Karnival Putrajaya bertemakan "Ke Arah Komuniti Sejahtera", yang diadakan pada 4 hingga 6 Oktober 2019 bertujuan untuk mengukuhkan interaksi dan integrasi sosial serta hubungan baik antara PPj dengan komuniti Putrajaya dan merupakan medium terbaik untuk menambahkan elemen keceriaan serta kemeriahan di kalangan warga Putrajaya.

Sebanyak 37 acara menarik telah diadakan sepanjang karnival ini, antaranya Tazkirah Muzikal yang menampilkan barisan penceramah terkemuka, showcase Komuniti Antarabangsa dan persembahan artis jemputan. Selain itu, PPj turut mengadakan Bazar Usahawan Putrajaya yang menempatkan 40 pameran dan jualan produk-produk komuniti. Selain itu, acara karnival juga turut diisi dengan pertandingan mencari bakat muda dalam bidang kulinari, seni tarian serta nyanyian seperti Bintang Komuniti Putrajaya, Pencarian Junior Chef @ Putrajaya, Pertandingan Tarian Antara Sekolah Putrajaya, Pertandingan Tarian Tradisional dan pelbagai lagi. Pentas Daie Muda Piala Presiden Perbadanan Putrajaya Peringkat Kebangsaan pula diadakan pada 4 Oktober 2019, bertujuan melahirkan daie muda yang berkeyakinan dalam kalangan pelajar sekolah untuk menyampaikan syarahan umum. Sebanyak sembilan (9) buah sekolah kluster kecemerlangan dan sebuah sekolah swasta dari seluruh negara telah bertanding dalam dua (2) kategori iaitu individu dan berkumpulan.



*Gambar : Ribuan pengunjung membanjiri Dataran Putrajaya sempena Karnival Putrajaya 2019*




*Gambar : Perasmian Karnival Putrajaya 2019.*

Aktiviti sukan dan riadah seperti Kayuhan Sejahtera, Street Netball, Street Soccer, Treasure Hunt berbasikal turut diadakan bagi menggalakkan amalan gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan anggota komuniti. PPj juga turut menyediakan anggota komuniti. 212 hadiah cabutan bertuah berjumlah lebih RM30,000 kepada pengunjung yang telah hadir ke karnival ini.

### Program Pengukuhan Semangat Berpasukan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP)

Program berkonsepkan semangat berpasukan yang telah diadakan pada 12-14 Julai 2019 bertempat di Avillion Admiral Cove, Port Dickson. Meletakkan matlamat untuk memupuk semangat bersatu padu, kolektivisme dalam melahirkan pemimpin yang berintegriti, ia disertai oleh seramai 69 Ahli Jawatankuasa MPPWP.



*Gambar : Peserta bekerjasama menyelesaikan tugasan yang diberikan*

### Kunjungan Hormat Ke Perbadanan Labuan

Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Putrajaya telah mengadakan lawatan ke Labuan pada 12 Disember 2019 lalu bagi membincangkan pelaksanaan program Lima Teras MPP Wilayah Persekutuan (MPPWP).

Program ini mengambil kira keperluan untuk mempertingkatkan perkongsian pengetahuan (sharing-knowledge), pendedahan melalui perkongsian pengalaman dan juga kerjasama yang dapat dijalinkan oleh kepimpinan MPPWP Putrajaya dan Labuan.

Dalam program tersebut, kedua-dua wilayah ini turut berkongsi pengalaman tentang perkembangan serta kemajuan yang telah dicapai. Perbincangan itu juga dapat memberi manfaat dan impak positif kepada kedua-dua pihak, masyarakat Labuan dan komuniti Putrajaya pada masa hadapan.



*Gambar : Gambar kenangan MPP Putrajaya bersama pihak pengurusan tertinggi Perbadanan Labuan.*

Berikut merupakan senarai program dan aktiviti berskala kecil dan berkala yang dijalankan sepanjang tahun 2019:

| TARIKH | PROGRAM |
|---|---|
| 8, 15 & 22 Januari | Kelas Kompang Komuniti |
| 28 Januari | i. Seminar 'Create The Better Version Of You In Business!'<br>ii. Lawatan Green Guardian ke Mobile Classroom – Siri 1 |
| 19 & 26 Feb | Kelas Kompang Komuniti |
| 12 & 19 Mac | Kelas Kompang Komuniti |
| 20 Mac | Lawatan Pendidikan ke Green Guardian Center –Siri 2 |
| 6 April | Program Memperkasakan Komuniti 4K B40 - Seni Jahitan Kreatif - Siri 1 |
| 9- 11 April | Zero To Hero Camp Putrajaya |
| 9, 16, 26 & 30 April | Kelas Kompang Komuniti |
| 13, 14, 20 & 21 April | Program Pemerkasaan Komuniti Kraf Putrajaya – Kraf Komuniti Ku Putrajaya (KKK) – Siri 1 |
| 15 – 26 Mei | Minggu Infaq Putrajaya |
| 18 Jun | Kelas Kompang Komuniti |
| 3 Julai | Kelas Kompang Komuniti |
| 9 Julai | i. Seminar 'Create The Better Version Of You In Life!'<br>ii. Kelas Kompang Komuniti<br>iii. Lawatan Pendidikan ke Green Guardian Center – Siri 3 |
| 11 Julai | Lawatan Pendidikan ke Green Guardian Center – Siri 4 |
| 18 – 20 Julai | Green Khaleefa – Taman Negara, Pahang |
| 20 Julai | Bengkel Suri - Jahitan |
| 23 Julai | Lawatan Pendidikan ke Green Guardian Center – Siri 5 |
| 27 – 28 Julai | Program Pemerkasaan Komuniti Kraf Putrajaya – Kraf Komuniti Ku Putrajaya (KKK) – Siri 2 |
| 3 & 4 Ogos | i. Kursus Keusahawanan Bakeri - Siri 1<br>ii. Program Pemerkasaan Komuniti Kraf Putrajaya – Kraf Komuniti Ku Putrajaya (KKK) – Siri 2 |
| 6, 20 & 27 Ogos | Kelas Kompang Komuniti |

| TARIKH | PROGRAM |
|---|---|
| 8 & 9 Ogos | i. Program *Young Photographer*<br>ii. Kelas Kompang Komuniti<br>iii. Program Pembangunan Augmented Reality<br>iv. Seminar 'Create The Better Version Of You In Life!'<br>v. Seminar'Masyarakat Cakna, OKU Upaya'<br>vi. Program Keluarga Sakinah |
| 22 – 24 Ogos | Green Khaleefa - Royal Belum, Perak |
| 3 September | Kelas Kompang Komuniti |
| 1, 8, 15, 22 & 29 Oktober | Kelas Kompang Komuniti |
| 4 & 5 Oktober | i. Tazkirah Muzikal<br>ii. Pertandingan Junior Chef @ Putrajaya<br>iii. Green Guardian Mobile Classroom –Siri 6<br>iv. Karnival Putrajaya |
| 12 – 13 Oktober | Program Memperkasakan Komuniti 4K B40 - Seni Jahitan Kreatif – Siri 2 |
| 30 Oktober | Kursus Keusahawanan Bakeri - Siri 2 |
| 12, 19 & 26 November | Kelas Kompang Komuniti |
| 15 – 17 November | Green Khaleefa – Jerai @ Geopark, Kedah |
| 10 & 17 Disember | Kelas Kompang Komuniti |
| 16 Disember | Serahan Sumbangan Jom Balik Sekolah |





*Lawatan Ke Green Guardian Center*



*Gambar: Pertandingan Junior Chef @ Putrajaya*



*Tazkirah Muzikal*




*Green Khaleefa*



*Gambar : Zero To Hero Camp Putrajaya*



*Seminar 'Create The Better Version Of You In Life!'*





*Kelas Jahitan*



*Gambar: MPPWP, JPNIN, KRISPUTRA dan Pegawai Muda bergabung tenaga memasak bubur lambuk dalam Program Bubur Lambuk Bersama Komuniti Putrajaya bagi diedarkan kepada komuniti*

## PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN (PPK)

Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti kepada komuniti Putrajaya di Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) dengan tujuan untuk membina kemahiran asas untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan di PPK.

Senarai Program dan Aktiviti Dijalankan Sepanjang Tahun 2019

| NO | PROGRAM/AKTIVITI | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1. | Program Insentif Keahlian PPK<br>• Anugerah Ahli Aktif (Tahunan)<br>• Anugerah Pembaca Terbanyak (Mengikut 3 kali setahun) | 1 Jan – 31 Dis 2019 | Pusat Pembelajaran Kejiranan Presint 8, 9, 11 & 16 |
| 2. | Kaunter Khidmat Pelanggan PPK | (Siri 1)<br>21 Feb 2019<br>(Siri 2)<br>05-06 Oktober 2019<br>(Siri 3)<br>19-20 Oktober 2019 | Lobi Dewan Persidangan, PPj sempena Karnival Warga Emas Putrajaya 2019<br>Hari Terbuka Putrajaya & Karnival Putrajaya 2019<br>Hari Terbuka PPK 2019 di Kompleks Kejiranan Presint 16, Putrajaya |

| NO | PROGRAM/AKTIVITI | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 3. | Bengkel Pengurusan Perpustakaan | (Siri 1) "Lawatan ke Arkib Negara bersama Pengawas Pusat Sumber Sekolah" (8 April 2019)<br>(Siri 2) Transform Our Attitute<br>(5 Ogos 2019) (Kakitangan PPK) | Arkib Negara Malaysia<br>Taman Wetland Putrajaya |
| 4. | Kelas Kemahiran – Let's Read Together<br>Umur: 5-6 Tahun | Setiap Sabtu (8 sesi)<br>9 Mac – 27 April 2019 | Bilik Serbaguna PPK P8 |
| 5. | Kelas Kemahiran – Catur (Siri 1)<br>Umur: 8-12 tahun | Setiap Sabtu (8 sesi)<br>9 Mac – 27 April 2019 | PPK P9 |
| 6. | Kelas Kemahiran Al-quran – Mari Mengaji<br>Umur: 5 – 6 tahun | Setiap Ahad (8 sesi)<br>10 Mac – 28 April 2019 | PPK P11 |
| 7. | Bengkel Kreativiti Melalui Lukisan Free Hand Visualization (FVS)<br>Umur: 7-12 tahun | 16 Mac 2019 | PPK P16 |
| 8. | Bengkel IT – Adobe Illustrator (Intermediate)<br>Umur: 15 Tahun ke Atas | 27-28 April 2019 | PPK P16 |
| 9. | Kelas Kemahiran Al-Quran – Solat Interaktif<br>Umur: 7-9 tahun | Setiap Sabtu (8 sesi)<br>6 Julai – 07 Sept 2019 | PPK P8 |
| 10. | Kelas Kemahiran –English for Kids<br>Umur: 5-6 tahun | Setiap Sabtu (8 sesi)<br>7 Julai - 08 September 2019 | PPK P11 |
| 11. | Kelas Kemahiran – Catur (Siri 2)<br>Umur: 8-12 tahun | Setiap Sabtu (8 sesi)<br>07 Julai - 08 September 2019 | PPK P9 |
| 12. | Putrajaya Children Festival | 25-28 Julai 2019 | Lobi Auditorium Cempaka Sari, PPj |
| 13. | Bengkel Mari Cintai Khat | 3-4 Ogos 2019 | PPK P16 |
| 14. | Bengkel Matematik Pentaksiran Tingkatan 3 PT3<br>Umur: 15 tahun | 24 Ogos 2019 | KKj P16 |
| 15. | Pertandingan Braille dan Pameran kerjasama KL Braille | 5-6 Oktober 2019 | Lobi A & B Kompleks Perbadanan Putrajaya |
| 16. | Pertandingan Bercerita | 19 Oktober 2019 | KKj P16 |
| 17. | Pertandingan Beyblade | 19 Oktober 2019 | KKj P16 |
| 18. | Junior Reading Competition | 19 Oktober 2019 | KKj P16 |
| 19. | Pertandingan Melukis & Mewarna 2019 | 20 Oktober 2019 | KKj P16 |
| 20. | Pertandingan Mereka Bentuk Blok | 20 Oktober 2019 | KKj P16 |
| 21. | Pertandingan Teka Muka Surat Buku | 19-20 Oktober 2019 | KKj P16 |
| 22. | Bengkel Penulisan Buku Kanak-Kanak | 2 November | PPK P11 |
| 23. | MBBY iRead Program | 16, 23, 30 November, 7 Disember | PPK P16<br>PPK P9<br>PPK P11<br>PPK P8 |
| 24. | "English is Fun"<br>(Program Cuti Sekolah) | 1, 8, 15 & 22 Dis 2019 | PPK P16<br>PPK P11<br>PPK P9<br>PPK P8 |









*Gambar: Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) 2019*








*Gambar: Kelas Kemahiran Mac – April 2019*



*Gambar: Bengkel IT – Adobe Illustrator (Intermediate)*




*Gambar: Bengkel Pengurusan Perpustakaan Siri 1 – Lawatan ke Arkib Negara Malaysia*



*Gambar: Bengkel Penulisan Buku Kanak-kanak 2019*

# SUKAN KOMUNITI

## Pesta Sukan Air Putrajaya 2019

Pesta Sukan Air Putrajaya 2019 diadakan di Kompleks Sukan Air, Presint 6 pada 28 dan 29 September 2019. Acara ini merupakan salah satu acara ikonik yang dianjurkan secara tahunan oleh Perbadanan Putrajaya bagi mempromosi Tasik Putrajaya sebagai hab sukan air di Malaysia dan juga mempunyai kemudahan antara yang terbaik di Malaysia. Terdapat tiga acara yang dipertandingkan iaitu kayak, rowing dan perahu panjang. Pesta ini juga bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam pelbagai disiplin sukan air dan menjadi platform kepada para atlet untuk mengembangkan bakat dan prestasi untuk ke peringkat yang lebih tinggi.



*Gambar : Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin B. Hassim bersama para pemenang acara perahu panjang campuran bagi kategori Agensi Jemputan*



*Gambar : Naib Presiden PPj bersama pemenang kategori M1X Terbuka Lelaki*



*Gambar : Acara kayak K4*



*Gambar : Perahu panjang sepuluh pendayung*

## Putrajaya Challenge Park Adrenaline Fest 2019

PCP Adrenaline Fest merupakan karnival sukan lasak yang dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan lasak dan komuniti sukan lasak pada setiap tahun bermula tahun 2013 hingga sekarang. Karnival ini adalah acara sukan lasak yang dinantikan oleh peminat dan penggiat sukan lasak tempatan dan juga antarabangsa. Selain aksi sukan lasak, satu lagi aktiviti baru telah diperkenalkan iaitu seni graffiti.

Berikut adalah senarai kategori dan disiplin yang telah diadakan sepanjang 2 hari karnival :

| NO | KATEGORI | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|
| 1. | i. Skateboarding Novice (perempuan bawah 13 tahun) | 30 orang |
| | ii. Skateboarding Open | 48 orang dan seorang peserta dari Jepun |
| 2. | i. BMX Open | 30 orang |
| | ii. BMX Flatland | 15 orang dan seorang peserta wanita |
| 3. | Mountain Bike Enduro, Mountain Bike Cross Country dan Road Bike | 1,500 orang, 10 orang peserta dari Afrika Selatan, 10 orang peserta dari Filipina, 10 orang peserta dari Wales |

| NO | KATEGORI | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|
| 4. | Wall Climbing Men Open | 60 orang peserta. dua orang peserta dari China, tiga orang peserta dari Kanada, dua orang peserta dari Australia |
| | Wall Climbing Women Open | 40 orang peserta. |
| | Wall Climbing Men Novice | 70 orang peserta |
| | Wall Climbing Women Novice | 50 orang peserta |
| | Wall Climbing Male Open Under 12 Years Old | 30 orang peserta |
| | Wall Climbing Female Open Under 12 Years Old | 15 orang peserta |
| 5. | Push Bike Umur 3 Tahun | 30 orang peserta |
| | Push Bike Umur 4 Tahun | 30 orang peserta |
| | Push Bike Umur 5 Tahun | 30 orang peserta |
| | Push Bike Umur 6 Tahun | 30 orang peserta |
| 6. | Graffiti Jam | 20 orang peserta, dua orang peserta New Zealand |






*Gambar : Peserta Push Bike berumur 3 tahun sedang bersedia di garisan permulaan*



*Gambar : Presiden PPj sedang mencuba aktiviti graffiti mewarna di acara Graff Jam PCP Adrenaline Fest 2019*



*Gambar : Peserta MTB sedang beraksi di laluan bercerun*



*Gambar : Peserta BMX Flatland sedang melakukan helah di hadapan juri*



*Gambar : Kiku, peserta dari Jepun, sedang melakukan helah Crooked Grind*



*Gambar : Sebahagian daripada peserta acara Wall Climbing di Kompleks Sukan Mendaki*

## Karnival Sukan Komuniti

Untuk memeriahkan lagi kalendar acara sukan di Putrajaya, Perbadanan Putrajaya turut menganjurkan Karnival Sukan Komuniti 2019 yang telah berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 19 hingga 20 Oktober 2019 bertempat di Kompleks Sukan Taman Pancarona, Presint 18, Putrajaya.

Karnival yang telah diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Sukan Negara mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Lebih 1,000 orang peserta dalam pelbagai pasukan telah hadir untuk menyertai karnival ini.

Sebanyak lima acara sukan telah dipertandingkan iaitu futsal, bola sepak, sepak takraw, bola tampar dan bola jaring.




*Gambar : Wajah kegembiraan johan acara bola tampar*



*Gambar : Aksi peserta wanita untuk acara bola jaring*




# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

## PENCAPAIAN BERDASARKAN PROGRAM UTAMA PERBADANAN PUTRAJAYA TAHUN 2019

### Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Agensi Secara Spesifik YB Menteri & Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Tahun 2019

| BIL. | KPI | SASARAN | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Mempertingkatkan kemudahan bilangan lot tempat letak kereta | 100% | 100% |
| 2. | Meningkatkan keselamatan dari aspek pencahayaan di WP | 100% | 93% |
| 3. | Meningkatkan keselamatan dari aspek visual/maya (CCTV) | 20 unit | 20 unit |
| 4. | Meningkatkan keselamatan dari aspek penguatkuasaan bagi tujuan pematuhan terhadap peraturan sedia ada | 6 operasi BAH | 7 operasi BAH |
| 5. | Menambah baik/menaik taraf kemudahan rekreasi sedia ada di WP Putrajaya | 33% | 33% |
| 6. | Melaksanakan pemantauan penguatkuasaan penggunaan produk biodegradasi di WP | 75% | 83% |
| 7. | *Building Energy Index* Kompleks Pejabat Kerajaan di bawah 150kWh/m²/tahun (%) | 45% | 62% |

### Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PPj

| BIL. | KPI | SASARAN | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|
| 1. | *Building Energy Index* Kompleks Pejabat Kerajaan di bawah 150kWh/m²/tahun (%) | 45% | 62% |
| 2. | Penambahan bilangan CCTV | 20 unit | 20 unit |
| 3. | Kadar pematuhan produk biodegradasi di Putrajaya | 75% | 83% |
| 4. | Peningkatan jumlah pengkomposan sisa | 5208 kg | 5222 kg |
| 5. | Inisiatif PPj bagi membantu meningkatkan kualiti hidup golongan belia, warga miskin dan OKU | 6 program | 7 program |
| 6. | Penggredan premis makanan | 100% | 100% |
| 7. | Prestasi Penarafan Tandas Awam Putrajaya | 95% | 95% |
| 8. | Peratus penyelesaian isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Audit Negara | 80% berstatus selesai (Hijau) | 57% berstatus selesai (Hijau)<br><br>7 isu LKAN berstatus<br>4 – Selesai (Hijau)<br>3 – Dalam Tindakan (Kuning) |
| 9. | Pencapaian pelaksanaan 6 kriteria HRMIS di PPj | 100% | 100% |
| 10. | Peratus pelaksanaan latihan sumber manusia | 85% | 100% |
| 11. | Peratus penyelesaian isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) | 80% | 100% |
| 12. | Indeks kepuasan hati warga organisasi | Skor 4.7 | Skor 4.9 |

## PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN 2019

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | KUALITI/ KUANTITI/ MASA | % PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|
| 1. | **PENGURUSAN ADUAN** | | |
| | Menyelesaikan Aduan | 15 hari | 100% |
| 2 | **PERMOHONAN PENYEWAAN** | | |
| | (a) Kelulusan penyewaan Dewan Persidangan dan Auditorium di Kompleks Perbadanan Putrajaya: | | |
| | i) Permohonan di kaunter | 10 minit | 100% |
| | ii) Permohonan melalui surat | 3 hari | 100% |
| | iii) Permohonan dalaman | 3 hari | 100% |
| | (b) Kelulusan penyewaan Dewan Serbaguna di Kompleks Kejiranan: | | |
| | i) Permohonan di kaunter | 10 minit | 100% |
| | ii) Permohonan melalui surat | 3 hari | 100% |
| | (c) Kelulusan penyewaan Pangsapuri Perbadanan Putrajaya | Permohonan ditutup buat sementara | Permohonan ditutup buat sementara |
| 3. | **PERMOHONAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN** | | |
| | Menerima, memproses dan mengeluarkan surat kelulusan/premit/ kebenaran bagi pengemukaan yang lengkap secara elektronik (ES) dan melalui Kaunter Pusat Setempat (OSC) oleh orang yang berkelayakan/ pemohon dan setelah notis penerimaan dikeluarkan bagi permohonan berikut : | | |
| | (a) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur | 48 hari | 100% |
| | (b) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Pra-Hitungan | 48 hari | 100% |
| | (c) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan | 48 hari | 100% |
| | (d) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (rumah sesebuah) | 48 hari | N/A |
| | (e) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Sementara | 48 hari | 100% |
| | (f) Kelulusan Lanjutan KM | 48 hari | 100% |
| | (g) Kelulusan Nama Penamaan Bangunan | 48 hari | 100% |
| | (h) Perubahan Material | 48 hari | 90% |
| | (i) Kelulusan Permit Sementara | 30 hari | 100% |
| | (j) CCC (untuk rekod) | 14 hari | 100% |
| | (k) Kelulusan Mendirikan Bangunan | 37 hari | 100% |
| | (l) Kelulusan Pelan Pindaan | 37 hari | 100% |
| | (m) Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubah Suai | 14 hari | 100% |
| | (n) Kelulusan Pelan Kerja Tanah Am dan Asas | 30 hari | 100% |
| | (o) Kelulusan Kerja Jalan Dan Perparitan | 48 hari | 100% |
| | (p) Kelulusan Pelan Kerja Jalan (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat) | 48 hari | 100% |
| | (q) Kelulusan Permit Kerja-Kerja : | 21hari | 100% |
| | i) Jalan | | |
| | ii) Tutup lorong | 21hari | 100% |
| | iii) Malam | 21hari | 100% |
| | iv) Angkut Bahan | 21hari | 100% |
| | v) Laluan Logistik | 21hari | 100% |
| | (r) Kelulusan Pelan Landskap | 48 hari | 100% |
| | (s) Kelulusan mendirikan pagar | 30 hari | 100% |

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | KUALITI/ KUANTITI/ MASA | % PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|
| 4. | **KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN** | | |
| | (a) Penyenggaraan Jalan, Sistem Saliran, Jambatan, Lampu Jalan/ Jalan Taman dan Cerun serta lain-lain komponen yang berkaitan. | | |
| | i) Kritikal dan perlu dibaiki segera. | Dalam tempoh 24 jam | 100% |
| | ii) Tidak Kritikal | 14 hari | 100% |
| | (b) Penyenggaraan Bangunan dan komponen yang berkaitan. | | |
| | i) Kritikal dan perlu dibaiki segera. | Dalam tempoh 24 jam | 100% |
| | ii) Tidak kritikal ( kos tidak melebihi RM20 ribu ) | 14 hari | 100% |
| | iii) Tidak kritikal ( kos melebihi RM20 ribu ) | 60 hari | 100% |
| | (c) Mengambil tindakan bagi kerosakan lampu isyarat | | |
| | i) Aduan melalui Hotline | Dalam tempoh 24 jam | 100% |
| | ii) Aduan melalui SISPAA | 3 hari bekerja | 100% |
| | (d) Mengambil tindakan bagi kes pokok tumbang: | | |
| | i) Kawasan kritikal (kawasan jalan, kawasan rumah, kawasan pejabat dan kawasan yang mengganggu kepentingan awam) | Serta merta (Dalam tempoh 24 jam) | 100% |
| | ii) Kawasan tidak kritikal (kawasan taman dan kawasan yang tidak menggangu kepentingan awam) | Dalam tempoh 2 hari (14 hari dalam tempoh estimated respond time) | N/A |
| 5. | **PERMOHONAN LESEN** | | |
| | (a) Kelulusan lesen premis perniagaan (pantas) | 1 jam | 100% |
| | (b) Kelulusan lesen premis perniagaan (pemprosesan biasa) | 18 hari bekerja | 100% |
| | (c) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (pemprosesan) | 1 jam | 100% |
| | (d) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (prosesan biasa) | 14 hari bekerja | N/A |
| | (e) Kelulusan semua jenis pembaharuan lesen | | |
| | i) Premis | 10 minit | 100% |
| | ii) Papan tanda perniagaan | 10 minit | 100% |
| 6. | **PEMBAYARAN** | | |
| | Memproses bayaran selepas dokumen yang lengkap diterima | 14 hari atau mengikut syarat perjanjian/kontrak | 100% |

## PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015

Pensijilan MS ISO bagi Perbadanan Putrajaya telah diperbaharui selepas Pengauditan Pensijilan Semula oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 3 - 5 Disember 2018. Sijil ini berkuat kuasa sehingga 28 Februari 2022.

Sejumlah 67 orang Juruaudit Dalam telah menjalani Kursus Pemantapan Audit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 pada 16 hingga 17 April dan 23 hingga 24 April 2019 serta Bengkel Penyediaan Senarai Semak pada 5 - 7 Julai 2019 dan 12 - 14 Julai 2019.

Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2015 adalah seperti berikut :

| Bil. | Aktiviti / Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Kursus Juruaudit bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Perbadanan Putrajaya | 16 - 17 April 2019<br>23 - 24 April 2019 |
| 2 | Bengkel Pemurnian Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015 Perbadanan Putrajaya | 22 - 23 Julai 2019<br>24 – 25 Julai 2019<br>31 Julai – 01 Ogos 2019 |

| Bil. | Aktiviti / Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 3 | Taklimat Kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 kepada warga Perbadanan Putrajaya | 4 September 2019<br>5 September 2019 |
| 4 | Auditan Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Perbadanan Putrajaya oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. | 16 -18 Disember 2019 |
| 5 | Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 tahun 2019 | 5 Disember 2019 |

**Rumusan Pengauditan MS ISO 9001:2015**

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan, adalah dirumuskan bahawa komitmen daripada pihak pengurusan dan pekhidmat Perbadanan Putrajaya terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 tahun 2019 adalah baik dan memuaskan. Kefahaman tentang kepentingan SPK boleh ditambah baik. Pencapaian dan kawalan terhadap objektif kualiti yang ditetapkan juga adalah baik. Kawalan terhadap Pengurusan Risiko dan Peluang Pengupayaan sangat jelas dan komprehensif. Secara umumnya, pelaksanaan SPK di Perbadanan Putrajaya adalah memuaskan dan selari dengan keperluan Standard MS ISO 9001:2015.



*Gambar : Bengkel Pemurnian Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015 Perbadanan Putrajaya*




*Gambar : Taklimat Kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 kepada warga Perbadanan Putrajaya pada 4 dan 5 September 2019*



*Gambar : Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 pada 05 Disember 2019*



*Gambar : Pengauditan Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Perbadanan Putrajaya oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 16 -18 Disember 2019.*

## KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Perbadanan Putrajaya telah menubuhkan tiga (3) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) iaitu:

- Kumpulan OSCXpert – Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Perkhidmatan Korporat
- Kumpulan X-10 – Jabatan Perkhidmatan Korporat
- Kumpulan K-Max – Jabatan Perkhidmatan Bandar

Memandangkan, tiada sebarang Konvensyen KIK sama ada di peringkat Wilayah Persekutuan atau peringkat dianjurkan pada tahun 2019, Perbadanan Putrajaya memilih untuk menyertai Konvensyen Regional Team Excellence (RTEx) peringkat Wilayah anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang telah berlangsung pada 11 Julai 2019 di Pulau Pinang.

Semua kumpulan KIK telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dengan menerima Anugerah Emas dan telah terpilih untuk menyertai Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan sempena Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2019 pada 13-15 November 2018 yang bertempat di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC), Selangor.

Perbadanan Putrajaya (PPj) meneruskan prestasi cemerlang dengan menggondol 3 Anugerah Emas (5 Bintang), Johan Kategori Sektor Awam Negeri (Kumpulan OSCXpert) dan 20 Penyertaan Terbaik Kategori Sektor Awam Negeri (OSCXpert, X-10 dan K-Max).

Berikut adalah keputusan bagi konvensyen tersebut:

| BIL. | NAMA KUMPULAN | KONVENSYEN/ PERTANDINGAN | TEMPAT | KEPUTUSAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **OSCXPERT** (Jabatan Perancangan Bandar & Jabatan Perkhidmatan Korporat) | Team Excellence Wilayah Utara anjuran MPC | Pulau Pinang | Anugerah Emas |
| | | Team Excellence Peringkat Kebangsaan sempena Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) anjuran MPC | Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC), Selangor | Anugerah Emas (5 Bintang)<br>Johan Kategori Sektor Awam Negeri<br>20 Terbaik Kategori Sektor Awam Negeri |
| 2. | **X-10** (Jabatan Perkhidmatan Korporat) | Team Excellence Wilayah Utara anjuran MPC | Pulau Pinang | Anugerah Emas |
| | | Team Excellence Peringkat Kebangsaan sempena Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) anjuran MPC | Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC), Selangor | Anugerah Emas (5 Bintang)<br>20 Terbaik Kategori Sektor Awam Negeri |
| 3. | **K-MAX** (Jabatan Perkhidmatan Bandar) | Team ExcellenceWilayah Utara anjuran MPC | Pulau Pinang | Anugerah Emas |
| | | Team Excellence Peringkat Kebangsaan sempena Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) anjuran MPC | Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC), Selangor | Anugerah Emas (5 Bintang)<br>20 Terbaik Kategori Sektor Awam Negeri |
| | | Invention, Innovation and Design Exposition (IIDEX) 2019 anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) | Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor | Anugerah Emas |

## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### Perjawatan

Berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bilangan perjawatan Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2019 berjumlah 922. Secara umum, kedudukan perjawatan pegawai dan pekhidmat Perbadanan Putrajaya ditentukan mengikut skim perkhidmatan dan gred yang digambarkan dalam rajah berikut:




*Rajah : Bilangan perjawatan berdasarkan skim perkhidmatan*




*Carta : Bilangan pegawai mengikut gred*

## Kursus, Bengkel Dan Seminar

Pelbagai jenis kursus telah dirancang dan dianjurkan untuk meningkatkan kompetensi pegawai Perbadanan Putrajaya samada secara anjuran dalaman ataupun dengan kerjasama agensi luar.

Sebanyak **RM2,679,000.00** peruntukan kewangan telah digunakan yang merangkumi perbelanjaan program latihan dan pembangunan manusia.

Berikut ialah butiran penganjuran kursus dalaman dan kursus luar mengikut jenis kursus sama ada berbentuk umum atau khusus sepanjang tahun 2019:




*Rajah : Jumlah kursus anjuran dalaman*




*Rajah : Jumlah kursus anjuran luar*

Manakala statistik kehadiran pegawai bagi setiap kursus yang telah dijalankan sepanjang 2019 adalah seperti berikut:




*Rajah: Peratusan peserta yang hadir kursus anjuran dalaman*




*Rajah: Peratusan peserta yang hadir kursus anjuran agensi luar*

Keseluruhan prestasi kehadiran menunjukkan 82% pegawai Perbadanan Putrajaya menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari kursus bermula Januari hingga Disember 2019. Berikut adalah carta prestasi kehadiran yang telah dipecahkan mengikut bilangan hari berkursus:




*Rajah : Peratusan kehadiran kursus bagi pegawai di Perbadanan Putrajaya*

## Kursus dan Bengkel Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2019






*Leadership And Development Programme (LDP)*





*Kursus Design Thinking*




*Kursus Team Building*






*Kolokium*




*Program Mentoring*

## Program Pengiktirafan

Program pengiktirafan merupakan sebahagian perancangan berterusan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya. Seramai 69 orang pegawai Perbadanan Putrajaya telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang terdiri daripada 19 orang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 50 orang pegawai dalam Kumpulan Pelaksana. Selain itu, beberapa pegawai yang memenuhi kriteria juga telah dicalonkan untuk menerima pelbagai pingat dan bintang kebesaran pada peringkat Wilayah Persekutuan dan Negeri. Senarai nama penerima darjah kebesaran bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

Pingat dan Bintang Kebesaran pada Wilayah Persekutuan:

| Bil | Nama | Jawatan | Anugerah | Negeri |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Rosli Bin Abdul Talib | Pegawai Tadbir N54 | Johan Mahkota Wilayah (J.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 2. | Shamsul Bahrin Bin Rahmat | Arkitek J54 | Johan Mahkota Wilayah (J.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 3. | Azhar Bin Abdullah | Pegawai Pertanian G48 | Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 4. | Mohd Azli Bin Arifin | Jurutera J48 | Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 5. | Norazle Bin Ab Malek | Pegawai Perancang Bandar & Desa J48 | Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 6. | Normaliza Binti Noordin | Pegawai Sains C48 | Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 7. | Jamalludin Bin Budin | Arkitek Landskap J44 | Ahli Mahkota Wilayah (K.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 8. | Mohd Fauzi Bin A Razak | Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa JA29 | Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W) | Wilayah Persekutuan |

Pingat dan Bintang Kebesaran pada Negeri:

| Bil | Nama | Jawatan | Anugerah | Negeri |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mohd Pauzi bin Rashid | Penolong Jurutera JA36 | Bintang Seri Mahkota Kelantan (S.M.K) | Kelantan |
| 2. | Ayub bin Yusoff | Pembantu Penguatkuasa (KP22) | Pingat Bakti (P.B) | Kelantan |
| 3. | Haslina binti Zakaria | Pembantu Setiausaha Pejabat N22 | Pingat Bakti (P.B) | Kelantan |

## Skor Kepuasan Bekerja

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menjalankan kajian kepuasan bekerja yang bertujuan untuk mengetahui Skor Kepuasan Bekerja di kalangan 250 responden kakitangan PPj. Responden terdiri daripada kakitangan gred jawatan dan mewakili setiap jabatan di PPj. Hasil analisis kajian ini, mendapati bahawa purata Skor Kepuasan Bekerja ialah 4.3 daripada 5.0 yang merupakan satu pencapaian yang tinggi. Dapatan ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa kakitangan PPj berpuas hati dengan suasana dan persekitaran kerja di PPj



## PELAKSANAAN PROGRAM INTEGRITI

Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan program integriti berdasarkan 6 teras seperti berikut:

### a) Teras 1 – Tadbir Urus

Sebanyak 3 siri mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat PPj telah diadakan. Antara perkara yang telah diselesaikan ialah:

i. Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) PPj Tahun 2018

ii. Pelaksanaan program Pengurusan Risiko Rasuah (CRM-Corruption Risk Management)

iii. Pemudah cara permohonan melakukan pekerjaan luar

iv. Pemeriksaan ujian air kencing dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

v. Laporan keputusan Jawatankuasa Tatatertib PPj.

vi. Laporan kehadiran warga PPj

vii. Laporan pengisytiharan harta

### b) Teras 2 – Pengukuhan Integriti

i. 5 program telah dilaksanakan yang merangkumi kursus, ceramah dan lawatan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman berkaitan nilai integriti setiap warga kerja PPj. Program yang telah diadakan adalah seperti berikut :

| BIL | PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | Lawatan ke Muzium Penjara , Banda Hilir, Melaka (Siri I) | 12 Februari 2019 |
| 2 | Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) | 15-18 April 2019 |
| 3 | Seminar Integriti "Tumbuk Rusuk" | 09 Oktober 2019 |
| 4 | Lawatan ke Muzium Penjara Banda Hilir, Melaka (Siri II). | 19 November 2019 |
| 5 | Bengkel Pengurusan Tatatertib | 16-18 Disember 2019 |

ii. Segmen "Nadi Integriti" yang dimuatnaik melalui portal PPj pada setiap 2 minggu.juga berperanan untuk mengingatkan warga PPj berkaitan peraturan yang perlu diikuti.

iii. Pemakluman ini adalah sebagaimana yang terkandung di dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

### c. Teras 3 – Pengesanan dan Pengesahan.

i. 4 aduan dalaman telah diterima dan telah diselesaikan sewajarnya tanpa melibatkan fungsi Jawatankuasa Tatatertib.

ii. Tiada aduan diterima yang melibatkan pelanggaran peraturan jenayah dan tiada pemakluman yang dibuat kepada pihak berkuasa berkaitan.

### d. Teras 4 – Pengurusan Aduan

i. Aduan dalaman yang diterima sepanjang tahun 2019 telah diselesaikan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh aduan diterima.

### e. Teras 5 – Pematuhan

i. Secara keseluruhannya, kes yang dibawa kepada Jawatankuasa Tatatertib dan juga aduan yang diterima merupakan pelanggaran kepada peraturan yang sama iaitu majoritinya berkaitan peraturan kewangan (70%) dan bakinya (30%) berkaitan masalah disiplin.

Penumpuan akan berikan kepada kes berkaitan pematuhan peraturan kewangan pada tahun 2020 dalam usaha mengurangkan peratusan pelanggaran peraturan kewangan yang diguna pakai.

### f. Teras 6 – Tatatertib

i. Sembilan kes yang telah dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib merupakan kes yang belum diselesaikan pada Tahun 2018 dan semua kes berkenaan telah diambil tindakan dengan sewajarnya.

## PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

### Sistem Permohonan Kemudahan Taman (e-Taman)

Sistem dalam talian untuk permohonan kemudahan tapak di taman-taman yang diuruskan oleh Perbadanan Putrajaya. Taman-taman yang menggunakan sistem ini adalah Taman Botani, Taman Wetland Putrajaya, Taman Putra Perdana, Taman Wawasan, Taman Rimba Alam dan Taman Saujana Hijau.

Orang awam dan komuniti Putrajaya dapat membuat semakan lokasi dan tarikh serta boleh membuat bayaran, mengakses bil dan resit secara atas talian bagi permohonan yang telah diluluskan. Laporan kekerapan penggunaan tapak juga dapat diperolehi dengan lebih cepat dan tepat.




*Rajah : Muka Depan Sistem Permohonan Kemudahan Taman*

## Sistem Permohonan Penggambaran (e-Penggambaran)

Sistem dalam talian yang disediakan untuk membuat permohonan penggambaran di Putrajaya. Pemohon boleh membuat semakan lokasi dan tarikh penggambaran serta membuat bayaran secara dalam talian bagi permohonan yang telah diluluskan. Sebut harga, bil dan resit boleh dijana dan dihantar kepada pemohon secara dalam talian melalui sistem ini.




*Rajah : Muka depan Sistem Permohonan Penggambaran di Putrajaya*

## Sistem Pengurusan Fail Dan Rekod PPj (e-Document 2.0)

Pengurusan rekod digital adalah merupakan salah satu daripada inisiatif di bawah National Key Economics Area (NKEA), Communications, Content and Infrastructure (CCI), Entry Point Project (EPP) 6, eGovernment – Paperless Government.

Perbadanan Putrajaya telah menyahut inisiatif ini dengan membangunkan Sistem Pengurusan Fail dan Rekod PPj (E-Dokumen) secara in-house yang berfungsi untuk mengakses fail, membuat carian, meminitkan arahan, memajukan kepada pegawai bertanggungjawab, menyemak status tindakan, memuat turun kandungan dan sebagainya.

Dalam menambahbaik fungsi sistem, PPj telah membuat peningkatan sistem e-Document kepada e-Document 2.0. Fungsi-fungsi yang telah dibangunkan adalah seperti senarai di bawah :

- Menaiktaraf user interface lebih menarik minat pengguna;
- Mengubah struktur no fail mengikut klasifikasi fail (KF) yang betul;
- Menambah fungsi pelupusan rekod dengan menggunakan Jadual Pelupusan Rekod (JPR);
- Menambah ciri-ciri keselamatan bagi membolehkan e-Document dicapai melalui public network; dan
- Menambah fungsi audit trail bagi merekod aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pengguna.




*Rajah : Muka depan Sistem e-Dokumen*

## Pemasangan Kemudahan Wi-Fi Di Putrajaya

Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Telekom Malaysia (TM) telah menyediakan perkhidmatan Wi-Fi secara percuma di premis milik PPj sebanyak 471 bagi 46 lokasi dan di tempat tumpuan awam di W.P Putrajaya sebanyak 86 unit di 47 lokasi seperti jadual di bawah.

Jadual : Lokasi pemasangan Wi-Fi di premis milik PPj dan lokasi tumpuan awam di Putrajaya.

| PREMIS MILIK PPJ | | TEMPAT TUMPUAN AWAM PUTRAJAYA | |
|---|---|---|---|
| Lokasi | Bilangan Unit Wi-Fi | Lokasi | Bilangan Unit Wi-Fi |
| Presint 1 | 42 | Presint 1 | 20 |
| Presint 2 | 12 | Presint 2 | 10 |
| Presint 3 | 170 | Presint 3 | 27 |
| Presint 5 | 32 | Presint 5 | 3 |
| Presint 6 | 19 | Presint 6 | 2 |

| PREMIS MILIK PPJ | | TEMPAT TUMPUAN AWAM PUTRAJAYA | |
|---|---|---|---|
| Lokasi | Bilangan Unit Wi-Fi | Lokasi | Bilangan Unit Wi-Fi |
| Presint 7 | 11 | Presint 8 | 5 |
| Presint 8 | 32 | Presint 9 | 7 |
| Presint 9 | 30 | Presint 11 | 1 |
| Presint 11 | 24 | Presint 15 | 8 |
| Presint 12 | 16 | Presint 16 | 2 |
| Presint 15 | 24 | Presint 18 | 1 |
| Presint 16 | 30 | | |
| Presint 18 | 10 | | |
| Presint 20 | 19 | | |

## PENGURUSAN AUDIT DAN KUALITI ASURANS

### Audit Dalaman

Pada tahun 2019, 13 tajuk auditan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit PPj. 11 tajuk pengauditan telah dilaksanakan dalam tahun 2019, manakala dua tajuk pengauditan telah disiapkan laporannya pada awal tahun 2020.

Tajuk pengauditan yang telah diselesaikan adalah seperti berikut:

i. Pengurusan Bayaran Kontrak

ii. Pengurusan Pembelian Terus Bagi Bekalan dan Perkhidmatan

iii. Pengurusan Perolehan Barangan Di Stor Pusat Dan Stor Cenderamata Milik Perbadanan Putrajaya

iv. Penyelenggaraan Sisiran Tasik Putrajaya

v. Kerja-kerja Penyelenggaraan Taman Cabaran

vi. Kerja-kerja Penyelenggaraan Taman Selatan

vii. Pengurusan Kiosk-kiosk Perniagaan di Persiaran Perdana, Presint 9 dan Presint 14

viii. Penyelenggaraan Guard Rail di Jalan-Jalan Raya di Putrajaya

ix. Penyelenggaraan Dan Pengurusan Tanaman Berpasu di Kompleks Perbadanan Putrajaya

x. Keselamatan Ruang Pejabat Perbadanan Putrajaya Termasuk Pintu-pintu Utama Di Kompleks Perbadanan Putrajaya

xi. Penyelenggaraan GPT Dan Perangkap Gris

xii. Penyelenggaraan Weather Monitoring System (WMS) & Rainfall Monitoring System (RMS)

xiii. Keberkesanan Sistem Panic Button Putrajaya

### Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya (JAPPj)

Mesyuarat JAPPj telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2019, seperti dalam jadual berikut:

| Bil. Mesyuarat | Tarikh Mesyuarat |
|---|---|
| Bil. 1 Tahun 2019 | 26 Februari 2019 |
| Bil. 2 Tahun 2019 | 28 Mei 2019 |
| Bil. 3 Tahun 2019 | 24 September 2019 |
| Bil. 4 Tahun 2019 | 3 Disember 2019 |

*Jadual: Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya (JAPPj) yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.*

## PENGURUSAN RISIKO

Bagi tahun 2019, Penilaian Semula Risiko dilakukan sebanyak dua (2) kali bagi menilai tahap risiko yang telah didaftarkan. Pemantauan Kemajuan Pelan Tindakan Mitigasi sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Aktiviti ini dibuat bagi memastikan keberkesanan pengurusan risiko Perbadanan Putrajaya.

Terdapat 43 profil risiko yang telah didaftarkan di peringkat pengurusan. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 29 profil risiko berstatus "Unacceptable" yang diselenggara dan dipantau oleh Unit Pengurusan Risiko. Baki 14 profil lagi berstatus "Acceptable" dan telah diserahkan semula kepada Bahagian dan Jabatan untuk dipantau. Kedudukan 29 profil risiko tersebut adalah seperti berikut:

| No | Tajuk Profil Risiko | Matriks Kadaran Risiko | Kemajuan Pelaksanaan |
|---|---|---|---|
| 1 | Pencemaran Air Larian Dari Kawasan Putrajaya Ke Tasik | 3-3-H-U (9) | 100.00% |
| 2 | Dasar Pengangkutan Bersepadu Tidak Dilaksanakan | 5-3-E-U (15) | 100.00% |
| 3 | Kemalangan Dan Kesihatan Orang Awam Dan Pengguna Di Tasik Dan Wetland Putrajaya | 4-4-E-U (16) | 100.00% |
| 4 | Empangan Putrajaya Bocor Ataupun Pecah | 1-5-H-U (5) | 95.00% |
| 5 | Kemusnahan Ekosistem Tasik Dan Wetland Putrajaya | 3-3-H-U (9) | 95.00% |
| 6 | Kedudukan Kewangan Kritikal | 5-4-E-U (20) | 87.50% |
| 7 | Kebocoran Maklumat Semasa Proses Penilaian Tender | 3-2-H-U (6) | 84.00% |
| 8 | Kemalangan Akibat Penggunaan Peralatan di Taman Permainan Kanak-Kanak Putrajaya | 2-4-H-U (8) | 77.13% |
| 9 | Kegagalan Pokok Ameniti | 3-3-H-U (9) | 76.5% |
| 10 | Cerun Runtuh | 4-4-E-U (16) | 70.00% |
| 11 | Kebakaran di Kompleks Perbadanan Putrajaya | 3-3-H-U (9) | 68.50% |
| 12 | Tandas-Tandas Awam Di Bawah Seliaan PPj Kotor. | 4-3-H-U (12) | 66.85% |
| 13 | Kegagalan Sistem Kritikal PPj Akibat Tiada Pelan Kesinambungan Perkhidmatan | 4-4-E-U (16) | 66.00% |
| 14 | Kegagalan Pemantauan Sistem-Sistem Kritikal di Perbadanan | 3-3-H-U (9) | 65.00% |
| 15 | Kegagalan Pengurusan Projek ICT | 3-3-H-U (9) | 58.75% |
| 16 | Information Security Risk | 2-4-H-U (8) | 54.70% |
| 17 | Bekalan Air Bersih Terputus | 4-4-H-U (16) | 53.13% |
| 18 | Bekalan Air Putus - Sistem Pencegahan Kebakaran | 2-4-H-U (8) | 44.40% |
| 19 | Gangguan Bekalan Elektrik (Busduct) | 3-3-H-U (9) | 26.00% |
| 20 | Lif Rosak | 3-4-H-U (12) | 23.30% |
| 21 | Kebakaran/Letupan Di Dalam Terowong Utiliti Guna Sama (CUT) | 3-5-H-U (15) | 22.20% |
| 22 | Jambatan Runtuh | 1-5-H-U (5) | 16.00% |
| 23 | Kegagalan Kontraktor Menyiapkan Projek | 3-4-H-U (12) | 16.00% |
| 24 | Kerosakan/Kemusnahan Spesimen Herbarium | 5-3-E-U (15) | 5.00% |
| 25 | Konflik Antara Manusia Dan Hidupan Liar | 4-3-H-U (12) | 0.00% |
| 26 | Pameran Nic Tidak Berfungsi / Usang | 5-4-E-U (20) | 0.00% |
| 27 | Kawasan Hijau Semakin Berkurangan | 5-5-E-U (25) | 0.00% |
| 28 | Tahap Penggunaan Kemudahan Sukan Di Taman Cabaran Yang Rendah | 3-3-H-U(9) | 0.00% |
| 29 | Peningkatan Jumlah Kemalangan Di Putrajaya | 4-2-H-U(8) | 0.00% |

*Jadual: Pelaksanaan dan penilaian semula profil risiko Perbadanan Putrajaya yang telah dikemaskini sehingga 31 Disember 2019.*

Jawatankuasa Kerja Risiko Perbadanan Putrajaya (JKKR PPj) bertanggungjawab menyelaras, mencadangkan dan mengkaji semula tahap toleransi Perbadanan Putrajaya mengikut keperluan dan perubahan persekitaran. Jawatankuasa tersebut juga menilai dan mengkaji semula setiap profil risiko yang didaftarkan dan menyemak semula penilaian yang dibuat terhadap risiko tersebut mengikut keperluan dan perubahan persekitaran.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan dan menganalisis secara terperinci keutamaan risiko yang tidak boleh diterima dan pelan tindakan mitigasi untuk mengurangkan risiko, memantau pelaksanaan pelan tindakan mitigasi dan semua aktiviti berkaitan risiko yang dijalankan oleh jabatan-jabatan dalam Perbadanan Putrajaya.

Keahlian JKKR PPj terdiri daripada wakil-wakil jabatan dan dipengerusikan oleh Naib Presiden Audit. Mesyuarat JKKR PPj telah diadakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2019, seperti dalam jadual berikut:

| Bil. Mesyuarat | Tarikh Mesyuarat |
|---|---|
| Bil. 1 Tahun 2019 | 6 Mac 2019 |
| Bil. 2 Tahun 2019 | 30 April 2019 |
| Bil. 3 Tahun 2019 | 20 November 2019 |

*Jadual: Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Risiko (JKKR) yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.*

## PENGURUSAN KESELAMATAN ASET PPj

PPj telah melantik 12 buah syarikat kawalan keselamatan swasta secara kontrak bagi membantu kerja-kerja pengurusan kawalan keselamatan di premis-premis dan taman-taman awam milik PPj.

Perkhidmatan kawalan keselamatan ini telah dipecahkan mengikut zon melalui 12 pakej seperti Jadual di bawah:-

| Bil | Lokasi | Presint | Pakej | Bil. Pengawal |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Taman Botani | Presint 1 | Pakej T7 | 34 |
| 2. | Taman Putra Perdana | | | |
| 3. | Pusat Informasi | | | |
| 4. | Dataran Pahlawan | | | |
| | | | | |
| 5. | Kompleks PPj | Presint 3 | Pakej T6 | 34 |
| 6. | Kiblat Walk | | | |
| 7. | Kediaman Rasmi Presiden | Presint 10 | | |
| | | | | |
| 8. | Empangan | Presint 5 | Pakej T1 | 21 |
| 9. | Pusat Kawalan Empangan | | | |
| 10. | Stor Formula E | Presint 20 | | |
| 11. | Stor | | | |
| | | | | |
| 12. | Pusat Kemudahan Awam | Presint 8 | Pakej T3 | 22 |
| | Kelab Tasik Putrajaya | | | |
| 13. | Padang Sintetik | | | |
| | | | | |
| 15. | Kompleks Kejiranan | Presint 9 | Pakej T4 | 26 |
| 16. | Medan Selera | | | |
| 17. | Pusat Kitar Semula | | | |
| 18. | Stor Depoh PPj | | | |
| 19. | Tapak Litar DeCare | Presint 7 | | |
| | | | | |
| 20. | Taman Saujana Hijau | Presint 11 | Pakej T11 | 22 |
| 21. | Pusat Komuniti | | | |
| 22. | Pangsapuri Perbadanan Putrajaya | | | |
| 23. | Kawasan Tasik Wetland | Presint 12 | Pakej T9 | 40 |
| 24. | Taman Wetland | Presint 13 | | |

| Bil | Lokasi | Presint | Pakej | Bil. Pengawal |
|---|---|---|---|---|
| 25. | Pejabat PPj | Presint 14 | Pakej T5 | 39 |
| 26. | Bangunan Pusat Pelawat | Presint 15 | | |
| 27. | Bangunan Pejabat Kedutaan Chancery | | | |
| 28. | Kawasan Infra dan Lanskap | | | |
| 29. | Kompleks Unit Berkuda | | | |
| 30. | Taman Rimba Alam | | | |
| | | | | |
| 32. | Taman Wawasan | Presint 2 | Pakej T10 | 35 |
| 33. | Kompleks Kejiranan dan Pasar Awam | Presint 16 | Pakej T10 | |
| 34. | Tadika Maiwp | Presint 18 | | |
| 35. | Taman Pancarona | | | |
| 36. | Kompleks Futsal | | | |
| | | | | |
| 37. | Persisiran Tasik | Presint 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 16 & 18 | Pakej T8 | 33 |
| 38. | Persiaran Perdana (Boulevard) | Presint 2,3 & 4 | | |
| | | | | |
| 39. | Taman Selatan | Presint 20 | Pakej T2 | 32 |
| 40. | Taman Cabaran | | | |
| | Taman Cabaran | Presint 5 | | |
| | | | | |
| 41. | Dataran Putra | Presint 1 | Pakej T12 | 32 |
| 42. | Laman Perdana | | | |
| 43. | Jambatan Putra | | | |
| 44. | Tempat Letak Kereta B13 | | | |
| 45. | Promenad Dataran Putra | | | |
| 46. | Souq Level 27 | | | |
| 47. | Selera Putra | | | |
| **Jumlah** | | | | **370** |



*Gambar : Pengawal keselamatan yang dilantik*



*Operasi Anti Dadah bersama AADK Putrajaya*



*Pertandingan Kawad Pasukan Keselamatan Kebakaran Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2019 bertempat di Jabatan Bomba & Penyelamat Putrajaya pada 13 Oktober 2019*



*Latihan kebakaran di Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 27 November 2019*

# PEGAWAI MUDA

## MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA MENYAMBUT RAMADHAN AL MUBARAK DAN SAMBUTAN HARI LAHIR PEGAWAI MUDA

TARIKH : 3 MEI 2019

Program ini dianjurkan untuk mengeratkan silaturrahim antara induk PM dengan semua pegawai muda PPj, meningkatkan motivasi serta membina hubungan baik sesama pegawai muda untuk bekerja dalam satu pasukan.



## FOKUS GROUP DISCUSSION (FGD)

TARIKH : 14 & 15 MEI 2019

FGD merupakan platform perkongsian idea dan pendapat antara AJK Induk dengan Sembilan (9) Sekretariat yang telah dilantik untuk membincangkan program-program yang bermakna untuk dilaksanakan sepanjang tempoh 2019 – 2021 sebagaimana yang diamanatkan oleh YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hasim, Presiden PPj.




## MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK YATIM PPJ SEMPENA FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2019

TARIKH : 11, 18 DAN 25 MEI 2019

Majlis berbuka puasa bersama anak yatim PPj sempena Festival Ramadhan telah berlangsung pada 11, 18 dan 25 Mei 2019. Majlis ini meraikan anak-anak yatim yang melibatkan 13 buah keluarga dalam kalangan pegawai-pegawai Perbadanan Putrajaya (PPj). Turut diraikan 28 orang anak yatim dari rumah Yayasan Kasih Sayang, Negeri Sembilan.



## CAR FREE DAY PUTRAJAYA

Sepanjang tahun 2019, Kumpulan Pegawai Muda telah berjaya menganjurkan Program Car Free Day (CFD) Putrajaya sebanyak 8 kali dengan konsep/tema yang berbeza seperti berikut;

| | |
|---|---|
| Januari | Gaya Hidup Sihat |
| Februari | Sambutan Hari Wilayah |
| Mac | 'Low Carbon' |
| Jun | LEBARun |
| Julai | Malam ini Kita Punya |
| Ogos | Kemerdekaan |
| November | Gaya Hidup Sihat |
| Disember | Riang Ria Cuti Sekolah |

Program yang diilhamkan oleh YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya dengan tagline "Burn Fat, Not Oil", bertujuan untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon dari asap kenderaan di Putrajaya serta menggalakkan aktiviti riadah dalam kalangan warga Putrajaya. Dianjurkan pada hari Ahad minggu pertama setiap bulan, program ini telah menerima penglibatan masyarakat pelbagai kaum dari dalam dan luar Putrajaya, pelajar sekolah, pelajar universiti dan NGO.



*Gambar: Tema 'Ini Malam Kita Punya' Pada 6 Julai 2019 (PM Induk, Sekretariat CFD & PM Kumpulan 3 & 4)*



*Car Free Day*




*Car Free Day*



*Car Free Day*

## LAWATAN PENANDA ARAS CFD KE MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA DAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Lawatan Penanda Aras oleh Induk Pegawai Muda ke Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya MBPJ bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan idea berkaitan penganjuran CFD selain mewujudkan jaringan hubungan antara PBT.




## *POT LUCK* RAYA PM SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri bertemakan pot luck pada 26 Jun 2019 dianjurkan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan Pegawai Muda dan telah mendapat kerjasama dari semua Pegawai Muda. Majlis ini juga diserikan dengan kehadiran Presiden PPj dan Naib-Naib Presiden PPj.



## VENUS RUN

Persatuan Astronaut Malaysia dengan kerjasama Kumpulan Pegawai Muda, Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan Larian Venus pada 7 Julai 2019 bertempat di Taman Wetland Putrajaya. Selain acara larian, Rocketry dan Science Fair merupakan aktiviti tambahan yang dikendalikan oleh STEM Education melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di Putrajaya.




## PIACUFF 2019 (KEHADIRAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH DI PUTRAJAYA) LO SEKOLAH) PADA 25 - 28 JULAI 2019

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menarik minat pelajar-pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di sekitar Putrajaya untuk menyertai dan mengisi program ilmiah yang disediakan sempena Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa (PIIACUF) bertempat di Auditorium Cempaka Sari, Presint 3. Pelajar-pelajar berpeluang mengikuti program anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malaysia Board and Books for Young People (MBBY), Yayasan Restu, melawat Ekspo Buku Islam serta membawa pulang buah tangan yang menarik daripada pihak penganjur.



## FLOATING GARDEN SEMPENA FLORIA PUTRAJAYA 2019 (PM INDUK) PADA 31 OGOS - 8 SEPTEMBER 2019

Kumpulan Pegawai Muda telah diberi peluang menyertai Royal Floria Putrajaya anjuran Jabatan Landskap & Taman, Perbadanan Putrajaya yang berlangsung selama 10 hari dari 31 Ogos hingga 8 September 2019 bertempat di Taman Botani, Putrajaya. Lima (5) unit Floating Flower bertemakan bunga-bungaan, bangunan ikonik Putrajaya dan sculpture telah dipamerkan.



## PERTANDINGAN MEWARNA SEMPENA BOAT RACE PUTRAJAYA 2019 (SEKRETARIAT LO SEKOLAH) PADA 15 SEPTEMBER 2019

Pertandingan Mewarna sempena Boat Race Putrajaya telah menarik minat penyertaan seramai 200 orang peserta daripada dua (2) kategori pertandingan iaitu Kategori A (7 hingga 9 tahun) dan Kategori B (10 hingga 12 tahun). 15 peserta terbaik daripada setiap kategori telah menerima hadiah berupa wang tunai dengan Johan Kategori A menerima RM120.00 dan Johan Kategori B menerima RM150.00. Semua peserta menunjukkan bakat dan kesungguhan mewarna berkonsepkan boat race.



## PUTRAJAYA OPEN DAY (POD) (PM INDUK BERSAMA URUSETIA KARNIVAL PUTRAJAYA & DIPEC) PADA 5 OKTOBER 2019

Putrajaya Open Day (POD) bertemakan "Sehari Bersama Rakyat, Menyediakan 1001 Perkhidmatan" pada 5 Oktober 2019 merupakan program kerjasama antara Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan semua kementerian dan agensi kerajaan yang berada di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Program yang julung kali diadakan ini memberi peluang kepada rakyat untuk mendapat perkhidmatan secara terus dan bersemuka daripada kementerian dan agensi dalam satu hari secara serentak. Sebanyak 23 kementerian dan 101 agensi telah terlibat menawarkan 200 perkhidmatan dengan anggaran pengunjung seramai 40,000 orang. POD juga berlangsung serentak dengan acara Digital Putrajaya *Exhibition & Conference* (DiPEC) 2019 dan Karnival Putrajaya 2019.





## BERJALAN KAKI BERSAMA PRESIDEN SETIAP SELASA (SEKRETARIAT JALAN KAKI) SEPANJANG TAHUN.

Amalan gaya hidup sihat menjadi keperluan bagi warga Perbadanan Putrajaya (PPj) mengekalkan kecerdasan fizikal dan mental. Oleh itu, program berjalan kaki bersama Presiden telah dijadikan salah satu aktiviti riadah yang sihat di luar waktu pejabat.






# PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

# PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

## KHIDMAT PERUNDANGAN

Sepanjang tahun 2019, Jabatan undang-undang telah memberikan 480 nasihat undang-undang bertulis. Selain khidmat nasihat secara bertulis, Jabatan undang-undang juga memberikan nasihat undang-undang secara lisan sebanyak 848 nasihat melalui mesyuarat, rundingan dan perbincangan.

## KONTRAK

Jabatan undang-undang telah menyemak dan menyediakan 223 draf perjanjian. Jabatan Undang-undang juga telah menyemak 78 draf dokumen tender, permintaan cadangan dan sebut harga. Selain itu, 333 draf surat niat, surat setuju terima/surat pelantikan dan surat tawaran juga telah disemak dan disediakan oleh Jabatan undang-undang.

## GUBALAN

Perincian penggubalan cadangan pindaan undang-undang kepada Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) dan sebelas (11) undang-undang subsidiari di bawahnya adalah seperti yang berikut:

(i) Akta Perbadanan Putrajaya (Pindaan 2020);

(ii) Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan (Wilayah Persekutuan Putrajaya);

(iii) Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing (Wilayah Persekutuan Putrajaya);

(iv) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Wilayah Persekutuan Putrajaya);

(v) Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan (Wilayah Persekutuan Putrajaya);

(vi) Kaedah-kaedah Pengawalan dan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Putrajaya);

(vii) Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992);

(viii) Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992);

(ix) Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ubah Suaian Akta Binatang 1953);

(x) Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Wilayah Persekutuan Putrajaya);

(xi) Perintah Pemeliharaan Pokok (Wilayah Persekutuan Putrajaya);

(xii) Peraturan Kewangan dan Perakaunan Perbadanan Putrajaya (Pindaan);

## PENDAKWAAN

Kertas siasatan yang telah disemak oleh Jabatan Undang-Undang bagi tahun 2019 adalah sebanyak **11,897 kes** berbanding 4,550 bagi tahun 2018. Peningkatan yang ketara ini berlaku akibat tindakan pengeluaran kompaun oleh pihak Penguat kuasa Perbadanan Putrajaya. Sebanyak **3,087 kes** telah berjaya didaftarkan di Mahkamah Majistret Putrajaya berbanding 2,458 bagi tahun 2018 dan **1,383 saman** telah berjaya diserahkan kepada Orang Kena Saman (OKS) pada tahun 2019. Perbandingan aktiviti pendakwaan bagi tahun 2018 dan 2019 adalah sepeti yang berikut:

| Aktiviti Pendakwaan | 2018 | 2019 |
|---|---|---|
| Semakan Kertas Siasatan | 4,550 | 11,897 |
| Daftar Kes di Mahkamah | 2,458 | 3,087 |
| Serahan Saman | 1,031 | 1,383 |

## PENGENDALIAN RAYUAN KOMPAUN

Selain menguruskan aktiviti pendakwaan, Jabatan undang-undang juga mengendalikan kes rayuan kompaun. Bagi tahun 2019, sebanyak **4,455 kes** rayuan kompaun yang merangkumi kes rayuan ke atas kompaun yang dikeluarkan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta yang dikuatkuasakan oleh Perbadanan Putrajaya telah diterima oleh Jabatan undang-undang berbanding hanya 1,875 kes yang diterima bagi tahun 2018. Rayuan kompaun ini adalah berdasarkan jenis dan kategori kesalahan serta tempoh pembayaran yang telah ditetapkan.

## LITIGASI SIVIL

Perbandingan jumlah kes litigasi sivil mengikut kategori bagi tempoh 3 tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:

| Kategori | Tahun | | |
|---|---|---|---|
| | 2017 | 2018 | 2019 |
| Tuntutan tunggakan cukai taksiran | 0 | 0 | 0 |
| Tuntutan tunggakan sewa | 7 | 7 | 1 |
| Tuntutan ganti rugi kemalangan (insurans) | 6 | 4 | 0 |
| Tuntutan-tuntutan lain (Hutang/ Pembinaan) | 6 | 3 | 14 |
| **Jumlah** | **19** | **14** | **15** |

Jabatan Undang-undang juga menyemak notis penamatan yang dirujuk oleh jabatan pelanggan. Dua draf notis penamatan telah disemak pada tahun 2019.

## PENGUAT KUASA PERBADANAN PUTRAJAYA

Aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya adalah bertujuan untuk mendidik masyaralat khususnya warga Putrajaya dalam mematuhi peraturan dan perundangan yang dikuatkuasakan. Perundangan yang berkuat kuasa di Putrajaya adalah seperti berikut:

- Akta Perbadanan Putrajaya 1995 dan Undang-undang Kecil berkaitan
- Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) termasuk Undang-undang Kecil di bawah Akta ini

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil di bawah Akta ini
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) termasuk perintah dan kaedah yang dibuat di bawah Akta ini
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) termasuk perintah dan kaedah yang dibuat di bawah Akta ini

Dua elemen utama penguatkuasaan yang dilaksanakan ialah kawalan dan pencegahan. Kedua-dua rutin ini dilaksanakan melalui rondaan pemantauan di lapangan dan pemantauan melalui kamera litar tertutup.

Skop utama penguatkuasaan ialah kawalan trafik dan lalu lintas merangkumi larangan meletakkan kenderaan di zon tunda dan zon apit. Selain itu, tindakan penguatkuasaan juga dilakukan bagi kesalahan halangan kaki lima, memancing dan kenderaan buruk dan tersadai.

Tindakan penguatkuasaan juga dilaksanakan secara bersepadu dengan jabatan dan bahagian lain di Perbadanan Putrajaya seperti operasi bersepadu di premis perniagaan, restoran, pusat hiburan, rumah kediaman dan kawasan pembinaan. Manakala operasi bersepadu dengan agensi penguatkuasaan luar meliputi pelbagai aspek seperti lalu lintas dan trafik, warga asing, dadah, maksiat dan seumpamanya.

### Pengeluaran Kompaun

Tindakan kompaun sepanjang tahun 2019 adalah sepertimana carta pai berikut:




*Rajah: Jumlah pengeluaran kompaun bagi tahun 2019*



*Gambar: Tindakan kompaun meletakkan kenderaan di siar kaki*




*Gambar: Tindakan kompaun meletakkan kenderaan di garisan kuning*

### Tindakan Tundaan Dan Apitan

Tindakan apitan dan tundaan dilaksanakan terhadap kenderaan yang melakukan kesalahan halangan di kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Zon Apitan dan Zon Tundaan. Jumlah tindakan apitan dan tundaan bagi tahun 2019 adalah seperti di bawah:

| Bil. | Perkara | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Apitan | 1,978 |
| 2. | Tundaan | 807 |




*Gambar: Tindakan di Zon Tunda*




*Gambar: Tindakan di Zon Apit*

## Kempen Jom Bayar Kompaun

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengadakan kempen Jom Bayar Saman bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2019. Kempen ini diadakan adalah untuk menggalakkan orang kena kompaun (OKK) dan orang kena saman (OKS) menyelesaikan kompaun/saman dan secara tidak langsung kempen ini juga membantu mengurangkan jumlah tunggakan kompaun/saman tidak berbayar. Jumlah dan nilai kompaun yang berjaya dikutip sepanjang kempen jom bayar kompaun bagi tahun 2019 adalah seperti berikut :

| BIL. | ACARA | TEMPOH | JUMLAH KOMPAUN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Hari Wilayah | 1 - 28 Februari 2019 | 2,837 | 110,630.00 |
| 2. | Karnival JPJ | 15 April 2019 | 54 | 3,310.00 |
| 3. | Hari Kemerdekaan & Hari Malaysia (termasuk Karnival Pesta Air) | 5 Ogos - 30 Septermber 2019 | 1,537 | 71,270.00 |
| JUMLAH | | | 4,428 | 185,210.00 |

## Operasi Banteras Aktiviti Haram (Ops BAH)

Fokus utama Ops BAH adalah untuk memastikan pematuhan peraturan dan perundangan sedia ada. Aktiviti-aktiviti yang dipantau ialah pusat siber yang menjalankan aktiviti perjudian komputer, pusat hiburan, pendatang tanpa izin (PATI), dadah, maksiat dan sebagainya. Operasi ini merupakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang melibatkan pelbagai agensi dan jabatan. Beberapa siri operasi telah dilaksanakan sepanjang 2019 seperti berikut:

| Bil | Tarikh | Operasi | Agensi |
|---|---|---|---|
| 1. | 15 Jan 2019 | Pematuhan Timbang | KPDNKK |
| 2. | 10 Mac 2019 | Maksiat | JAWI |
| 3. | 22 Mac 2019 | Penyalahgunaan Dadah Dan Buruh Kanak-kanak | AADK & JKM |
| 4. | 12 Apr 2019 | - Penjaja Haram<br>- Kebajikan Pekerja<br>- Buruh Kanak-kanak | JKM, JKT & PDRM |
| 5. | 9 Mei 2019 | Pengemis | JKM & JAWI |
| 6. | 22 Ogos 2019 | Hab Halal | JAKIM |
| 7. | 28 Ogos 2019 | Pengemis | JKM |
| 8. | 29 Ogos 2019 | Maksiat Dan Dadah | JAWI, AADK, YADEM & JPN |
| 9. | 26 Nov 2019 | Halangan Lalu Lintas | PDRM |



*Gambar: Ops Bersepadu PATI*



*Gambar: Ops Penjaja Tanpa Lesen*

## Tindakan Penguatkuasaan Halangan Siar Kaki

Penguatkuasaan dilaksanakan terhadap premis perniagaan yang meletakkan barangan berkaitan tred perniagaan di siar kaki/kaki lima yang menjadi laluan awam.



*Gambar: Ops Bersepadu Halangan Trafik*



*Gambar : Tindakan pengatkuasaan halangan siar kaki premis*

## Pelupusan Kenderaan Buruk Tersadai. (KBT)

Program Pelupusan Kenderaan Buruk Terbiar (KBT) telah dilaksanakan oleh Penguat Kuasa PPj melibatkan 40 unit kenderaan. Kenderaan-kenderaan terlibat ditunda dari kawasan-kawasan awam dan kawasan perumahan penjawat awam di sekitar Putrajaya. Penemuan KBT adalah hasil pemantauan Penguat Kuasa PPj, pemantauan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH, JPM) serta aduan orang awam/Komuniti Putrajaya.

Tindakan pelupusan ini adalah kesinambungan daripada program yang bermula pada tahun 2017 bagi memastikan Putrajaya bebas dari lambakan kenderaan buruk tersadai yang boleh mencacatkan pemandangan indah Putrajaya sertamembantu mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta sedia ada.





*Gambar: Kerja-kerja pelupusan di Depoh Penguat Kuasa PPJ. Kenderaan akan dileraikan sebelum dilupuskan agar tidak digunakan semula di jalan raya*

## Hari Penguat Kuasa

Disambut pada 10 Oktober setiap tahun, Hari Penguat Kuasa telah diadakan di Dataran Putrajaya dan disertai oleh semua anggota penguat kuasa. Majlis pemakaian pingat, kawad kaki dan persembahan khas berkuda turut diadakan..





*Gambar : Perbarisan kehormat dan pertunjukan berkuda*

## Putrajaya Horse Show Dan Kejohanan Kuda Lasak

Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan *Putrajaya Horse Show* pada 21 Disember 2019 bertempat di Taman Ekuestrian Putrajaya (TEP), Presint 5 dan Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden PPj pada 22 Disember 2019 bertempat Taman Wetland Putrajaya, Presint 13.

Penganjuran ini melibatkan kelab/persatuan berkuda, agensi kerajaan, korporat, pihak swasta dan orang persendirian. Acara-acara lain yang dilaksanakan sempena penganjuran kali ini ialah perlawanan polo, perbarisan berkuda, memanah berkuda, *show jumping, dressage, joy ride, horse carriage, riding for disability* dan lain-lain. *Putrajaya Horse Show* telah dicatatkan dalam **Malaysia Book Of Records (MBOR)** sebagai **himpunan kuda terbesar di Malaysia.**

Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden pula telah menarik sebanyak 78 penyertaan dari pelbagai negeri di Malaysia dan penyertaan dari luar negara. Kategori yang dipertandingkan bagi kejohanan ini adalah kategori baka arab dan bukan arab dengan dua jarak berbeza iaitu 20km dan 40km.



*Gambar: Putrajaya Horse Show*



*Gambar: Penyerahan sijil MBOR*



*Gambar: Pelepasan Kejohanan Kuda Lasak oleh Presiden*

## Program Keselamatan Jalan Raya

Usaha-usaha meningkatkan kesedaran dan penglibatan komuniti Putrajaya dalam keselamatan jalan raya melalui pendekatan Pemberdayaan Komuniti (*Community Empowerment) pada tahun 2018 lalu* telah menunjukkan perkembangan positif melalui pelancaran rasmi Persatuan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Komuniti Putrajaya (PKJR) oleh YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya pada 17 Julai 2019.

Persatuan ini diilhamkan oleh komuniti Putrajaya melalui bimbingan PPj dengan matlamat mewujudkan satu kumpulan ahli komuniti yang bertanggungjawab membangun dan melaksanakan program dan aktiviti keselamatan jalan raya dalam komuniti sebagai menyokong hasrat Perbadanan Putrajaya menjadikan warga Putrajaya berhemah, mematuhi peraturan jalan raya dan sifar kemalangan maut yang melibatkan warga Putrajaya.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan melibatkan kerjasama antara PPj, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Bahagian Trafik IPD Putrajaya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), MIROS, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Majlis Perwakilan Penduduk Putrajaya dan Permuafakatan PIBG Putrajaya dan PKJR sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

| Bil. | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | Majlis Pelancaran Program Sekolah Selamat Peringkat Sekolah SKPP9(2) | 2 Januari 2019 | SKP9(2) |
| 2. | Memantau aliran trafik di hadapan sekolah bersama JKJR, PROSE, Bahagian Jalan (JB) Dan Unit Trafik Penguat Kuasa PPj. | 17 Januari 2019 | Sekolah Kebangsaan Presint 16 (2) |
| 3. | Operasi bersepadu lalu lintas di hadapan sekolah bersama Polis Di Raja Malaysia (PDRM), JPJ, JKJR, PRoSE, dan Unit Trafik Penguat Kuasa Ppj | 24 Januari 2019 | Sekolah Kebangsaan Presint 17 (1) |
| 4. | Majlis pelancaran operasi bersepadu sempena Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Kebangsaan 2019 | 29 Januari 2019 | Kawasan Rehat Dan Rawat (R&R) Dengkil |
| 5. | Advokasi Terminal Bas Putrajaya bersama JKJR sempena cuti Hari Wilayah Persekutuan dan Tahun Baru Cina 2019 | 31 Januari 2019 | Terminal Bas Putrajaya, Putrajaya Sentral |
| 6. | Taklimat Keselamatan Jalan Raya sempena Mesyuarat Agung PIBG SKP8(2) | 16 Februrai 2019 | SKP8(2) |
| 7. | Taklimat Keselamatan Jalan Raya sempena Mesyuarat Agung PIBG SKP8(1) | 24 Februrai 2019 | SKP8(1) |
| 8. | Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Majlis Pelancaran Modul PKJR Sekolah Rendah 2019 | 28 Februrai 2019 | Putrajaya International Convention Centre (PICC) |
| 9. | Kempen Keselamatan Jalan Raya Prose bersama JKJR sempena Program Car Free Day 2019 | 10 Mac 2019 | Dataran Putrajaya |
| 10. | Taklimat Keselamatan Jalan Raya sempena Mesyuarat Agung PIBG SKP8(2) | 9 Mac 2019 | SKP8(2) |
| 11. | Taklimat Keselamatan Jalan Raya sempena Mesyuarat Agung PIBG SKP18(1) | 16 Mac 2019 | SKP18(1) |
| 12. | Operasi Bersepadu Lalu Lintas Sekolah | 2 April | SKP11(3) |
| 13. | Kempen KJR sempena Seminar Keibubapaan | 8 April | Auditorium PPj |

| Bil. | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 14. | Kempen KJR sempena Sambutan hari JPJ ke 73 | 15 April | Tapak Letak Kereta MOT |
| 15. | Mini Karnival dan Forum Keselematan Jalan Raya sempena Ramadhan 2019 | 24 Mei | Surau An-Najah Presint 9 |
| 16. | Kempen Balik Kampung sempena Aidilfitri di Bazar Ramadhan Putrajaya | 29 mei | Bazar Ramadhan Putrajaya Presint 4 |
| 17. | Pelancaran Persatuan Keselamatan Jalan Raya Komuniti Putrajaya 2019 | 9 Julai | Marina Putrajaya |
| 18. | Pertandingan Esei Keselamatan Jalan Raya peringkat Sekolah Putrajaya 2019 | 24Jun -17 Julai | Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya |
| 19. | Pertandingan Kuiz Keselamatan Jalan Raya Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2019 | 1 Ogos | Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya |
| 20. | Kempen Keselamatan Jalan Raya Prose bersama JKJR sempena Program Car Free Day 2019 | 4 Ogos | Dataran Putrajaya |
| 21. | Kempen KJR sempena Karnival Rahmah 2019 | 27-29 September | Dataran Putrajaya |
| 22. | Mini Karnival Keselamatan Jalan Raya sempena Hari Terbuka Putrajaya dan Karnival Komuniti Putrajaya 2019 | 4-6 Oktober | Dataran Putrajaya |
| 23. | Advokasi Terminal Bas Putrajaya bersama JKJR sempena Cuti Deepavali 2019 | 25 Oktober | Terminal Bas Putrajaya, Putrajaya Sentral |
| 24. | Bengkel Keselamatan Jalan Raya Putrajaya 2019 | 1-2 November | Cherengin Hills, Janda Baik |
| 25. | Kursus Peronda Lintasan Trafik Putrajaya | 12 November | Dewan Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya |
| 26. | PRoSE SmartCamp Putrajaya 2019 | 5-7 Disember | Eagle Rach Resort, PD |






*Gambar: Mini Karnival dan Forum Keselamatan Jalan Raya sempena Ramadhan 2019*



*Gambar: Pelancaran Persatuan Keselamatan Jalan Raya Komuniti Putrajaya 2019*




*Gambar: Pertandingan Esei Keselamatan Jalan Raya peringkat Sekolah Putrajaya 2019*




*Gambar: Pertandingan Kuiz Keselamatan jalan Raya Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2019*







*Gambar: PRoSE SmartCamp Putrajaya 2019*







*Gambar: Kempen KJR sempena Karnival Rahmah 2019*



# PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET

# PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET

## PENILAIAN UNTUK MAKSUD CUKAI TAKSIRAN

Pada penggal pertama tahun 2019, PPj telah mengeluarkan sebanyak 14,568 bil cukai taksiran yang turut melibatkan pindaan senarai nilaian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 144, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Untuk penggal kedua tahun 2019 pula, sebanyak 15,138 bil telah dikeluarkan.

Jumlah nilai cukai taksiran yang telah dibilkan sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak **RM51,900,809.00** iaitu peningkatan sebanyak **11.38%** berbanding dengan RM46,597,317.00 nilai bil yang dikeluarkan pada tahun 2018




*Graf: Jumlah cukai taksiran dari tahun 2017 hingga 2019*

Untuk tahun 2019, sebanyak 1,548 pegangan telah dimasukkan ke dalam senarai nilaian melalui pindaan yang dikuatkuasakan pada 1 januari 2019 dan 777 pegangan lagi dimasukkan kedalam senarai nilaian dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2019 menjadikan jumlah pegangan yang dimasukkan ke dalam senarai nilaian untuk tahun 2019 berjumlah **2,325** pegangan. Daripada jumlah tersebut, 609 pegangan merupakan hartanah kategori tanah kosong, 1,711 hartanah kediaman dan 5 hartanah komersial.




*Graf: Pindaan senarai nilaian mengikut kategori harta*

Sebanyak 663 permohonan bantahan bertulis telah diterima yang melibatkan 844 pegangan atau bersamaan 36.30% daripada jumlah pegangan yang dibuat pindaan.




*Graf: Permohonan bantahan pindaan senarai nilaian*

## PENILAIAN UNTUK MAKSUD SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

Empat (4) tuntutan telah dikemukakan melalui Borang C kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) (22,304 kes melibatkan nilai RM148,074,040.00), Suruhanjaya Tenaga (satu kes melibatkan nilai RM844,096.00), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) (satu kes melibatkan nilai RM3,294.00), dan Lembaga Tabung Haji (LTH) (satu kes melibatkan nilai RM4,420,992.00). Jumlah keseluruhan tuntutan adalah sebanyak **RM153,342,422.00**. Semua tuntutan yang dikemukakan kepada KPKT telah dijelaskan dan tiada sebarang tunggakan.




*Graf: Jumlah tuntutan SMK dari tahun 2017 hingga 2019*

## PENGURUSAN MENDAPATKAN KEMBALI TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Sejak tahun 1999 hingga 2019, jumlah keseluruhan cukai taksiran yang telah dibilkan adalah sebanyak RM490,803,211.08 dengan jumlah tunggakan terkumpul sebanyak RM6,545,479.92. Untuk penggal pertama 2019, notis supaya membayar tunggakan telah dikeluarkan pada 27 Mac 2019, (Borang E1) dan 15 Mei 2019 (Borang E2). Untuk penggal kedua pula, notis dikeluarkan pada 7 Oktober 2019 (Borang E1) dan 7 November 2019 (Borang E2).

Perbadanan Putrajaya juga telah mempergiatkan usaha bagi mendapatkan tunggakan cukai taksiran melalui:

| Aktiviti | Bilangan kes |
|---|---|
| Menghantar Notis Borang E kepada pembayar cukai yang ada tunggakan selepas 28 Februari dan 31 Ogos 2019 | 6,241 |
| Menghantar Notis Borang E2 kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan melebihi RM10,000.00 atau tidak membuat pembayaran cukai melebihi lima(5) penggal | 5,417 |
| Memberi penjelasan kepada pembayar cukai melalui panggilan telefon dan mengunjungi ke premis yang terlibat | 50 |
| Menghantar semula notis tunggakan cukai yang dikembalikan ke alamat harta tersebut | 100 |

### Pencapaian Peratus Kutipan

Tindakan yang telah diambil oleh Perbadanan Putrajaya berjaya mengurangkan tunggakan cukai dari RM8,199,806.55 pada bulan September 2019 kepada RM6,545,479.92 pada 31 Disember 2019. Peratus kutipan bil semasa cukai taksiran adalah sebanyak 91.11%.




*Graf: Jumlah peratus kutipan hasil semasa cukai taksiran dari tahun 2017 hingga 2019*

Jumlah peratus tunggakan berbanding nilai keseluruhan cukai taksiran yang telah dibilkan sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 1.33%.




*Carta: Peratus tunggakan keseluruhan cukai taksiran yang telah dibilkan pda tahun 2019*

## PENGURUSAN DAN PERAKAUNAN ASET

Berikut ialah senarai aktiviti dan pencapaian yang berkaitan dengan pengurusan dan perakaunan aset sepanjang tahun 2019.

| Aktiviti |
|---|
| 1. Mempermodalkan aset dalam binaan. |
| 2. Mendaftar, mengemas kini dan mengeluarkan label bagi aset yang diperolehi daripada bajet mengurus. |
| 3. Menyemak dan memperakaunkan susut nilai bagi aset. |
| 4. Menyelesaikan kes-kes pelupusan aset. |
| 5. Pemeriksaan mengejut dan tahunan aset alih |
| 6. Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan dan Pengurusan Aset PPj |
| 7. Urusetia Permohonan Perolehan Aset |

## ASET MILIK PERBADANAN PUTRAJAYA

Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, nilai Hartanah, Loji dan Peralatan milikan Perbadanan Putrajaya adalah sebanyak RM7,407,001,345. Ini merangkumi Aset Tidak Alih (RM7,386,023,685), Aset Alih (RM18,361,986), Aset Hidupan (RM1,573,037) dan Aset Dalam Binaan (RM1,042,637). Amaun ini setelah mengambil kira susut nilai terkumpul yang berjumlah sebanyak RM866,386,033.












*Gambar: Insurance Awareness Day*










*Gambar: Mesyuarat Perolehan Aset Bil. 1 2019 dan lawatan Unit Aset bersama Pegawai Aset Bahagian Ke Dewan Bandaraya Kota Kinabalu*

## PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Sehingga 31 Disember 2019, terdapat 13 kawasan pembangunan berstrata di Putrajaya iaitu tujuh (8) pembangunan kediaman dan empat (5) pembangunan komersial.

Berikut ialah senarai aktiviti dan pencapaian Pesuruhjaya Bangunan sepanjang tahun 2019:

| BIL. | AKTIVITI | PENCAPAIAN |
|---|---|---|
| 1. | Mewujudkan dan mengemas kini inventori semua kawasan pemajuan berstrata (Pangkalan Data). | 18 kawasan pembangunan yang telah dikemas kini. |
| 2. | Memantau penubuhan JMB/MC di semua kawasan pemajuan berstrata. | 8 kawasan pemajuan JMB dan 5 kawasan pembangunan MC |
| 3. | Memberi khidmat nasihat kepada pemaju/JMB/MC berkaitan penyelenggaraan dan pengurusan harta bersama dan sebagainya. | Sila rujuk Jadual A |
| 4. | Memantau penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama JMB/MC | Melibatkan semua pemajuan strata di Putrajaya |
| 5. | Memastikan mesyuarat AGM pertama dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan | JMB - PPAM Pudina, Presint 17<br>MC - PPAM Palma, Presint 11 |

| BIL. | AKTIVITI | PENCAPAIAN |
|---|---|---|
| 6. | Menyelaras, mengendali dan mengambil tindakan penyelesaian pertikaian antara pengadu dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk menjadi mediator | Sila rujuk Jadual A |
| 7. | Memantau akaun pengurusan bangunan berstrata | Sila rujuk Jadual A |
| 8. | Mengambil tindakan penguatkuasaan | Masih belum dilaksanakan |
| 9. | Melantik dan mengawal selia ejen pengurusan yang dilantik oleh COB | Tiada pelantikan ejen pengurusan oleh COB |
| 10. | Menganjurkan kursus/ bengkel/seminar/lawatan Pengurusan Strata 757 yang melibatkan pihak JMB/MC dan Pemaju. | Mesyuarat bersama JMB/ MC dan Pemaju di Pulau Pinang diadakan pada 23 hingga 25 November 2019 bersama NPW |

**Senarai Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body-JMB*) dan Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation*) Di Wilayah Persekutuan Putrajaya**

| Bil. | Badan Pengurusan Bersama | No PT/ No. Lot | Presint | Jumlah Petak |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Putra Harmoni | LOT 1726 | 9 | 1204 |
| 2. | Perbadanan Pengurusan *Neighbourhood Commercial Centre* 1 | LOT 1727 | 9 | 36 |
| 3. | Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Putra Damai | PT 7003 dan PT 7007 | 11 | 909 |
| 4. | Perbadanan Pengurusan Alam Desa | PT 9849 | 15 | 119 |
| 5. | Perbadanan Pengurusan PPAM Palma | LOT10012 | 11 | 263 |
| 6. | Badan Pengurusan Bersama Dwiputra *Residences* | PT 14123 | 15 | 880 |
| 7. | Badan Pengurusan Bersama *Northern Neighbourhood Commercial Centre* | LOT 192 | 8 | 52 |
| 8. | Badan Pengurusan Bersama Ayer@8 | PT 14139 | 8 | 106 |
| 9. | Badan Pengurusan Bersama Kondominium Saujana Aster | PT 4465 | 11 | 226 |
| 10. | Badan Pengurusan Bersama PR1MA@11 | PT 12164 | 11 | 560 |
| 11. | Badan Pengurusan Bersama GreenPark Business Centre | PT 14079 | 15 | 22 |
| 12. | Badan Pengurusan Bersama Tamara *Residences* | PT 14178 | 8 | 440 |
| 13. | Badan Pengurusan Bersama PPAM Pudina | LOT10005 | 17 | 1504 |

**Senarai Pembangunan Strata yang tidak dapat menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body-JMB) Di Wilayah Persekutuan Putrajaya**

| Bil. | Badan Pengurusan Bersama | No Pt/Lot | Presint | Jumlah Petak |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Sub Commercial Centre 1 | LOT 1728, LOT 1729, LOT 1730 dan LOT 1731 | 9 | 24 |
| 2. | Rumah Bandar Town Villas Danau Ayu | LOT 160 – LOT 207 PT 2505 – PT 2552 | 16 | 48 |

| Kawasan Pemajuan | Kesihatan | Kewangan | Penyenggaraan | Lain-Lain Hal |
|---|---|---|---|---|
| Putra Harmoni, Presint 9 | | | 1. Isu landskap<br>- Pokok liar yang tumbuh pada tembok batu berdekatan dengan premis Nadi Putra telah besar dan dikhuatiri tembok batu tersebut akan jatuh kerana terletak berhampiran dengan blok A1.<br>- Terdapat pokok besar yang akarnya telah merosakkan infrastruktur bangunan dan telah memasuki petak kediaman. | 1. Kenderaan perdagangan diletakkan di bahu jalan - menghalang laluan BOMBA dan ambulans.<br>2. Projek penurapan dan menanda jalan yang tergendala.<br>3. Tiada penyediaan tong sampah di perhentian bas berhadapan dengan blok D. |
| Pangsapuri Putra Damai, Presint 11 | | Memohon bantuan kewangan untuk menurap jalan di tempat letak kereta yang rosak. | TP1M-Permohonan diluluskan oleh KPKT | 1. Isu pendatang tanpa izin<br>2. Penambahan bonggol jalan dan cermin sisi (*blind spot*) |
| Kondominium Saujana Aster, Presint 11 | | | | 1. *Collection of defaulter* |
| Neighbourhood Commercial Centre 1 (NCC1), Presint 9 | | Permohonan sumbangan kewangan untuk penyelenggaraan jalan berlubang dan penurapan garisan jalan di kawasan komersial harta bersama | Pemulangan semula cek deposit bagi penyelenggaraan jalan berlubang dan penurapan garisan jalan di kawasan komersial harta bersama | 1. Isu sempadanan dan rumah sampah |
| Dwiputra Residences, Presint 15 | | | | 1. Memohon menyemak semula reka bentuk plan kondominium yang diluluskan dengan pihak pemaju dan memastikan setiap kondominium disediakan kemudahan ruang memunggah.<br>2. Memohon untuk menyediakan sistem pelupusan sampah secara mesin komposter komersial.<br>3. Memastikan kesemua alat ganti yang dibekalkan adalah berkualiti dan asli serta tenaga buruh yang digunakan adalah daripada pekerja yang mahir. |
| PR1MA, Presint 11 | | | | 1. Perlaksanaan pagar berpalang<br>2. Tribunal - EGM terbatal<br>3. Peletakkan jawatan keseluruhan AJK |

| Kawasan Pemajuan | Kesihatan | Kewangan | Penyenggaraan | Lain-Lain Hal |
|---|---|---|---|---|
| | | | | 4. Penangguhan AGM<br>5. Dalam proses untuk mengendalikan AGM oleh AJK baru yang telah dilantik.<br>6. Penyediaan akaun teraudit bertarikh 1 Mac 2018 sehingga 28 Februari 2019<br>7. Pelaksanaan audit fasiliti.<br>8. Pemberian elaun.<br>9. Pengasingan bil TNB, Surau dan Tadika. |
| Tamara Residences | | | | 1. Penguatkuasaan undang-undang kecil inap desa<br>2. Inap desa dan hostel gagal dilaksanakan.<br>3. Penambahsuaian surau |
| PPAM Pudina, Presint 17 | 1. Kes denggi paling banyak di Putrajaya yang melibatkan 1 kes kematian. | | 1. Isu penduduk enggan membayar MF dan SF | 1. Penyerahan wang deposit pengubahsuaian kepada penduduk.<br>2. Pemasangan tiang di tempat letak kereta pelawat.<br>3. Pelaksanaan EGM - Penambahan undang-undang kecil<br>4. Terdapat keretakan pada dinding dan struktur bangunan termasuklah gelanggang futsal, lantai di setiap aras dan dinding tangki air.<br>5. Ruang letak kereta yang tidak mencukupi dan ruang letak motosikal tidak disediakan di blok B dan H.<br>6. Pemaju ingin mengambil semula deposit TNB bagi 8 meter pemilik, 8 meter penyewa dan 1 meter lampu jalan. |
| PPAM Larai, Presint 6 | | | | 1. Kebocoran lantai. |
| PPAM Palma, Presint 11 | | | | 1. Pondok pengawal jauh dari pintu pagar palang.<br>2. Sewaan bagi tempat letak kereta pelawat<br>3. Kekeliruan pemilik unit terhadap insurans yang diambil oleh JMB.<br>4. Memohon penambahan bonggol jalan |



Gambar: Mesyuarat Pesuruhjaya Bangunan Perbadanan Putrajaya bersama Perbadanan Pengurusan (MC), Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan pemaju pada tahun 2019 di Pulau Pinang



Gambar : Lawatan Pesuruhjaya Bangunan Perbadanan Putrajaya bersama Perbadanan Pengurusan (MC), Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan pemaju di Serina Bay, Pulau Pinang




Gambar: Wakil COB Putrajaya di Majlis Penyerahan Buku Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Perkompaunan Kesalahan) 2019 kepada wakil-wakil Pesuruhjaya Bangunan.



Gambar: Wakil COB di Bengkel Pemurnian SOP Kewangan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) bagi Badan Pengurusan Bangunan Berstrata Bil 2/2019




Gambar: Wakil COB di Bengkel Tindakan Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2019 bersama wakil-wakil COB di KPKT



Gambar: Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Badan Pengurusan Bersama Tamara Residences Presint 8.



Gambar: Lawatan tapak bersama pihak KPKT di Pangsapuri Putra Damai




Gambar: Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Badan Pengurusan Bersama Dwiputra Residences Presint 15.



# PRESTASI ANAK SYARIKAT

# PRESTASI ANAK SYARIKAT

## PUTRAJAYA LEISURES & SERVICES GROUP SDN. BHD.

Perkhidmatan PULSE Group dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan PULSE) tertumpu kepada enam (6) perniagaan teras iaitu:

i. Pengurusan pusat MICE *(Meeting, Incentive, Convention and Exhibition)*;
ii. Pengurusan hotel;
iii. Pengurusan aktiviti sukan dan rekreasi air;
iv. Pengurusan fasiliti, aset dan hartanah;
v. Pengurusan taman dan lanskap serta lain-lain aktiviti yang berkaitan dengannya; dan
vi. Pengurusan outlet F&B dan perkhidmatan katering.

Selain menyelaras aktiviti anak-anak syarikatnya, PULSE Group juga terlibat di dalam beberapa projek seperti berikut:

**a) Pengurusan Lot-Lot Komersil Nadi@15**

PULSE Group menguruskan sebanyak 29 lot komersil milik PPj di Nadi@15, Presint 15. Prestasi kadar kepenghunian (*occupancy rate*) sehingga Disember 2019 ialah 64%, berbanding 23% pada tahun 2018.



*Gambar: Lot Komersil NADI@15*

**b) Pengurusan Tempat Letak Kenderaan**

PULSE Group telah diberikan mandat untuk menguruskan tempat letak kereta di Nadi@15, Lot A (437 lot) dan Lot B (353 lot) 4 tingkat ini menyediakan kemudahan letak kereta harian, letak kereta pas bulanan dan letak kereta tapak khas.




*Gambar : Tempat Letak Kereta Nadi@15*

**c) Projek-Projek Pengurusan Fasiliti**

Berikut ialah projek-projek pengurusan fasiliti yang dilaksanakan oleh PULSE Group sepanjang tahun 2019:

i. Kerja-kerja penyelenggaraan Dusun Taman Warisan Pertanian, Presint 16 Putrajaya.
ii. Kerja-kerja penyelenggaraan lanskap anjung Floria Exhibition Centre dan penyelenggaraan Dusun Taman Warisan Pertanian, Presint 16 Putrajaya.
iii. Perkhidmatan pengurusan, operasi dan penyelenggaraan kerja-kerja M&E, sivil dan landskap di Kuarters Perbadanan Putrajaya, Presint 11 Putrajaya.
iv. Kerja-kerja penyelenggaraan sistem M&E, sivil dan landskap di Kuarters Perbadanan Putrajaya, Presint 11 Putrajaya.
v. Kerja-kerja penyelenggaraan padang bola sepak di Presint 5, Putrajaya.
vi. Kerja-kerja persiapan teknikal Istiadat Mengarak Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke XVI dan Istiadat Sambutan Hari Pahlawan 2019.



*Gambar: Kerja-kerja penyelenggaraan padang bola sepak di Presint 5, Putrajaya*



*Gambar: Penyelenggaraan sistem M&E, sivil dan landskap di Kuarters Perbadanan Putrajaya*

## FASILITI DAN LOGISTIK ACARA

Fasiliti yang diuruskan oleh Kumpulan PULSE telah menjadi tumpuan penganjuran pelbagai acara bertaraf nasional dan antarabangsa.

### Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

**Majlis Pelancaran Pelan Anti Rasuah Nasional 2019 (NACP)**




*Gambar: Perdana Menteri Tun Dr Mahathir merasmikan Majlis Perasmian NACP pada 29 Januari 2019.*

**Drama Festival Kuala Lumpur (DFKL) 2019**




*Gambar: Penyampaian anugerah DFKL 2019 kepada penggiat seni Malaysia pada 7 April 2019.*

**Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2019**




*Gambar: Perasmian Majlis oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 1 Mei 2019.*

**Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2019**




*Gambar: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyampaikan anugerah tokoh Maal Hijrah pada 1 September 2019.*

### Taman Ekuestrian Putrajaya

**Kejohanan Piala Dunia *Fit Touch* ke-9**




*Gambar: Acara anjuran TEP telah diadakan pada 5 Mei 2019 dengan penyertaan dari pelbagai negara.*

**Piala Dunia *Frisbee* 2019**



*Gambar: Acara melibatkan penyertaan dari dalam dan luar negara seperti China, Malaysia dan Australia. 22 dan 23 Jun 2019*

**Kejohanan Ragbi Putrajaya 7's Peringkat Kebangsaan**



*Gambar: Kejohanan ragbi yang disertai oleh pelajar dari sekolah seluruh Malaysia pada 16 November 2019.*

## Cruise Tasik Putrajaya

### Kunjungan Duta Luar Negara



*Gambar: Kunjungan Duta Besar Jepun, Dr. Makio Miyagaya dan delegasi dari Tsukuba University pada 25 Februari 2019*

## Pusat Rekreasi Air

### Pertandingan Memancing Raja Toman



*Gambar: Acara anjuran MPSB telah diadakan pada 30 Mac 2019 dengan penyertaan pemancing dari dalam dan luar Putrajaya*

## Kompleks Sukan Air Putrajaya

### Putrajaya Boat Race 2019




*Gambar: Majlis penyampaian hadiah oleh Perdana Menteri, YAB Tun Mahathir bin Mohamad kepada peserta pada 15 September 2019.*

### 2019 IWWF Waterski World Championship




*Gambar: Acara ini disertai oleh atlit daripada 33 negara pada 13 Ogos 2019.*

### Putrajaya Oxygenation Boat Race 2019




*Gambar: Para peserta yang telah memenangi pertandingan pada 5 Oktober 2019.*

### Malaysia International Aquathlon




*Gambar: Acara ini disertai oleh lebih kurang 1000 atlit professional antarabangsa pada 19 April 2019.*

**Swimon Malaysian Open Water Swim 2019**




*Gambar: Acara renang di Tasik Putrajaya pada 21 April 2019.*

**Pertandingan '*Parcel Drone*'**




*Gambar: Acara anjuran Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia pada 7 dan 8 Mac 2019.*

## DATA PENGUNJUNG

Pada tahun 2019, Kumpulan PULSE telah menerima seramai 790,447 orang pengunjung iaitu kenaikan sebanyak 5% dari tahun sebelumnya sebagaimana ditunjukkan dalam carta berikut:




*Graf: Data pengunjung bagi tahun 2018 dan 2019*

Analisis pengunjung mengikut lokasi pula ditunjukkan dalam carta berikut:




KPWKM



# PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DI AUDIT

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 52, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Putrajaya 1995 (Akta 536).

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Perbadanan Putrajaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Putrajaya 1995 (Akta 536). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan

serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Putrajaya atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Putrajaya 1995 (Akta 536), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 7 dalam penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

a. Sokongan Kewangan Berterusan

Perbadanan Putrajaya mempunyai syarikat subsidiari, iaitu Putrajaya Leisures & Services Group Sdn. Bhd. (PULSE Group) dan empat (4) syarikat sub-subsidiari pada tahun 2019. Bagaimanapun, prestasi syarikat subsidiari dan dua (2) sub-subsidiari adalah kurang memberangsangkan dan merekodkan defisit untuk tempoh tiga (3) tahun berturut-turut. Selain itu, ketiga-tiga syarikat subsidiari dan sub-subsidiari ini juga mengalami liabiliti semasa bersih melebihi aset semasa bersih. Oleh yang demikian, syarikat tersebut memerlukan sokongan kewangan berterusan daripada Perbadanan Putrajaya untuk meneruskan operasi bagi tempoh 12 bulan akan datang. Perbadanan Putrajaya hendaklah membuat pemantauan secara berterusan terhadap prestasi syarikat tersebut supaya dapat menghasilkan keuntungan serta menjana aliran tunai di masa hadapan.

b. Tabung Amanah Landskap

Tabung Amanah Landskap seperti yang dinyatakan di Nota 21 kepada penyata kewangan telah ditubuhkan menggunakan sumber dalaman untuk memudahkan operasi runcit pengurusan landskap. Oleh kerana pengurusan operasi landskap adalah sebahagian daripada aktiviti utama Perbadanan Putrajaya, maka Tabung Amanah Landskap ini perlu dikaji semula dari aspek kewajaran penubuhannya di bawah Seksyen 20 Akta Putrajaya 1995 (Akta 536). Perbadanan Putrajaya juga perlu memastikan aktiviti berkaitan operasi utama Perbadanan Putrajaya hendaklah direkodkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

c. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Perbadanan Putrajaya berdasarkan Akta Putrajaya 1995 (Akta 536) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(KARTINA BINTI ZAMHARI)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
15 DISEMBER 2020

## PENGESAHAN OLEH ANGGOTA PERBADANAN

Kami, Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, dan Dato' Saiful Anuar b. Lebai Hussen, yang merupakan pengerusi dan salah seorang daripada Anggota Perbadanan Putrajaya, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Perbadanan Putrajaya pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Perbadanan,

DATUK DR. AMINUDDIN BIN HASSIM
Pengerusi

DATO' SAIFUL ANUAR B. LEBAI HUSSEN
Anggota Perbadanan

Tarikh : 11 DEC 2020

Putrajaya

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Saya, Nik Shukri bin Nik Soh, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Putrajaya dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama diatas, Nik Shukri bin Nik Soh di WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA pada

11 DEC 2020

.....
(NIK SHUKRI BIN NIK SOH)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No: A-W 447
Nama: ZULIE HAFIZAH BINTI ABD WAHAB
Jabatan: UNDANG-UNDANG PERBADANAN PUTRAJAYA
Tempoh Lantikan: [illegible]

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2019**

| | Nota | KUMPULAN 2019 RM | KUMPULAN 2018 RM DINYATAKAN SEMULA | PERBADANAN PUTRAJAYA 2019 RM | PERBADANAN PUTRAJAYA 2018 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 7,420,153,677 | 3,105,833,989 | 7,407,001,345 | 3,090,811,032 |
| Hartanah Pelaburan | 5 | 857,101,264 | 487,537,822 | 857,101,264 | 487,537,822 |
| Aset Tidak Ketara | 6 | 166,111 | 363,522 | 166,111 | 363,522 |
| Pelaburan di dalam Syarikat Subsidiari | 7 | - | - | 199,999 | 1,719,999 |
| Pelaburan di dalam Syarikat Bersekutu | 8 | - | - | 60,000 | 60,000 |
| Muhibah | 9 | 4,255,123 | 4,963,443 | - | - |
| Pembiayaan Kenderaan | 10 | 1,179,756 | 1,238,299 | 1,179,756 | 1,238,299 |
| Pembiayaan Komputer | 11 | 86,284 | 127,528 | 86,284 | 127,528 |
| Cukai Tertunda | 12 | 4,047 | 4,047 | - | - |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | 8,282,946,262 | 3,600,068,650 | 8,265,794,759 | 3,581,858,202 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Pembiayaan Kenderaan | 10 | 385,263 | 429,245 | 385,263 | 429,245 |
| Pembiayaan Komputer | 11 | 92,229 | 149,576 | 92,229 | 149,576 |
| Stok | 13 | 3,135,459 | 2,707,098 | 660,146 | 626,791 |
| Penghutang | 14 | 6,789,895 | 9,006,225 | 6,789,895 | 9,006,225 |
| Pelbagai Penghutang | 15 | 73,781,739 | 126,921,406 | 81,138,907 | 129,563,106 |
| Bayaran Terdahulu | 16 | 1,661,910 | 2,007,668 | 318,245 | 318,245 |
| Cukai | | 51,115 | 70,815 | - | - |
| Simpanan Tetap | 17 | 500,001,000 | 440,451,867 | 500,000,000 | 440,000,000 |
| Baki Bank Dan Tunai Di Tangan | 18 | 30,905,127 | 25,324,456 | 20,903,958 | 18,646,213 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 616,803,737 | 607,068,356 | 610,288,643 | 598,739,401 |
| **JUMLAH ASET** | | **8,899,749,999** | **4,207,137,006** | **8,876,083,402** | **4,180,597,603** |
| **EKUITI** | | | | | |
| Tabung Pengurusan Tadika MAIWP | 19 | 990,194 | 1,092,013 | 990,194 | 1,092,013 |
| Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya | 20 | 2,133,453 | 2,134,353 | 2,133,453 | 2,134,353 |
| Tabung Amanah Landskap | 21 | 839,005 | 516,948 | 839,005 | 516,948 |
| Tabung Amanah Pendidikan | 22 | 2,000,000 | 2,000,000 | 2,000,000 | 2,000,000 |
| Tabung *Improvement Service Fund* (ISF) | 23 | 8,985,602 | 7,697,850 | 8,985,602 | 7,697,850 |
| Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan | 24 | 4,000,000 | 4,000,000 | 4,000,000 | 4,000,000 |
| Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer | 25 | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 |
| Rizab Penilaian Semula Hartanah | 26 | 5,074,567,592 | 819,510,590 | 5,074,567,592 | 819,510,590 |
| Lebihan Terkumpul | 27 | 796,123,850 | 282,952,883 | 809,688,225 | 296,162,306 |
| **JUMLAH EKUITI** | | **5,890,639,696** | **1,120,904,637** | **5,904,204,071** | **1,134,114,060** |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Sewa Beli | 28 | 39,388 | 78,985 | - | - |
| Manfaat Pekerja | 29 | 6,111,772 | 5,029,709 | 6,111,772 | 5,029,709 |
| Geran Tertunda | 30 | 2,505,729,028 | 2,555,646,214 | 2,505,729,028 | 2,555,646,214 |
| Geran Khas | 31 | 90,718,893 | 84,829,258 | 90,718,893 | 84,829,258 |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 32 | 98,730,695 | 127,715,297 | 98,730,695 | 127,715,297 |
| Cukai Tertunda | 12 | - | 10,612 | - | - |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | 2,701,329,776 | 2,773,310,075 | 2,701,290,388 | 2,773,220,478 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Sewa Beli | 28 | 53,960 | 64,014 | - | - |
| Manfaat Pekerja | 29 | 583,847 | 614,166 | 583,847 | 614,166 |
| Pelbagai Pemiutang | 33 | 282,731,674 | 287,021,866 | 247,319,253 | 250,913,054 |
| Cagaran Diterima | 34 | 18,126,205 | 14,671,535 | 18,126,205 | 14,671,535 |
| Terimaan Terdahulu | 35 | 2,183,659 | 4,876,230 | 2,104,362 | 4,240,613 |
| Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain | 36 | 2,455,276 | 2,823,697 | 2,455,276 | 2,823,697 |
| Dividen | | - | - | - | - |
| Cukai | | 54,202 | - | - | - |
| Bank Overdraf | 55 | 1,591,704 | 2,850,786 | - | - |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 307,780,527 | 312,922,294 | 270,588,943 | 273,263,065 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **3,009,110,303** | **3,086,232,369** | **2,971,879,331** | **3,046,483,543** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **8,899,749,999** | **4,207,137,006** | **8,876,083,402** | **4,180,597,603** |

*Nota-Nota Di Muka 6 Hingga 52 Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini.*

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

| | Nota | KUMPULAN 2019 RM | KUMPULAN 2018 RM DINYATAKAN SEMULA | PERBADANAN PUTRAJAYA 2019 RM | PERBADANAN PUTRAJAYA 2018 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| ***PENDAPATAN*** | | | | | |
| Hasil Dari Operasi Anak Syarikat | 37 | 60,918,851 | 72,109,556 | - | - |
| Geran Hasil | 38 | 171,828,388 | 136,115,384 | 171,828,388 | 136,115,384 |
| Cukai Taksiran | 39 | 51,378,916 | 46,478,076 | 51,378,916 | 46,478,076 |
| Sumbangan Bantu Kadar | 40 | 153,342,422 | 149,615,046 | 153,342,422 | 149,615,046 |
| Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya | 41 | 220,936,140 | 182,724,763 | 220,936,140 | 182,724,763 |
| Geran Khas Projek Kecil | 42 | 14,995,495 | 8,325,115 | 14,995,495 | 8,325,115 |
| Keuntungan Simpanan Tetap/Semasa | 43 | 19,154,134 | 14,714,257 | 19,154,134 | 14,714,257 |
| Keuntungan Pembiayaan Kenderaan/Komputer | 44 | 73,849 | 77,309 | 73,849 | 77,309 |
| Lesen Dan Permit | 45 | 2,739,729 | 2,095,964 | 2,739,729 | 2,095,964 |
| Fi Rancang Dan Proses | 46 | 825,723 | 2,057,962 | 825,723 | 2,057,962 |
| Sewaan | 47 | 14,120,579 | 14,741,966 | 14,120,579 | 14,741,966 |
| Jualan | 48 | 1,394,709 | 405,640 | 1,394,709 | 405,640 |
| Pendapatan Perkhidmatan | 49 | 326,910 | 524,898 | 326,910 | 524,898 |
| Kompaun Dan Denda | 50 | 1,724,270 | 1,781,576 | 1,724,270 | 1,781,576 |
| Sumbangan kepada Perbadanan Putrajaya | 51 | 8,586,139 | 3,439,636 | 8,586,139 | 3,439,636 |
| Lain-Lain Pendapatan | | 385,930,793 | 1,005,990 | 385,930,793 | 1,005,990 |
| Lebihan Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | | 5,103 | - | 5,103 | - |
| JUMLAH PENDAPATAN | | 1,108,282,150 | 636,213,138 | 1,047,363,299 | 564,103,582 |
| ***PERBELANJAAN*** | | | | | |
| Belanja Operasi Anak Syarikat | | 64,033,391 | 78,397,422 | - | - |
| Emolumen Pegawai Dan Pekhidmat | | 69,811,073 | 67,362,791 | 69,811,073 | 67,362,791 |
| Elaun Tetap Anggota | | 291,237 | 162,144 | 291,237 | 162,144 |
| Tuntutan Perjalanan Dan Sara Hidup | | 3,221,390 | 1,682,732 | 3,221,390 | 1,682,732 |
| Pengangkutan | | - | 550 | - | 550 |
| Perhubungan Dan Utiliti | | 12,197,093 | 11,194,320 | 12,197,093 | 11,194,320 |
| Sewaan Peralatan | | 700,170 | 180,735 | 700,170 | 180,735 |
| Alatulis Dan Bekalan Pejabat | | 3,050,486 | 2,339,189 | 3,050,486 | 2,339,189 |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil | | 15,905,165 | 19,574,743 | 15,905,165 | 19,574,743 |
| Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya | 52 | 312,568,135 | 337,396,084 | 317,568,135 | 345,610,705 |
| Promosi Dan Iklan | | 392,989 | 276,103 | 392,989 | 276,103 |
| Perkhidmatan Ikhtisas Dan Hospitaliti | | 36,663,595 | 24,087,522 | 36,663,595 | 24,087,522 |
| Cukai Dan Insuran | | 3,696,271 | 3,214,319 | 3,696,271 | 3,214,319 |
| Susutnilai/Pelunasan atas Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 47,041,761 | 46,760,175 | 43,683,241 | 43,209,997 |
| Susutnilai/Pelunasan atas Hartanah Pelaburan | 5 | 11,458,371 | 11,489,921 | 11,458,371 | 11,489,921 |
| Susutnilai/Pelunasan atas Aset Tidak Ketara | 6 | 197,411 | 1,503,556 | 197,411 | 1,503,556 |
| Aset Tidak Dimodalkan | 53 | 540,186 | 465,201 | 540,186 | 465,201 |
| Pembangunan Sumber Manusia | | 1,916,112 | 2,028,854 | 1,916,112 | 2,028,854 |
| Perbelanjaan Bukan Modal Daripada Aset Dalam Binaan | | 2,328,132 | 100,000 | 2,328,132 | 100,000 |
| Rugi Atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | | - | 5,097,647 | - | 5,097,647 |
| Hapuskira Hartanah Loji dan Peralatan | | 37,415 | 40,949 | 37,415 | 40,949 |
| Lain-Lain Bayaran dan Perbelanjaan | | 8,867,170 | 2,908,056 | 8,867,170 | 2,908,056 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | | 594,917,553 | 616,263,013 | 532,525,642 | 542,530,034 |
| ***LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI & ZAKAT*** | | **513,364,597** | **19,950,125** | **514,837,657** | **21,573,548** |
| *CUKAI* | 54 | 283,590 | 68,331 | - | - |
| *ZAKAT* | | 118,303 | 67,712 | - | - |
| ***LEBIHAN PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN*** | | **512,962,704** | **19,814,082** | **514,837,657** | **21,573,548** |
| ***PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN :*** | | | | | |
| *Item yang tidak diklasifikasikan semula ke untung atau rugi* | | | | | |
| Penilaian Semula Hartanah, Loji dan Peralatan | | 4,371,633,361 | - | 4,371,633,361 | - |
| | | 4,371,633,361 | - | 4,371,633,361 | - |
| ***JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA*** | | **4,884,596,065** | **19,814,082** | **4,886,471,018** | **21,573,548** |

*Nota-Nota Di Muka 6 Hingga 52 Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini.*

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

| KUMPULAN | Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya | Kumpulan Wang Pemblayaan Kenderaan | Kumpulan Wang Pemblayaan Komputer | Rizab Penilaian Semula Hartanah | Tabung Pengurusan Tadika MAIWP | Tabung Amanah Landskap | Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya | Tabung Improvement Service Fund (ISF) | Lebihan Terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Januari 2018** | 2,134,353 | 4,000,000 | 1,000,000 | 657,751,765 | 474,045 | - | - | 6,665,368 | 254,331,351 | **926,356,882** |
| Lebihan Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | - | - | - | - | 19,814,082 | **19,814,082** |
| Tambahan Tabung Pengurusan Tadika MAIWP (Nota 19) | - | - | - | - | 617,968 | - | - | - | - | **617,968** |
| Tambahan Tabung Amanah Landskap (Nota 21) | - | - | - | - | - | 516,948 | - | - | - | **516,948** |
| Tambahan Amanah Pendidikan (Nota 22) | - | - | - | - | - | - | 2,000,000 | - | - | **2,000,000** |
| Tambahan Tabung *Improvement Service Fund (ISF)* (Nota 23) | - | - | - | - | - | - | - | 1,032,482 | - | **1,032,482** |
| Tambahan Rizab Penilaian Semula Hartanah (Nota 26) | - | - | - | 161,758,825 | - | - | - | - | - | **161,758,825** |
| Pelarasan pada Lebihan Terkumpul (Nota 27) | - | - | - | - | - | - | - | - | 9,012,511 | **9,012,511** |
| ***Baki Pada 31 Disember 2018 seperti yang dilaporkan sebelum ini*** | **2,134,353** | **4,000,000** | **1,000,000** | **819,510,590** | **1,092,013** | **516,948** | **2,000,000** | **7,697,850** | **283,157,944** | **1,121,109,698** |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | - | - | - | - | - | - | - | - | (205,061) | |
| ***Baki Pada 31 Disember 2018 seperti yang dinyatakan semula*** | **2,134,353** | **4,000,000** | **1,000,000** | **819,510,590** | **1,092,013** | **516,948** | **2,000,000** | **7,697,850** | **282,952,883** | **1,120,904,637** |
| Lebihan Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | - | - | - | - | 512,962,704 | **512,962,704** |
| Kurangan Tabung Pengurusan Tadika MAIWP (Nota 19) | - | - | - | - | (101,819) | - | - | - | - | **(101,819)** |
| Kurangan Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 20) | (900) | - | - | - | - | - | - | - | - | **(900)** |
| Tambahan Tabung Amanah Landskap (Nota 21) | - | - | - | - | - | 322,057 | - | - | - | **322,057** |
| Tambahan Tabung *Improvement Service Fund (ISF)* (Nota 23) | - | - | - | - | - | - | - | 1,287,752 | - | **1,287,752** |
| Tambahan Rizab Penilaian Semula Hartanah (Nota 26) | - | - | - | 4,255,057,002 | - | - | - | - | - | **4,255,057,002** |
| Pelarasan pada Lebihan Terkumpul (Nota 27) | - | - | - | - | - | - | - | - | 208,263 | **208,263** |
| **Baki Pada 31 Disember 2019** | **2,133,453** | **4,000,000** | **1,000,000** | **5,074,567,592** | **990,194** | **839,005** | **2,000,000** | **8,985,602** | **796,123,850** | **5,890,639,696** |

*Nota-Nota Di Muka 6 Hingga 52 Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini.*

PERBADANAN PUTRAJAYA
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| PERBADANAN | Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya | Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan | Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer | Rizab Penilaian Semula Hartanah | Tabung Pengurusan Tadika MAIWP | Tabung Amanah Landskap | Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya | Tabung Improvement Service Fund (ISF) | Lebihan Terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Januari 2018** | 2,134,353 | 4,000,000 | 1,000,000 | 657,751,765 | 474,045 | - | - | 6,665,368 | 274,116,246 | **946,141,777** |
| Lebihan Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | - | - | - | - | 21,573,548 | **21,573,548** |
| Tambahan Tabung Pengurusan Tadika MAIWP (Nota 19) | - | - | - | - | 617,968 | - | - | - | - | **617,968** |
| Tambahan Tabung Amanah Landskap (Nota 21) | - | - | - | - | - | 516,948 | - | - | - | **516,948** |
| Tambahan Amanah Pendidikan (Nota 22) | - | - | - | - | - | - | 2,000,000 | - | - | **2,000,000** |
| Tambahan Tabung *Improvement Service Fund (ISF)* (Nota 23) | - | - | - | - | - | - | - | 1,032,482 | - | **1,032,482** |
| Lebihan Rizab Penilaian Semula Hartanah (Nota 26) | - | - | - | 161,758,825 | - | - | - | - | - | **161,758,825** |
| Pelarasan pada Lebihan Terkumpul (Nota 27) | - | - | - | - | - | - | - | - | 472,512 | **472,512** |
| **Baki Pada 31 Disember 2018** | **2,134,353** | **4,000,000** | **1,000,000** | **819,510,590** | **1,092,013** | **516,948** | **2,000,000** | **7,697,850** | **296,162,306** | **1,134,114,060** |
| Lebihan Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | - | - | - | - | 514,837,657 | **514,837,657** |
| Kurangan Tabung Pengurusan Tadika MAIWP (Nota 19) | - | - | - | - | (101,819) | - | - | - | - | **(101,819)** |
| Kurangan Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 20) | (900) | - | - | - | - | - | - | - | - | **(900)** |
| Tambahan Tabung Amanah Landskap (Nota 21) | - | - | - | - | - | 322,057 | - | - | - | **322,057** |
| Tambahan Tabung *Improvement Service Fund (ISF)* (Nota 23) | - | - | - | - | - | - | - | 1,287,752 | - | **1,287,752** |
| Lebihan Rizab Penilaian Semula Hartanah (Nota 26) | - | - | - | 4,255,057,002 | - | - | - | - | - | **4,255,057,002** |
| Pelarasan pada Lebihan Terkumpul (Nota 27) | - | - | - | - | - | - | - | - | (1,311,738) | **(1,311,738)** |
| **Baki Pada 31 Disember 2019** | **2,133,453** | **4,000,000** | **1,000,000** | **5,074,567,592** | **990,194** | **839,005** | **2,000,000** | **8,985,602** | **809,688,225** | **5,904,204,071** |

*Nota-Nota Di Muka 6 Hingga 52 Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini.*

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

| | Nota | KUMPULAN 2019 RM | KUMPULAN 2018 RM Dinyatakan semula | PERBADANAN PUTRAJAYA 2019 RM | PERBADANAN PUTRAJAYA 2018 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai | | 513,364,597 | 19,745,064 | 514,837,657 | 21,573,548 |
| **Pelarasan Bagi:** | | | | | |
| Geran Hasil | | (171,828,387) | (136,115,384) | (171,828,387) | (136,115,384) |
| Susutnilai/Pelunasan Atas Hartanah, Loji dan Peralatan | | 47,041,761 | 46,760,175 | 43,683,241 | 43,209,997 |
| Susutnilai/Pelunasan Atas Hartanah Pelaburan | | 11,458,371 | 11,489,921 | 11,458,371 | 11,489,921 |
| Susutnilai/Pelunasan Atas Aset Tak Ketara | | 197,411 | 1,503,556 | 197,411 | 1,503,556 |
| (Keuntungan)/Kerugian Atas Jualan Hartanah, Loji Dan Peralatan | | 1,118,697 | (3,653,431) | 1,118,697 | 5,097,647 |
| Hapuskira Hartanah, Loji Dan Peralatan | | 46,214 | 1,116,009 | 37,414 | 40,949 |
| Pelarasan Hartanah, Loji & Peralatan | | (119,666,196) | (262,718,157) | (119,666,196) | (262,718,157) |
| Penilaian Semula Hartanah, Loji & Peralatan | | (382,197,547) | 161,758,825 | (382,197,547) | 161,758,825 |
| Perbelanjaan Bukan Modal Daripada Aset Dalam Binaan | | 2,328,132 | 100,000 | 2,328,132 | 100,000 |
| Aset Tidak Dimodalkan Daripada Aset Dalam Binaan | | - | 9,000 | - | 9,000 |
| Keuntungan Simpanan Tetap/Semasa | | (19,154,134) | (14,714,257) | (19,154,134) | (14,714,257) |
| Keuntungan Pembiayaan Kenderaan/Komputer | | (73,849) | (77,309) | (73,849) | (77,309) |
| Pelunasan Atas Muhibah | | 708,321 | 708,321 | - | - |
| Rosotnilai Atas Pelaburan Syarikat Subsidiari | | 1,520,000 | - | 1,520,000 | - |
| Belanja Hutang Ragu | | 3,227,691 | 186,569 | 2,734,429 | 78,130 |
| Pemulihan Hutang Ragu | | (9,712) | (116,787) | (9,712) | (116,787) |
| Hapuskira Pelbagai Penghutang | | - | 613,210 | - | 108,725 |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | | 1,945,238 | 3,684,620 | 1,945,238 | 3,684,620 |
| Pelarasan Tabung Pendidikan Putrajaya | | 900 | 472,512 | 900 | 472,512 |
| Pelarasan Tahun Sebelum | | (1,312,638) | - | (1,312,638) | - |
| Kerugian Pendapatan Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja | | (111,285,130) | (169,247,543) | (114,380,973) | (164,614,464) |
| **PERUBAHAN MODAL KERJA:** | | | | | |
| Pengurangan Penghutang | | 2,216,330 | 43,059,375 | 2,216,330 | 43,059,375 |
| Penambahan/(Pengurangan) Pelbagai Penghutang | | 52,649,187 | (57,359,892) | 51,159,002 | (49,951,545) |
| Pengurangan Bayaran Terdahulu | | - | 7,249 | - | 7,249 |
| (Penambahan)/Pengurangan Stok | | (428,361) | 826,298 | (33,355) | 68,097 |
| (Pengurangan)/Penambahan Pelbagai Pemiutang | | (1,239,614) | 83,428,302 | (3,593,801) | 72,905,988 |
| Penambahan Cagaran Diterima | | 3,454,670 | 193,997 | 3,454,670 | 193,997 |
| (Pengurangan) Terimaan Terdahulu | | (3,622,339) | (11,664,229) | (2,136,251) | (11,654,904) |
| (Pengurangan) Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain | | (368,420) | (728,246) | (368,420) | (728,246) |
| (Pengurangan)/Penambahan Tabung Pengurusan Tadika MAIWP | | (101,819) | 617,968 | (101,819) | 617,968 |
| Penambahan Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya | | - | 2,000,000 | - | 2,000,000 |
| Penambahan Tabung Amanah Landskap | | 322,056 | 516,948 | 322,056 | 516,948 |
| Penambahan Tabung *Improvement Service Fund (ISF)* | | 1,287,752 | 1,032,482 | 1,287,752 | 1,032,482 |
| Pengurangan Tabung Pendidikan Putrajaya | | (900) | - | (900) | - |
| Pelarasan Geran Tertunda | | 121,911,201 | 99,931,724 | 121,911,201 | 99,931,724 |
| Tunai (Digunakan)/Dijana Untuk Aktiviti Operasi | | 64,794,613 | (7,385,567) | 59,735,492 | (6,615,331) |
| Keuntungan Simpanan Tetap/Semasa Diterima | | 13,694,615 | 11,092,183 | 13,694,615 | 11,092,183 |
| Bayaran Manfaat Pekerja | | (893,494) | (384,771) | (893,494) | (384,771) |
| Cukai Dibayar | | (220,300) | (264,302) | - | - |
| Zakat Dibayar | | (118,303) | (67,712) | - | - |
| **TUNAI BERSIH DIJANA DALAM AKTIVITI OPERASI** | | **77,257,131** | **2,989,831** | **72,536,613** | **4,092,081** |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan | | (106,471,501) | (3,581,627) | (105,000,000) | (3,194,044) |
| Pembayaran Aset Dalam Binaan | | (1,028,624) | (9,773,861) | (1,028,624) | (9,773,861) |
| Terimaan Penjualan Hartanah, Loji Dan Peralatan | | 118,571,766 | 81,083,019 | 118,569,758 | 81,083,019 |
| Pembelian Saham Syarikat Subsidiari | | - | 99 | - | - |
| Terimaan Penjualan Syarikat Subsidiari | | - | (946,753) | - | - |
| Terimaan Pelupusan Syarikat Subsidiari | | - | 1 | - | - |
| Terimaan Pembiayaan Kenderaan/Komputer | | 790,117 | 655,186 | 790,117 | 655,186 |
| Bayaran Pembiayaan Kenderaan/Komputer | | (589,001) | (684,300) | (589,001) | (684,300) |
| Terimaan Keuntungan Pembiayaan Kenderaan/Komputer | | 73,849 | 77,309 | 73,849 | 77,309 |
| Deposit Yang Dipegang Sebagai Nilai Sekuriti | | 929,767 | (929,767) | - | - |
| **TUNAI BERSIH DIJANA DALAM AKTIVITI PELABURAN** | | **12,276,373** | **65,899,306** | **12,816,099** | **68,163,309** |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Pembayaran Pembiayaan Sewabeli | | (49,651) | (51,169) | - | - |
| Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan | | 34,475,000 | 72,140,250 | 34,475,000 | 72,140,250 |
| Bayaran Geran Kerajaan Persekutuan | | (57,569,967) | (46,498,116) | (57,569,967) | (46,498,116) |
| **TUNAI BERSIH DIJANA/(DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | (23,144,618) | 25,590,965 | (23,094,967) | 25,642,134 |
| Peningkatan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai | | 66,388,886 | 94,480,102 | 62,257,745 | 97,897,524 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan | | 462,925,537 | 368,445,435 | 458,646,213 | 360,748,689 |
| **Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan** | **55** | **529,314,423** | **462,925,537** | **520,903,958** | **458,646,213** |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai diwakili oleh:** | | | | | |
| Simpanan Tetap | **17** | 500,001,000 | 440,451,867 | 500,000,000 | 440,000,000 |
| Baki Bank dan Tunai di Tangan | **18** | 30,905,127 | 25,324,456 | 20,903,958 | 18,646,213 |
| Bank Overdraf | | (1,591,704) | (2,850,786) | - | - |
| | | **529,314,423** | **462,925,537** | **520,903,958** | **458,646,213** |

*Nota-Nota Di Muka 6 Hingga 52 Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini.*

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 1. MAKLUMAT AM

Perbadanan Putrajaya (Perbadanan) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Putrajaya 1995 (Akta 536), berkuat kuasa mulai 1 Mac 1996. Objektif utama Perbadanan ini ialah untuk mentadbir dan mengurus kawasan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Perbadanan Putrajaya telah diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan pejabat operasi utama Perbadanan Putrajaya adalah:

Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana
Presint 3
62675 Putrajaya

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata wang fungsian Perbadanan dan Kumpulan.

Penyata Kewangan Disatukan Perbadanan Putrajaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diluluskan melalui Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya Bil. 5 tahun 2020 yang bersidang pada 30 September 2020.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Penyata kewangan disatukan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS").

*a. Asas Penyediaan*

Penyata Kewangan ini telah disediakan pada asas kos sejarah, kecuali bagi penilaian semula aset dan liabiliti tertentu.

Dasar perakaunan penting yang diguna pakai dinyatakan seperti di bawah.

*b. Asas Penyatuan Akaun*

Penyata kewangan disatukan termasuk Penyata Kewangan Perbadanan dan Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari yang disediakan pada akhir tempoh perakaunan. Syarikat Subsidiari merujuk kepada syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal polisi kewangan dan pengurusan bagi mendapatkan faedah daripada aktiviti syarikat subsidiari. Syarikat Subsidiari disatukan dari tarikh pemindahan kawalan kepada Kumpulan dan tidak lagi bersatu dari tarikh tamat kawalan tersebut. Penyatuan akaun ini adalah sebagaimana peruntukan Seksyen 9 MPERS.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari diambilkira dalam penyata kewangan berasingan Perbadanan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Subsidiari-subsidiari disatukan mengikut kaedah perakaunan pemerolehan. Di bawah kaedah pemerolehan, keputusan syarikat subsidiari yang diperolehi atau dijual dalam tahun kewangan dari tarikh pemerolehan sehingga tarikh penjualan diambilkira dalam penyatuan kewangan. Pada tarikh pemerolehan, nilai saksama bagi aset bersih syarikat subsidiari ditentukan dan nilai ini dinyatakan dalam Penyata Kewangan Disatukan. Semua urusniaga antara Kumpulan, baki-baki, keuntungan dan kerugian yang belum direalisasi daripada urusniaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

*b. Asas Penyatuan Akaun (Sambungan)*

*i. Syarikat Subsidiari*

Syarikat Subsidiri ialah syarikat yang dimiliki dengan kepentingan jangka panjang melebihi 50 peratus dan dimana terdapatnya penglibatan pihak pengurusan melalui Lembaga Pengarah.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari adalah dinyatakan pada kos. Sekiranya wujud tanda-tanda kemerosotan pada nilai pelaburan, nilai dibawa anak syarikat akan dinilai dan dinyatakan pada nilai dijangka dapat diperolehi.

*ii. Syarikat Bersekutu*

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Syarikat mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20 peratus hingga 50 peratus dalam modal ekuiti dan di mana Syarikat mempunyai pengaruh penting, termasuk perwakilan dalam Lembaga Pengarah, ke atas dasar kewangan dan kendalian syarikat itu.

Pelaburan ke atas syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos. Sekiranya wujud tanda-tanda kemerosotan pada nilai pelaburan, nilai dibawa syarikat bersekutu akan dinilai dan dinyatakan pada nilai dijangka dapat diperolehi.

*c. Hartanah, Loji dan Peralatan*

Tanah-tanah milik kekal Perbadanan dinyatakan pada kos dan tiada pelunasan dibuat bagi tanah pegangan milik kekal Perbadanan. Polisi ini dikekalkan dengan pindaan penilaian semula tanah dilakukan sekali dalam tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun kewangan 2011 selaras dengan keputusan Mesyuarat Anggota Bil. 3 Tahun 2010.

Peningkatan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk rizab penilaian semula hartanah, kecuali apabila peningkatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian setakat yang ia membalikkan pengurangan penilaian semula aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Pengurangan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila penurunan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain setakat mana baki kredit yang sedia ada dalam rizab penilaian semula hartanah berkenaan dengan aset itu. Penurunan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain mengurangkan amaun yang terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk rizab penilaian semula hartanah.

Tanah yang diambil dengan biayaan Kumpulan Wang Pembangunan dan hak milik tanah berkenaan adalah atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah tidak dimodalkan sebagai harta Perbadanan.

Tanah-tanah yang dipajakkan kepada Perbadanan dinyatakan pada kos dan dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

*c. Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)*

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul, dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Mesyuarat Anggota Bil 2 Tahun 2015 telah meluluskan perolehan bernilai RM5,000 dan ke atas seunit diambilkira sebagai aset/harta modal dan dikenakan susutnilai ke atasnya dan aset yang bernilai RM500 ke RM4,999 seunit adalah tidak dipermodalkan. Sementara aset yang tamat tempoh hayatnya, dinilai sebagai RM1.

Susutnilai dan pelunasan bagi hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut garis lurus untuk melupuskan kos, berasaskan tempoh hayat kegunaannya. Tempoh usiaguna susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| Tanah Pajakan | : | Dilunas Mengikut Tempoh Pajakan |
| Bangunan Sementara | : | 10 tahun |
| Bangunan | : | 50 tahun |
| Loji Dan Jentera | : | 5 tahun |
| Peralatan | : | 5 tahun |
| Perabot Dan Kelengkapan | : | 10 tahun |
| Kenderaan | : | 5 tahun |
| Komputer | : | 5 tahun |
| Buku | : | 10 tahun |
| Infrastruktur | : | 25 tahun |
| Haiwan Dan Hidupan | : | 15 tahun |

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Tiada susutnilai bagi aset yang dipermodalkan dibawah kelas Taman dan Tasik dan Wetland.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat kegunaan atau corak kegunaannya aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

*d. Aset Dalam Binaan*

Aset Dalam Binaan adalah kos-kos yang dibelanjakan bagi pembangunan projek-projek dan akan dipermodalkan kepada kelas aset yang sewajarnya mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (*Certificate Of Practical Completion*) dikeluarkan atau tarikh siap kerja dilunaskan. Bagi perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila penilaian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

Tiada susutnilai dikenakan ke atas Aset Dalam Binaan.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

*e. Hartanah Pelaburan*

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah-tanah dan bangunan yang dipegang untuk tujuan sewaan atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya diukur pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul, dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan diukur mengikut Seksyen 17 MPERS Hartanah, loji dan peralatan. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

*f. Aset Tidak Ketara*

Aset Tidak Ketara yang dibeli atau dibangunkan oleh pihak luar yang dilantik diiktiraf jika aset tersebut dikenalpasti dan ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dijangka mengalir kepada PPj dan kos tersebut boleh diukur dengan pasti.

Aset tidak ketara yang terdiri daripada perisian dengan hayat boleh guna selama 5 hingga 10 tahun dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul, jika ada.

*g. Muhibah*

Muhibah yang diambilalih dalam penggabungan perniagaan, yang merupakan lebihan kos penggabungan perniagaan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang boleh dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf, pada mulanya diukur pada kos dan diiktiraf sebagai aset. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Pelunasan muhibah dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus ke atas jangka hayat bergunanya. Tempoh jangkaan hayat berguna muhibah ialah 10 tahun, berdasarkan kepada anggaran terbaik pihak pengurusan.

Bagi tujuan ujian rosotnilai, muhibah diperuntukan, pada tarikh pengambilalihan, kepada setiap unit penjanaan tunai Kumpulan yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi gabungan, tidak kira sama ada aset atau liabiliti lain syarikat yang diambilalih ditempatkan kepada unit-unit tersebut.

Unit penjanaan tunai di mana muhibah telah diperuntukan diuji untuk rosotnilai setiap tahun, dan apabila terdapat tanda bahawa unit mungkin mengalami rosotnilai, dengan membandingkan amaun bawaan unit, termasuk muhibah, dengan amaun boleh pulih unit. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi unit penjanaan tunai apabila amaun boleh pulih unit kurang daripada amaun bawaan unit.

Sebarang kerugian rosotnilai yang diiktiraf diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan bagi sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain bagi unit *pro rata* berdasarkan asas amaun bawaan bagi setiap aset yang terpakai dalam unit. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf untuk muhibah tidak ditimbal semula pada tempoh kemudiannya.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

*h. Rosotnilai Aset, Selain Daripada Muhibah, Stok dan Aset Kewangan*

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Perbadanan mengkaji aset-aset untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset-aset tersebut mengalami penurunan nilai. Sekiranya terdapat tanda sedemikian, penurunan nilai diukur dengan membandingkan nilai aset yang ada dengan jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih dan nilai dalam kegunaan yang diukur melalui rujukan kepada ramalan aliran tunai berdiskaun.

Sebarang penurunan nilai dikira pada penyata pendapatan komprehensif dengan serta-merta, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah yang dinilai semula. Sebarang penurunan aset yang dinilai semula dilayan sebagai penurunan nilai sehingga ke tahap jika terdapat pengiktirafan lebihan penilaian untuk aset yang sama. Penurunan nilai yang sebaliknya, yang diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya direkodkan apabila terdapat petunjuk bahawa penurunan nilai untuk aset tersebut tidak lagi wujud atau telah berkurangan.

*i. Stok*

Stok adalah diukurkan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk penyiapan dan jualan. Kos stok terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang dilibatkan dalam membawa stok ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos stok diukur dengan menggunakan kaedah Kos Purata Wajaran.

Pada setiap tarikh pelaporan, stok dinilai untuk rosotnilai. Jika sesuatu item stok dirosotnilai, amaun bawaan dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk penyiapan dan jualan; kerugian rosotnilai diiktiraf dengan serta merta dalam keuntungan atau kerugian. Pada setiap tarikh pelaporan kemudian, Kumpulan dan Perbadanan membuat penilaian baru harga jualan ditolak kos untuk penyiapan dan jualan. Jika terdapat sebarang tanda bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya mungkin tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas peningkatan dalam harga jualan ditolak kos untuk penyiapan dan jualan disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosotnilai dibalikkan setakat di mana amaun bawaan baru adalah lebih rendah antara kos dan harga jualan yang disemak semula ditolak kos untuk penyiapan dan jualan.

*j. Instrumen Kewangan*

(i) Pengiktirafan Awal

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu entiti dan instrumen kewangan liabiliti atau ekuiti bagi entiti yang lain. Instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan permulaan, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga transaksi, termasuk kos urusniaga jika instrumen kewangan tersebut tidak diukur pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan Komprehensif, kos urusniaga dicajkan kepada Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ia berlaku.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

*j. Instrumen Kewangan (Sambungan)*

Bagi instrumen kewangan yang membentuk transaksi pembiayaan, instrumen kewangan itu diukur pada nilai terkini seperti pembayaran pada masa akan datang yang didiskaunkan pada kadar pasaran bagi faedah instrumen hutang yang sama.

(ii) Pengukuran Berikutnya

Keuntungan dan Kerugian

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif:

(a) pulangan kepada pemegang adalah tetap atau boleh ditentukan;
(b) tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
(c) pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tiada syarat, dan pelaburan dalam saham tidak boleh tukar dan saham keutamaan yang tiada syarat boleh diukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinilaikan pada kos yang dilunaskan atau kos tolak rosot nilai akan dinilai pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(iii) Kemerosotan Aset Kewangan

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan Komprehensif, semua aset kewangan lain adalah tertakluk kepada semakan rosot nilai.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Perbadanan akan memeriksa sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah menunjukkan satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ia berlaku.

Kerugian rosot nilai bagi instrumen yang diukur pada kos yang dilunaskan dinilai daripada perbezaan di antara amaun aset yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar efektif asal aset. Jumlah aset yang dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

*j. Instrumen Kewangan (Sambungan)*

(iii) Kemerosotan Aset Kewangan (*Sambungan*)

Kerugian kemerosotan berkaitan dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dinyatakan pada kos tolak rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun aset kewangan yang dibawa dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima oleh entiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Jika dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kerugian rosot nilai dibalikkan, sehingga ke tahap di mana amaun aset yang dibawa tidak melebihi amaun dibawa jika penjejasan nilai tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan nilai diterbalikkan. Amaun pembalikan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(iv) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Perbadanan telah memindahkan sebahagian risiko dan ganjaran pemilikan.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila ia dipadamkan, iaitu apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Satu pengubahsuaian yang besar dalam tempoh liabiliti kewangan yang sedia ada dianggap sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu. Sebarang perbezaan di antara nilai liabiliti kewangan yang dibawa dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan cukup dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang ditanggung, diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

*k. Pembiayaan Kenderaan Dan Pembiayaan Komputer*

Pembiayaan bagi tujuan pembelian kenderaan atau pembiayaan komputer kepada kakitangan yang layak adalah berdasarkan kepada kadar 4% dan pengiraan berasaskan baki berkurangan.

*l. Peruntukan Hutang Ragu*

Penghutang yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan dalam tempoh setahun diambilkira sebagai peruntukan hutang ragu. Mana-mana hutang yang tiada pergerakan dalam tempoh tiga (3) tahun adalah dihapuskira.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

*l. Peruntukan Hutang Ragu (Sambungan)*

Peruntukan hutang ragu bagi penghutang cukai taksiran adalah berdasarkan kadar seperti berikut :

| Aktif | | | | Tidak Aktif |
|---|---|---|---|---|
| Kurang setahun | 1 – 3 tahun | 3-6 tahun | Melebihi 6 tahun | |
| 0% | 0% | 0% | 0% | 100% |

Penghutang berstatus aktif adalah penghutang yang mempunyai pegangan mutlak ke atas harta yang dikenakan cukai taksiran manakala penghutang tidak aktif merujuk kepada penghutang yang hilang pegangan mutlak ke atas harta yang dikenakan cukai taksiran.

*m. Tunai Dan Kesetaraan Tunai*

Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai di tangan, baki bank dalam akaun semasa dan baki simpanan tetap.

*n. Peruntukan Liabiliti*

Peruntukan liabiliti dibuat apabila Kumpulan dan Perbadanan mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber akan diiktirafkan untuk menjelaskan obligasi, dan apabila anggaran yang boleh diyakini boleh dianggarkan bagi amaun tersebut.

Peruntukan tersebut akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan dilaraskan bagi menunjukkan anggaran semasa yang tepat.

*o. Pengiktirafan Pendapatan*

Pendapatan cukai taksiran, sumbangan bantu kadar, sewaan, keuntungan simpanan tetap/semasa, keuntungan pinjaman/pembiayaan kenderaan/komputer, jualan dan pendapatan perkhidmatan diambilkira berdasarkan asas akruan.

Manakala pendapatan lesen dan permit, fi rancang dan proses, kompaun dan denda diambilkira berdasarkan asas tunai.

*p. Geran Kerajaan*

Pemberian daripada kerajaan bagi maksud belanja kendalian termasuk Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya adalah diambilkira sebagai pendapatan dalam tahun berkenaan untuk memadankan pemberian tersebut secara sistematik dengan belanja kendalian yang perlu ditanggung.

Manakala pemberian bagi tujuan pembelian harta modal dan kegunaan di masa hadapan adalah dianggap sebagai geran tertunda. Geran yang menyumbang pampasan kepada Perbadanan untuk kos aset dikenalpasti sebagai geran hasil dalam jangka hayat berguna aset tersebut.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

*p. Geran Kerajaan (Sambungan)*

Kumpulan Wang Pembangunan merujuk kepada wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan perlaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia jangka panjang. Projek yang akan diserahkan kepada Perbadanan kelak akan di kenalpasti sebagai Aset Dalam Binaan dan pendapatan tertunda.

Geran Khas merupakan wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud tertentu yang diambilkira sebagai pendapatan tertunda.

Persembahan, pendedahan dan pengolahan perakaunan bagi mengambilkira Geran Tertunda, Geran Khas dan Kumpulan Wang Pembangunan adalah berasaskan Seksyen 24 MPERS.

*q. Manfaat Pekerja*

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat berkaitan diberi oleh kakitangan. Perbadanan juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat dan saguhati penghargaan persaraan bagi pekhidmat tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekhidmat kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Saguhati penghargaan persaraan adalah bernilai RM5,000 setiap seorang dalam bentuk pakej pelancongan yang diberikan kepada pesara Kumpulan dan Perbadanan yang telah berkhidmat dengan Kumpulan dan Perbadanan sekurang-kurangnya 15 tahun.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Menurut keperluan undang-undang, Kumpulan dan Perbadanan menyumbang kepada Skim Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif, apabila dibelanjakan.

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Berdasarkan keperluan Seksyen 28, MPERS – Manfaat Pekerja, yang mana bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif sebagai perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang (Sambungan)

Manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekhidmat yang telah mencapai umur persaraan wajib dengan andaian seorang pekhidmat layak mengumpul cuti tahunan sehingga maksima 150 hari semasa ianya bersara. Saguhati penghargaan persaraan adalah bernilai RM5,000 setiap seorang dalam bentuk pakej pelancongan yang diberikan kepada pesara Kumpulan dan Perbadanan yang telah berkhidmat dengan Kumpulan dan Perbadanan sekurang-kurangnya 15 tahun.

*r. Cukai Pendapatan*

Tiada peruntukan telah dibuat bagi cukai pendapatan kerana Perbadanan telah mendapat pengecualian cukai pendapatan daripada Kementerian Kewangan seperti yang dinyatakan di Para 6, Bahagian 1, Jadual 6 di bawah Seksyen 127(1) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Perbelanjaan cukai syarikat subsidiari diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak terbayar.

Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila syarikat subsidiari mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Cukai tertunda diperuntukan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

*r. Cukai Pendapatan (Sambungan)*

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara syarikat subsidiari menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

*s. Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya*

Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya adalah tabung pendidikan yang ditubuhkan bagi membiayai kos-kos latihan pekhidmat yang diluluskan oleh Anggota Perbadanan.

Dana tabung pendidikan ini dibiayai sepenuhnya oleh sumber dalaman Perbadanan. Penubuhan tabung pendidikan ini tidak terikat di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkannya di dalam Akaun Amanah Disatukan.

Akaun tabung pendidikan ini ditunjukkan sebagai item Penyata Kedudukan Kewangan agar pihak pengurusan dapat terus memantau jumlah yang telah digunakan, baki tabung dan seterusnya memastikan pada setiap masa ianya tidak terlebih keluar atau berbaki debit.

*t. Tabung Amanah Landskap (TAL) dan Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya (TAPP)*

Mesyuarat Anggota PPj Bilangan 3 Tahun 2017 telah meluluskan penubuhan Tabung Amanah Perbadanan Putrajaya yang diwujudkan bagi tujuan tertentu selaras dengan Seksyen 20 Akta Perbadanan Putrajaya. Objektif penubuhan Tabung Amanah secara amnya adalah untuk:-

i. Memperakaunkan perbelanjaan dan terimaan yang dibenarkan dan diamanahkan kepada Bahagian/Jabatan yang bertanggungjawab;

ii. Menampung segala perbelanjaan yang dibenarkan di bawah Tabung Amanah, bagi memastikan kos perbelanjaan yang dilakukan oleh Pengurusan Tabung Amanah dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan; dan

iii. Meningkatkan kecekapan pengoperasian Jabatan/Bahagian ke arah memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

*t. Tabung Amanah Landskap (TAL) dan Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya (TAPP) (sambungan)*

Tabung Amanah Landskap dan Taman (TAL) ditubuhkan dan diuruskan oleh Jabatan Landskap dan Taman yang bertujuan untuk:-

i. Mengakaunkan hasil dan perbelanjaan yang dibenarkan;

ii. Meningkatkan kecekapan pengoperasian taman ke arah memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan; dan

iii. Untuk membiayai pengoperasian dan perkhidmatan di taman.

Manakala Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya (TAPP) pula ditubuhkan dan diuruskan oleh Jabatan Perancangan Bandar. Tujuan penubuhan TAPP adalah bagi tujuan kutipan dana atau sumbangan bagi Pembangunan, Pengurusan, Pengoperasian, Penyelenggaraan dan lain-lain perbelanjaan bagi Pusat Tahfiz Putrajaya, Presint 18, Putrajaya.

## 3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Kumpulan dan Perbadanan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luar jangka dan liabiliti, di mana berkenaan. Di samping itu, Kumpulan dan Perbadanan juga perlu membuat pertimbangan dalam proses menggunapakai dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan pengetahuan terbaik, peristiwa-peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

*a. Rosotnilai Aset Bukan Kewangan*

Apabila amaun bolehpulih aset ditentukan berdasarkan anggaran nilai dalam kegunaan bagi setiap unit janaan tunai yang mana aset diagihkan, Kumpulan dan Perbadanan adalah diperlukan untuk membuat anggaran aliran tunai masa depan dijangka daripada unit janaan tunai dan juga untuk menggunakan kadar diskaun yang sesuai untuk menentukan nilai kini aliran tunai tersebut.

*b. Penurunan Bagi Stok*

Semakan akan dibuat dari semasa ke semasa oleh Kumpulan dan Perbadanan mengenai stok rosak, usang dan bergerak perlahan. Kajian tersebut memerlukan pertimbangan dan anggaran. Kemungkinan perubahan dalam anggaran ini boleh mengakibatkan pindaan kepada penilaian stok.

*c. Rosot Nilai Dagangan dan Lain-lain Terimaan*

Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan adalah terjejas. Sekiranya terdapat bukti objektif rosot nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian bagi aset dengan ciri risiko kredit yang serupa. Jika jangkaan berbeza dari anggaran, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai dibawa belum terima.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

*d. Anggaran Nilai Saksama Bagi Aset Kewangan dan Liabiliti Tertentu*

Kumpulan dan Perbadanan merekod sesetengah aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama, yang memerlukan penggunaan anggaran perakaunan dan pertimbangan yang luas. Manakala komponen penting pengukuran nilai saksama ditentukan menggunakan bukti objektif yang boleh disahkan, jumlah perubahan dalam nilai saksama adalah berbeza jika Kumpulan dan Perbadanan menggunakan kaedah penilaian yang berbeza. Sebarang perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti tersebut akan menjejaskan kedudukan kewangan dan hasil Kumpulan dan Perbadanan.

*e. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan*

Kos bagi hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus atau kaedah sistematik lain yang menggambarkan penggunaan manfaat ekonomi aset berbanding jangka hayat. Anggaran adalah digunakan di dalam pemilihan kaedah susutnilai yang digunakan, jangka hayat dan nilai baki sesuatu aset. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini boleh membawa kesan yang signifikan kepada kedudukan kewangan dan hasil Kumpulan dan Perbadanan.

*f. Pengukuran Peruntukan*

Kumpulan dan Perbadanan menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pihak pengurusan menilai anggaran berdasarkan kepada sejarah dan input atau andaian lain, perkembangan semasa dan peristiwa akan datang yang munasabah dalam keadaan tertentu. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini boleh membawa kesan yang signifikan kepada kedudukan kewangan dan hasil Kumpulan dan Perbadanan.

*g. Pengukuran Nilai Saksama*

Kumpulan dan Perbadanan membuat penilaian semula Hartanah, Loji dan Peralatan dan Haratanah Pelaburan pada nilai saksama dengan menggunakan penilai bebas luaran untuk menentukan nilai saksama. Nilai saksama bagi Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf pada Rizab penilaian semula manakala nilai saksama bagi Hartanah Pelaburan diiktiraf pada Penyata Pendapatan Komprehensif. Penilai professional bebas membuat penilaian dengan menentukan jangka hayat hartanah dalam proses penilaian hartanah. Nilai dibawa Hartanah, loji dan peralatan pada tarikh pelaporan dinyatakan di Nota 4 manakala nilai dibawa Hartanah Pelaburan pada Tarikh pelaporan dinyatakan di Nota 5 pada penyata kewangan ini.

# PERBADANAN PUTRAJAYA
## (Diperbadankan di Malaysia)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

**KUMPULAN**

**2019**

| | Pada 01.01.2019 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelarasan | Penilaian Semula | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2019 | Pada 01.01.2019 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelarasan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2019 | Pada 31.12.2019 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | **766,183,974** | 105,001,500 | - | 4,295,851,386 | (119,725,860) | - | - | **5,047,311,000** | **-** | - | - | - | - | **-** | 5,047,311,000 |
| Tanah - Pajakan | **52,671,727** | - | - | 75,781,975 | - | - | - | **128,453,702** | **4,661,696** | - | 602,006 | - | - | **5,263,702** | 123,190,000 |
| Bangunan Sementara | **29,329,545** | 1,400,519 | - | - | - | - | - | **30,730,064** | **22,653,541** | - | 903,996 | - | - | **23,557,537** | 7,172,527 |
| Bangunan | **916,326,379** | - | - | - | - | 7,800,552 | - | **924,126,931** | **231,932,036** | 53,561 | 18,352,207 | - | - | **250,337,804** | 673,789,127 |
| Taman | **539,527,735** | - | - | - | - | - | - | **539,527,735** | **-** | - | - | - | - | **-** | 539,527,735 |
| Infrastruktur | **502,483,731** | - | - | - | - | - | - | **502,483,731** | **240,929,588** | - | 20,099,350 | - | - | **261,028,938** | 241,454,793 |
| Tasik & Wetland | **758,542,899** | - | - | - | - | - | - | **758,542,899** | **-** | - | - | - | - | **-** | 758,542,899 |
| Loji & Jentera | **11,549,986** | 18,655 | - | - | - | 1,940,000 | - | **13,508,641** | **7,394,713** | - | 1,560,991 | - | - | **8,955,704** | 4,552,937 |
| Peralatan | **71,975,957** | 77,312 | (293,949) | - | (65,514) | 10,100,568 | - | **81,794,374** | **69,111,771** | 775,838 | 1,657,010 | (142,595) | (65,492) | **71,336,532** | 10,457,842 |
| Perabot & Kelengkapan | **68,044,354** | 28,795 | 293,949 | - | (7,391) | 313,605 | - | **68,673,312** | **63,824,670** | - | 1,241,923 | 142,595 | (5,380) | **65,203,808** | 3,469,504 |
| Kenderaan | **54,018,787** | 1,815,339 | - | - | (124,000) | - | - | **55,710,126** | **49,456,898** | - | 1,911,236 | - | (123,967) | **51,244,167** | 4,465,959 |
| Buku | **1,006,262** | - | - | - | - | - | - | **1,006,262** | **891,556** | - | 47,464 | - | - | **939,020** | 67,242 |
| Komputer | **141,410,404** | 14,724 | - | - | (12,548) | 1,316,835 | - | **142,729,415** | **139,920,791** | 180,243 | 494,309 | - | (12,547) | **140,582,796** | 2,146,619 |
| Aset Hidupan | **2,066,311** | 527,870 | - | - | (11,000) | - | - | **2,583,181** | **791,286** | - | 171,269 | - | (2,200) | **960,355** | 1,622,826 |
| Aset Dalam Binaan | **22,291,684** | 1,028,624 | - | - | - | (24,132,626) | 3,194,985 | **2,382,667** | **-** | - | - | - | - | **-** | 2,382,667 |
| | **3,937,429,735** | **109,913,338** | **-** | **4,371,633,361** | **(119,946,313)** | **(2,661,066)** | **3,194,985** | **8,299,564,040** | **831,568,546** | **1,009,642** | **47,041,761** | **-** | **(209,586)** | **879,410,363** | **7,420,153,677** |

**2018**

| | Pada 01.01.2018 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelarasan | Penilaian Semula | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 01.01.2018 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelarasan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | **604,425,564** | - | - | 247,875,930 | (86,117,520) | - | - | **766,183,974** | **-** | - | - | - | - | **-** | 766,183,974 |
| Tanah - Pajakan | **52,671,727** | - | - | - | - | - | - | **52,671,727** | **4,059,670** | - | 602,027 | - | - | **4,661,696** | 48,010,031 |
| Bangunan Sementara | **28,985,280** | 237,885 | - | - | (173,128) | 279,510 | - | **29,329,547** | **21,722,313** | 64,126 | 867,103 | - | - | **22,653,542** | 6,676,005 |
| Bangunan | **916,837,738** | 600,555 | - | - | - | (1,111,914) | - | **916,326,379** | **213,775,635** | (186,831) | 18,343,232 | - | - | **231,932,036** | 684,394,343 |
| Taman | **528,894,137** | 922,361 | - | - | - | 9,711,237 | - | **539,527,735** | **-** | - | - | - | - | **-** | 539,527,735 |
| Infrastruktur | **489,568,700** | 83,130 | - | - | - | 12,831,901 | - | **502,483,731** | **216,333,062** | 4,878,750 | 19,717,776 | - | - | **240,929,588** | 261,554,143 |
| Tasik & Wetland | **758,542,899** | - | - | - | - | - | - | **758,542,899** | **-** | - | - | - | - | **-** | 758,542,899 |
| Loji & Jentera | **11,461,104** | 88,882 | - | - | - | - | - | **11,549,986** | **5,973,135** | - | 1,421,578 | - | - | **7,394,713** | 4,155,273 |
| Peralatan | **76,864,982** | 459,226 | - | - | (5,348,250) | - | - | **71,975,957** | **72,923,194** | - | 1,474,222 | - | (5,285,646) | **69,111,771** | 2,864,186 |
| Perabot & Kelengkapan | **68,598,933** | 52,676 | - | - | (607,254) | - | - | **68,044,354** | **62,559,289** | - | 1,699,306 | - | (433,926) | **63,824,670** | 4,219,684 |
| Kenderaan | **72,284,608** | 2,132,881 | - | - | (20,398,701) | - | - | **54,018,788** | **67,598,958** | 59,121 | 2,095,103 | - | (20,296,283) | **49,456,899** | 4,561,889 |
| Buku | **1,006,262** | - | - | - | - | - | - | **1,006,262** | **835,176** | - | 56,380 | - | - | **891,556** | 114,706 |
| Komputer | **142,931,003** | 78,162 | - | - | (2,948,267) | 1,057,693 | - | **141,118,591** | **142,208,259** | - | 341,594 | - | (2,920,874) | **139,628,979** | 1,489,612 |
| Aset Hidupan | **2,032,311** | - | - | - | - | - | - | **2,032,311** | **-** | 642,632 | 141,854 | - | - | **784,486** | 1,247,825 |
| Aset Dalam Binaan | **17,004,560** | 9,773,861 | - | - | (901,932) | (22,791,727) | 19,206,922 | **22,291,684** | **-** | - | - | - | - | **-** | 22,291,684 |
| | **3,772,109,808** | **14,429,619** | **-** | **247,875,930** | **(116,495,052)** | **(23,300)** | **19,206,922** | **3,937,103,925** | **807,988,691** | **5,457,798** | **46,760,175** | **-** | **(28,936,729)** | **831,269,936** | **3,105,833,989** |

Nota: • Termasuk di dalam Hartanah, Loji dan Peralatan Kumpulan adalah kenderaan yang telah dibiayai berdasarkan perjanjian sewa beli

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

**PERBADANAN PUTRAJAYA**

**2019**

| | KOS | | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2019 | Tambahan/ (Pengurangan) | Penilaian Semula | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2019 | Pada 01.01.2019 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2019 | Pada 31.12.2019 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | **766,183,974** | 105,001,500 | 4,295,851,386 | (119,725,860) | - | - | **5,047,311,000** | **-** | - | - | - | **-** | 5,047,311,000 |
| Tanah - Pajakan | **52,671,727** | - | 75,781,975 | - | - | - | **128,453,702** | **4,661,696** | - | 602,006 | - | **5,263,702** | 123,190,000 |
| Bangunan Sementara | **21,016,131** | - | - | - | - | - | **21,016,131** | **20,523,426** | - | 95,265 | - | **20,618,691** | 397,440 |
| Bangunan | **916,326,379** | - | - | - | 7,800,552 | - | **924,126,931** | **231,932,036** | 53,561 | 18,352,207 | - | **250,337,804** | 673,789,127 |
| Taman | **539,527,735** | - | - | - | - | - | **539,527,735** | **-** | - | - | - | **-** | 539,527,735 |
| Infrastruktur | **502,483,731** | - | - | - | - | - | **502,483,731** | **240,929,588** | - | 20,099,350 | - | **261,028,938** | 241,454,793 |
| Tasik & Wetland | **758,542,899** | - | - | - | - | - | **758,542,899** | **-** | - | - | - | **-** | 758,542,899 |
| Loji & Jentera | **4,396,388** | - | - | - | 1,940,000 | - | **6,336,388** | **4,396,364** | | 129,333 | - | **4,525,697** | 1,810,691 |
| Peralatan | **67,205,999** | 70,812 | - | (65,514) | 10,100,568 | - | **77,311,865** | **66,210,513** | 775,838 | 917,506 | (65,492) | **67,838,365** | 9,473,500 |
| Perabot & Kelengkapan | **66,765,559** | 26,600 | - | (5,383) | 313,605 | - | **67,100,381** | **63,410,504** | - | 1,114,332 | (5,380) | **64,519,456** | 2,580,925 |
| Kenderaan | **53,215,869** | 1,815,339 | - | (124,000) | - | - | **54,907,208** | **48,910,968** | - | 1,799,844 | (123,967) | **50,586,845** | 4,320,363 |
| Buku | **1,006,262** | - | - | - | - | - | **1,006,262** | **891,556** | - | 47,464 | - | **939,020** | 67,242 |
| Komputer | **140,420,450** | - | - | (12,548) | 1,316,835 | - | **141,724,737** | **139,258,132** | 180,243 | 378,953 | (12,547) | **139,804,781** | 1,919,956 |
| Aset Hidupan | **1,996,811** | 498,960 | - | - | - | - | **2,495,771** | **775,753** | - | 146,981 | - | **922,734** | 1,573,037 |
| Aset Dalam Binaan | **20,951,654** | 1,028,624 | - | - | (24,132,626) | 3,194,985.00 | **1,042,637** | **-** | - | - | - | **-** | 1,042,637 |
| | **3,912,711,568** | **108,441,835** | **4,371,633,361** | **(119,933,305)** | **(2,661,066)** | **3,194,985** | 8,273,387,378 | **821,900,536** | **1,009,642** | **43,683,241** | **(207,386)** | **866,386,033** | **7,407,001,345** |

**2018**

| | KOS | | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2018 | Tambahan/ (Pengurangan) | Penilaian Semula | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 01.01.2018 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | **604,425,564** | - | 247,875,930 | (86,117,520) | - | - | **766,183,974** | **-** | - | - | - | **-** | 766,183,974 |
| Tanah - Pajakan | **52,671,727** | - | - | - | - | - | **52,671,727** | **4,059,670** | - | 602,027 | - | **4,661,697** | 48,010,030 |
| Bangunan Sementara | **20,611,131** | 125,492 | - | - | 279,510 | - | **21,016,133** | **20,395,777** | 64,126 | 63,524 | - | **20,523,427** | 492,706 |
| Bangunan | **916,837,738** | 600,555 | - | - | (1,111,914) | - | **916,326,379** | **213,775,635** | (186,831) | 18,343,232 | - | **231,932,036** | 684,394,343 |
| Taman | **528,894,137** | 922,361 | - | - | 9,711,237 | - | **539,527,735** | **-** | - | - | - | **-** | 539,527,735 |
| Infrastruktur | **489,568,700** | 83,130 | - | - | 12,831,901 | - | **502,483,731** | **216,333,062** | 4,878,750 | 19,717,776 | - | **240,929,588** | 261,554,143 |
| Tasik & Wetland | **758,542,899** | - | - | - | - | - | **758,542,899** | **-** | - | - | - | **-** | 758,542,899 |
| Loji & Jentera | **4,396,388** | - | - | - | - | - | **4,396,388** | **4,396,364** | - | - | - | **4,396,364** | 24 |
| Peralatan | **72,026,495** | 397,266 | - | (5,217,762) | - | - | **67,205,999** | **70,869,461** | - | 552,898 | (5,211,846) | **66,210,513** | 995,486 |
| Perabot & Kelengkapan | **67,182,674** | 13,180 | - | (430,295) | - | - | **66,765,559** | **62,232,605** | - | 1,573,440 | (395,541) | **63,410,504** | 3,355,055 |
| Kenderaan | **71,335,219** | 2,132,881 | - | (20,252,230) | - | - | **53,215,870** | **67,101,015** | 59,121 | 1,939,818 | (20,188,985) | **48,910,969** | 4,304,901 |
| Buku | **1,006,262** | - | - | - | - | - | **1,006,262** | **835,176** | - | 56,380 | - | **891,556** | 114,706 |
| Komputer | **142,241,022** | (6,693) | - | (2,871,572) | 1,057,693 | - | **140,420,450** | **141,901,744** | - | 227,781 | (2,871,393) | **139,258,132** | 1,162,318 |
| Aset Hidupan | **1,996,811** | - | - | - | - | - | **1,996,811** | **-** | 642,632 | 133,121 | - | **775,753** | 1,221,058 |
| Aset Dalam Binaan | **14,762,598** | 9,773,861 | - | - | (22,791,727) | 19,206,922 | **20,951,654** | **-** | - | - | - | **-** | 20,951,654 |
| | **3,746,499,365** | **14,042,033** | **247,875,930** | **(114,889,379)** | **(23,300)** | **19,206,922** | 3,912,711,571 | **801,900,509** | **5,457,798** | **43,209,997** | **(28,667,765)** | **821,900,539** | **3,090,811,032** |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

Di dalam tahun kewangan 2019, Perbadanan telah membuat penilaian semula bagi Tanah dan Tanah Pajakan pada Hartanah, Loji dan Peralatan pada nilai saksama. Nilai saksama ditentukan berdasarkan pendekatan kos yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Pentaksir dengan kelayakan professional yang diiktiraf.

Dalam membuat anggaran nilai saksama Hartanah, Loji dan Peralatan, Kaedah Perbandingan telah digunakan. Kaedah ini melibatkan kajian ke atas transaksi terkini dengan melakukan semakan harga untuk harta serupa di dalam dan di sekitarnya serta membuat pelarasan ke atas sebarang faktor yang boleh menjejaskan nilai; seperti lokasi, pengezonan, perancangan, kelulusan, kebolehcapaian, situasi pasaran, bentuk dan permukaan tanah, tempoh pegangan dan sekatan jika, status kependudukan, kawasan binaan, pembinaan bangunan, kemasan dan perkhidmatan, usia dan sifat-sifat lain yang berkaitan.

*5 HARTANAH PELABURAN*

**KUMPULAN**

**2019**

| | KOS | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2019 | Tambahan/ (Pengurangan) | Penilaian Semula | Pindahan dari KDK KWM | Pada 31.12.2019 | Pada 01.01.2019 | Tambahan | Pada 31.12.2019 | Pada 31.12.2019 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 30,559,431 | 1,250 | 380,793,319 | - | 411,354,000 | - | - | - | 411,354,000 |
| Bangunan | 574,496,049 | 229,306 | - | (2,062) | 574,723,293 | 117,517,658 | 11,458,371 | 128,976,029 | 445,747,264 |
| | 605,055,480 | 230,556 | 380,793,319 | (2,062) | 986,077,293 | 117,517,658 | 11,458,371 | 128,976,029 | 857,101,264 |

**2018**

| | KOS | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2018 | Tambahan/ (Pengurangan) | Penilaian Semula | Pindahan dari KDK KWM | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 01.01.2018 | Tambahan | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 30,559,431 | - | - | - | 30,559,431 | - | - | - | 30,559,431 |
| Bangunan | 574,496,049 | - | - | - | 574,496,049 | 106,027,737 | 11,489,921 | 117,517,658 | 456,978,391 |
| | 605,055,480 | - | - | - | 605,055,480 | 106,027,737 | 11,489,921 | 117,517,658 | 487,537,822 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

*HARTANAH PELABURAN*

**PERBADANAN PUTRAJAYA**

**2019**

| | KOS | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2019 | Tambahan/ (Pengurangan) | Penilaian Semula | Pindahan dari KDK KWM | Pada 31.12.2019 | Pada 01.01.2019 | Tambahan | Pada 31.12.2019 | Pada 31.12.2019 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 30,559,431 | 1,250 | 380,793,319 | - | 411,354,000 | - | - | - | 411,354,000 |
| Bangunan | 574,496,049 | 229,306 | - | (2,062) | 574,723,293 | 117,517,658 | 11,458,371 | 128,976,029 | 445,747,264 |
| | **605,055,480** | **230,556** | **380,793,319** | **(2,062)** | **986,077,293** | **117,517,658** | **11,458,371** | **128,976,029** | **857,101,264** |

**2018**

| | KOS | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2018 | Tambahan/ (Pengurangan) | Penilaian Semula | Pindahan dari KDK KWM | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 01.01.2018 | Tambahan | Pada 30.09.2018 (Dinyatakan Semula ) | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 30,559,431 | - | - | - | 30,559,431 | - | - | - | 30,559,431 |
| Bangunan | 574,496,049 | - | - | - | 574,496,049 | 106,027,737 | 11,489,921 | 117,517,658 | 456,978,391 |
| | **605,055,480** | - | - | - | **605,055,480** | **106,027,737** | **11,489,921** | **117,517,658** | **487,537,822** |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 5. HARTANAH PELABURAN (SAMBUNGAN)

Di dalam tahun kewangan 2019, Perbadanan telah membuat penilaian semula bagi Tanah pada Hartanah Pelaburan pada nilai saksama. Nilai saksama ditentukan berdasarkan pendekatan kos yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Pentaksir dengan kelayakan professional yang diiktiraf.

Dalam membuat anggaran nilai saksama Hartanah Pelaburan, Kaedah Perbandingan telah digunakan. Kaedah ini melibatkan kajian ke atas transaksi terkini dengan melakukan semakan harga untuk harta serupa di dalam dan di sekitarnya serta membuat pelarasan ke atas sebarang faktor yang boleh menjejaskan nilai; seperti lokasi, pengezonan, perancangan, kelulusan, kebolehcapaian, situasi pasaran, bentuk dan permukaan tanah, tempoh pegangan dan sekatan jika, status kependudukan, kawasan binaan, pembinaan bangunan, kemasan dan perkhidmatan, usia dan sifat-sifat lain yang berkaitan.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

*6 ASET TIDAK KETARA*

**KUMPULAN**

**2019**

| | KOS | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2019 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pada 31.12.2019 | Pada 01.01.2019 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pada 31.12.2019 | Pada 31.12.2019 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Perisian | 140,168,807 | - | 140,168,807 | 139,805,285 | - | 197,411 | 140,002,696 | 166,111 |
| | 140,168,807 | - | 140,168,807 | 139,805,285 | - | 197,411 | 140,002,696 | 166,111 |

**2018**

| | KOS | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2018 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 01.01.2018 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Perisian | 139,961,848 | 206,959 | 140,168,807 | 138,028,046 | 273,683 | 1,503,556 | 139,805,285 | 363,522 |
| | 139,961,848 | 206,959 | 140,168,807 | 138,028,046 | 273,683 | 1,503,556 | 139,805,285 | 363,522 |

*6 ASET TIDAK KETARA*

**PERBADANAN PUTRAJAYA**

**2019**

| | KOS | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2019 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pada 31.12.2019 | Pada 01.01.2019 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pada 31.12.2019 | Pada 31.12.2019 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Perisian | 140,168,807 | - | 140,168,807 | 139,805,285 | - | 197,411 | 140,002,696 | 166,111 |
| | 140,168,807 | - | 140,168,807 | 139,805,285 | - | 197,411 | 140,002,696 | 166,111 |

**2018**

| | KOS | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2018 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 01.01.2018 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) | Pada 31.12.2018 (Dinyatakan Semula) |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Perisian | 139,961,848 | 206,959 | 140,168,807 | 138,028,046 | 273,683 | 1,503,556 | 139,805,285 | 363,522 |
| | 139,961,848 | 206,959 | 140,168,807 | 138,028,046 | 273,683 | 1,503,556 | 139,805,285 | 363,522 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 7. PELABURAN DI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

| | PERBADANAN | |
|---|---|---|
| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
| Saham Yang Tidak Tersiar Harga Pada Kos | 13,760,000 | 13,760,000 |
| Saham Yang Dipindahkan | (7,040,001) | (7,040,001) |
| Peruntukan Rosotnilai Saham | (6,520,000) | (5,000,000) |
| | 199,999 | 1,719,999 |

Butir-butir Syarikat Subsidiari adalah seperti berikut:-

| Nama | Tempat Diperbadankan | Kegiatan Utama | Kepentingan Ekuiti |
|---|---|---|---|
| Putrajaya Leisures & Services Sdn. Bhd. (PULSE Group) | Malaysia | Bertindak sebagai syarikat induk bagi menguruskan syarikat – syarikat sub-subsidiari Perbadanan Putrajaya | 100% |

Butir-butir Syarikat Sub-Subsidiari adalah seperti berikut:-

| Nama | Tempat Diperbadankan | Kegiatan Utama | Kepentingan Langsung Perbadanan | Kepentingan Langsung PULSE Group | Pegangan Efektif Perbadanan |
|---|---|---|---|---|---|
| Marina Putrajaya Sdn. Bhd. | Malaysia | Mengurus Pusat Maritim, Cruise Tasik Putrajaya, Pusat Rekreasi Air Taman Wetland dan Kompleks Sukan Air Putrajaya | 20% | 80% | 100% |
| Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn. Bhd. | Malaysia | Mengurus dan mentadbir Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) | 20% | 80% | 100% |
| Putrajaya Floria Sdn. Bhd. | Malaysia | Mengurus penganjuran Festival Floria Diraja, Taman Warisan Putrajaya, produk hortikultur dan Anjung Floria Event Centre | 20% | 80% | 100% |
| MyExpo City Sdn. Bhd. | Malaysia | Mengurus Pembangunan Hartanah | - | 100% | 100% |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**7. PELABURAN DI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (Sambungan)**

Tahun kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari ialah 12 bulan kalendar bermula daripada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember.

Kos pelaburan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari adalah sebanyak RM1/sesaham.

**Syarikat subsidiari dan sub-subsidiari tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.*

**8. PELABURAN DI DALAM SYARIKAT BERSEKUTU**

| | PERBADANAN | |
|---|---|---|
| | 2019 | 2018 |
| | RM | RM |
| Saham Yang Tidak Tersiar Harga Pada Kos | 60,000 | 60,000 |
| | 60,000 | 60,000 |

Butir-butir Syarikat Bersekutu adalah seperti berikut:-

| Nama | Tempat Diperbadankan | Kegiatan Utama | Pegangan Ekuiti PPj |
|---|---|---|---|
| Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn. Bhd. | Malaysia | Menyedia perkhidmatan bas di dalam dan luar Putrajaya, mengurus tempat letak kereta dan aktiviti pelancongan | 20% |

**9. MUHIBAH**

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2019 | 2018 |
| | RM | RM |
| Pada 1 Januari | 4,963,443 | 7,088,404 |
| Tolak : Perbelanjaan Pelunasan | (708,320) | (2,124,961) |
| **Pada 31 Disember** | 4,255,123 | 4,963,443 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 10. PEMBIAYAAN KENDERAAN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Penghutang Semasa | 385,263 | 429,245 | 385,263 | 429,245 |
| Penghutang Jangka Panjang | 1,179,756 | 1,238,299 | 1,179,756 | 1,238,299 |
| | 1,565,019 | 1,667,544 | 1,565,019 | 1,667,544 |

Penghutang semasa adalah merupakan ansuran bayaran balik pokok dalam tempoh 12 bulan ke hadapan yang akan dikutip daripada pinjaman yang telah dikeluarkan. Sementara penghutang jangka panjang adalah baki ansuran bayaran balik pokok bagi tempoh selepas 12 bulan.

## 11. PEMBIAYAAN KOMPUTER

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Penghutang Semasa | 92,229 | 149,576 | 92,229 | 149,576 |
| Penghutang Jangka Panjang | 86,284 | 127,528 | 86,284 | 127,528 |
| | 178,513 | 277,104 | 178,513 | 277,104 |

Penghutang semasa adalah merupakan ansuran bayaran balik pokok dalam tempoh 12 bulan ke hadapan yang akan dikutip daripada pinjaman yang telah dikeluarkan. Sementara penghutang jangka panjang adalah baki ansuran bayaran balik pokok bagi tempoh selepas 12 bulan.

## 12. CUKAI TERTUNDA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Cukai Tertunda - Aset | (4,047) | (4,047) | - | - |
| Cukai Tertunda - Liabiliti | - | 10,612 | - | - |
| | (4,047) | 6,565 | - | - |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 12. CUKAI TERTUNDA (Sambungan)

Butiran cukai tertunda adalah seperti berikut:-

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Pada 1 Januari | 6,565 | 27,413 | - | - |
| Pindahan ke Penyata Pendapatan | (10,612) | (10,876) | - | - |
| Penghapusan Pelupusan Syarikat Subsidiari | - | (9,972) | - | - |
| Pada 31 Disember (Nota 54) | (4,047) | 6,565 | - | - |

Cukai tertunda disediakan bagi semua perbezaan masa kerana perbezaan masa ini akan berbalik pada masa hadapan yang boleh diramal.

## 13. STOK

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Pada Kos : | | | | |
| Alat Ganti Lampu Jalan | 324,486 | 324,486 | 324,486 | 324,486 |
| Cenderamata | 117,960 | 144,350 | 117,960 | 144,350 |
| Bekalan Alatulis | 172,397 | 116,804 | 172,397 | 84,450 |
| Alat Ganti Lampu Pejabat | 7,919 | 7,919 | 7,919 | 7,919 |
| Bekalan Komputer | 28,401 | 49,655 | 28,401 | 49,655 |
| Lain-Lain Bekalan Dan Alatan | 2,484,296 | 2,063,884 | 8,983 | 15,931 |
| | 3,135,459 | 2,707,098 | 660,146 | 626,791 |

## 14. PENGHUTANG

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Penghutang Cukai Taksiran | 6,789,895 | 9,001,151 | 6,789,895 | 9,001,151 |
| Penghutang Sumbangan Membantu Kadar | - | 5,074 | - | 5,074 |
| | 6,789,895 | 9,006,225 | 6,789,895 | 9,006,225 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 14. PENGHUTANG (Sambungan)

Penghutang terdiri daripada item atau jumlah tunggakan Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar daripada Kerajaan Persekutuan.

## 15. PELBAGAI PENGHUTANG

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Penghutang Kendalian | 71,293,108 | 122,652,533 | 77,075,619 | 124,462,158 |
| Peruntukan Hutang Ragu | (4,520,592) | (1,053,293) | (2,945,935) | (221,218) |
| Penghutang Pembangunan Semasa | 1,549,704 | 1,700,092 | 1,549,704 | 1,700,092 |
| Faedah/Keuntungan Simpanan Tetap Terakru | 5,459,519 | 3,622,074 | 5,459,519 | 3,622,074 |
| | 73,781,739 | 126,921,406 | 81,138,907 | 129,563,106 |

Penghutang Kendalian adalah termasuk penghutang Anak Syarikat berjumlah RM19,571,953 (2018:RM16,347,891). Tempoh kredit yang diberikan kepada pelbagai penghutang adalah antara 30 hari hingga 60 hari.

## 16. BAYARAN TERDAHULU

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Perkhidmatan Perubatan | 50,000 | 50,000 | 50,000 | 50,000 |
| Pendahuluan Bagi Bekalan Pengoperasi Taman | 142,950 | 142,950 | 142,950 | 142,950 |
| Pendahuluan Bagi Aktiviti | 1,345,165 | 1,690,923 | 1,500 | 1,500 |
| Pendahuluan Kerja | 28,250 | 28,250 | 28,250 | 28,250 |
| Deposit Utiliti | 95,545 | 95,545 | 95,545 | 95,545 |
| | 1,661,910 | 2,007,668 | 318,245 | 318,245 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 17. SIMPANAN TETAP

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Simpanan Tetap | 500,001,000 | 440,451,867 | 500,000,000 | 440,000,000 |

Semua simpanan tetap adalah bagi jangkamasa pendek dengan bank dan syarikat kewangan berlesen dalam simpanan tetap Al Mudharabah.

## 18. BAKI BANK DAN TUNAI DI TANGAN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Baki Bank Kumpulan Wang Kendalian | 28,751,547 | 21,755,516 | 18,750,378 | 15,077,273 |
| Baki Bank Kumpulan Wang Pembangunan | 2,131,081 | 3,558,562 | 2,131,081 | 3,558,562 |
| Tunai Di Tangan | 22,499 | 10,378 | 22,499 | 10,378 |
| | 30,905,127 | 25,324,456 | 20,903,958 | 18,646,213 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 19. TABUNG PENGURUSAN TADIKA MAIWP

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Baki pada 1 Januari | 1,092,013 | 474,045 | 1,092,013 | 474,045 |
| **Pendapatan :** | | | | |
| Kutipan Yuran Pelajar | 867,870 | 867,750 | 867,870 | 867,750 |
| Sumbangan Kerja-Kerja Rekabentuk Dalaman Tadika | - | 343,750 | - | 343,750 |
| | 1,959,883 | 1,211,500 | 1,959,883 | 1,211,500 |
| **Perbelanjaan :** | | | | |
| Bil Utiliti | 62,138 | 69,703 | 62,138 | 69,703 |
| Kursus dan Latihan | 17,950 | 20,850 | 17,950 | 20,850 |
| Elaun Lebih Masa | 211,567 | 119,562 | 211,567 | 119,562 |
| Makanan dan Minuman | 151,137 | 78,579 | 151,137 | 78,579 |
| Kawalan Keselamatan | 158,288 | 100,299 | 158,288 | 100,299 |
| Penyelenggaraan Tadika | 258,724 | 150,659 | 258,724 | 150,659 |
| Lain-Lain Perbelanjaan | 109,885 | 53,880 | 109,885 | 53,880 |
| | 969,689 | 593,532 | 969,689 | 593,532 |
| Baki pada 31 Disember | 990,194 | 1,092,013 | 990,194 | 1,092,013 |

MAIWP dan PPj telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MOU) yang bertarikh 20 Oktober 2016 bagi tujuan kerjasama dalam bidang perkhidmatan pendidikan Tadika di Presint 18 yang dikenali sebagai Tadika Islam MAIWP.

## 20. TABUNG PENDIDIKAN PERBADANAN PUTRAJAYA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Pada 1 Januari | 2,134,353 | 2,134,353 | 2,134,353 | 2,134,353 |
| Tolak : Perbelanjaan Tabung Pendidikan | (900) | - | (900) | - |
| Pada 31 Disember | 2,133,453 | 2,134,353 | 2,133,453 | 2,134,353 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 20. TABUNG PENDIDIKAN PERBADANAN PUTRAJAYA (Sambungan)

Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 4 Tahun 2008 dengan dibiayai oleh sumber dalaman Perbadanan. Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 2 Tahun 2009 telah meluluskan tambahan kepada Tabung Pendidikan berjumlah RM2,000,000 dengan menggunakan sumber dalaman.

## 21. TABUNG AMANAH LANDSKAP (TAL)

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Baki pada 1 Januari | 516,948 | - | 516,948 | - |
| **Pendapatan :** | | | | |
| Dana Pelancaran | - | 500,000 | - | 500,000 |
| Sewa Tapak | 169,645 | 232,193 | 169,645 | 232,193 |
| Kutipan Pengurusan/Hasil Aktiviti | 275,281 | 302,417 | 275,281 | 302,417 |
| Jualan | 5,854 | 2,428 | 5,854 | 2,428 |
| Pelbagai Pendapatan | 13,010 | 49,486 | 13,010 | 49,486 |
| Komisyen Jualan | 35,087 | - | 35,087 | - |
| | 498,877 | 1,086,524 | 498,877 | 1,086,524 |
| **Perbelanjaan :** | | | | |
| Bekalan Pejabat & Alat Tulis | - | 44,072 | - | 44,072 |
| Penyelenggaraan Kenderaan | - | 208,068 | - | 208,068 |
| Penganjuran Program | 18,810 | 317,436 | 18,810 | 317,436 |
| Aset Tidak Dimodalkan (Basikal) | 128,800 | - | 128,800 | - |
| Latihan Ikhtisas | 29,210 | - | 29,210 | - |
| | 176,820 | 569,576 | 176,820 | 569,576 |
| Baki pada 31 Disember | 839,005 | 516,948 | 839,005 | 516,948 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 21. TABUNG AMANAH LANDSKAP (TAL) (Sambungan)

Tabung Amanah Landskap (TAL) telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya Bil.3 Tahun 2017. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) PPj Bil.4 Tahun 2017 telah meluluskan penyaluran dana permulaan Tabung Amanah Landskap berjumlah RM 500,000 dengan menggunakan sumber dalaman.

## 22. TABUNG AMANAH PENDIDIKAN PUTRAJAYA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Baki pada 1 Januari | 2,000,000 | - | 2,000,000 | - |
| **Pendapatan :** | | | | |
| Dana Pelancaran | - | 2,000,000 | - | 2,000,000 |
| Baki pada 31 Disember | 2,000,000 | 2,000,000 | 2,000,000 | 2,000,000 |

Tabung Amanah Pendidikan (TAPP) telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Pengurusan Perbadanan Putrajaya Bil.7 Tahun 2017. Jabatan Kewangan telah meluluskan penyaluran dana permulaan Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya berjumlah RM 2,000,000 dengan menggunakan sumber dalaman.

## 23. TABUNG *IMPROVEMENT SERVICES FUND* (ISF)

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Pada 1 Januari | 7,697,850 | 6,665,368 | 7,697,850 | 6,665,368 |
| **Tambah:** | | | | |
| Terimaan sumbangan tahun semasa | 1,287,752 | 1,032,482 | 1,287,752 | 1,032,482 |
| | 8,985,602 | 7,697,850 | 8,985,602 | 7,697,850 |
| **Tolak:** | | | | |
| Perbelanjaan tahun semasa | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember | 8,985,602 | 7,697,850 | 8,985,602 | 7,697,850 |

Tabung *Improvement Service Fund* (ISF) telah diluluskan oleh Mesyuarat Anggota PPj Bil. 3 Tahun 2016 yang dilaksanakan bagi menanggung kos penyelenggaraan infrastruktur khususnya kos pembaikan jalan, parit, pencemaran alam sekitar, penyenggaraan tasik, wetland dan kolam takungan yang tinggi di Putrajaya.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 24. KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KENDERAAN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Baki Pinjaman Dikeluarkan | 1,565,019 | 1,667,544 | 1,565,019 | 1,667,544 |
| Baki Kumpulan Wang | 2,434,981 | 2,332,456 | 2,434,981 | 2,332,456 |
| Siling Kumpulan Wang | 4,000,000 | 4,000,000 | 4,000,000 | 4,000,000 |

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan telah diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 6 Tahun 1997 dengan siling sebanyak RM4,000,000. Kemudahan ini diberikan kepada kakitangan yang layak atas kadar 4% berdasarkan baki berkurangan.

## 25. KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KOMPUTER

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Baki Pinjaman Diluluskan | 178,513 | 277,104 | 178,513 | 277,104 |
| Baki Kumpulan Wang | 821,487 | 722,896 | 821,487 | 722,896 |
| Siling Kumpulan Wang | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 |

Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer telah diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 8 Tahun 1997 dengan siling sebanyak RM1,000,000. Kemudahan ini diberikan kepada kakitangan yang layak atas kadar 4% berdasarkan baki berkurangan.

## 26. RIZAB PENILAIAN SEMULA HARTANAH

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Pada 1 Januari | 819,510,590 | 657,751,765 | 819,510,590 | 657,751,765 |
| **Tambah :** Penilaian Semula Tahun Semasa | 4,371,633,361 | 247,875,930 | 4,371,633,361 | 247,875,930 |
| **Tolak :** Pelarasan Tahun Semasa | (116,576,359) | (86,117,105) | (116,576,359) | (86,117,105) |
| Pada 31 Disember | 5,074,567,592 | 819,510,590 | 5,074,567,592 | 819,510,590 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 26. RIZAB PENILAIAN SEMULA HARTANAH (Sambungan)

Rizab penilaian semula hartanah timbul daripada penilaian semula hartanah milikan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan.

## 27. LEBIHAN TERKUMPUL

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM DINYATAKAN SEMULA | 2019 RM | 2018 RM |
| Pada 1 Januari | 282,952,883 | 254,331,351 | 296,162,306 | 274,116,246 |
| Lebihan Bagi Tahun Semasa | 512,962,704 | 19,814,082 | 514,837,657 | 21,573,548 |
| Pelarasan Tahun Sebelum | 208,263 | 9,012,511 | (1,311,738) | 472,512 |
| Baki Pada 31 Disember *Seperti Yang Dilaporkan Sebelum Ini* | 796,123,850 | 283,157,944 | 809,688,225 | 296,162,306 |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | - | (205,061) | - | - |
| Baki Pada 31 Disember *Seperti Yang Dinyatakan Semula* | 796,123,850 | 282,952,883 | 809,688,225 | 296,162,306 |

## 28. SEWA BELI

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Matang Dalam Setahun | 53,960 | 64,014 | - | - |
| Matang Selepas Setahun Dan Sebelum Lima Tahun | 39,388 | 78,985 | - | - |
| | 93,348 | 142,999 | - | - |

Pemiutang sewa beli merupakan kontrak sewa beli bagi perolehan kenderaan oleh Syarikat Subsidiari dan dikenakan kadar faedah seperti berikut :

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Putrajaya Leisures & Services Sdn. Bhd. (PULSE Group) | 3.867% | 3.867% |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 29. MANFAAT PEKERJA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Pada 1 Januari | 5,643,875 | 2,344,026 | 5,643,875 | 2,344,026 |
| Peruntukan Yang Dibuat Dalam Tahun Semasa | 1,945,238 | 3,684,620 | 1,945,238 | 3,684,620 |
| Bayaran Dibuat Dalam Tahun Semasa | (893,494) | (384,771) | (893,494) | (384,771) |
| Pada 31 Disember | 6,695,619 | 5,643,875 | 6,695,619 | 5,643,875 |

Struktur Kematangan Manfaat Pekerja adalah seperti berikut:-

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Jangka Pendek (Matang Dalam Tempoh Setahun) | 583,847 | 614,166 | 583,847 | 614,166 |
| Jangka Panjang | 6,111,772 | 5,029,709 | 6,111,772 | 5,029,709 |
| Baki Bawa Hadapan | 6,695,619 | 5,643,875 | 6,695,619 | 5,643,875 |

## 30. GERAN TERTUNDA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Pada 1 Januari | 2,555,646,214 | 2,591,829,874 | 2,555,646,214 | 2,591,829,874 |
| **Nilai Aset Yang Diterima** | | | | |
| Kerja Dalam Kemajuan | 3,194,985 | 18,844,342 | 3,194,985 | 18,844,342 |
| **Tolak: Pindahan** | | | | |
| Geran Hasil | (52,102,527) | (49,998,278) | (52,102,527) | (49,998,278) |
| | 2,506,738,672 | 2,560,675,938 | 2,506,738,672 | 2,560,675,938 |
| **Tolak:** Pelarasan Tahun-tahun Sebelum | (1,009,644) | (5,029,724) | (1,009,644) | (5,029,724) |
| Pada 31 Disember | 2,505,729,028 | 2,555,646,214 | 2,505,729,028 | 2,555,646,214 |

Pindahan ke Geran Hasil adalah bersamaan dengan amaun susutnilai dan terimaan aset bukan modal dalam tahun yang diperolehi daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan amaun pelupusan/hapuskira aset.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 31. GERAN KHAS

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2019 | 2018 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari | 84,829,258 | 31,586,263 | 84,829,258 | 31,586,263 |
| Geran yang diterima | 17,600,000 | 60,699,000 | 17,600,000 | 60,699,000 |
| | 102,429,258 | 92,285,263 | 102,429,258 | 92,285,263 |
| **Tolak :** | | | | |
| Geran yang telah dibelanjakan | (11,710,365) | (7,456,005) | (11,710,365) | (7,456,005) |
| Pada 31 Disember | 90,718,893 | 84,829,258 | 90,718,893 | 84,829,258 |

Geran Khas merupakan geran yang diterima bagi perlaksanaan sesuatu projek khas.

## 32. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2019 | 2018 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari | 127,715,297 | 155,316,159 | 127,715,297 | 155,316,159 |
| Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan | 16,875,000 | 11,441,250 | 16,875,000 | 11,441,250 |
| **Tolak : Perbelanjaan** | | | | |
| Projek-Projek Dalam Kemajuan | (45,859,602) | (39,042,112) | (45,859,602) | (39,042,112) |
| Pada 31 Disember | 98,730,695 | 127,715,297 | 98,730,695 | 127,715,297 |

Kumpulan Wang Pembangunan merupakan sejumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan projek-projek di kawasan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Butiran perbelanjaan pembangunan projek adalah seperti berikut:

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 32. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (Sambungan)

| Butiran Perbelanjaan | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ***1. Projek-Projek Dalam Kemajuan*** | | |
| 1.1 Projek-Projek Kemudahan Awam | 34,661,367 | 27,538,473 |
| 1.2 Taman-Taman Rekreasi | 72,420 | 11,035,709 |
| 1.3 Pusat Kawalan Bandar | - | 206,959 |
| 1.4 Lain- Lain Projek | 11,125,815 | 260,971 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN KWP** | 45,859,602 | 39,042,112 |

## 33. PELBAGAI PEMIUTANG

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM DINYATAKAN SEMULA | 2019 RM | 2018 RM |
| Pemiutang Kendalian | 248,739,404 | 262,448,189 | 213,326,983 | 226,339,377 |
| Wang Tahanan | 15,930,860 | 15,977,158 | 15,930,860 | 15,977,158 |
| Pemiutang Pembangunan | 18,061,410 | 8,596,519 | 18,061,410 | 8,596,519 |
| | 282,731,674 | 287,021,866 | 247,319,253 | 250,913,054 |

Tempoh kredit bagi pelbagai pemiutang adalah di antara 30 hari hingga 90 hari (2018: 30 hari hingga 90 hari) tanpa sebarang faedah dikenakan untuk lewat pembayaran. Pemiutang kendalian turut termasuk pemiutang anak syarikat berjumlah RM3,436,671.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 34. CAGARAN DITERIMA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Cagaran Pihak Pemaju | 14,535,670 | 10,886,420 | 14,535,670 | 10,886,420 |
| Cagaran Sewa Dan Kelengkapan | 3,223,098 | 3,068,740 | 3,223,098 | 3,068,740 |
| Cagaran Tender | 32,187 | 413,525 | 32,187 | 413,525 |
| Lain-Lain Cagaran | 335,250 | 302,850 | 335,250 | 302,850 |
| | 18,126,205 | 14,671,535 | 18,126,205 | 14,671,535 |

Cagaran pihak pemaju merupakan wang cagaran yang dikutip sebagai jaminan bagi membersihkan tapak kerja setelah siapnya kerja dan sebagai jaminan bagi menyiapkan kerja infrastruktur yang masih belum dilaksanakan.

Cagaran sewa dan kelengkapan adalah cagaran bagi penyewa di atas penggunaan kelengkapan dan bayaran sewa bulanan. Ini akan dipulangkan sekiranya tiada tunggakan sewa dan kelengkapan yang digunakan dalam keadaan baik.

Cagaran tender pula adalah cagaran yang diterima daripada kontraktor yang menawarkan sesuatu tender, ianya akan dipulangkan sekiranya penawaran kontraktor adalah ditolak.

## 35. TERIMAAN TERDAHULU

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Terimaan Terdahulu Jualan Unit Komersil dan Tanah Presint Diplomatik | 358,700 | 358,700 | 358,700 | 358,700 |
| Terimaan Terdahulu Hasil | 1,824,959 | 4,517,530 | 1,745,662 | 3,881,913 |
| | 2,183,659 | 4,876,230 | 2,104,362 | 4,240,613 |

Terimaan terdahulu jualan unit komersil dan tanah Presint Diplomatik merupakan sebahagian daripada hasil jualan lot-lot komersil dan tanah Presint Diplomatik yang diterima oleh Perbadanan.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 36. TERIMAAN BAGI PIHAK AGENSI LAIN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Pemiutang Terimaan Agensi Lain | 2,015,387 | 2,397,923 | 2,015,387 | 2,397,923 |
| Pembayar Fi Model Berskala | 439,889 | 425,774 | 439,889 | 425,774 |
| | 2,455,276 | 2,823,697 | 2,455,276 | 2,823,697 |

Turut termasuk di dalam terimaan agensi lain adalah terimaan duti hiburan yang diterima bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

## 37. HASIL DARI OPERASI ANAK SYARIKAT

Hasil dari operasi Anak Syarikat merupakan hasil dari Putrajaya Leisures & Services Sdn Bhd (PULSE Group) yang merupakan syarikat subsidiari kepada Perbadanan bermula tahun kewangan 2016. Hasil dari PULSE Group diiktiraf daripada perkhidmatan yang dilaksanakan, jualan bersih selepas cukai dan diskaun jika ada.

## 38. GERAN HASIL

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Susut Nilai | 49,856,905 | 49,893,955 | 49,856,905 | 49,893,955 |
| Pelupusan/Hapuskira | 119,725,921 | 86,221,429 | 119,725,921 | 86,221,429 |
| Terimaan Aset Bukan Modal | 58,889 | - | 58,889 | - |
| Belanja Bukan Modal dari KDK | 2,186,673 | - | 2,186,673 | - |
| | 171,828,388 | 136,115,384 | 171,828,388 | 136,115,384 |

Geran Hasil merujuk kepada pelunasan geran berkaitan pembelian / perolehan aset menggunakan geran Kumpulan Wang Pembangunan.

## 39. CUKAI TAKSIRAN

Cukai taksiran dikenakan ke atas hartanah pegangan-pegangan persendirian yang berada dalam kawasan Putrajaya.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 40. SUMBANGAN BANTU KADAR

Sumbangan Bantu Kadar adalah sumbangan bagi membantu kadar-kadar berkenaan harta Persekutuan dan Negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan 156.

## 41. GERAN PENYELENGGARAAN BANDAR RAYA PUTRAJAYA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Geran Penyelenggaraan Bandaraya | 89,381,369 | 97,158,150 | 89,381,369 | 97,158,150 |
| Geran Penyelenggaraan PICC | 59,369,500 | - | 59,369,500 | - |
| Geran Penyelenggaraan Kuarters | 72,185,271 | 85,566,613 | 72,185,271 | 85,566,613 |
| | 220,936,140 | 182,724,763 | 220,936,140 | 182,724,763 |

## 42. GERAN KHAS PROJEK KECIL

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Perbandaran, Projek-Projek Kecil dan Pencahayaan | 3,285,130 | 869,110 | 3,285,130 | 869,110 |
| Pelunasan Geran Khas | 11,710,365 | 7,456,005 | 11,710,365 | 7,456,005 |
| | 14,995,495 | 8,325,115 | 14,995,495 | 8,325,115 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 43. KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP/SEMASA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Amaun Telah Diterima | 13,694,615 | 11,092,183 | 13,694,615 | 11,092,183 |
| Amaun Diakru | 5,459,519 | 3,622,074 | 5,459,519 | 3,622,074 |
| | 19,154,134 | 14,714,257 | 19,154,134 | 14,714,257 |

Keuntungan terakru adalah keuntungan yang diperolehi daripada simpanan tetap bagi tempoh simpanan sehingga 31 Disember 2019 tetapi bayarannya belum diterima kerana simpanan tetap belum matang pada tarikh tersebut.

Purata kadar faedah efektif bagi simpanan tetap dengan bank-bank berlesen dan institusi kewangan berlesen ialah 3.65% setahun (4.00% setahun pada tahun 2018). Purata tempoh matang simpanan tetap ialah selama 6 bulan.

## 44. KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN KENDERAAN DAN KOMPUTER

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Keuntungan Pembiayaan Kenderaan | 65,001 | 64,814 | 65,001 | 64,814 |
| Keuntungan Pembiayaan Komputer | 8,848 | 12,495 | 8,848 | 12,495 |
| | 73,849 | 77,309 | 73,849 | 77,309 |

## 45. LESEN DAN PERMIT

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Lesen | 1,818,322 | 1,349,639 | 1,818,322 | 1,349,639 |
| Permit | 921,407 | 746,325 | 921,407 | 746,325 |
| | 2,739,729 | 2,095,964 | 2,739,729 | 2,095,964 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 46. FI RANCANG DAN PROSES

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Fi Prosesan Pelan Dan Kerja Tanah | 820,423 | 1,867,297 | 820,423 | 1,867,297 |
| Fi Prosesan Kebenaran Merancang | 5,300 | 190,665 | 5,300 | 190,665 |
| | 825,723 | 2,057,962 | 825,723 | 2,057,962 |

## 47. SEWAAN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Sewaan Ruang Perniagaan/ Pejabat/Iklan | 12,166,975 | 12,993,530 | 12,166,975 | 12,993,530 |
| Sewaan Kawasan Rekreasi Padang | 1,343,284 | 1,263,408 | 1,343,284 | 1,263,408 |
| Sewaan Perabot Dan Peralatan/Kenderaan | 517,890 | 442,268 | 517,890 | 442,268 |
| Pelbagai Sewaan | 92,430 | 42,760 | 92,430 | 42,760 |
| | 14,120,579 | 14,741,966 | 14,120,579 | 14,741,966 |

## 48. JUALAN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Jualan Borang Tender | 853,260 | 380,756 | 853,260 | 380,756 |
| Lain-Lain Jualan | 541,449 | 24,884 | 541,449 | 24,884 |
| | 1,394,709 | 405,640 | 1,394,709 | 405,640 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 49. PENDAPATAN PERKHIDMATAN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Kutipan Pusat Rekreasi | 263,323 | 187,342 | 263,323 | 187,342 |
| Bayaran Balik Perkhidmatan | 22,987 | 285,991 | 22,987 | 285,991 |
| Lain-Lain Perkhidmatan | 40,600 | 51,565 | 40,600 | 51,565 |
| | 326,910 | 524,898 | 326,910 | 524,898 |

## 50. KOMPAUN DAN DENDA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Denda Kawalan Bangunan | 647,231 | 774,410 | 647,231 | 774,410 |
| Kompaun Pembinaan | 50,360 | 54,800 | 50,360 | 54,800 |
| Pelbagai Kompaun Dan Denda | 1,026,679 | 952,366 | 1,026,679 | 952,366 |
| | 1,724,270 | 1,781,576 | 1,724,270 | 1,781,576 |

## 51. SUMBANGAN KEPADA PERBADANAN PUTRAJAYA

Sumbangan kepada Perbadanan Putrajaya merupakan sumbangan daripada jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat swasta bagi aktiviti/program yang dilaksanakan oleh Perbadanan.

## 52. PENYELENGGARAAN BANDAR RAYA PUTRAJAYA

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Penyelenggaraan Bandaraya | 192,905,425 | 213,084,109 | 197,905,425 | 221,298,730 |
| Penyelenggaraan PICC | 57,203,562 | 54,274,593 | 57,203,562 | 54,274,593 |
| Penyelenggaraan Kuarters | 58,214,342 | 66,597,982 | 58,214,342 | 66,597,982 |
| Penyelenggaraan Bangunan Anak Syarikat | 4,244,806 | 3,439,400 | 4,244,806 | 3,439,400 |
| | 312,568,135 | 337,396,084 | 317,568,135 | 345,610,705 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 53. ASET TIDAK DIMODALKAN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Alat Pejabat | 202,314 | 258,001 | 202,314 | 258,001 |
| Perabot Dan Kelengkapan | 271,676 | 120,581 | 271,676 | 120,581 |
| Peralatan Komputer | 49,949 | 80,919 | 49,949 | 80,919 |
| Buku Dan Lain-Lain Perolehan | 16,247 | 5,700 | 16,247 | 5,700 |
| | 540,186 | 465,201 | 540,186 | 465,201 |

Aset tidak dimodalkan adalah merupakan aset-aset yang diperolehi dalam tahun tetapi tidak dimodalkan kerana harga perolehannya adalah kurang daripada RM5,000 seunit.

## 54. CUKAI

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Cukai Semasa | 287,637 | 61,766 | - | - |
| Cukai Tertunda (Nota 12) | (4,047) | 6,565 | - | - |
| | 283,590 | 68,331 | - | - |

## 55. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Tunai Di Tangan | 22,499 | 10,378 | 22,499 | 10,378 |
| Baki Bank Kumpulan wang Kendalian | 28,751,547 | 21,755,516 | 18,750,378 | 15,077,273 |
| Baki Bank Kumpulan wang Pembangunan | 2,131,081 | 3,558,562 | 2,131,081 | 3,558,562 |
| Simpanan Tetap | 500,001,000 | 440,451,867 | 500,000,000 | 440,000,000 |
| Bank Overdraf | (1,591,704) | (2,850,786) | - | - |
| | 529,314,423 | 462,925,537 | 520,903,958 | 458,646,213 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 56. KOMITMEN MODAL

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2019 | 2018 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Diluluskan Dan Telah Dikontrakkan | 147,473,779 | 167,054,455 | 147,473,779 | 167,054,455 |
| Diluluskan Dan Belum Dikontrakkan | 147,051,882 | 131,580,109 | 147,051,882 | 131,580,109 |
| | 294,525,661 | 298,634,564 | 294,525,661 | 298,634,564 |

## 57. LIABILITI LUAR JANGKA

Anggota Perbadanan peka terhadap beberapa kes mahkamah di mana tuntutan-tuntutan telah dibuat oleh beberapa plaintif terhadap Perbadanan dan Kumpulan. Berdasarkan maklumbalas daripada peguam-peguam Perbadanan dan Kumpulan, sehingga 31 Disember 2019, terdapat kes tuntutan di antara Perbadanan Putrajaya dengan pemaju seperti berikut:-

**i. Ahmad Zaki Sdn Bhd – RM9.9juta**

Tuntutan kerugian yang disebabkan oleh kenaikan kos pembinaan semasa kerja-kerja pembangunan sebuah Masjid, Kiblat Walk dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya di Presint 3, Putrajaya.

**ii. Nafas Abadi Sdn Bhd – RM11,622,611**

Masih di dalam proses timbangtara *(Arbitration)* bagi tuntutan pembayaran secara imbuh balik *(Reimburse)* melalui Putrajaya Holdings Berhad bagi kerja-kerja pembangunan Promenade, Presint 1 Putrajaya.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 58. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Badan induk utama ialah Perbadanan Putrajaya (Perbadanan) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Putrajaya 1995 (Akta 536), berkuat kuasa mulai 1 Mac 1996. Objektif utama Perbadanan ini ialah untuk mentadbir dan mengurus kawasan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

### 58.1 Pihak dan hubungan yang berkaitan

Pihak dan hubungan yang berkaitan dengan Perbadanan adalah seperti berikut:

| Pihak berkaitan | Hubungan |
|---|---|
| Perbadanan Putrajaya | Badan Induk |
| Putrajaya Leisures & Services Sdn. Bhd. (PULSE Group) | Syarikat Subsidiari |
| Marina Putrajaya Sdn. Bhd. | Syarikat Sub-subsidiari |
| Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn. Bhd | Syarikat Sub-subsidiari |
| Putrajaya Floria Sdn. Bhd. | Syarikat Sub-subsidiari |
| My Expo City Sdn. Bhd. | Syarikat Sub-subsidiari |
| Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn. Bhd. | Syarikat Bersekutu |

### 58.2 Transaksi dengan pihak berkaitan

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| **Pendapatan daripada Anak Syarikat** | | |
| Sewaan | 1,568,933 | 2,181,600 |
| Pendapatan Lain | 3,009,297 | 851,414 |
| | 4,578,230 | 3,033,014 |
| **Perbelanjaan kepada Anak Syarikat** | | |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 5,162,286 | 18,559,631 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 1,889,268 | 3,454,407 |
| | 7,051,554 | 22,014,038 |

### 58.3 Ganjaran Kakitangan Pengurusan Utama

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| Anggota Perbadanan dan Anak Syarikat | 308,737 | 173,144 | 291,237 | 162,144 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 59. INSTRUMEN KEWANGAN

| | KUMPULAN | | PERBADANAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 RM | 2018 RM | 2019 RM | 2018 RM |
| **Aset Kewangan** | | | | |
| Penghutang dan Pelbagai Penghutang | **80,571,634** | **135,927,631** | **87,928,802** | **138,569,331** |
| Bayaran Terdahulu | **1,661,910** | **2,007,668** | **318,245** | **318,245** |
| Pembiayaan Kenderaan & Komputer | **1,743,532** | **1,944,648** | **1,743,532** | **1,944,648** |
| Tunai & Kesetaraan Tunai | **530,906,127** | **465,776,323** | **520,903,958** | **458,646,213** |
| **Liabiliti Kewangan** | | | | |
| Pelbagai Pemiutang | **273,257,346** | **286,816,805** | **237,844,925** | **250,913,054** |
| Cagaran Diterima & Terimaan Terdahulu | **20,309,864** | **19,547,765** | **20,230,567** | **18,912,148** |
| Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain | **2,455,276** | **2,823,697** | **2,455,276** | **2,823,697** |
| Bank Overdraf | **1,591,704** | **2,850,786** | **-** | **-** |

## 60. PENGKELASAN SEMULA ANGKA PERBANDINGAN

Sepanjang tahun kewangan, Perbadanan telah mengubah pengkelasan beberapa item dalam penyata kewangannya, dengan itu, Perbadanan telah mengkelaskan semula angka perbandingan berikut untuk mematuhi pembentangan tahun kewangan semasa:

| **KUMPULAN** | **Seperti Dinyatakan Sebelum ini 2018 RM** | **Seperti Dinyatakan Semula 2018 RM** |
|---|---|---|
| ***Penyata Kedudukan Kewangan*** | | |
| **Aset Bukan Semasa** | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 3,106,211,775 | 3,105,833,989 |
| Hartanah Pelaburan | 487,523,558 | 487,537,822 |
| Aset Tidak Ketara | - | 363,522 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

| PERBADANAN PUTRAJAYA | Seperti Dinyatakan Sebelum ini 2018 RM | Seperti Dinyatakan Semula 2018 RM |
|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 3,091,188,818 | 3,090,811,032 |
| Hartanah Pelaburan | 487,523,558 | 487,537,822 |
| Aset Tidak Ketara | - | 363,522 |

Sebahagian dari angka-angka tahun terdahulu telah dipinda oleh Anak Syarikat Subsidiari untuk disesuaikan dengan persembahan tahun ini. Pindaan telah dibuat ke atas angka-angka bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 seperti berikut:

| KUMPULAN | 2018 RM Dinyatakan Semula | 2018 RM Pelarasan | 2018 RM Dinyatakan Sebelumnya |
|---|---|---|---|
| *Penyata Kedudukan Kewangan* | | | |
| Lebihan Terkumpul | **(12,053,657)** | (205,061) | (11,848,596) |
| Pelbagai Pemiutang | **61,744,552** | 232,261 | 61,512,291 |
| Hartanah, Loji & Peralatan | **15,050,157** | 53,967 | 14,996,190 |
| **Penyata Pendapatan** | | | |
| Hasil | **70,190,315** | (468,291) | 70,658,606 |
| Lain-lain Pendapatan | **9,799,850** | 134,279 | 9,665,571 |
| Kos Jualan | **31,931,036** | (158,404) | 32,089,440 |
| Perbelanjaan Pentadbiran dan Operasi | **48,990,088** | 29,453 | 48,960,635 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## 61. PERKARA SELEPAS TEMPOH PELAPORAN

Wabak COVID-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) secara umumnya telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi global termasuk Malaysia. Sebagai respons kepada penularan wabak ini, Kerajaan telah melaksanakan langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga 4 Mei 2020 bagi mengekang penularan wabak ini dan melindungi rakyat. Bagi mematuhi perintah yang ditetapkan ini, seluruh pejabat Kerajaan dan Swasta telah diarah untuk tutup sepanjang tempoh PKP tersebut. Langkah ini telah mengehadkan aktiviti dan operasi Perbadanan Putrajaya (PPJ) secara keseluruhannya.

Walaubagaimanapun, PPj sebagai Badan Berkanun Persekutuan yang menjalankan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Wilayah Persekutuan Putrajaya tidak terkecuali untuk terlibat secara langsung dalam pengawalan dan pematuhan) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac 2020. Antara tugas yang telah dilaksanakan oleh PPj sepanjang tempoh PKP adalah:-

i. Terlibat dalam operasi Sekatan Jalan Raya (SJR) bersama anggota polis, tentera, Anggota Pertahanan Awam dan juga RELA;

ii. Penguatkuasaan dan amaran bagi premis-premis yang dilarang beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan; dan

iii. Memastikan kerja-kerja pencucian dan pembersihan (disinfeksi) dilaksanakan mengikut spesifikasi oleh kontraktor yang dilantik terutamanya di lobi kemudahan awam dan kuarters, lif dan butang lif serta *railing*.

Prestasi Kewangan PPj bagi tahun kewangan 2020 ini secara tidak langsung turut terjejas dengan pelaksanaan PKP ini. Ini disebabkan oleh:-

i. Pengecualian sewaan di Premis perniagaan milik PPj seperti Pasar, Medan Selera, *Food Truck* kecuali premis milik PPj di Nadi@15 Presint Diplomatik dan Kompleks PPj bagi penyewa Maybank, ASNB dan Pos Laju bagi tempoh enam (6) bulan bermula Mac hingga Ogos 2020;

ii. Perolehan peralatan-peralatan bagi pembasmian dan penyahkuman (*disinfect* & sanitize), face mask, hand sanitizer dan lain-lain peralatan bagi memenuhi keperluan social distancing sepanjang PKP, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP); dan

iii. Pemberian Insentif-Insentif yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Insiatif Wilayah Cakna.



**PERBADANAN PUTRAJAYA**
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Putrajaya Malaysia.

Tel: +603 8000 8000 | Faks: +603 8881 1008

putrajaya
putrajayacorp
perbadananputrajaya
perbadananputrajaya

**www.ppj.gov.my**